



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



# Laporan Tahunan 2023

# Laporan Tahunan **2023**



Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara samada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Tinggi.

**ISSN 2811-387X**

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 3, No. 2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 W.P Putrajaya

# Isi Kandungan

## A. KANDUNGAN

Perutusan Menteri Pendidikan Tinggi

02

Maklumat Korporat

04

- Pengenalan
- Visi dan Misi
- Carta Organisasi
- Pengurusan Tertinggi

## B. PENCAPAIAN BAHAGIAN/ UNIT/ JABATAN/ AGENSI

### SEKTOR DASAR

- Bahagian Dasar dan Penyelidikan
- Bahagian Perancangan Strategik
- Bahagian Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Biasiswa

22

35

52

74

### SEKTOR PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN

- Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- Bahagian Akaun
- Bahagian Kewangan
- Bahagian Pembangunan
- Bahagian Pengurusan Maklumat
- Bahagian Khidmat Pengurusan

80

89

97

107

111

121

### UNIT-UNIT

- Unit Undang-Undang
- Unit Audit Dalam
- Unit Komunikasi Korporat
- Unit Integriti
- Unit Pengurusan Prestasi dan Penyampaian Pendidikan Tinggi

131

136

147

157

166

### JABATAN/ AGENSI

- Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)
- Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)
- Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
- Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
- Education Malaysia Global Services (EMGS)

170

185

199

212

223

235

## C. PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2015-2025 (PENDIDIKAN TINGGI)

246



# Perutusan Menteri

Assalamualaikum dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin serta limpah kurniaNya, maka kita dapat menerbitkan Laporan Tahunan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Tahun 2023 yang merupakan laporan pencapaian Kementerian bagi tahun 2023.

Sepanjang tahun 2023 juga, KPT telah melalui tempoh pentadbiran di bawah dua (2) pucuk kepimpinan. YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin dan YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal telah menakhodai KPT sepanjang tahun 2023 sebelum saya dan YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud mula dipertanggungjawabkan memimpin KPT mulai tanggal 12 Disember 2023. Pada hemat dan pemerhatian saya, seluruh warga KPT telah melaksanakan dengan jayanya ke atas semua agenda dan aktiviti yang telah ditetapkan sepanjang tahun 2023.

Sekalung penghargaan terima kasih saya ucapkan kepada mantan Menteri Pendidikan Tinggi dan mantan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi kerana berjaya menerajui KPT dan melaksanakan Indeks Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan bagi Kementerian untuk tahun 2023 agar selari dengan apa yang dirancang dan digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi). Penghargaan juga saya panjangkan kepada mantan Ketua Setiausaha KPT, YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Jaafar yang telah bersara pada 15 Oktober 2023 serta mantan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPT, YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri Yusoff yang telah bertukar ke Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mulai 2 Disember 2023. Terima kasih atas usaha yang sangat baik dalam menguruskan pentadbiran Kementerian sepanjang tahun 2023.

Laporan yang diberikan juga menunjukkan banyak inisiatif dan program yang dirancang telah dapat dilaksanakan dengan jayanya sehingga ia dapat disampaikan terus kepada komuniti. Semua ini hanya akan berjaya dicapai dengan sokongan dan usaha yang padu serta semangat kerja berpasukan seluruh jentera dan warga KPT bersama keseluruhan institusi dan agensi di bawahnya.

Akhir kata, marilah sama-sama kita meneruskan jejak cemerlang ini di tahun-tahun akan datang dan sama-sama kita menggapai lebih banyak kejayaan untuk KPT. Semoga segala usaha kita memberi manfaat kepada ramai pihak, masyarakat dan negara. Sama-sama kita meneruskan agenda mencemerlangkan KPT di pentas negara dan antarabangsa.



**YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambray Abd Kadir**  
Menteri Pendidikan Tinggi

# Maklumat Korporat



# Pengenalan

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berperanan penting dalam mewujudkan ekosistem pendidikan tinggi yang terbaik di Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan juga Kolej Komuniti. Semua institusi ini merupakan komponen utama ekosistem pendidikan dan latihan negara yang akan menjana para pemikir, ilmuwan, sarjana, tenaga kerja mahir dan separa mahir sesuai dengan peranan masing-masing.

Bersesuaian dengan matlamat ini, KPT mempunyai dua (2) buah Jabatan bagi pengurusan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) iaitu Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) yang menguruskan UA dan IPTS manakala Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) menguruskan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Usaha untuk mencapai matlamat ini turut disokong oleh agensi yang berperanan penting dalam pendidikan tinggi, iaitu:


1. Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) - pusat transformasi pembangunan modal insan.
2. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) - badan yang mengurus pembentangan untuk tujuan pendidikan tinggi.
3. Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency* - MQA) - badan tunggal yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara.
4. *Education Malaysia Global Services* (EMGS) - mempromosikan diplomasi pendidikan dan pengantarabangsaan sektor pendidikan Malaysia.

# Visi

Pendidikan Tinggi Berkualiti,  
Insan Cemerlang,  
Negara Sejahtera.

# Misi


Melestarikan ekosistem pendidikan tinggi yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara.



# Piagam Pelanggan

1. Mengumumkan keputusan permohonan kemasukan pelajar dalam tempoh 30 hari bekerja sebelum pendaftaran pelajar baharu ke UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA).
2. Mengeluarkan surat tawaran Biasiswa/ Pinjaman kepada pegawai dalam perkhidmatan dan mahasiswa dalam tempoh tujuh hari bekerja selepas kelulusan pihak berkuasa melulus.
3. Mengeluarkan kelulusan kepada IPTS seperti yang berikut:
  - (i) Surat Kebenaran Penubuhan IPTS dalam tempoh 45 hari bekerja setelah kesemua dokumen lengkap diterima.
  - (ii) Sijil Perakuan Pendaftaran IPTS dalam tempoh 30 hari bekerja setelah kesemua dokumen lengkap diterima [termasuk kelulusan daripada tiga (3) agensi].
  - (iii) Surat Kelulusan Mengendalikan Kursus Pengajian Baharu/ Tambahan dalam tempoh 30 hari bekerja setelah mendapat syor MQA.
  - (iv) Sijil Permit Mengajar dalam tempoh lima (5) hari bekerja setelah ke semua dokumen lengkap diterima.
  - (v) Surat Sokongan Permohonan Pas Penggajian Tenaga Pengajar Warga Asing dalam tempoh lima (5) hari bekerja setelah kesemua dokumen lengkap diterima.
4. Pengeluaran pembiayaan PTPTN baharu dibuat tidak melebihi 21 hari bekerja selepas dokumen perjanjian pembiayaan yang sempurna diterima mengikut kelompok yang ditetapkan.
5. Surat keputusan bagi permohonan akreditasi program dikeluarkan daripada pembekal pendidikan tinggi dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas semua permohonan lengkap diterima.
6. Mengeluarkan keputusan permohonan FRGS dalam tempoh 45 hari dari tarikh tutup permohonan.

# Carta Organisasi





# *Setulus Budi, Kenangan Abadi*



**Menteri Pendidikan Tinggi**  
YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin  
(mulai 3 Disember 2022 hingga 11 Disember 2023)



**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi**  
YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal  
(mulai 10 Disember 2022 hingga 11 Disember 2023)



**Ketua Setiausaha**  
YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Jaafar  
(mulai 25 November 2021 hingga 15 Oktober 2023)



**Timbalan Ketua Setiausaha  
(Pengurusan dan Pembangunan)**  
YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri Yusoff  
(mulai 8 April 2020 hingga 1 Disember 2023)

# Menteri Pendidikan Tinggi & Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi



**Menteri Pendidikan Tinggi**  
YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir  
(mulai 12 Disember 2023 hingga kini)



**Menteri Pendidikan Tinggi**  
YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin  
(mulai 3 Disember 2022 hingga 11 Disember 2023)



**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi**  
YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud  
(mulai 12 Disember 2023 hingga kini)



**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi**  
YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal  
(mulai 10 Disember 2022 hingga 11 Disember 2023)

# Pengurusan Tertinggi



**Ketua Setiausaha**

YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Jaafar  
(mulai 25 November 2021 hingga 15 Oktober 2023)



**Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)**

YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany  
Megat Ahmad Supian  
(mulai 1 Mac 2022 hingga kini)



**Timbalan Ketua Setiausaha  
(Pengurusan dan Pembangunan)**

Encik Mohamad Azhan Md. Amir  
(mulai 1 Disember 2023 hingga kini)



**Timbalan Ketua Setiausaha  
(Pengurusan dan Pembangunan)**

YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri Yusoff  
(mulai 8 April 2020 hingga 1 Disember 2023)

# Setiausaha Bahagian/ Ketua Unit



## Setiausaha Bahagian Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

- 1 Encik Mansor Ibrahim @ Abd. Hamid  
(mulai 15 Disember 2017 sehingga kini)

## Setiausaha Bahagian Bahagian Akaun

- 2 Encik Patrick Majatig  
(mulai 16 April 2020 sehingga kini)

## Setiausaha Bahagian Bahagian Kewangan

- 3 Tuan Haji Kamaruzaman Mahmood  
(mulai 10 Mac 2020 hingga kini)

## Setiausaha Bahagian Bahagian Pembangunan

- 4 Puan Azlinda Azman  
(mulai 22 Februari 2021 hingga kini)

## Setiausaha Bahagian Bahagian Dasar dan Penyelidikan

- 5 Dr. Wan Baharudin Wan Mahmood  
(mulai 18 Julai 2022 hingga kini)



#### **Setiausaha Bahagian Bahagian Perancangan Strategik**

**6** Puan Fazidah Mustafa  
(mulai 3 April 2023 hingga kini)

**7** Puan Norisma Mohd Ismail  
(mulai 18 Julai 2022 hingga 1 April 2023)

#### **Setiausaha Bahagian Bahagian Hubungan Antarabangsa**

**8** YBhg. Datin Noorazah Omar  
(mulai 6 Julai 2020 hingga kini)

#### **Setiausaha Bahagian Bahagian Khidmat Pengurusan**

**9** Encik Fazli Said  
(mulai 5 Disember 2022 hingga kini)

#### **Setiausaha Bahagian Bahagian Biasiswa**

**10** Puan Marhanum M. Haniff  
(mulai 4 Disember 2023 hingga kini)

**11** Puan Mazlina Mokhtar  
(mulai 1 Jun 2020 hingga 4 Disember 2023)



#### **Setiausaha Bahagian Bahagian Pengurusan Maklumat**

**12** Puan Harlina Othman  
(mulai 6 Mac 2023 hingga kini)

**13** Puan Shahah Ahmad  
(mulai 10 Oktober 2020 hingga 1 Januari 2023)

#### **Penasihat Undang-Undang Pejabat Penasihat Undang-Undang**

**14** Puan Fatin Khazin  
(mulai 1 November 2022 hingga kini)

#### **Ketua Unit Audit Dalam Unit Audit Dalam**

**15** Encik Abid Abdul Jalil  
(mulai 8 Mei 2023 hingga kini)

**16** Puan Rokiah Saad  
(mulai 1 Mac 2021 hingga 8 Mei 2023)



**Ketua Komunikasi Korporat  
Unit Komunikasi Korporat**

- 17** Encik Mohamad Hafizi Rosli  
(mulai 1 September 2023 hingga kini)

- 18** Encik Zulkifli Bachok  
(mulai 17 April 2020 hingga 16 April 2023)

**Ketua Unit Integriti  
Unit Integriti**

- 19** Encik Norhushaffiz Hussin  
(mulai 1 Oktober 2020 hingga kini)

**Ketua Unit Pengurusan Prestasi dan  
Penyampaian Pendidikan Tinggi  
Unit Pengurusan Prestasi dan Penyampaian  
Pendidikan Tinggi**

- 20** Prof. Dr. Zainal Amin Ayub  
(mulai 1 Oktober 2023 hingga kini)

## Ketua Jabatan/ Agensi



### Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)

- 1 Prof. Dr. Azlinda Azman  
(mulai 31 Mei 2023 hingga kini)
- 2 YBhg. Prof. Datuk Dr. Husaini Omar  
(mulai 1 Februari 2021 hingga 9 Mac 2023)

### Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)

- 3 Dr. Mohd Zahari Ismail  
(mulai 16 November 2022 hingga kini)

### Pengarah Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)

- 4 Prof. Dr. Harshita Aini Haroon  
(mulai 1 November 2023 hingga kini)
- 5 YBhg. Prof. Dato' Dr. Nasrudin Mohammed  
(mulai 1 September 2021 hingga 31 Ogos 2023)



**Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan  
Tinggi Nasional (PTPTN)**

**6** Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid

**Ketua Pegawai Eksekutif  
Agenzi Kelayakan Malaysia  
(Malaysian Qualifications Agency - MQA)**

**7** YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran

**Ketua Pegawai Eksekutif  
Education Malaysia Global Services  
(EMGS)**

**8** Encik Novie Tajuddin  
(mulai 3 April 2023 hingga kini)

**9** Encik Mohd Radzlan Jalaludin  
(mulai 20 Januari 2020 hingga 19 Januari 2023)





## PENCAPAIAN BAHAGIAN/ UNIT/ JABATAN/ AGENSI

### SEKTOR DASAR

- > Bahagian Dasar dan Penyelidikan
- > Bahagian Perancangan Strategik
- > Bahagian Hubungan Antarabangsa
- > Bahagian Biasiswa

### SEKTOR PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN

- > Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- > Bahagian Akaun
- > Bahagian Kewangan
- > Bahagian Pembangunan
- > Bahagian Pengurusan Maklumat
- > Bahagian Khidmat Pengurusan

### UNIT-UNIT

- > Unit Undang-Undang
- > Unit Audit Dalam
- > Unit Komunikasi Korporat
- > Unit Integriti
- > Unit Pengurusan Prestasi dan Penyampaian Pendidikan Tinggi

### JABATAN/ AGENSI

- > Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)
- > Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)
- > Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
- > Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
- > Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
- > Education Malaysia Global Services (EMGS)

# Bahagian Dasar dan Penyelidikan



# Bahagian Dasar dan Penyelidikan

## 1. Pengenalan

Bahagian Dasar dan Penyelidikan (BDP) telah diwujudkan berkuat kuasa 1 Mei 2022 dan diterajui oleh Setiausaha Bahagian Gred JUSA C dengan 31 bilangan perjawatan yang terdiri daripada pelbagai skim, gred dan jawatan. BDP merangkumi tiga (3) Seksyen berikut:

- 1.1. Seksyen Dasar Strategik;
- 1.2. Seksyen Modal Insan; dan
- 1.3. Seksyen Penyelidikan dan PPRN.

## 2. Fungsi

- 2.1. Merancang, memudahcara, memantau, menilai dan melapor prestasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT), Belanjawan berdasarkan Keberhasilan (OBB), Aspirasi Keluarga Malaysia dan Prestasi Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPPTPA);
- 2.2. Merancang, menggubal, mengurus dan menyelaras aktiviti perancangan dan penggubalan dasar/ akta baharu Pendidikan Tinggi serta memberi khidmat nasihat dan rundingan berkaitan Dasar Pendidikan Tinggi;
- 2.3. Bertindak sebagai Sekretariat Induk peringkat Kementerian bagi Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT), Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, Agenda Pemerksaan Bumiputera dan Sekretariat Nasional Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH);
- 2.4. Menyelenggara dan menyelaras input kepada Mesyuarat Majlis Raja-Raja (MRR), Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri (MBKM), Mesyuarat Pasca Kabinet (MPK), Mesyuarat Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP), Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT), Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri (MSJM), Mesyuarat Majlis Ketua Setiausaha, Pertanyaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Memorandum Jemaah Menteri dan Nota Jemaah Menteri;
- 2.5. Merancang, melaksana, memudahcara dan memantau dana Kajian Dasar Pendidikan Tinggi dan Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN) bagi membantu meningkatkan produktiviti melalui inovasi dan teknologi; dan
- 2.6. Menambahbaik penyelarasan ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara melalui penglibatan pemegang taruh awam dan swasta.

### 3. Program Utama Tahun 2023

#### 3.1. Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Semula Dasar Pendidikan Tinggi Nasional atau *National Higher Education Policy Review Committee (NRC)*

Menteri Pendidikan Tinggi semasa Ucapan Perutusan Tahun Baharu 2023 pada 30 Januari 2023 telah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Semula Dasar Pendidikan Tinggi Nasional (*National Higher Education Policy Review Committee - NRC*). NRC dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Idris Jala dengan keanggotaan ahli seramai lapan (8) orang pakar dalam bidang pendidikan tinggi. Senarai nama keahlian NRC adalah seperti berikut:

Ahli NRC	Jawatan
YBhg. Dato' Sri Idris Jala Presiden dan CEO, PEMANDU Associates	Pengerusi
YBhg. Prof Datin Paduka Dr Khatijah Mohamad Yusoff Malaysia Genome and Vaccine Institute National Institutes of Biotechnology Malaysia	Pengerusi
YBhg. Prof. Emiritus Dato' Dr. Morshidi Sirat Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN), Universiti Sains Malaysia (USM)	Ahli
YBrs. Dr. Abdul Razak Ahmad Pengarah dan Pengasas Bait Al Amanah	Ahli
YBrs. Dr. Wan Chang Da CEO, The HEAD Foundation, Singapura	Ahli
YBrs. Dr. Jamil Salmi Pakar Pendidikan Tinggi dan Mantan Penyelaras, Program Pendidikan Tinggi Bank Dunia	Ahli
Puan Nurlin Salleh Managing Director and Partner, Boston Consulting Group, Malaysia	Ahli
YBhg. Datuk Parmjit Singh CEO, Asia Pacific University of Technology and Innovation	Ahli
YBrs. Prof. Dr. Azlinda Azman Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi	Ahli

Objektif utama NRC ditubuhkan bertujuan untuk:

- (i) menyemak dan mengkaji semula dasar pendidikan tinggi negara bagi tujuan mencadangkan dasar baharu, menambahbaik dasar sedia ada dan memansuh dasar yang tidak relevan supaya sejajar dengan aspirasi nasional dan perubahan landskap semasa dunia;
- (ii) mengkaji dan memberi cadangan hala tuju baharu sistem pendidikan tinggi untuk mengembalikan wibawa sektor dan Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia; dan
- (iii) mengenal pasti aspek yang boleh ditanda aras daripada sistem pendidikan tinggi negara lain yang bersesuaian.

NRC diberi masa tiga (3) bulan untuk membentangkan laporan kepada Menteri Pendidikan Tinggi. Bagi membantu NRC dalam pengumpulan maklumat, Pasukan Petugas Khas terdiri daripada pegawai-pegawai daripada Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah KPT, akademia daripada universiti awam (UA) dan swasta serta kumpulan konsultan daripada Pemandu Associates, *Boston Consulting Group* (BCG) dan *PricewaterhouseCoopers* (PWC) telah ditubuhkan.

Kaedah yang digunakan oleh NRC dalam pengumpulan maklumat adalah melalui semakan dokumen dasar sedia ada, tinjauan soal selidik institusi dan pelaksanaan Lab Mini NRC. Lab Mini ini yang diadakan pada 13 hingga 17 Jun 2023 di Hotel Hilton Petaling Jaya telah dihadiri seramai 220 orang peserta yang mewakili 115 organisasi terdiri daripada wakil-wakil Kementerian, Jabatan, Agensi, institusi pendidikan tinggi awam dan swasta, majlis universiti, persatuan, wakil pelajar, badan-badan profesional serta wakil-wakil industri.

Secara keseluruhannya, NRC berpandangan bahawa dasar-dasar utama pendidikan tinggi yang ada masih lagi sesuai dan relevan dengan keperluan negara namun terdapat ruang penambahbaikan yang boleh dirangkumkan kepada beberapa aspek iaitu:

- (i) Peraturan yang terlalu ketat;
- (ii) Proses yang tidak cekap menyebabkan berlakunya kelewatan;
- (iii) Ketidakselaruan antara reka bentuk akademik/ kurikulum dengan keperluan industri;
- (iv) Dasar dan peraturan yang tidak jelas terutamanya instrumen dasar;
- (v) Pembiayaan dan sumber yang tidak mencukupi;
- (vi) Mekanisme pembiayaan konvensional yang tidak memberi keutamaan kepada prestasi tinggi/ tidak berdasarkan prestasi; dan
- (vii) Kelemahan elemen penguatkuasaan dan pemantauan pelaksanaan.

NRC telah membentangkan laporan akhir NRC kepada Menteri Pendidikan Tinggi pada 11 Julai 2023 iaitu genap tiga (3) bulan daripada tarikh mesyuarat pertama NRC. KPT juga telah mengadakan Hari Terbuka yang telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 23 Oktober 2023 bagi mendapatkan pandangan serta maklum balas daripada orang awam dan semua pemegang taruh KPT berhubung cadangan penambahbaikan reformasi pendidikan tinggi yang dikemukakan oleh NRC.

Hasil laporan NRC ini juga dijadikan sebagai input dan asas dalam pembangunan pelan pendidikan tinggi yang baharu bagi menggantikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang akan berakhir tidak lama lagi.

NRC telah mengenal pasti sebanyak 58 cadangan penambahbaikan yang terdiri daripada 28 cadangan bersifat transformatif, 12 cadangan *quick wins* dan 18 inisiatif pembolehdaya atau *enablers* yang dirangkumkan dalam Sembilan (9) teras iaitu: Pembangunan Pelajar; Akademik dan Fakulti; Pengantarabangsaan; TVET; Kecemerlangan Akademik; Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersilan dan Inovasi (RDCI); Tadbir Urus; Pendigitalan; dan Kemampanan Kewangan.

Dari segi pemantauan pelaksanaan cadangan NRC, satu (1) unit khusus telah diwujudkan di KPT iaitu Unit Pengurusan Prestasi dan Penyampaian Pendidikan Tinggi atau *Higher Education Performance and Delivery Management Unit* (HEAD). Pelaksanaan cadangan NRC berupaya menyelesaikan isu-isu penting berkaitan ekosistem pendidikan tinggi yang bukan sahaja berada di bawah kawal selia KPT malah turut melibatkan Kementerian/ Agensi lain.

NRC adalah satu usaha reformasi pendidikan tinggi yang dilaksanakan oleh KPT. Namun kejayaan pelaksanaan cadangan NRC amat bergantung kepada beberapa faktor, antaranya tekad politik; sesi libat urus dengan orang awam bagi menerangkan penambahbaikan pendidikan tinggi; serta pelaksanaan dan pemantauan yang berterusan. Selain itu, pendekatan keseluruhan negara atau *Whole-of-Nation Approach* yang melibatkan seluruh jentera dan agensi kerajaan, industri serta masyarakat juga penting dalam satu misi tunggal untuk melaksanakan reformasi pendidikan tinggi negara bagi menjadikan Malaysia sebagai hab bakat dan pengetahuan di peringkat serantau dan global.



Pembentangan Laporan NRC kepada Menteri Pendidikan Tinggi pada 11 Julai 2023



NRC dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Sri Idris Jala, seorang tokoh yang tidak asing dalam dunia korporat Malaysia



Pasukan Petugas Khas NRC terdiri daripada pegawai-pegawai daripada Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah KPT, akademia daripada universiti awam dan swasta serta kumpulan konsultan



Mesyuarat NRC



Lab Mini NRC yang diadakan pada 13 - 17 Jun 2023 di Hotel Hilton Petaling Jaya



Bengkel NRC yang diadakan pada 11 Ogos 2023



Antara sesi perbincangan NRC



Buku Laporan NRC

### 3.2. Seminar Perancangan Hala Tuju KPT Tahun 2024 (SPHT 2024)

SPHT 2024 buat julung kalinya diadakan bertujuan untuk merangka hala tuju strategik KPT bagi tahun 2024 sebagai input untuk perutusan tahun baharu Menteri Pendidikan Tinggi dan mencadangkan program/inisiatif yang boleh dilaksanakan oleh KPT pada tahun 2024.

SPHT 2024 diadakan buat julung kalinya pada 22 hingga 23 November 2023, bertempat di Doubletree By Hilton Kuala Lumpur. Program berbentuk seminar ini diadakan bertujuan untuk:

- (i) melaporkan prestasi pencapaian inisiatif dan program yang digariskan dalam perutusan Menteri Pendidikan Tinggi pada tahun 2023;
- (ii) merangka hala tuju strategik KPT bagi tahun 2024 sebagai input untuk perutusan tahun baharu Menteri Pendidikan Tinggi;
- (iii) mencadangkan program/inisiatif yang boleh dilaksanakan oleh KPT pada tahun 2024 berdasarkan kepada kluster yang ditetapkan; dan
- (iv) membincangkan isu-isu strategik berkaitan KPT dan cadangan penyelesaian.

Pelaksanaan SPHT 2024 dibahagikan kepada lima (5) kluster iaitu: Penyediaan Bakat; Penyelidikan dan Inovasi; Pemindahan dan Perkongsian Ilmu; Pengantarabangsaan dan Ekosistem Pemboleh Daya.

Dalam Majlis Perasmian seminar ini, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT yang menjalankan tugas Ketua Setiausaha Kementerian juga telah melancarkan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan Tinggi 2023 - 2025.

Keseluruhannya, lima (5) kluster telah mencadangkan sebanyak 123 cadangan program/ inisiatif yang boleh dilaksanakan bagi tahun 2024 mengikut kluster seperti berikut:

- (i) Kluster 1: Penyediaan Bakat – 34 cadangan;
- (ii) Kluster 2: Penyelidikan dan Inovasi – 19 cadangan;
- (iii) Kluster 3: Pemindahan dan Perkongsian Ilmu – 13 cadangan;
- (iv) Kluster 4: Pengantarabangsaan – 29 cadangan; dan
- (v) Kluster 5: Ekosistem Pemboleh Daya – 28 cadangan.

Pelaksanaan SPHT 2024 telah berjaya mencapai objektif ditetapkan. Menteri Pendidikan Tinggi semasa ucapan rumusan beliau juga telah berkongsi harapan dan aspirasi beliau untuk KPT melangkah ke tahun 2024. Program ini wajar diteruskan pada tahun berikutnya bagi membincangkan hala tuju dan pelan tindakan jangka pendek yang menyeluruh dan lebih jelas.



Seminar Perancangan Hala Tuju Strategik KPT telah diadakan di Doubletree By Hilton Kuala Lumpur pada 22-23 November 2023

### 3.3. Pembangunan Pelan Strategik KPT 2023-2025

Mesyuarat MyDIGITAL Bilangan 1 Tahun 2022 pada 10 Mac 2022 telah memutuskan supaya semua kementerian dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri/ Persekutuan (PSUK/P) melaporkan status kemajuan pelaksanaan Pelan Strategik Organisasi dan Pelan Strategik Pendigitalan masing-masing. Penyelarasan pelaporan status kemajuan secara tahunan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Sejajar dengan itu, Mesyuarat Pengurusan Tertinggi MPT) KPT Bilangan 14 Tahun 2022 yang diadakan pada 9 November 2022 telah mengarahkan supaya Bahagian Dasar dan Penyelidikan (BDP) untuk membangunkan dan menyediakan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan Tinggi 2023 – 2025. Susulan itu, beberapa siri bengkel dan sesi klinik diadakan dengan khidmat runding MAMPU dan Bahagian/ Agensi/ Jabatan KPT.

Dokumen yang dibangunkan telah dibentangkan dan dipersetujui dalam MPT KPT Bilangan 11 Tahun 2023 pada 15 September 2023. Seterusnya dokumen ini telah dilancarkan semasa Seminar Perancangan Hala Tuju KPT pada pada 22 November 2023.

Pelan strategik ini mengandungi empat (4) teras strategik, 15 strategi dan 52 program berimpak tinggi yang dirangka bagi memacu visi menjadikan Malaysia sebagai hab bakat dan pengetahuan yang unggul.



Pelan strategik ini diwujudkan bertujuan untuk menyokong PPPM(PT) yang merupakan dokumen strategik kepada hala tuju pendidikan tinggi negara. Pelan ini menggariskan empat (4) teras strategik dan dijajarkan kepada 10 lonjakan PPPTM (PT). Pelaksanaan program-program berimpak tinggi yang dikenal pasti dalam dokumen Pelan Strategik KPT 2023 - 2025 amat penting bagi memastikan pencapaian visi dan misi dalam tempoh yang ditetapkan.

Dokumen ini dirangka berdasarkan kepada aspirasi Menteri Pendidikan Tinggi semasa ucapan Perutusan Tahun Baharu 2023 pada 30 Januari 2023 yang memeta visi KPT ke satu (1) fasa yang baharu melangkaui visi sedia ada. Menerusi visi semasa, pengajian tinggi adalah untuk menghasilkan graduan yang holistik, berpengetahuan dan kompeten dalam bidang pengajian serta berkemampuan untuk menggunakan pengetahuan kepada amalan.

Di samping itu, graduan perlu berinovatif, mempunyai kebolehan kognitif yang tinggi, penguasaan bahasa dan mampu untuk memberikan sumbang bakti kepada masyarakat negara dan dunia. Berdasarkan naratif ini, Malaysia dilihat lebih memfokus kepada menjadi hab pelajar semata-mata. Penumpuan kurang diberikan kepada spektrum yang lebih luas oleh pihak yang terlibat dalam pendidikan tinggi. Oleh itu, Menteri Pendidikan Tinggi telah mengutarakan anjakan agar KPT meneroka dimensi untuk Malaysia menjadi hab bakat dan pengetahuan unggul. Visi dan misi baharu ini akan menjadi gagasan yang lebih jauh dan radikal.

Pelan Strategik KPT 2023 - 2025 ini merupakan dokumen yang telah dirangka dengan menggariskan hala tuju strategik KPT bagi memandu pelaksanaan perkhidmatan teras dan sokongan KPT supaya sejajar dengan aspirasi nasional dan perubahan landskap semasa dunia.

Pelan ini menetapkan sebanyak empat (4) teras strategik, 15 strategi dan 52 program yang akan dilaksanakan, dipantau, diukur prestasinya serta dibuat penilaian mahupun semakan semula bagi memastikan kelangsungan penyampaian perkhidmatan dapat merealisasikan aspirasi negara dalam mereformasi pendidikan tinggi negara seterusnya memposisikan Malaysia sebagai hab bakat dan pengetahuan serantau dan antarabangsa.

Bagi memastikan pelaksanaan pelan ini mencapai sasaran dan matlamat yang diingini dalam tempoh yang ditetapkan, sinergi dan penggembangan usaha daripada semua pihak amatlah penting dan akan menjadi pemangkin pencapaian keberhasilan yang dihasratkan.



Setiausaha BDP menyerahkan dokumen  
Pelan Strategik KPT 2023-2025 kepada TKSU(D)



Peserta Seminar Perancangan Hala Tuju KPT 2024 bergambar bersama YB Menteri dan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi serta Pengurusan Tertinggi KPT



Dokumen Pelan Strategik KPT 2023-2025 telah dilancarkan semasa SPHT 2024

### **3.4. Pemerkasaan Kolaborasi Industri Melalui Badan Koordinasi TVET Kerajaan – Industri atau *Government Industry TVET Collaboration Body (GITC)***

GITC atau *Government-Industry TVET Coordination Body* (Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri) merupakan salah satu inisiatif utama di bawah Majlis TVET Negara (MTVET). Penubuhan GITC dipersetujui dalam Mesyuarat MTVET Bilangan 1 Tahun 2022 pada 3 Februari 2022, iaitu pada ketika KPT berperanan sebagai Sekretariat MTVET.

GITC merupakan sebuah syarikat *Company Limited By Guarantee (CLBG)* yang menerima dana kerajaan berjumlah RM5 juta melalui KPT sepertimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 Jun 2022. Mulai Disember 2022, walaupun berlaku perubahan tadbir urus TVET di peringkat nasional apabila Sekretariat MTVET diambil alih oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), namun kawal selia pengoperasian GITC masih di bawah KPT. Ketika ini GITC menjadi satu inisiatif utama bagi memperkasakan ekosistem TVET negara, khususnya TVET KPT.

Perancangan dan pelaksanaan pelbagai inisiatif melalui Pelan Strategik GITC menjadi perkara utama yang diberi perhatian oleh Menteri Pendidikan Tinggi untuk memastikan GITC dapat memainkan peranannya secara efektif dalam merancakkan hubungan dan kerjasama antara Kerajaan, industri dengan IPT, bukan sahaja untuk pendidikan TVET tetapi juga untuk manfaat pendidikan tinggi negara keseluruhannya.

GITC telah dilancarkan bersempena dengan Majlis Peluncuran Rancangan Hala Tuju Transformasi Politeknik pada 4 Disember 2023 yang disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Penggerusi Majlis TVET Negara, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Peluncuran GITC ini menjadi simbolik bagi kerajaan memulakan kerjasama strategik dengan GITC di mana kerjasama ini bukan sahaja terhad kepada KPT, malah turut dapat dimanfaatkan oleh 12 Kementerian TVET yang lain. Ini kerana GITC akan berperanan sebagai satu platform nasional yang bersinergi bagi menghubungkan Kerajaan, industri dengan semua institusi TVET.

GITC akan menumpukan kepada pelbagai usaha kolaborasi yang komprehensif bagi memperkasakan peranan industri dalam memartabatkan TVET negara seperti mengatasi isu *underemployment*, penempatan pelajar ke latihan industri meningkatkan kebolehpasaran graduan dan membolehkan pemadanan pekerjaan serta mengupayakan gaji premium kepada graduan TVET yang diserap ke dalam industri. Melalui pelbagai inisiatif yang dirangka di bawah Pelan Strategik GITC, platform GITC akan dapat dimanfaatkan oleh semua institusi TVET, seterusnya meletakkan GITC sebagai penggerak perubahan yang mampan dalam ekosistem pendidikan TVET dan pendidikan tinggi negara keseluruhannya.

Pelbagai bentuk inisiatif dalam Pelan Strategik GITC dirancang berpandukan lima (5) teras utama iaitu:

- (i) Menasihati Kerajaan dalam aspek pembangunan polisi berkaitan TVET termasuk pembangunan standard dan kurikulum TVET;
- (ii) Melaksana kerjasama strategik berkaitan TVET dengan majikan, institusi, badan profesional dari dalam dan luar negara;
- (iii) Merancang keperluan kemahiran dan guna tenaga melalui sesi libat urus bersama Agensi dan Kementerian;
- (iv) Mempromosi program TVET dan mempergiat advokasi kerjaya melalui kerjasama aktif institusi awam dan swasta; dan
- (v) Mengesyorkan kepada Kerajaan berkenaan insentif bagi menggalakkan lebih banyak penyertaan industri dalam pembangunan TVET.

Antara inisiatif GITC yang diberi penekanan untuk dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran graduan TVET adalah seperti penempatan *internship* dan *job matching* melalui Pusat Penempatan GITC, khidmat rundingan dan model kerjasama industri & WBL melalui penubuhan *GITC Council of Experts, Career Fair & Career Talks* serta membangunkan *Occupational/Industry Standards and Practices* (OISP).

KPT menyokong usaha GITC dalam memacu pemerkasaan ekosistem pendidikan tinggi negara. Sebanyak 57 persatuan industri yang mewakili lebih daripada 10,000 syarikat telah menandatangani Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding - MoU*) dengan GITC. KPT berharap pendekatan menyeluruh ini dapat memacu kolaborasi yang lebih terancang dan bersepada daripada pelaksanaan kolaborasi sebelum ini yang lebih bersifat *adhoc*.

Pelancaran GITC oleh KPT merupakan suatu pengiktirafan terhadap peranan GITC sebagai sebuah syarikat berstatus *Company Limited by Guarantee* (CLBG) yang diberi kepercayaan untuk membantu Kerajaan memperkasa hubungan institusi dengan industri khususnya dalam TVET.

Melalui pelbagai inisiatif yang dirangka di bawah Pelan Strategik GITC, platform GITC akan dapat dimanfaatkan oleh semua institusi TVET, seterusnya meletakkan GITC sebagai penggerak perubahan yang mampu dalam ekosistem pendidikan TVET dan pendidikan tinggi negara keseluruhannya.

# Bahagian Perancangan Strategik



# Bahagian Perancangan Strategik

## 1. Pengenalan

Bahagian Perancangan Strategik (BPS), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah diwujudkan melalui penstrukturran organisasi Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD) berkuat kuasa 1 Mei 2022. Bahagian ini diterajui oleh Setiausaha Bahagian Gred JUSA C bersama-sama dengan 54 perjawatan yang terdiri daripada pelbagai skim, gred dan jawatan.

Bagi memastikan fungsi dilaksanakan dengan efisyen, Bahagian dimantapkan tadbir urus oleh Seksyen yang berikut:

- 1.1. Seksyen Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan;
- 1.2. Seksyen Parlimen, Inovasi dan Pemerkasaan Bahasa Melayu;
- 1.3. Seksyen Data;
- 1.4. Seksyen Sukan; dan
- 1.5. Seksyen Pentadbiran, Pengurusetiaan dan Jemaah Menteri.

## 2. Visi

Perancangan Strategik Mampan, Insan Cemerlang.

## 3. Misi

Memperkasa Perancangan Strategik Kementerian Yang Mampan Dalam Melahirkan Graduan Yang Berkualiti, Berdaya Saing Dan Holistik.


## 4. Fungsi

Lanjutan daripada penstrukturran ini, BPS dimandatkan untuk melaksanakan fungsi yang berikut:

- 4.1. melahirkan graduan yang dapat memenuhi permintaan pasaran dan kehendak industri; dan bercirikan keusahawanan melalui platform yang bersesuaian;
- 4.2. menjadi pusat pangkalan data dan maklumat pendidikan tinggi bagi tujuan perancangan dan penggubalan dasar pendidikan tinggi negara;
- 4.3. membentuk sahsiah dalam kalangan graduan melalui program dan aktiviti pembangunan dan pembudayaan sukan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT);
- 4.4. memastikan perkara berkenaan Parlimen dan inovasi di peringkat Kementerian berjalan lancar selaras dengan arahan dan peraturan yang berkuat kuasa; dan
- 4.5. memastikan perancangan mesyuarat-mesyuarat utama KPT, hal ehwal pentadbiran bahagian dan urusan berkaitan kertas Jemaah Menteri dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

## 5. Pencapaian Utama Tahun 2023

### 5.1. Kadar Kebolehpasaran Graduan (*Graduate Employability - GE*)



#### Prestasi Kebolehpasaran Graduan Bagi Tahun 2023

Petunjuk : TVET - Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional  
MTUN - Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia

Kadar Kebolehpasaran Graduan (GE) Nasional yang direkodkan bagi tahun 2023 adalah sebanyak 89.8%. Pencapaian ini telah melebihi sasaran yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu sebanyak 85.9%. Pencapaian yang memberangsangkan ini dipacu oleh inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan dalam usaha untuk memperkuatkkan kebolehpasaran graduan. Antaranya ialah melalui pelaksanaan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan, Program PENJANA KPT melalui pelaksanaan PENJANA KPT-CAP (*Career Advancement Programme*) dan KPT-PACE (*Profesional Certification*), serta kolaborasi bersama kementerian dan agensi; antaranya seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp). Selain itu, sinergi kerjasama bersama industri terus diperkuatkkan melalui pelaksanaan program seperti *CEO@Faculty Programme* (CFP), *CEO@PolyCC*, *Industry on Campus* (IOC), *Industry Education Centre*, Majlis Penasihat Industri JPPKK dan Jawatankuasa Penasihat Industri bagi memastikan kadar GE graduan melebihi 85%.

Era globalisasi yang kian maju telah meningkatkan keperluan untuk graduan yang mempunyai kemahiran yang tidak hanya relevan di pasaran tempatan tetapi juga di pasaran global. Graduan yang mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi dapat menyesuaikan diri dengan permintaan pasaran dengan lebih baik, menjadikan mereka lebih mudah untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

## 5.2. Persidangan Pasaran Kerja Graduan Tahun 2023

KPT melalui BPS dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Persidangan Pasaran Kerja Graduan (PPKG) 2023 pada 1 November 2023 bertempat di Pullman KLCC Hotel & Residence yang disertai lebih 300 orang yang terdiri daripada para ahli akademia IPT, pemain-pemain industri, Kementerian dan Agensi berkaitan serta wakil mahasiswa.



Ucapan Menteri Pendidikan Tinggi sempena Persidangan Pasaran Kerja Graduan (PPKG 2023) pada 1 November 2023

Persidangan yang dijayakan bersama rakan strategik iaitu TalentCorp; Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC); Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO); dan *LinkedIn* Malaysia itu bertujuan menjadi platform dalam memformulasikan intervensi terbaik bagi KPT meningkatkan keboleh pasaran graduan, serta menentukan penyelesaian terbaik bagi isu-isu berkaitan ketidaksepadanan pekerjaan dengan kemahiran, gaji permulaan, nilai tambah dan pelbagai lagi.

Sesi interaktif yang dihadiri oleh Ts. Dr. Murali Raman (Asia Pacific University), YBhg. Dato' Mohd Izani Ghani (UEM Group Berhad), YBhg. Datuk Mohamad Idham Nawawi (CelcomDigi Berhad), Puan Sophia Ang Wui Jiun (Maybank Berhad), YBhg. Datuk Dr. Tengku Naufal Tengku Mansor (DTE Consult), Encik Idham Sabki Baharum (ACS Digital Berhad), Encik Nizam Abd Razak (Animonsta Studios), Encik Ruban Kanagaratnam (Intel Microelectronics), YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Shahrin Sahib@Sahibudin (Universiti Teknikal Malaysia Melaka - UTeM), YBhg. Datuk Dr. Mohd Ghazali Abas (Universiti Kebangsaan Malaysia - UKM), Puan Nur Mastura Mansor (*LinkedIn*) dan Encik Raja Azmi Raja Adam (*Google*) menghasilkan input dan perspektif berkaitan ekonomi dan pasaran kerja global, meneroka kesan kemajuan teknologi terkini ke atas pasaran kerja dan graduan masa hadapan selain mengenal pasti langkah kesiapsiagaan bagi IPT menghadapi perubahan pasaran kerja dan teknologi masa hadapan dalam landskap pendidikan tinggi yang akan memanfaatkan kepada semua pemegang taruh termasuk pembuat dasar, akademia, industri, pelajar serta graduan.

Dalam persidangan ini, turut berlangsung upacara menandatangani Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding – MoU*) antara KPT bersama SIRIM Berhad dan Digital Nasional Berhad & Ericsson serta Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) dan Chartered Institute of Logistics & Transport Malaysia (CILTM).



Ucapan Plenari oleh Dr. Nungsari Ahmad Radhi



Sesi bual bicara oleh barisan panel daripada CEO UEM Group Berhad, CEO CelcomDigi Berhad dan Maybank Berhad



Majlis Menandatangani MoU antara KPT dan SIRIM Berhad

### 5.3. Pencapaian Keusahawanan Tahun 2023

KPT menerusi aspirasi Lonjakan 1: Melahirkan Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 (PPMPT) bertujuan untuk melahirkan lebih ramai graduan usahawan yang akan menjadi tonggak dan pamacu kepada pertumbuhan ekonomi negara yang mampan, inklusif dan seiring dengan gelombang Revolusi Industri 4.0. Penerapan nilai dan atribut keusahawanan dalam kalangan pelajar melalui pendidikan diperkasakan dalam usaha untuk menganjakkan minat mereka daripada pencari kerja (*job seeker*) kepada pencipta kerja (*job creator*). Melalui Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025, fokus utama adalah untuk memberi pendedahan dan menggalakkan para usahawan pelajar dan graduan berkecimpung dalam bidang keusahawanan yang berteraskan teknologi, inovasi dan pendigitalan bertepatan dengan gelombang Revolusi Industri 4.0.


KPT pada tahun 2023 telah merekodkan 123,540 (25%) orang usahawan pelajar yang menjalankan perniagaan sepanjang dalam pengajian, manakala seramai 10,005 (6.4%) orang graduan telah memilih usahawan sebagai kerjaya selepas menamatkan pengajian. Bagi bilangan tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran keusahawanan, sebanyak 4,509 orang telah menerima latihan dan mempunyai kemahiran dalam keusahawanan. Bagi syarikat pemula berteraskan teknologi dan digital dalam pelbagai bidang, sebanyak 649 buah syarikat pemula telah direkodkan sepanjang 2023.

## PETUNJUK PRESTASI 2021-2025



Petunjuk Prestasi Uhama (KPI) dari tahun 2021 hingga tahun 2025

## RINGKASAN GRAF BANDINGAN KPI KEUSAHAWANAN TAHUN 2021, 2022 DAN 2023



Sasaran jumlah Syarikat Pemula Pelajar bagi tahun 2021 – 2025

## 5.4. Program *International Millenipreneur Innovation And Commercialization Exhibition* (I-MInE) 2023

Program I-MInE 2023 telah dilaksanakan pada 12 Oktober 2023 di Dewan Tuanku Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM). Program ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT, YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian. Program yang menggabungkan elemen inovasi, teknologi, dan komersial membuka peluang kepada peserta dari universiti tempatan dan antarabangsa untuk membentangkan idea inovatif dan kreatif serta melaksanakan "business pitching" kepada wakil-wakil industri atau agensi bagi tujuan pengkomersialan dan peluang pendanaan. Program ini melibatkan pelbagai sektor, termasuk teknologi maklumat, kejuruteraan dan sains sosial. Peserta dari pelbagai bidang telah menunjukkan semangat keusahawanan yang mengagumkan dan bakat inovatif yang luar biasa.

I-MInE 2023 menyaksikan penyertaan 200 buah produk yang melibatkan lebih kurang 1,000 orang peserta dari dalam serta luar negara seperti negara Singapura, Indonesia, Ghana dan Kazakhstan. Program ini dijangka akan meningkatkan perkembangan ekosistem keusahawanan dan inovasi teknologi di peringkat global melalui jalinan kerjasama dengan peserta-peserta dari luar negara. Ini membuka peluang kepada mereka untuk berinteraksi, bertukar pendapat dalam mencipta produk yang relevan serta beroleh pemahaman yang lebih mendalam tentang keperluan pasaran. Pada masa yang sama, program ini mampu memperkuuhkan kolaborasi di peringkat antarabangsa yang akan membawa kepada penghasilan dan perkembangan produk yang lebih unggul.



Majlis Perasmian Program I-MInE pada 12 Oktober 2023

Dalam program ini, kumpulan *Myplanet Application: An Innovative Recycling System* dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah dinobatkan sebagai juara manakala bagi anugerah khas usahawan antarabangsa disandang oleh Republic Polytechnic Singapore melalui projek mesin pemprosesan tauge.

Pada majlis yang sama, pemeteraian MoU antara KPT yang diwakili oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) dan Setiausaha Bahagian, BPS, KPT bersama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, YBhg. Dato' Mohd Muazzam Mohamed.

Melalui MoU tersebut, Bank Islam telah diberi kepercayaan dan amanah dalam merealisasikan kerjasama strategik bersama KPT untuk membimbing warga siswa meneroka bidang keusahawanan, meningkatkan pengupayaan diri dan memastikan kebolehpasaran graduan dapat ditingkatkan.

Selain itu, Bank Islam turut akan terus menawarkan program celik kewangan bagi mewujudkan kesedaran dan membantu para pelajar menguruskan objektif jangka panjang kewangan mereka.



Juara keseluruhan I-MInE 2023

## 5.5. Program Keusahawanan *University To Community (UTC) 2.0*

Program UTC 2.0 merupakan satu program keusahawanan sosial yang dikelolakan bagi membantu meningkatkan pendapatan syarikat pelajar dan ekonomi isi rumah komuniti. Program ini melibatkan para pelajar IPT yang sedang menjalankan perniagaan dan komuniti terpilih. Melalui program ini idea perniagaan pelajar akan ditindikkan dengan komuniti yang telah dipilih untuk digerakkan menjadi sebuah perniagaan sebenar. Program ini telah dilancarkan pada 27 September 2023 oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT, YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian, di Dewan Muallim Scholar's Suites Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Sesi Showcase dan Majlis Penutupan Program ini dijangka akan diadakan pada November 2024.

Impak kepada program ini adalah seperti berikut:

- (i) Penubuhan 21 buah syarikat keusahawanan sosial (*social enterprise*) pelajar selari dengan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021 - 2025. Syarikat ini mendapat akreditasi sebagai syarikat sosial;
- (ii) 21 buah syarikat yang terlibat dengan perniagaan luar yang dikendalikan syarikat pelajar; dan
- (iii) Peningkatan sosio ekonomi 21 komuniti penerima manfaat (*beneficiaries*).



Penyampaian dana sebanyak RM20,000 kepada 18 buah IPTA, dua (2) IPTS dan JPPKK



Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT bersama para peserta

## 5.6. Pembangunan Mengenai Pengurusan Data Pendidikan Tinggi

Satu pembentangan mengenai Pengurusan Data Pendidikan Tinggi kepada YB Menteri Pendidikan Tinggi telah diadakan pada 17 November 2023. Pembentangan diadakan bagi memaklumkan fungsi Seksyen Data serta peranan dalam pengurusan data dalam ekosistem KPT serta perancangan yang akan datang. Pembentangan tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), KPT; Ketua Pengarah JPT; dan wakil – wakil Bahagian.

Pada pembentangan tersebut, turut dimaklumkan mengenai perancangan Seksyen Data dalam mengorak langkah memulakan projek quick win data raya iaitu Model Prediktif Kebolehpasaran Graduan. Model yang telah dibangunkan tersebut diharap dapat membantu pelajar dan pihak pengurusan IPT dalam meramal status pekerjaan mengikut bidang pengajian pada masa hadapan.

Hasil prediktif ini seterusnya dapat digunakan oleh pelajar dan pihak institusi membuat perancangan yang sewajarnya bagi meningkatkan kemahiran dan pencapaian akademik pelajar. Langkah ini diharapkan agar sebarang jurang keperluan pasaran kerja dan kemahiran pelajar dapat diminimumkan yang secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan tahap kebolehpasaran graduan.



Pembentangan Model Prediktif Kebolehpasaran Graduan kepada Pengurusan Tertinggi KPT oleh TSUB, Seksyen Data, BPS, KPT



Barisan Ahli Pengurusan Tertinggi yang menghadiri Sesi Taklimat Pembangunan Data Raya Pendidikan Tinggi

## 5.7. Penyelarasan Urusan Parlimen KPT

Pada tahun 2023, KPT telah berjaya menyelaras kesemua urusan Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) yang melibatkan KPT iaitu bagi Mesyuarat Pertama, Mesyuarat Kedua, Mesyuarat Khas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 dan Mesyuarat Ketiga.

Dalam hal ini, kesemua 263 pertanyaan yang dibangkitkan merangkumi Pertanyaan Jawab Lisan, Pertanyaan Bukan Lisan dan Kamar Khas bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah dijawab. Isu-isu utama yang dibangkitkan antaranya adalah berkaitan isu kemasukan pelajar ke IPT, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), statistik pendidikan tinggi, TVET dan hal ehwal pelajar.

Selain itu, berhubung dengan kejayaan ini, beberapa siri mesyuarat pemurnian jawapan telah diadakan terdahulu bagi meneliti dan memurnikan jawapan-jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan tersebut.



Bengkel Pemurnian Jawapan Parlimen KPT Bagi Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas Tahun 2023 pada 15 dan 16 Mei 2023 di Perdana Kuala Lumpur City Centre, Kuala Lumpur



Sesi taklimat oleh TSUB, Seksyen Parlimen, Inovasi dan Pemerkaan Bahasa Melayu, BPS, KPT kepada Pegawai Penyelaras Parlimen KPT semasa Bengkel Pemurnian Jawapan Parlimen KPT Bagi Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas Tahun 2023



Ahli Mesyuarat Penyelarasan Urusan Parlimen KPT Bagi Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas Tahun 2023 bersama Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi pada 4 - 6 September 2023 di Hotel Pacific Sutera Harbour Kota Kinabalu, Sabah



Sesi bergambar bersama Menteri dan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi selepas Sesi Penggulungan Perbahasan Belanjawan Tahun 2024 Di Peringkat Jawatankuasa Dewan Rakyat, Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas Tahun 2023 pada 27 November 2023

## **5.8. Laporan Pelaksanaan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Dan Nota Jemaah Menteri (NJM) Tahun 2023**

Berdasarkan Arahan Setiausaha Jemaah Menteri (ASUJM) tahun 2021, Kertas Jemaah Menteri merupakan dokumen-dokumen yang disediakan oleh sesebuah Kementerian dalam bentuk Memorandum atau Nota bertujuan untuk dibentangkan ke Mesyuarat Jemaah Menteri untuk diambil maklum atau dipertimbangkan dan diputuskan bagi perkara-perkara yang khusus dan mustahak antara lain seperti pelaksanaan sesuatu dasar, program atau aktiviti sesebuah Kementerian.

Bagi tahun 2023, BPS telah berjaya menguruskan dan menyelaraskan kertas Jemaah Menteri KPT untuk pertimbangan Mesyuarat Jemaah Menteri seperti berikut:

- (i) MJM berkaitan isu-isu dasar sebanyak 16 MJM;
- (ii) MJM berkaitan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi Badan-Badan Berkanun KPT sebanyak 25 MJM;
- (iii) NJM sebanyak 19 NJM; dan
- (iv) Ulasan KPT berkaitan MJM Kementerian lain sebanyak 80 ulasan.

## **5.9. Majlis Penganugerahan Tokoh Akademik Bahasa Melayu Dan Wacana Bahasa Melayu Kontemporari 2023**

KPT melalui Unit Inovasi dan Pemerkasaan Bahasa Melayu, BPS telah menganjurkan Majlis Penganugerahan Tokoh Akademik Bahasa Melayu dan Wacana Bahasa Melayu Kontemporari 2023, bertempat di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur pada 2 Oktober 2023.

Majlis berprestij ini telah memasuki tahun ke-12 penganjurannya bertujuan untuk mengiktiraf ahli-ahli akademik dalam pelbagai disiplin ilmu yang telah memperlihatkan dampak penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di IPT.

YBhg. Prof. Dr. Farahwahida Mohd Yusof telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu 2023. Beliau merupakan Profesor Pengajian Islam dalam Bidang Akidah Dan Pemikiran di UTM. Beliau secara konsisten menjadikan bidang yang diceburi sebagai wahana dalam memperjuangkan bahasa Melayu di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Bagi menggalakkan penglibatan ahli akademik dalam memartabatkan bahasa Melayu, Kementerian juga turut memberi laluan dan peluang untuk mengiktiraf Pensyarah muda di UA. Peluang ini tidak hanya terhad pada UA, tetapi diperluaskan lagi kepada Pensyarah di Politeknik dan Kolej Komuniti. Tahun 2023 merupakan tahun keempat Kementerian memberikan pengiktirafan kepada dua (2) kategori ini.

Penerima Anugerah Tokoh Harapan Akademik Bahasa Melayu telah dinobatkan kepada Prof. Dr. Mohd Affendi Mohd Shafri daripada UIAM manakala Dr. Norashady Mohd Noor daripada Politeknik Sultan Azlan Shah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Bahasa Melayu Sektor Teknikal.



Ucapan Perasmian Majlis Penganugerahan Tokoh Akademik Bahasa Melayu dan Wacana Bahasa Melayu Kontemporari 2023 oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT



Para penerima Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu dan Wacana Bahasa Melayu Kontemporari 2023



Ucapan Pleno 1: Bahasa Melayu Dan Bangsa Malaysia oleh YBhg. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin



Para tetamu jemputan Majlis Penganugerahan Tokoh Akademik Bahasa Melayu dan Wacana Bahasa Melayu Kontemporari 2023

## 5.10. Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu Di IPTA 2023 - 2030

YB Menteri Pendidikan Tinggi telah melancarkan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di IPTA 2023 – 2030 pada 15 Jun 2023, bertempat di UIAM, Gombak.

Pelan Tindakan ini merupakan kesinambungan dari Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPT 2011 – 2015 dan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di UA 2016 – 2020. Ia adalah salah satu inisiatif KPT dalam meneruskan usaha memartabatkan bahasa Melayu di IPTA.

Pelan Tindakan yang melibatkan kesemua UA, Iapan (8) Politeknik dan tujuh (7) Kolej Komuniti yang terpilih ini merupakan strategi KPT bagi mencapai empat (4) objektif utama, iaitu membudayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, menghasilkan graduan yang berketerampilan dalam bahasa Melayu, merealisasikan bahasa Melayu sebagai wadah pembangunan negara dan memperkuatkkan peranan bahasa Melayu sebagai sumber rujukan setanding dengan bahasa asing.

Empat (4) teras utama yang digariskan dalam Pelan Tindakan ini ialah:

- (i) Pembudayaan bahasa Melayu dalam pengajaran, pembelajaran dan aktiviti kokurikulum;
- (ii) Pemerkayaan bahasa dan persuratan Melayu di IPTA dan antarabangsa;
- (iii) Pengukuhan bahasa Melayu di IPTA sebagai wadah pembangunan negara; dan
- (iv) Pemerkasaan IPTA dalam pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Berasaskan empat (4) teras utama tersebut, Pelan Tindakan ini menyenaraikan 11 strategi dan 26 inisiatif pelaksanaan. Strategi tersebut termasuklah memantapkan penggunaan bahasa Melayu dalam pembelajaran dan pengajaran secara menyeluruh, meningkatkan keboleh pasaran graduan yang berketerampilan dalam bahasa Melayu dan memperbanyak penerbitan bahan ilmiah dan bilangan penulisan dalam bahasa Melayu bagi semua disiplin ilmu.

Pelan Tindakan ini dijangka dapat mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di peringkat pendidikan tinggi. Di samping itu, strategi dan inisiatif yang dirangka turut dapat membantu dalam usaha-usaha pemartabatan bahasa Melayu di IPTA negara.



Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu Di IPTA 2023-2030 oleh Menteri Pendidikan Tinggi



Menteri Pendidikan Tinggi melakukan gimik perasmian pada majlis Pelancaran Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di IPTA 2023-2030 di Kulliyah Of Architecture and Environmental Design (KAED), UIAM

## 5.11. Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) KPT

KPT telah mendapat pensijilan EKSA dengan pencapaian 'Cemerlang' oleh MAMPU pada 1 April 2023. Majlis Penyerahan Sijil Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah berlangsung pada 17 April 2023 di Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, KPT. Penyerahan sijil ini telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah, Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Tuan Lornie Enggong kepada Ketua Setiausaha KPT, YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Jaafar. Beliau menyeru kerjasama semua warga KPT agar EKSA terus dilaksanakan dan kekal menjadi budaya kerja semua warga. Ini kerana EKSA mampu membantu dalam memastikan pelaksanaan tugas harian berjalan dengan lebih kondusif dan teratur.



Majlis Penyerahan Sijil Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) oleh Timbalan Ketua Pengarah MAMPU kepada KSU KPT

## 5.12. Penyertaan Sukan SEA Kemboja

Temasya Sukan SEA Kemboja yang diadakan pada 5 hingga 17 Mei 2023 telah mencatatkan penyertaan atlet IPT seramai 206 orang daripada jumlah keseluruhan 674 orang kontinjen Malaysia. Atlet IPT turut menyumbang sebanyak 84 pingat (48.57%) daripada 175 pingat yang dimenangi oleh kontinjen negara di temasya tersebut.

Atlet IPT negara telah menyumbang 20 daripada 34 pingat emas, 20 daripada 45 pingat perak dan 44 daripada 96 pingat gangsa yang diperoleh oleh kontinjen negara.



Barisan Atlet IPT Sukan SEA Kemboja 2023 menerima insentif kecemerlangan sukan daripada Menteri Pendidikan Tinggi di Dewan Za'ba, KPT

## 5.13. Temasya Sukan Universiti Dunia (*Universiade*) Chengdu, China

Temasya *Universiade* 2023 Chengdu, China yang diadakan pada 28 Julai sehingga 8 Ogos 2023 telah mencatatkan penyertaan atlet IPT seramai 66 orang dan 30 pegawai. Kontinjen IPT negara mengambil bahagian dalam lapan daripada 18 acara sukan yang dipertandingkan. Edisi kali ini menyaksikan Malaysia berjaya meraih emas pertama selepas 38 tahun penyertaan yang bermula dari *Universiade* Kobe, Jepun 1985.

Atlet Wusyu, Tammy Tan Hui Ling menjadi atlet IPT negara pertama yang merangkul pingat emas *Universiade*. Pelari sensasi 400 meter negara, Umar Osman pula mencatat sejarah memadamkan rekod kebangsaan miliknya pada Sukan SEA Kemboja Mei lalu iaitu 46.34 saat sebanyak dua (2) kali dalam tempoh 24 jam dengan masa 46.33 saat dan 46.09 saat serta layak beraksi di akhir.

Secara keseluruhan, atlet IPT negara telah berjaya menyumbangkan satu (1) pingat emas, satu (1) pingat perak dan lima (5) pingat gangsa di Universiade 2023 Chengdu, China.



Barisan atlet IPT negara yang berjaya menyumbangkan satu (1) pingat emas, satu (1) pingat perak dan lima (5) pingat gangsa di Temasya Universiade 2023 di Chengdu, China



Atlet wushu negara, Tammy Tan Hui Ling mencipta sejarah apabila meraih pingat emas pertama dalam temasya sukan universiti dunia (Universiade) di Chengdu, China

## 5.14. Penyertaan Sukan Asia Hangzhou 2023

Temasya Sukan Asia, Hangzhou, China yang diadakan pada 23 September hingga 8 Oktober 2023 telah mencatatkan penyertaan atlet IPT seramai 93 orang daripada jumlah keseluruhan 289 orang kontinjen Malaysia. Atlet IPT turut menyumbang sebanyak 17 pingat (56.25%) daripada 32 pingat yang dimenangi oleh kontinjen negara di temasya tersebut.

Atlet IPT negara telah menyumbang tiga (3) daripada enam (6) pingat emas, lima (5) daripada lapan (8) pingat perak dan sembilan (9) daripada 18 pingat gangsa yang diperoleh oleh kontinjen negara. KPT memaklumkan kejayaan yang diraih itu adalah hasil galakan dan usaha berterusan daripada KPT bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Sukan Negara (MSN) serta pusat-pusat sukan IPT selain kerjasama erat bersama persatuan sukan kebangsaan.



Pemain skuasy negara (dari kiri), Aira Azman, Ng Eain Yow, Aifa Azman dan Rachel Arnold bergambar bersama pingat emas yang dimenangi mereka pada Sukan Asia Hangzhou 2022



Skuad skuasy yang ditunjangi atlet IPT menyumbang tiga (3) pingat emas untuk negara

## 5.15. Biasiswa YB Menteri Pendidikan Tinggi – Atlet Cemerlang IPT 2023

KPT telah menawarkan tajaan Biasiswa YB Menteri Pendidikan Tinggi – Atlet Cemerlang IPT kepada 2,032 orang atlet IPT yang melanjutkan pengajian di IPT seluruh Malaysia mulai tahun 2006. Pemberian tajaan biasiswa dan insentif sukan ini adalah bertujuan untuk memastikan kesinambungan kecemerlangan atlet dalam bidang sukan di IPT dapat diteruskan. Di samping itu, inisiatif ini menjadi sebagai salah satu pengiktirafan kepada para atlet untuk meningkatkan prestasi sukan dan akademik ke tahap yang lebih tinggi.

Seksyen Sukan, BPS selaku urusetia Jawatankuasa Pelaksana program tersebut telah menerima sebanyak 534 permohonan dan saringan awal mendapat 381 permohonan lengkap layak dinilai. Setelah penilaian awal dibuat, permohonan dan sesi temuduga berlangsung pada 5 dan 6 Julai 2023, bertempat di Seksyen Sukan KPT. Pelbagai wakil agensi telah dipanggil bagi menemuduga calon termasuk panel temu duga daripada KPM, KBS, MSN, JPT, Bahagian Biasiswa KPT dan wakil-wakil dari semua Majlis Sukan IPT (MASUM, MASISWA, MSP, dan MASKOM). Lanjutan daripada temuduga tersebut, KPT telah menawarkan tajaan Biasiswa YB Menteri Pendidikan Tinggi – Atlet Cemerlang IPT 2023 kepada 125 orang atlet IPT.

Pemberian biasiswa kepada atlet sukan di universiti bukan sahaja memberi manfaat kepada para atlet dari segi mengurangkan beban kewangan mereka tetapi juga memberi kesan positif terhadap prestasi akademik, pencapaian sukan dan reputasi universiti secara keseluruhan.



Sesi temu duga bagi penawaran Tajaan Biasiswa YB Menteri Pendidikan Tinggi – Atlet Cemerlang IPT 2023



Barisan panel temu duga daripada KPM, KBS, MSN, JPT, Bahagian Biasiswa KPT dan wakil-wakil dari semua Majlis Sukan IPT (MASUM, MASISWA, MSP dan MASKOM)

# Bahagian Hubungan Antarabangsa



# Bahagian Hubungan Antarabangsa

## 1. Latar Belakang

Bahagian Hubungan Antarabangsa (BHA) ditubuhkan bertujuan untuk menyelaras, melaksana serta memperkuatkkan program kerjasama strategik antarabangsa dalam bidang pendidikan tinggi di Malaysia. Menerusi jalinan hubungan dua hala (*bilateral*) serta penglibatan dalam platform pelbagai hala (*multilateral*), BHA bertanggungjawab meningkatkan imej global Malaysia sebagai salah satu peneraju terunggul dalam bidang pendidikan tinggi. Antara usaha lain yang diterajui oleh BHA termasuklah memastikan Malaysia terus mendapat manfaat daripada penglibatan dan keahlian dalam pertubuhan dan organisasi antarabangsa.

**BHA merangkumi enam (6) Unit seperti berikut:**

- 1.1. Unit A1 : East Asia, South Asia, Southeast Asia, Regional Cooperation Bodies dan ASEAN Socio-Cultural Community-Education;
- 1.2. Unit A2 : West Asia, Central Asia, OIC, D-8, ICESCO dan IUT;
- 1.3. Unit A3 : Africa, Oceania, United Nations, Islamic Development Bank, The Commonwealth, IORA;
- 1.4. Unit A4 : Europe, Americas, European Union, ASEM, APEC; dan
- 1.5. Unit A5 : The United Nations Educational, Scientific And Cultural Organization (Jawatankuasa Kecil Tetap Pendidikan Tinggi UNESCO), Colombo Plan Staff College, BIMP-EAGA dan Biasiswa Antarabangsa; dan
- 1.6. Unit Pentadbiran.

## 2. Program Utama Tahun 2023

### 2.1. Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama (*Memorandum of Cooperation – MoC*) Bagi Penubuhan Kampus Cawangan Universiti Tsukuba Di Malaysia

Cadangan penubuhan sebuah kampus cawangan institusi pendidikan tinggi Jepun di Malaysia telah diutarakan oleh YAB Perdana Menteri Ke-7 kepada Perdana Menteri Jepun (Mendiang) Shinzo Abe semasa persidangan antarabangsa *Asian Future* Ke-24 di Jepun pada 11 dan 12 Jun 2018.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Februari 2020 telah bersetuju dengan penubuhan Universiti Tsukuba di Malaysia yang antara lain, akan melibatkan sumbangan tahunan sebanyak USD1.2 juta oleh Kerajaan Malaysia serta kampus cawangan Universiti Tsukuba akan diwujudkan di dalam kampus Universiti Malaya. Selain itu, Kementerian Pendidikan (pada ketika itu) juga diminta untuk segera memuktamadkan perjanjian penubuhan Universiti Tsukuba di Malaysia.

Hasilnya, KPT telah memeterai MoC dengan kerajaan Jepun pada 14 Mac 2023 bagi penubuhan kampus cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia. Memorandum itu telah ditandatangani oleh YB Dato' Seri

Mohamed Khaled Nordin bagi kerajaan Malaysia, manakala untuk kerajaan Jepun pula telah diwakili oleh TYT Takahashi Katsuhiko, Duta Besar Jepun ke Malaysia.

MoC tersebut merakamkan detik bersejarah kepada sektor pendidikan tinggi kedua-dua buah negara apabila Malaysia telah dipilih menjadi negara pertama di dunia bagi mana-mana universiti Jepun membuka kampus cawangan luar negaranya. Pemilihan ini juga merupakan satu pengiktirafan tertinggi kepada dunia akademia negara memandangkan kedudukan Universiti Tsukuba yang telah ditubuhkan semenjak 1872 adalah antara 10 IPT awam terbaik di Jepun. Pembukaan cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia bakal memenuhi azam KPT untuk menjadikan Malaysia sebagai hab bakat dan pusat pengetahuan terulung di peringkat global.

Hadir sama Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB. Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal; TKSU (Dasar) KPT, YBhg. Dato' Dr. Megat Sany Megat Ahmad Supian; serta pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kedutaan Jepun.



Sesi menandatangi dokumen MoC oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin bagi kerajaan Malaysia manakala untuk kerajaan Jepun pula telah diwakili oleh Duta Besar Jepun ke Malaysia, TYT Takahashi Katsuhiko

Program ini berobjektifkan untuk:

**(i) Menggalakkan dan memperluaskan kerjasama dalam bidang pendidikan tinggi**

Pemilihan Malaysia sebagai lokasi penubuhan kampus cawangan universiti awam Jepun pertama di dunia merupakan pengiktirafan penting kepada Malaysia di mana menerusi kerjasama ini, Jepun mengiktiraf hubungan dua (2) hala erat bersama Malaysia serta pengurusan pendidikan tinggi yang berkualiti di Malaysia.

Pemeteraihan MoC tersebut juga akan memperluas jaringan kerjasama pendidikan tinggi antara kedua-dua buah negara melalui pemantapan kerjasama sedia ada dan juga penerokaan kerjasama baharu dalam bidang pendidikan tinggi.

**(ii) Menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi serantau**

Selaras dengan dasar pengantarabangsaan pendidikan tinggi yang digariskan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), penubuhan kampus cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia merupakan suatu anjakan kepada Malaysia dalam merealisasikan aspirasi sebagai hab pendidikan tinggi serantau selain membuka peluang kerjasama dalam bidang pendidikan tinggi khususnya melibatkan program mobiliti, pelaksanaan program akademik serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Penubuhan kampus cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia kelak diharap dapat menjadi alternatif kepada pelajar Malaysia untuk mengikuti pengajian di universiti Jepun di dalam negara selain menjimatkan perbelanjaan Kerajaan dalam menampung kos pengajian pelajar Malaysia ke negara berkenaan. Selain itu, ia juga dapat menarik lebih ramai pelajar dari negara-negara luar untuk mengikuti pengajian di kampus cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia memandangkan kos sara hidup yang lebih rendah berbanding di Jepun.



Sesi pertukaran dokumen MoC antara wakil Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Jepun



Menteri Pendidikan Tinggi menyampaikan ucapan semasa majlis tersebut

Kerajaan Jepun yang diwakili oleh TYT Takahashi Katsuhiko, Duta Besar Jepun ke Malaysia turut menyampaikan ucapan semasa majlis tersebut



Menerusi penubuhan kampus cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia, Kerajaan Jepun komited memastikan syarikat-syarikat swasta Jepun menyokong inisiatif tersebut. Hal ini secara langsung dapat meningkatkan kemasukan pelabur asing ke Malaysia, menyokong pertumbuhan ekonomi negara serta meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan. Di samping itu, Kerajaan Jepun juga akan menggalakkan Universiti Tsukuba Jepun untuk menawarkan peluang biasiswa kepada warganegara Malaysia yang melanjutkan pengajian di kampus cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia.

Selain daripada dapat meningkatkan bilangan kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia, inisiatif penubuhan kampus cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia ini juga dipercayai dapat menggalakkan kerjasama dalam bidang pendidikan tinggi di peringkat institusi dengan membuka lebih banyak peluang kerjasama dalam program mobiliti, pelaksanaan program akademik serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan (*Research and Development*).

Pemeteraian MoC antara Kerajaan Malaysia dengan MEXT dan MOFA Jepun berhubung penubuhan kampus cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia mampu memberi manfaat yang besar kepada pembangunan pendidikan tinggi negara, mempromosikan kepelbagaian budaya yang dimiliki negara ini serta memperkuatkkan hubungan antara Malaysia dan Jepun.

## 2.2. Lawatan Kerja Ke Doha, Qatar Dan Persekutuan Rusia (14 - 20 Mei 2023)

### (i) Lawatan Kerja ke Doha, Qatar

Lawatan kerja YB Menteri Pendidikan Tinggi ke Doha, Qatar bertujuan mengukuh dan mengembangkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara dalam sektor pendidikan tinggi. Agenda lawatan kerja yang bermula 14 hingga 16 Mei 2023 tersebut melibatkan lapan (8) pengisian utama yang merangkumi:

#### (a) Pertemuan bersama *Qatar Foundation* dan *Education Above All*

Delegasi KPT yang diwakili oleh YB Menteri, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan Tinggi dan Pengerusi Education Malaysia Global Services (EMGS) telah mengadakan pertemuan dengan *Qatar Foundation* (QF) yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Mr. Francisco J. Marmolejo dan *Education Above All Foundation* yang diwakili oleh Mr. Fahad Hamed Hasan Al Sulaiti.

Perbincangan dengan kedua-dua organisasi tersebut menyentuh pelbagai perkara berkaitan sektor pendidikan tinggi yang boleh dirumuskan seperti berikut:


- penzahiran penghargaan terhadap pelbagai inisiatif kedua-dua organisasi tersebut dalam memperkasa pendidikan di dalam dan luar Qatar;
- peluang penajaan dan bantuan pendidikan tinggi kepada pelarian dan pelajar-pelajar dari negara-negara yang berhadapan dengan konflik. Malaysia melalui IPT tempatan bakal menawarkan tempat dan program pengajian tinggi yang bersesuaian kepada para pelajar dari negara yang berhadapan konflik yang akan ditaja oleh pihak Kerajaan Qatar melalui QF. Setakat ini hanya tiga (3) negara terpilih untuk menguruskan program tersebut iaitu Malaysia, Indonesia dan Amerika Syarikat. Sebagai permulaan, seramai 100 orang peserta akan ditempatkan di UIAM manakala seramai 150 orang penerima bantuan lain akan menyertai program pengajian tinggi di Indonesia dan 200 orang lagi di Amerika Syarikat;
- keperluan untuk kedua-dua pihak melakukan usaha sama yang lebih serius dan berkesan dalam menjawab prejedis dan stigma Islamofobia;
- kesediaan kedua-dua pihak untuk meneroka peluang mengadakan kerjasama dalam pemantapan program TVET di kedua-dua negara;
- perkongsian pengalaman daripada Malaysia kepada negara Qatar bagi membantu membangun dan mengembangkan instrumen waqaf dalam sektor pendidikan tinggi; dan
- penyataan kesediaan Kementerian Pendidikan Tinggi dan Malaysia untuk menerima lebih ramai pelajar, penyelidik, pensyarah dan ahli akademik tajaan kedua-dua organisasi ini untuk melanjutkan pengajian, menjalankan penyelidikan atau menjalani program pembangunan kapasiti di IPT-IPT Malaysia.

**(b) Pertemuan Dengan *Thani Abdullah Foundation For Humanity*, 15 Mei 2023**

Dalam pertemuan dengan Ketua Pegawai Eksekutif *Thani Abdullah Foundation for Humanity*, Dr. Ayedh Dabsan Al-Qahtani, KPT menzahirkan dan menegaskan kembali kesediaan sektor pendidikan tinggi negara untuk membantu memberi latihan dan pendidikan tinggi kepada mereka dari negara yang berhadapan dengan konflik dan golongan yang memerlukan bantuan.



Menteri Pendidikan Tinggi bersama dengan Presiden Pendidikan Tinggi dan Penasihat *Qatar Foundation* (QF), Tuan Francisco J. Marmolejo



Menteri Pendidikan Tinggi bersama dengan Dr. Ayedh Dabsan Al Qahtani, wakil kepada Pertubuhan *Al Thani Foundation*

**(c) Pertemuan Dua Hala YB Menteri Pendidikan Tinggi Dengan Menteri Pendidikan Dan Pendidikan Tinggi Qatar (15 Mei 2023)**

- Pertemuan ini melibatkan Menteri Pendidikan dan Pendidikan Tinggi Qatar, PYT Buthaina Bint Ali Al Jabr Al-Naumi serta pegawai-pegawai kanan kementerian tersebut.
- Dalam pertemuan ini, YB Menteri Pendidikan Tinggi telah berkongsi mengenai dasar dan hala tuju Malaysia dalam landskap pendidikan tinggi di peringkat global serta pendekatan Malaysia terhadap pelbagai isu dua hala dan serantau yang mempunyai kepentingan bersama dengan Qatar.
- Secara khususnya, pertemuan ini telah menyentuh, membincang dan merundingkan pelbagai inisiatif baharu dan kerjasama strategik antara kedua-dua kementerian yang antara lain merangkumi:
- keperluan mewujudkan usaha sama penyelidikan antara kedua-dua negara, khususnya dalam subjek perubahan iklim, keterjaminan makanan dan keperluan menguruskan *technological disruptions*. Kerjasama ini dirancang sebagai asas pembentukan suatu kerjasama yang lebih besar di peringkat global seperti *global endowment/ waqf* yang berupaya membuka ruang penglibatan/sokongan oleh pelbagai negara, organisasi dan entiti lain;

- KPT telah memaklumkan berkenaan pembukaan kampus cawangan antarabangsa dan penawaran program luar pesisir (*offshore programme*) UKM kampus Doha, Qatar. Pembinaan dan pembukaan kampus cawangan antarabangsa UKM tersebut dibiayai sepenuhnya oleh *The Regional Group Qatar* dengan anggaran modal awal sebanyak QAR 25 juta atau bersamaan dengan RM 29.5 juta. Sebagai permulaan, empat (4) program Sarjana Muda yang akan ditawarkan adalah dalam bidang Pentadbiran Perniagaan, Kejuruteraan (Kejuruteraan Awam), Kejuruteraan Perisian (Pembangunan Sistem Maklumat) dan Kejururawatan dan Sains (Teknologi Kimia);
- KPT juga memaklumkan berkenaan pelan Universiti Sains Malaysia (USM) untuk menawarkan program pesisir doktor perubatan bersama-sama *Al Azhar Group of Institutions* (AAGI) yang kini sedang dalam proses permohonan;
- penyaluran dana *Qatar Fund for Development* (QFFD) bagi tujuan pendidikan tinggi di Malaysia; dan
- pemakluman kerjasama antara UIAM dan UPM dengan *Qatar University* dan *Aljazeera Media Institute*.



Kunjungan hormat Menteri Pendidikan Tinggi kepada Menteri Pendidikan dan Pendidikan Tinggi Qatar, PYT Buthaina Bint Ali Al Jabr Al-Naumi

**(d) Pemeteraiam Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding – MoU*) Antara Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Dengan Al-Jazeera Media Institute (16 Mei 2023)**


YB Menteri Pendidikan Tinggi juga telah mengadakan lawatan kerja ke *Al-Jazeera Media Institute* iaitu sebuah pusat pengetahuan dan latihan yang menyediakan pelbagai kursus latihan pelbagai disiplin dalam bidang komunikasi. Lawatan kerja ini dilengkapkan dengan YB Menteri Pendidikan Tinggi menyaksikan pemeteraiam MoU antara UIAM dengan *Al-Jazeera Media Institute*. Kerjasama tersebut menumpukan kepada penyediaan ruang dan peluang untuk para pelajar dari UIAM melakukan latihan industri, menerima pendedahan dan mendapat bimbingan profesional dalam bidang media, komunikasi serta pengendalian agensi ber taraf dunia.



YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin menyaksikan proses pertukaran MoU UIAM dan *Al Jazeera Media Institute*

**(e) Pertemuan Dengan *The Regional Group Qatar* Dan Lawatan Ke Kampus Cawangan UKM Di Doha, Qatar**

Lawatan Kerja YB Menteri Pendidikan Tinggi ke Doha, Qatar diakhiri dengan pertemuan dengan pengurusan tertinggi *The Regional Group Qatar* iaitu pihak yang membiayai pembinaan kampus cawangan UKM dengan kos sebanyak RM29.5 juta di atas tapak seluas 1.3 hektar. Lawatan ringkas ke kampus sementara cawangan UKM tersebut membolehkan KPT meninjau sendiri perkembangan dan status semasa kampus cawangan UKM sebelum UKM menawarkan 4 program secara pesisir (*offshore*) yang kemasukan pertamanya dijangka bermula pada penghujung tahun 2023.



Delegasi Malaysia sedang memantau perkembangan dan status pembinaan ke kampus cawangan antarabangsa UKM



YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin menandatangan plak lawatan rasmi ke kampus cawangan antarabangsa UKM

## 2.3. Lawatan Kerja ke Persekutuan Rusia

Lawatan kerja ke Republik Tatarstan, Persekutuan Rusia dari 17 hingga 19 Mei 2023 adalah bagi menghadiri "Russia-Islamic World: Kazan Forum 2023" yang berlangsung di Kazan, Republik Tatarstan, Persekutuan Rusia dan selanjutnya meneroka peluang kolaborasi strategik dalam sektor pendidikan tinggi. Terdapat lima (5) pengisian utama lawatan kerja berkenaan seperti berikut :

### (i) Kunjungan Hormat Ke Atas Rais (Head) Republik Tatarstan (17 Mei 2023)

YB Menteri, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan Tinggi, Pengurus EMGS dan Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas H.E. Rustam Minnikhanov, Rais (Head) Republik Tatarstan yang merupakan tuan rumah kepada *Kazan Forum*.

Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua belah pihak telah bertukar pandangan mengenai dasar dan pendekatan Kerajaan masing-masing dalam sistem pendidikan tinggi serta membincangkan mengenai peluang kerjasama yang boleh dilaksanakan antara Malaysia dengan Republik Tatarstan. Fokus perbincangan merangkumi, antara lain, perkara-perkara berikut:

- (a) pembangunan modal insan dan latihan pengembangan kapasiti dalam bidang/industri halal;
- (b) pembangunan kapasiti dan latihan kepada jurubank dan profesional kewangan dari Republik Tatarstan oleh USIM dalam bidang perbankan dan kewangan Islam;
- (c) kesediaan Malaysia untuk menerima lebih ramai pelajar dan golongan profesional dari Republik Tatarstan untuk mengikuti pengajian dan latihan di Malaysia; dan
- (d) keperluan untuk kedua-dua pihak mengadakan kerjasama penyelidikan secara lebih berfokus khususnya dalam berhadapan dengan *megatrends* dunia.



YB Menteri Pendidikan Tinggi mengadakan kunjung hormat ke atas Presiden Republik Tartastan, TYT Rustam Minnikhanov

## (ii) Mesyuarat Dua Hala Dengan Kementerian Sains Dan Pendidikan Tinggi Rusia (18 Mei 2023)

Mesyuarat dua (2) hala ini diketuai Menteri Pendidikan Tinggi manakala pihak Persekutuan Rusia diketuai Timbalan Menteri Sains dan Pendidikan Tinggi Rusia, Ayrat Gatiyatov dengan kehadiran Duta Rusia ke Malaysia dan kepimpinan utama beberapa universiti terkemuka Rusia.

Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua pihak telah bertukar pandangan mengenai bidang pendidikan tinggi dan hubungan dua hala antara Malaysia-Rusia yang telah sedia terjalin.

Antara perkara yang menjadi fokus dalam sesi tersebut adalah seperti berikut:

- (a) pengiktirafan Malaysia kepada Rusia sebagai negara sumber baharu teknologi dan kesediaan Malaysia untuk meneroka kerjasama strategik ke tahap yang lebih tinggi dalam bidang-bidang yang khusus;
- (b) SM diperkenalkan sebagai destinasi pilihan bagi kerjasama dalam disiplin kelestarian (*sustainability*);
- (c) hasrat USM untuk menjalankan kerjasama strategik yang melibatkan pemindahan teknologi dan kepakaran berkenaan teknologi *rocket launcher* bagi melancarkan satelit *Low Earth Orbit* (LOE) ke orbit;
- (d) kesediaan KPT melalui Agensi Kelayakan Malaysia untuk bekerjasama dan mengiktiraf secara strategik dan timbal balik (*mutual and reciprocal recognition*) kursus pengajian/ program oleh institusi-institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan Rusia khususnya *Federal Service for Supervision in Education and Science*; dan
- (e) Kerajaan Malaysia telah diminta menamakan wakil negara dalam *Malaysia-Russia Joint Commission on Economic, Scientific, Technical and Cultural Cooperation (JC ESTC)/ Bilateral Joint Commission/ JC*. Jawatankuasa peringkat negara yang ditubuhkan pada 2015 ini dipengerusikan secara bersama oleh wakil kedua-dua negara. Pihak Rusia telah menamakan Menteri Sains dan Pendidikan Tinggi mereka, Valery Falkov sebagai wakil. Kerajaan Rusia turut mencadangkan agar mesyuarat/ pertemuan jawatankuasa ini yang berikutnya diadakan di Malaysia memandangkan sesi pertamanya pada tahun 2019 telah dilakukan di Moscow, Rusia.



Menteri Pendidikan Tinggi berjabat tangan bersama Timbalan Menteri Kementerian Sains dan Pendidikan Tinggi Persekutuan Rusia



Menteri Pendidikan Tinggi bersama delegasi Malaysia di dalam Mesyuarat Dua Hala bersama Kementerian Sains dan Pendidikan Tinggi, Rusia

### **(iii) Kazan Forum**

Menteri Pendidikan Tinggi telah menyampaikan ucaptama semasa sidang panel *Kazan Forum 2023* berkenaan hubungan kerjasama dalam sains dan pendidikan tinggi di kalangan negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Selain itu, Menteri Pendidikan Tinggi semasa sesi Meja Bulat telah menghujahkan bahawa kerjasama dalam bidang sains dan pendidikan antara Malaysia dan Rusia telah membawa manfaat yang besar kepada kedua-dua negara dalam penyelidikan bidang seperti sains, teknologi, perubatan dan kejuruteraan.

Secara keseluruhannya lawatan kerja ini telah mencapai sasaran objektif yang digariskan khususnya dalam memata kerjasama baharu, memperkemas kerjasama sedia ada dan mengukuhkan kredibiliti serta keterlihatan sektor pendidikan tinggi Malaysia di peringkat global. KPT akan mengambil pelbagai tindakan susulan bagi merangka pelan pelaksanaan dan usaha merealisasikan segala hasil lawatan kerja ini.



YB Menteri Pendidikan Tinggi bersama ahli panel yang lain bagi sesi sidang panel – Kerjasama Dalam Bidang Sains dan Pendidikan Tinggi Dalam Kalangan Negara Anggota OIC

## **2.4. Lawatan Kerja Menteri Pendidikan Tinggi Ke Republik Turkiye Dan Republik Islam Iran (5 - 10 Oktober 2023)**

### **(i) Lawatan Kerja Ke Republik Turkiye (5 - 7 Oktober 2024)**

Lawatan kerja Menteri Pendidikan Tinggi ke Republik Turkiye ialah kesinambungan usaha KPT dalam memperkuatkan hubungan dua hala pendidikan tinggi dan meneroka prospek-prospek kerjasama baharu dalam bidang penyelidikan, pertukaran tenaga pakar dan program mobiliti pelajar jangka pendek antara Malaysia dan Republik Turkiye.

### **(ii) Lawatan Kerja Ke *Istanbul Gelisim University*, Istanbul, Republik Turkiye dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU)**

Menteri Pendidikan Tinggi telah melakukan lawatan kerja ke *Istanbul Gelisim University*, Istanbul, Republik Turkiye dan mengadakan pertemuan dengan pihak pengurusan tertinggi universiti tersebut yang diketuai oleh Rektor *Istanbul Gelisim University*, Profesor Dr. Bahri Sahin. Hasil lawatan kerja tersebut, sebanyak tiga (3) MoU telah dimeterai.



Menteri Pendidikan Tinggi menyaksikan Majlis Pertukaran MoU antara USM dan *Istanbul Gelisim University* (IGU), Republik Turkiye.



Menteri Pendidikan Tinggi dan delegasi Malaysia bersama pihak pengurusan tertinggi *Istanbul Gelisim University* (IGU), Republik Turkiye.

Pemeteraihan MoU antara Universiti Sains Malaysia (USM) dan *Istanbul Gelisim University* adalah mengenai pelaksanaan program pesisir (*offshore*) bagi membangun dan mengadakan program akademik khususnya pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. MoU tersebut juga, antara lainnya, membolehkan *Istanbul Gelisim University* menjadi hos dalam melaksanakan program pesisir USM meliputi program pertukaran pelajar, program musim panas, sangkutan industri dan sebagainya.

## 2.5. Lawatan Kerja Ke Republik Islam Iran (7 - 10 Oktober 2023)

Lawatan kerja Menteri Pendidikan Tinggi ke Republik Islam Iran adalah untuk memperkuatkan hubungan dua (2) hala pendidikan tinggi dan meneroka prospek-prospek kerjasama baharu dalam bidang penyelidikan, pertukaran tenaga pakar dan program mobiliti pelajar jangka pendek antara Malaysia dan Republik Islam Iran.

### (i) Lawatan Kerja ke University of Isfahan, Republik Islam Iran dan Majlis Menandatangani MoU dan MoC

Lawatan kerja Menteri Pendidikan Tinggi ke Republik Islam Iran telah dimulakan dengan melakukan lawatan kerja ke University of Isfahan, Isfahan, Republik Islam Iran. Semasa lawatan kerja ke universiti berkenaan, Menteri Pendidikan Tinggi dan delegasi telah disambut oleh TYT Dr. Hashem Dadashpour, Timbalan Menteri Sains, Penyelidikan dan Teknologi Republik Islam Iran dan Profesor Hossein Harsij, Presiden University of Isfahan serta pengurusan tertinggi universiti tersebut.

Hasil lawatan kerja tersebut, sebanyak lima (5) MoU dan satu (1) MoC telah dimeterai. Turut dimeterai semasa lawatan kerja YB Menteri Pendidikan Tinggi ke University of Isfahan ialah MoU antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Art University of Isfahan mengenai kerjasama akademik, penyelidikan dan teknologi melibatkan pelajar, kakitangan dan penyelidik dalam bidang pendidikan dan kebudayaan.



Menteri Pendidikan Tinggi menyampaikan syarahan awam semasa lawatan kerja ke University of Isfahan, Republik Islam Iran



### (ii) Lawatan ke Islamic Azad University, Republik Islam Iran

Seterusnya, Menteri Pendidikan Tinggi juga telah melakukan lawatan kerja ke Islamic Azad University, Isfahan, Republik Islam Iran. Menteri dan delegasi telah disambut oleh Presiden Islamic Azad University, Profesor Dr. Mohammad Mehdi Tehranchi dan pengurusan tertinggi universiti tersebut. Semasa lawatan kerja tersebut, Menteri Pendidikan Tinggi telah dijemput untuk memberikan syarahan umum kepada cendekiawan, pelajar, kakitangan dan pengurusan tertinggi universiti mengenai cabaran-cabaran global seperti perubahan cuaca, pendidikan dan keterjaminan makanan.

Melalui syarahan awam beliau, Menteri Pendidikan Tinggi telah mencadangkan pendekatan bagi mendepani cabaran-cabaran global yang dimaksudkan melalui kerjasama pendidikan tinggi dalam bidang penyelidikan sains, teknologi dan inovasi.

Hasil lawatan kerja Menteri Pendidikan Tinggi ke Islamic Azad University, sebanyak lima (5) MoU dan satu (1) MoC telah dimeterai.

EMGS turut memeterai MoU antara dan kedua-dua universiti berkenaan berhubung pelaksanaan Program Pertukaran Pelajar Musim Sejuk. Program tersebut merangkumi aktiviti pembangunan kepimpinan pelajar dan pendedahan kepada cabaran-cabaran global seperti perubahan iklim, *sustainable development goals* (SDG) dan belia.

### **(iii) 3rd D-8 International University Board Of Trustees Meeting (9 Oktober 2023)**

YB Menteri Pendidikan Tinggi juga telah menghadiri *3rd D-8 International University Board of Trustees Meeting* selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah D-8 International University mewakili Malaysia bersama lima (5) Ahli Lembaga Pemegang Amanah D-8 International University mewakili negara-negara anggota Pertubuhan Kerjasama Ekonomi D-8 iaitu Bangladesh, Indonesia, Iran, Nigeria, dan Pakistan (Mesir dan Turkiye tidak menghadiri mesyuarat dengan maaf). Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Sekretariat Pertubuhan Kerjasama Ekonomi D-8.



Menteri Pendidikan Tinggi dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah D-8 International University semasa *3rd D-8 International University Board of Trustees Meeting* di D-8 International University, Hamedan, Republik Islam Iran



Menteri Pendidikan Tinggi dan delegasi Malaysia semasa *3rd D-8 International University Board of Trustees Meeting* di D-8 International University, Hamedan, Republik Islam Iran

Secara keseluruhannya lawatan kerja ini telah mencapai sasaran objektif yang digariskan khususnya bagi meningkatkan pengiktirafan secara langsung terhadap keupayaan dan kualiti sektor pendidikan tinggi Malaysia, merancakkan jalinan Kerjasama dalam aspek Pembangunan kapasiti, pemindahan ilmu, perkongsian kepakaran, penyelidikan dan program mobiliti sekaligus meningkatkan keterlihatan sektor pendidikan tinggi Malaysia di peringkat serantau dan global.

## **2.6. Mesyuarat Joint Malaysia - Russia Commission For Economic, Scientific, Technical And Cultural Cooperation [JC-ESTC] (8 - 10 November 2023)**

Perjanjian penubuhan Suruhanjaya Bersama Malaysia-Rusia bagi Kerjasama Ekonomi, Saintifik, Teknikal dan Kebudayaan (JC-ESTC) telah ditandatangani pada 21 November 2015 di Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 di Kuala Lumpur. Sesi Pertama bagi Suruhanjaya Bersama Malaysia-Persekutuan Rusia Mengenai Kerjasama Ekonomi, Saintifik, Teknikal dan Kebudayaan (*Joint Malaysia-Russia Commission for Economic, Scientific, Technical and Cultural Cooperation* – JC-ESTC) telah diadakan di Moscow dari 30 September hingga 2 Oktober 2019 dipengerusikan secara bersama oleh mantan Menteri Hal Ehwal Ekonomi Malaysia, YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Industri dan Perdagangan Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama (TYT) Denis Manturov.

Sewaktu lawatan kerja mantan Menteri Pendidikan Tinggi ke Persekutuan Rusia pada 16 hingga 18 Mei 2023, pihak Rusia telah memaklumkan pelantikan Menteri Sains dan Pendidikan Tinggi mereka, Valery Falkov sebagai Pengurus Bersama JC-ESTC yang baharu bagi pihak Rusia. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Mei 2023 telah bersetuju supaya Menteri Pendidikan Tinggi menjadi wakil negara dan pengerusi bersama bagi JC-ESTC. Selaras dengan itu, (KPT) telah mengambil alih secara rasminya fungsi Sekretariat Kebangsaan JC-ESTC bagi pihak Malaysia.

Mesyuarat kali kedua ini merupakan mesyuarat JC-ESTC yang dijadualkan pada tahun 2020, namun tidak dapat bersidang disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan disusuli pula dengan konflik Rusia-Ukraine. Delegasi Rusia telah diketuai oleh *His Excellency* Valery Falkov, Menteri Sains dan Pendidikan Tinggi Persekutuan Rusia dan delegasi Malaysia pula diketuai oleh Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia selaku Pengurus bersama JC-ESTC, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

Kedua-dua Pengurus bersama telah menawarkan sokongan sebagai pemudah cara dan fasilitator dalam keseluruhan ekosistem perdagangan dan industri, ekonomi, saintifik, teknikal dan kebudayaan. Kedua-dua negara telah menggalakkan semua kementerian, agensi, organisasi dan semua pihak berkepentingan yang berkaitan untuk memperkuatkannya lagi kerjasama ekonomi, sains, teknikal, dan kebudayaan antara kedua-dua negara serta memanfaatkan platform dan jawatankuasa yang sedia ada dalam usaha mencapai matlamat tersebut.

Mesyuarat yang berlangsung selama 3 hari ini telah membuka perspektif baru hubungan dua hala antara Malaysia dan Rusia terutamanya dalam bidang perdagangan dan pelaburan, pendidikan tinggi, sektor industri, pertanian, pengangkutan dan lain-lain. Sebanyak 19 kementerian dan agensi dari Malaysia dan 10 kementerian dan agensi dari Rusia terlibat bersama-sama membincangkan mengenai hala tuju dan kerjasama dalam 13 bidang kerjasama yang ditetapkan.

Sorotan utama Mesyuarat JC-ESTC ini ialah Konsultasi Teknikal bagi Penelitian Draf *Agreed Minutes*, Mesyuarat Tertutup antara Malaysia dan Rusia, Sesi Plenari, Pemeteraian dan Pertukaran Dokumen antara institusi pendidikan tinggi Malaysia-Rusia termasuklah pelancaran '*Mirror Lab*' oleh *National Research University Higher School of Economics* (HSE) St. Petersburg dan *Azman Hashim International Business School* (AHIBS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

### **(i) Konsultasi Teknikal bagi Penelitian Draf Agreed Minutes**

Pada 8 November 2023 telah berlangsung Konsultasi Teknikal bagi Penelitian Draf Agreed Minutes yang telah dipengerusikan bersama oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT, YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian dan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kerjasama Ekonomi Multilateral dan Projek Khas Persekutuan Rusia, Ms. Evgeniya Aksenova. Dalam konsultasi ini, kedua-dua pihak telah memperhalusi dan mempersetujui 13 bidang kerjasama.



Konsultasi Teknikal bagi Penelitian Draf Agreed Minutes yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT, YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian bersama Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kerjasama Ekonomi Multilateral dan Projek Khas Persekutuan Rusia, Ms. Evgeniya Aksenova

### **(ii) Mesyuarat Tertutup antara Malaysia dan Persekutuan Rusia**

Pada 9 November 2023 telah berlangsung Mesyuarat Tertutup antara Malaysia dan Persekutuan Rusia yang melibatkan beberapa kementerian dan agensi tertentu bagi membincangkan dan meneroka isu-isu seperti pendidikan tinggi, pendidikan, keselamatan makanan dan produk halal serta kewangan dan perbankan.

Mesyuarat tertutup ini telah membincangkan isu berbangkit secara komprehensif bagi kedua-dua belah pihak mendapatkan pencerahan yang konkrit daripada kementerian serta agensi yang terlibat.



Menteri Pendidikan Tinggi mengetua delegasi Malaysia di dalam Mesyuarat Tertutup antara Malaysia dan Persekutuan Rusia

### (iii) Sesi Plenari JC-ESTC

Pada sesi ini pula, Menteri Pendidikan Tinggi telah menyampaikan ucapan alu-aluan dengan menyatakan bahawa mesyuarat ini menandakan detik penting dalam kolaborasi antara Malaysia dan Rusia. Mesyuarat ini sememangnya platform penting untuk membincangkan, mengukuhkan dan mengembangkan kerjasama dalam pelbagai bidang. Ia juga telah menjadi komitmen bersama bagi memajukan hubungan ekonomi, saintifik, teknikal dan budaya melalui landasan yang telah dibina untuk masa depan yang sejahtera bagi kedua-dua negara.

Dalam ucapan balas YB Valery Falkov pula, beliau menyatakan bahawa hubungan antara Rusia dan Malaysia melalui JC-ESTC dijangka akan mengeratkan lagi kerjasama sedia ada di antara kedua-dua buah negara.

Mesyuarat kedua JC-ESTC akan menjadi kesinambungan kepada perancangan program dan jaringan kerjasama untuk faedah bersama pada masa hadapan. Beberapa pembentangan/ laporan telah diadakan semasa sesi ini.



Sesi Plenari Mesyuarat JC-ESTC yang dipengerusikan Bersama YB Menteri Pendidikan Tinggi dan Menteri Sains dan Pendidikan Tinggi Persekutuan Rusia

### (iv) Pemeteraihan dan Pertukaran Dokumen antara IPT Malaysia-Rusia

Usai pembentangan laporan dan ucapan penutup dari kedua-dua pengurus bersama JC-ESTC, sesi pemeteraihan dan pertukaran dokumen perjanjian persefahaman telah berlangsung. Lapan (8) dokumen antara Malaysia dan Rusia yang melibatkan bidang saintifik, pendidikan serta memperhebat promosi Bahasa Melayu dan Rusia dalam kalangan mahasiswa serta institusi pendidikan tinggi telah ditandatangani.

Kehadiran Menteri Sains dan Pendidikan Tinggi Persekutuan Rusia dan delegasi Rusia ke Mesyuarat JC-ESTC menunjukkan komitmen negara terhadap kerjasama dua hala di antara Malaysia dan Rusia. Mesyuarat JC-ESTC ini juga telah membincangkan berkenaan pelaksanaan inisiatif yang akan dikenal pasti dalam pelbagai bidang yang berpotensi. Selain menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, Mesyuarat JC-ESTC ini juga akan mengeratkan lagi jalinan kerjasama di antara kedua-dua negara.



Pemeteraihan dan Pertukaran Dokumen antara Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia dan Persekutuan Rusia

## 2.7. Lawatan Kerja Menteri Pendidikan Tinggi Ke Republik Indonesia (16 - 18 Julai 2023)

Menteri Pendidikan Tinggi dan delegasi KPT telah mengadakan Lawatan Kerja ke Republik Indonesia pada 16 hingga 19 Julai 2023. Lawatan kerja Menteri Pendidikan Tinggi ke Republik Indonesia adalah bertujuan untuk memperkuatkan lagi hubungan erat antara kedua-dua negara dalam sektor pendidikan tinggi.

Hubungan dua (2) hala antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia dalam bidang pendidikan tinggi adalah sangat baik. Kerjasama rapat di antara kedua-dua negara dapat dilihat terutamanya berdasarkan jumlah kemasukan pelajar dari Republik Indonesia yang melanjutkan pengajian di institusi pendidikan tinggi di Malaysia, kolaborasi yang terjalin di antara institusi pendidikan tinggi kedua-dua negara serta program mobiliti pelajar dan kakitangan akademik yang aktif. Berdasarkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan keluasan wilayah, Indonesia merupakan antara destinasi terbaik dalam aspek pelaburan pendidikan tinggi. Selain berpotensi bagi penubuhan kampus cawangan, institusi pendidikan tinggi tempatan juga mengadakan kerjasama program pesisir (*offshore programme*), *dual campus* atau *double degree* dengan institusi pendidikan tinggi Indonesia. *Program Double Degree* membolehkan graduan mendapat dua (2) ijazah setara antara dua (2) universiti manakala *dual campus* membolehkan pelajar mengikuti pengajian secara bebas membabitkan dua (2) kampus di Malaysia dan Indonesia tanpa perlu membayar yuran antarabangsa. Inisiatif ini bakal memperluas akses pendidikan dalam kalangan masyarakat Indonesia untuk meningkatkan kelayakan akademik masing-masing.

Objektif lawatan kerja Menteri Pendidikan Tinggi dan delegasi KPT ke Republik Indonesia adalah seperti berikut:

- (a) untuk memperkuatkan lagi hubungan erat antara kedua-dua negara dalam bidang pendidikan tinggi;
- (b) untuk memastikan momentum hubungan kerjasama bilateral Malaysia dengan Republik Indonesia terus kekal berada di tahap yang baik; dan
- (c) salah satu usaha berterusan Kerajaan Malaysia untuk mempamerkan kesungguhan Malaysia dalam menghargai hubungan baik dan membina kerjasama yang lebih bermakna dengan Republik Indonesia.

Keyakinan kerajaan Indonesia terhadap kualiti dan sistem pendidikan tinggi Malaysia diterjemahkan melalui jumlah kedatangan pelajar Indonesia ke Malaysia. Indonesia merupakan antara negara sumber pelajar antarabangsa terbesar di Malaysia selain China dan Bangladesh.

### (i) Pertemuan dengan Muhammadiyah Indonesia dan Philanthropist Indonesia

Menteri Pendidikan Tinggi dan delegasi telah mengadakan mesyuarat dengan dua (2) organisasi dari Indonesia iaitu Muhammadiyah Indonesia yang merupakan organisasi Islam terbesar di Indonesia dalam penyebaran dakwah dan Philanthropist Indonesia yang merupakan sebuah institusi yang tidak berdasarkan keuntungan dan bebas yang bertujuan untuk memajukan kedermawanan di Indonesia.



Pihak Muhammadiyah Indonesia menyampaikan cenderamata kepada Menteri Pendidikan Tinggi selepas mesyuarat bersama Muhammadiyah Indonesia



Mesyuarat bersama Dermawan Indonesia yang diketuai oleh Dato' Dr Low Tuck Kwong, Presiden PT Bayan Resources dan turut disertai oleh Prof. Ir. Purnomo Yusgiantoro President Commission, PT Bayan Resources



Menteri Pendidikan Tinggi bergambar bersama Dato' Dr Low Tuck Kwong, Presiden PT Bayan Resources, Prof. Ir. Purnomo Yusgiantoro President Commission, PT Bayan Resources dan delegasi Malaysia

## **(ii) Pertemuan dengan Profesor Dr. Muhamad Quraish Shihab dan Ibu Megawati Soekarnoputri**

Menteri Pendidikan Tinggi dan delegasi telah mengadakan pertemuan dengan dua (2) tokoh terkemuka Indonesia iaitu Profesor Dr. Muhamad Quraish Shihab, mantan Menteri Agama Indonesia serta seorang ulama dan cendekiawan dan Ibu Megawati Soekarnoputri, mantan Presiden Indonesia kelima dari tahun 2001 hingga 2004.



Menteri Pendidikan Tinggi menyampaikan cenderamata kepada Ibu Megawati Soekarnoputri selepas pertemuan

## **(iii) Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU)**

Menteri Pendidikan Tinggi telah menyaksikan Sesi Pertukaran MoU/ Memorandum Perjanjian (*Memorandum of Agreement - MoA*) yang melibatkan lima (5) buah UA Malaysia, Agensi Kelayakan Malaysia dan Majlis Profesor Negara seperti berikut:

- (a) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Badan Riset Dan Inovasi Nasional (BRIN);
- (b) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan PT Tracol Asia Indonesia;
- (c) UKM dan Universitas Pendidikan Indonesia (UPI);
- (d) UKM dan Universitas Padjadjaran (UNPAD);
- (e) Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universitas Islam Negeri (UIN) Raden Fatah Palembang;
- (f) UUM dan Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Ampel Surabaya;
- (g) Universiti Malaya (UM) dan Universitas Negeri Malang (UNM);
- (h) Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Institusi Teknologi PLN (IT PLN);
- (i) Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Universitas Muhamadiyah Sumatera Utara (UMSU); dan
- (j) Majlis Profesor Negara dan Forum Dewan Guru Besar Indonesia (FDGBI).

Menteri Pendidikan Tinggi bersama Duta Besar Malaysia di Indonesia, TYT Dato' Syed Md Hasrin Tengku Hussin dan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof. Dr. Azlinda Azman menyaksikan pertukaran MoA/ MoU/ MOC





Menteri Pendidikan Tinggi menyaksikan pertukaran MoC di antara Majlis Profesor Negara dan Forum Dewan Guru Besar Indonesia

Hasil daripada Lawatan Kerja Menteri Pendidikan Tinggi dan delegasi KPT ke Republik Indonesia adalah seperti berikut:

- (i) Hasil mesyuarat bersama Muhammadiyah Indonesia adalah kedua-dua pihak telah bersetuju untuk untuk melakukan usaha sama yang berterusan dalam membangunkan keupayaan universiti di Malaysia dan Indonesia terutama dalam aspek pertukaran pensyarah dan pelajar, program penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi, pembangunan kapasiti serta pertukaran pelajar dan tenaga akademik kedua-dua negara;
- (ii) Menyatakan kesediaan KPT dan Malaysia untuk menerima menerima lebih ramai pelajar, pensyarah dan ahli akademik Muhammadiyah untuk datang melanjutkan pengajian atau menjalani program pembangunan kapasiti di universiti-universiti Malaysia;
- (iii) Menghidupkan kolaborasi strategik dengan institusi pendidikan di Indonesia khususnya bagi mendalami perspektif Islam secara lebih luas dan mendalam dalam konteks kepelbagaian masyarakat dan pembangunan negara. Pendedahan yang diberikan menerusi kolaborasi ini sewajarnya tidak bersifat eksklusif kepada warga IPT sahaja tetapi juga bakal melibatkan pimpinan masyarakat, pemimpin agama, pemimpin muda yang terlibat dalam mencorakkan hala tuju serta masa depan Malaysia;
- (iv) Menzahirkan penghargaan terhadap Muhammadiyah Indonesia di atas pembukaan cawangan pertama Universiti Muhammadiyah Malaysia di Perlis. Agensi Kelayakan Malaysia akan turut berkerjasama dengan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara bagi penubuhan Pusat Penilaian Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL). Kerjasama ini akan memperluaskan akses pendidikan dalam kalangan masyarakat Sumatera Utara khasnya untuk meningkatkan kelayakan akademik masing-masing; dan
- (v) Persetujuan kedua-dua pihak untuk menubuhkan satu jawatankuasa kerja yang diterajui oleh EMGS sebagai platform untuk membincangkan dengan lebih lanjut kerjasama yang akan dilaksanakan oleh kedua-dua pihak.

Secara keseluruhannya lawatan kerja ini telah mencapai sasaran objektif yang digariskan khususnya meningkatkan pengiktirafan secara langsung terhadap keupayaan dan kualiti sektor pendidikan tinggi Malaysia, merancakkan jalinan kerjasama dalam aspek pembangunan kapasiti, pemindahan ilmu, perkongsian kepakaran, penyelidikan dan program mobiliti serta keterlihatan sektor pendidikan tinggi Malaysia. KPT akan mengambil tindakan susulan terhadap perkara-perkara yang telah dibincangkan bagi merealisasikan segala hasil lawatan kerja ini.

# Bahagian Biasiswa



# Bahagian Biasiswa

## 1. Pengenalan

Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berperanan untuk menyediakan peluang melanjutkan pengajian kepada tenaga pengajar Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan golongan sasaran untuk memenuhi keperluan Strategik Pendidikan Tinggi Negara. Komitmen ini telah dihizirkan dalam pelbagai dokumen serta inisiatif strategik sama ada berbentuk jangka masa pendek, sederhana maupun jangka masa panjang.

## 2. Fungsi


Terdapat 19 Program penajaan yang diuruskan oleh Bahagian Biasiswa, KPT. Program Penajaan ini menyasarkan pemberian biasiswa dan bantuan kewangan kepada pegawai dalam perkhidmatan, orang awam dan golongan sasar. Pegawai dalam perkhidmatan merangkumi tenaga-tenaga pengajar di Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti. Orang awam pula merujuk kepada pelajar atau pemohon yang berkelayakan di bawah program penajaan yang ditawarkan manakala golongan sasar terdiri daripada Orang Kurang Upaya (OKU) dan kelompok B40. Penajaan dan bantuan kewangan yang diberikan meliputi pengajian di peringkat persediaan, Sijil, Diploma, Ijazah Pertama hingga ke peringkat Pasca Siswazah. Program-program penajaan yang diuruskan oleh Bahagian Biasiswa, KPT adalah seperti berikut:



Selain daripada pemberian penajaan yang merangkumi program biasiswa dan bantuan kewangan, Bahagian Biasiswa, KPT turut melaksanakan penguatkuasaan perjanjian dan pemantauan terhadap penerima tajaan.

### 3. Pencapaian Utama Tahun 2023

Pada tahun 2023, Bahagian Biasiswa, KPT telah berjaya melaksanakan semua program penajaan dengan perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM257.26 juta (99.83%). Perbelanjaan ini melibatkan pembayaran dalam bentuk yuran pengajian, wang sara hidup, elaun buku dan lain-lain elaun yang berkaitan kepada 27,939 orang penerima tajaan yang terdiri daripada 10,802 penerima tajaan sedia ada (tanggungan) dan 17,137 penerima tajaan baharu. Ringkasan perbelanjaan bagi tahun 2023 dan prestasi perbelanjaan bagi tempoh tiga (3) tahun adalah seperti berikut:



Pada tahun 2023, Bahagian Biasiswa, KPT telah berjaya melaksanakan program penajaan baharu berbentuk Bantuan Kewangan Asasi TVET yang dikhkususkan kepada pelajar daripada kumpulan B40 dan M40 untuk mengikuti pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di lima (5) Politeknik yang terpilih. Seramai 300 orang pelajar telah dibiayai melalui program ini.

Selain pemberian biasiswa dan bantuan kewangan, bahagian ini juga berperanan melaksanakan tuntutan ganti rugi kepada penerima tajaan yang telah melakukan pelanggaran perjanjian penajaan. Pada tahun 2023 jumlah kutipan yang telah berjaya dilakukan daripada pemecah kontrak, Ganti Rugi dan kutipan Tabung Pinjaman Pelajaran (TPP) sebanyak RM11.10 juta.

# 4. Program Utama Tahun 2023

## 4.1. Pembangunan Sistem Baharu Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU) dan Program Pendidikan Khas (PPK)

Pembangunan sistem ini telah diluluskan sebanyak RM400,000.00 dengan tujuan untuk memberi kemudahan kepada pelajar OKU membuat permohonan BKOKU dan PPK.

Objektif pembangunan sistem ini adalah seperti berikut:

- (i) Menyegerakan proses pembayaran bantuan kewangan kepada pelajar OKU;
- (ii) Keseluruhan proses di buat melalui sistem tersebut dan disemak secara *real time* oleh pelajar OKU;
- (iii) Mewujudkan pengurusan data yang cekap dan sistematik. Seterusnya, membantu serta memudahkan semua pihak mendapatkan maklumat dengan cepat dan berintegriti;
- (iv) Membangunkan integrasi sistem bagi menghubungkan sistem BKOKU dengan sistem dalaman dan luaran KPT; dan
- (v) Meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan di peringkat KPT.

Sistem Baharu BKOKU dan PPK ini dibangunkan oleh Universiti Teknologi Malaysia bersama-sama Bahagian Biasiswa, KPT dan sokongan teknikal yang diberikan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat, KPT. Sistem ini akan dilancarkan mulai Ogos 2024.



Mesyuarat Kick Off Pembangunan Sistem Baharu BKOKU dan PPK yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT, YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian pada 12 Mei 2023 di Bilik Mesyuarat Izari, KPT.

## 4.2. Majlis Pelancaran Program MyBrain 2.0

KPT akan meneruskan pelaksanaan Program MyBrain 2.0 sebagai kesinambungan Program MyBrain15 mulai tahun 2024. Program ini menyasarkan orang awam yang tidak bekerja atau tidak berpendapatan tetap dan pensyarah-pensyarah di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam negara.

Objektif Program MyBrain 2.0 adalah seperti berikut:

- (i) Membangunkan modal insan dan pemerksaan bakat yang berkemahiran tinggi dalam bidang penyelidikan;
- (ii) Menyumbang kepada kebolehpasaran graduan, peningkatan kerjaya dan peningkatan pendapatan serta taraf hidup; dan
- (iii) Meningkatkan Visibiliti dan Penarafan Universiti Awam (UA) dan sektor pendidikan tinggi Malaysia.

Majlis Pelancaran Program MyBrain 2.0 telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin pada 26 Oktober 2023 bertempat di Dewan Za'aba, KPT. Majlis ini turut dihadiri oleh 42 penerima baharu tajaan KPT.



Pelancaran Program MyBrain 2.0 oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi bersama-sama YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi dan YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT.

### **4.3. Sesi Onboarding Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) KPT Tahun 2023**

Sesi *Onboarding* ini telah dilaksanakan di KPT sejak tahun 2009 dan merupakan salah satu kursus wajib yang perlu dihadiri oleh penerima HLP sebagai salah satu syarat tawaran penajaan.

Objektif sesi *Onboarding* HLP adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan pengetahuan berhubung metodologi penyelidikan yang bersesuaian dalam menghasilkan laporan penyelidikan yang berkualiti; dan
- (ii) Meningkatkan kefahaman peserta berhubung dasar penajaan, ikatan kontrak perjanjian dan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh.

Sesi *Onboarding* HLP KPT Tahun 2023 telah dilaksanakan pada 24 hingga 25 Ogos 2023 di Dewan Za'ba, KPT. Sesi ini dihadiri oleh Pengarah Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Ts. Zainab Othman; Setiausaha Sulit Kanan Menteri Pendidikan Tinggi, Dr. Razul Ikmal Ramlie; Setiausaha Bahagian, Bahagian Biasiswa, KPT, Puan Mazlina Mokhtar serta 150 pegawai PPPT dan Staf Bukan Akademik.



Sesi *Onboarding* HLP KPT bersama-sama 150 PPPT dari Kolej Komuniti dan Politeknik serta Staf Bukan Akademik IPTA.

### **4.4. Anugerah Pusat Tanggungjawab Cemerlang Bagi Pencapaian Sasaran Pembayaran Bil Dan Tuntutan Dalam Tempoh Tujuh (7) Hari Di KPT Tahun 2023**

Bahagian Biasiswa, KPT telah menerima Anugerah Pusat Tanggungjawab Cemerlang bagi pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari sebanyak tiga (3) kali pada tahun 2023 seperti berikut:

- (i) "Pembayaran Bil dan Tuntutan dalam Tempoh 7 Hari Januari hingga Jun 2023" pada 14 Ogos 2023;
- (ii) "Prestasi Pembayaran Bil dan Tuntutan dalam Tempoh 7 Hari Suku Tahun Ketiga 2023" pada 11 Oktober 2023;
- (iii) "Prestasi Pembayaran Bil dan Tuntutan dalam Tempoh 7 Hari Suku Tahun Keempat 2023" pada 17 Januari 2024.

Kejayaan ini menjadi pemangkin kepada Bahagian Biasiswa, KPT terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang pada setiap masa bagi menyantuni keperluan penerima tajaan.

# Bahagian Pengurusan Sumber Manusia



# Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

## 1. Pengenalan

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) berperanan dalam menguruskan sumber manusia dan melaksanakan dasar perkhidmatan dengan cekap dan berkesan. BPSM turut bertanggungjawab dalam aspek perancangan dan pembangunan sumber manusia di samping melahirkan modal insan yang berpengetahuan, mahir dan kompeten dalam melaksanakan tugas.

Melalui penstrukturkan semula Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 10 Mac 2020, BPSM adalah terdiri daripada enam (6) unit yang melaksanakan urusan berkaitan sumber manusia seperti berikut:

- |   |                                       |
|---|---------------------------------------|
| 1.1. Unit Pembangunan Organisasi;               | 1.4. Unit Pengurusan Latihan;         |
| 1.2. Unit Pengurusan Perkhidmatan dan Prestasi; | 1.5. Unit Pentadbiran dan Pingat; dan |
| 1.3. Unit Strategik dan HRMIS;                  | 1.6. Unit Pengurusan Psikologi.       |

## 2. Visi

Menjadi peneraju pengurusan sumber manusia KPT.

## 3. Misi

Menyediakan struktur organisasi yang mantap, modal insan yang kompeten dan berkeperibadian mulia serta mengurus sumber manusia dengan cekap dan berkesan seiring dengan aspirasi KPT.

## 4. Objektif

Menghasilkan warga kerja yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti melalui perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia secara cekap dan berkesan bagi mencapai objektif organisasi.

## 5. Piagam Pelanggan

- 5.1. Kertas cadangan penyusunan semula organisasi diperakukan ke Agensi Pusat dalam tempoh enam (6) bulan bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima;
- 5.2. Kertas cadangan pengukuhan perjawatan diperakukan ke Agensi Pusat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh permohonan lengkap diterima;
- 5.3. Kertas cadangan penambahbaikan skim perkhidmatan dikemukakan ke Agensi Pusat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh permohonan lengkap diterima;

- 5.4. Mengemukakan dokumen persaraan bagi pegawai KPT ke Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dalam tempoh tiga (3) hingga enam (6) bulan sebelum tarikh persaraan;
- 5.5. Menguruskan pemangkuhan dan kenaikan pangkat pegawai KPT dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh iklan ditutup;
- 5.6. Memastikan 90% warga KPT menghadiri kursus; dan
- 5.7. Melaksanakan Program Transformasi Minda untuk pegawai lantikan baharu dalam tempoh tidak melebihi dua (2) tahun daripada tarikh lantikan.

## 6. Program Utama Tahun 2023

### 6.1. Program Rejuvenasi Minda Pengurusan Tertinggi KPT Tahun 2023

Program Rejuvenasi Minda Pengurusan Tertinggi KPT yang telah diadakan pada 18 hingga 20 Ogos 2023 di Redang Beach Resort, Pulau Redang, Kuala Terengganu dengan memberi fokus kepada pembinaan nilai kebersamaan, kerjasama dan kepimpinan. Melalui program ini, barisan Pengurusan Tertinggi KPT dapat mengasah kemahiran berfikir secara analitik, mengukuhkan kemahiran memimpin dan kemahiran komunikasi.

Tujuan program diadakan adalah untuk:

- (i) Meningkatkan dan mengukuhkan hubungan antara barisan kepimpinan KPT bagi menjayakan misi dan visi Kementerian;
- (ii) Membolehkan Pengurusan Tertinggi KPT berinteraksi secara santai agar setiap ahli dapat memahami dan mengenali setiap karakter dan nilai baik dalam setiap ahli Pengurusan Tertinggi KPT sekali gus dapat bekerja secara efektif antara satu sama lain untuk mencapai objektif yang sama; dan
- (iii) Meningkatkan motivasi bekerja menerusi pelaksanaan aktiviti berpasukan di luar kawasan pejabat yang bersifat lebih terbuka dan ceria.

Program ini telah memberi impak:

- (i) Penyatuan minda antara pegawai dalam mencapai objektif aktiviti yang dilakukan;
- (ii) Mengurangkan jurang perhubungan bagi memudahkan aktiviti dilaksanakan dengan berkesan;
- (iii) Membangun semangat dan penyegaran suasana kerja berpasukan (*team refreshment*); dan
- (iv) Menguji kemampuan berfikir dan bertindak di luar zon selesa.



Program Rejuvenasi Minda Pengurusan Tertinggi KPT Tahun 2023 telah dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi yang terdiri daripada mantan Ketua Setiausaha KPT iaitu YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Jaafar bersama dengan Timbalan Ketua Setiausaha dan Ketua-Ketua Jabatan. Program ini dijalankan selama tiga (3) hari, dua (2) malam yang dipenuhi dengan pelbagai aktiviti berbentuk fizikal dan mental bagi meningkatkan serta mengukuhkan kerjasama dan kepimpinan KPT bagi menjayakan misi dan visi Kementerian.



## 6.2. Majlis Jasamu Dikenang KPT Tahun 2023

Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2023 yang telah diadakan pada 16 November 2023 di Dewan Za'ba, KPT ini bertujuan untuk menghargai sumbangan para pesara/ bakal pesara yang bersara wajib dan bersara pilihan pada tahun 2023 di mana tempoh perkhidmatannya berakhir di KPT.

Majlis ini diadakan sebagai simbolik penghargaan kepada warga KPT yang bersara pada tahun 2023 termasuk dari Ibu Pejabat KPT, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) yang melibatkan seramai 193 orang pesara. Antara senarai pesara ialah mantan Ketua Setiausaha KPT, YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Jaafar yang bersara pada tanggal 15 Oktober 2023.

Majlis ini juga adalah sebagai pemberian pengiktirafan dan sanjungan bagi menghargai jasa bakti pegawai awam yang bersara. Penganjuran majlis dilaksanakan selaras dengan peruntukan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 5.2, Peraturan Mengenai Perbelanjaan untuk meraikan pegawai perkhidmatan awam yang bersara sebagai satu simbolik penghargaan dari Kerajaan dan diharap dapat meninggalkan kenangan manis kepada pegawai awam sebelum mengakhiri perkhidmatan dengan Kerajaan.



### 6.3. Majlis Apresiasi Kecemerlangan KPT Tahun 2022

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan penghargaan Kerajaan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang. Perkhidmatan cemerlang adalah perkhidmatan yang diberikan oleh seseorang anggota Perkhidmatan Awam yang mutu atau penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya.

Majlis Apresiasi Kecemerlangan KPT Tahun 2022 telah diadakan pada 31 Mac 2023 di Dewan Za'ba KPT bagi meraikan penerima APC dalam kalangan pegawai perkhidmatan awam KPT yang telah mempamerkan perkhidmatan cemerlang berdasarkan prestasi tahunan pegawai. Pemberian APC diberi kepada lapan peratus (8%) daripada jumlah pegawai yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian bagi setiap agensi. Majlis tersebut meraikan penerima yang bertugas di KPT, JPT, JPPKK dan AKEPT melibatkan seramai 108 penerima sahaja.



Penghargaan ini juga bertujuan menjadikan penerima APC berkenaan sebagai contoh dan *role model* kepada lain-lain penjawat awam untuk sama-sama meningkatkan lagi taraf perkhidmatan demi mencapai matlamat organisasi.

Penghargaan yang diberikan oleh Kerajaan ini boleh dijadikan contoh dan ikutan, serta memberi pengaruh yang menggerakkan kecergasan bekerja dan daya usaha anggota Perkhidmatan Awam yang lain.

### 6.4. Majlis Libat Urus Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) KPT

YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan bahawa Kerajaan sedang mengkaji keseluruhan skim perkhidmatan dan SSPA bermula Julai 2023 melalui sesi libat urus Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersama-sama dengan kementerian serta agensi kerajaan persekutuan. JPA juga telah membangunkan portal khusus bagi menerima input daripada seluruh penjawat awam. Susulan pengumuman tersebut, Kementerian ini telah mengadakan Majlis Libat Urus Kajian SSPA KPT.



Majlis Libat Urus Kajian SSPA peringkat KPT telah melibatkan wakil Kesatuan Universiti Awam, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPPT), Jabatan dan Agensi di bawah KPT. Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha KPT, YBhg. Dato' Abdul Razak Jaafar; Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof. Dr. Azlinda Azman; Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), YBhg. Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff; Setiausaha Bahagian BPSM Encik Mansor Ibrahim; serta Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Modal Insan, JPA, Encik Noorzaidi Saaim.

Melalui majlis libat urus ini, KPT telah berjaya mengumpul 62 cadangan penambahbaikan kepada skim perkhidmatan di bawah Kementerian yang meliputi tiga (3) skop kajian iaitu Perjawatan dan Organisasi; Gaji dan Elaun; serta Pengurusan Bakat. Selain itu, KPT juga telah menerima sejumlah 676 cadangan penambahbaikan melalui pautan borang maklum balas yang disediakan secara dalam talian. Kesemua cadangan yang telah diterima telah dikemukakan kepada JPA untuk pertimbangan dalam Kajian SSPA dan diharap dapat memberi manfaat kepada skim-skim perkhidmatan di bawah KPT pada masa akan datang.

Kajian SSPA dijangka akan dibentangkan hasil kajiannya pada penghujung tahun 2024 dan pelaksanaan SSPA dijangka akan berkuat kuasa pada tahun 2025.



## 6.5. Persidangan Pengurus Sumber Manusia (HRMC) KPT Tahun 2023

Pengurusan Sumber Manusia (PSM) yang efisien dan efektif amat penting dalam sesebuah organisasi untuk terus kekal relevan dan kalis masa hadapan. Perubahan yang berlaku pada hari ini dari segi ketidakstabilan ekonomi, perubahan teknologi dan penstrukturran semula kerajaan serta organisasi mendorong kepada perubahan PSM dalam sesebuah organisasi.

Penganjuran HRMC 2023 merupakan satu platform bagi membincangkan isu-isu PSM dan saling bertukar pengalaman berdasarkan amalan terbaik dalam pengurusan serta memberi peluang kepada pegawai PSM di agensi untuk mendapat pandangan/ penjelasan serta perkongsian maklumat (*knowledge sharing*) bagi dasar dan peraturan dalam perkhidmatan awam.

Di samping itu, program HRMC 2023 ini dapat meningkatkan pengetahuan dan pendedahan mengenai PSM sektor awam dalam kalangan pegawai PSM di KPT serta memupuk kesedaran kepada para pegawai PSM tentang isu-isu yang sering dihadapi oleh sektor awam dan cabaran dalam PSM serta cara mengatasinya.

HRMC 2023 pada kali ini bertemakan 'Mendepani Arus Perubahan, Memacu Kecemerlangan Inklusif'. Ianya diadakan selama tiga (3) hari bermula 7 hingga 9 November 2023 di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya, Selangor dengan disertai oleh pengurus-pengurus sumber manusia yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian, Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti dan juga Agensi-agensi di bawah KPT.

Penganjuran HRMC 2023 memberi impak kepada peserta seperti berikut:

- (i) Meningkatkan pengetahuan dan pendedahan mengenai PSM sektor awam dalam kalangan pegawai PSM di KPT;
- (ii) Memberi pendedahan awal mengenai pendigitalan PSM yang lebih komprehensif melalui sistem *Human Resource Management* (HRM) baharu;
- (iii) Memupuk kesedaran kepada para pegawai PSM tentang isu-isu yang sering dihadapi oleh sektor awam dan cabaran dalam PSM serta cara mengatasinya;
- (iv) Isu-isu berhubung PSM dapat dibincangkan bersama serta peserta berpeluang untuk bertukar pengalaman berdasarkan amalan terbaik (*best practices*) dalam PSM; dan
- (v) Pegawai PSM di agensi berpeluang untuk mendapat pandangan/ penjelasan serta perkongsian maklumat (*knowledge sharing*) bagi dasar dan peraturan dalam perkhidmatan awam.

Berdasarkan sambutan yang amat menggalakkan daripada semua peserta dan maklum balas yang diterima adalah memberangsangkan, penganjuran HRMC telah dijadikan sebagai salah satu program tahunan KPT.



## 6.6. Karnival Psikologi KPT Tahun 2023

Program Karnival Psikologi KPT Tahun 2023 yang diadakan pada 2 November 2023 di Dewan Za'ba, KPT bertujuan:

- (i) Memberi ruang dan peluang untuk mendapatkan pengetahuan kebolehsuaian yang tinggi bagi mendepani pelbagai cabaran dan perubahan pada masa kini;
- (ii) Memberi pengetahuan bagi pengurusan emosi yang berkesan dalam kehidupan dan di tempat kerja bagi mencapai kesejahteraan secara menyeluruh; dan
- (iii) Melahirkan individu yang bersahsiah dan berintegriti dalam menggalas tanggungjawab menyampaikan perkhidmatan dengan profesional dan cemerlang.

Pelaksanaan Karnival Psikologi KPT Tahun 2023 merupakan program julung kali diadakan sebagai satu platform untuk memberi pendedahan kepada warga KPT tentang kepentingan kesihatan psikologi dalam mendepani perubahan kini dan mencapai kesejahteraan secara holistik. Tema karnival yang dipilih pada tahun ini adalah Pemerkasaan Insan MADANI: Melestari Kesejahteraan Diri (MInD).



Seramai 458 orang peserta yang terdiri dari warga KPT, JPPKK, JPT, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan para pelajar daripada UA sekitar Lembah Klang telah hadir bagi memeriahkan Karnival Psikologi KPT Tahun 2023. Karnival pada kali ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT, YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian dan turut dihadiri oleh KPPT, Prof. Dr. Azlinda Azman.

Karnival ini telah diadakan melalui kaedah perkongsian pakar dengan memfokuskan kepada pemerkasaan idealisme psikologi dalam mencapai kesejahteraan diri dan kecemerlangan organisasi. Antara tetamu jemputan pada hari karnival ini adalah:

- (i) Ustaz Ammar Mukhlis (Johan Tilawah Al-Quran KPT 2023/ Selebriti Al- Hijrah);
- (ii) Encik Ahmad Zulkifli Saad (Founder MAMz);
- (iii) Puan Fazeera Nazri Azrai (Pempengaruh Media Sosial);
- (iv) Encik Fizo Omar (Selebriti);
- (v) Encik LY dan Baiduri (Komposer dan Penggubah Lagu); dan
- (vi) Dr. Alizi Alias (Konsultan Psikologi Organisasi).

Ruang pameran juga disediakan bagi pempamer yang telah dijemput untuk bersama-sama menjayakan karnival ini. Pempamer terdiri daripada agensi- agensi di bawah KPT, Program Derma Darah oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) serta agensi luar seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ).

Antara impak program yang diperolehi ialah:

- (i) Peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kesihatan psikologi yang berkesan bagi mencapai kesejahteraan secara holistik; dan
- (ii) Meningkatkan motivasi dan kepuasan kerja yang secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti dan komitmen terhadap kerja serta organisasi.

Karnival ini berjaya mencapai objektif dengan jayanya dengan pelbagai perkongsian merangkumi input berkaitan kemahiran dan pengetahuan menguruskan emosi secara kendiri dan berkesan dalam kehidupan dan di tempat kerja. Diharapkan platform perkongsian pendidikan psikologi ini dapat diteruskan pelaksanaan secara tahunan bagi memberi ruang kepada warga untuk mendapat ilmu pengetahuan serta kemahiran pengurusan kesihatan psikologi dan kesihatan mental yang berkesan bagi mencapai kesejahteraan secara holistik.



## 6.7. Hari Bertemu Pelanggan Bersama HRMIS Tahun 2023

Program Hari Bertemu Pelanggan HRMIS yang telah diadakan pada 12 hingga 13 Julai 2023 dihadiri oleh warga KPT. Pasukan Helpdesk JPA turut menyediakan perkhidmatan berkaitan sistem HRMIS untuk membantu Pemilik Kompetensi.

Selaras dengan #DataKitaTanggungjawabKita dan #KetepatanDataAspirasiKita, Pemilik Kompetensi boleh membuat semakan dan pengemaskinian data seperti berikut:

- (i) Rekod Peribadi;
- (ii) Profil Perkhidmatan;
- (iii) Perisyntiaran Harta;
- (iv) Pengurusan Cuti; dan
- (v) Pengurusan Tuntutan Perjalanan dan Elaun Lebih Masa

Pemilik Kompetensi dapat mengemas kini maklumat yang berstatus data tidak berintegriti termasuklah pengemaskinian maklumat e-mel bagi pegawai-pegawai baharu yang bertukar masuk serta membuat semakan data yang wajib dikemas kini berdasarkan elemen data di dalam penilaian KPI HRMIS.

Program ini memberi ruang dan peluang bagi Pemilik Kompetensi membuat semakan dan mengemas kini maklumat-maklumat peribadi masing-masing. Sehubungan itu, Hari Bertemu Pelanggan HRMIS telah dijadikan sebagai salah satu program tahunan Unit Strategik dan HRMIS, BPSM, KPT.



# Bahagian Akaun



# Bahagian Akaun

## 1. Pengenalan

Bahagian Akaun merupakan salah satu bahagian di bawah Sektor Pengurusan dan Pembangunan KPT serta merupakan Pejabat Perakaunan mengikut takrifan di bawah Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023). Ianya diketuai oleh Ketua Akauntan dan menjalankan peranan serta operasi Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dalam memberikan perkhidmatan perakaunan khususnya kepada KPT. Dalam usaha meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan perakaunan, Bahagian ini dibahagikan kepada empat (4) Seksyen iaitu:

- 1.1. Seksyen Perakaunan Kewangan;
- 1.2. Seksyen Pemantauan;
- 1.3. Seksyen Perundingan dan Perakaunan Pengurusan; dan
- 1.4. Seksyen Pentadbiran dan Kewangan.

## 2. Objektif


- 2.1. Melaksanakan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan dengan cekap dan berkesan;
- 2.2. Menyediakan Penyata Kewangan Kementerian yang tepat dan boleh dipercayai kepada pemegang taruh;
- 2.3. Memastikan transaksi kewangan diperakaunkan dengan tepat dan mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa;
- 2.4. Memberi khidmat nasihat yang berkualiti serta berkesan dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan selaras dengan amalan terbaik; dan
- 2.5. Menyediakan maklumat dan laporan pengurusan perakaunan bagi membantu Pengurusan Atasan dalam pembuatan keputusan.



### 3. Penyata Kewangan KPT Tahun 2023

Penyata Kewangan Akruan (Pra-Peralihan) KPT seperti pada 31 Disember 2023 telah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal pada 27 Mac 2024 dan akan dikemukakan kepada JANM pada 3 April 2024. Penyata kewangan tersebut disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).


Penyata Kewangan ini terdiri daripada lima (5) komponen iaitu Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan (Tunai) dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan KPT seperti pada 31 Disember 2023 adalah seperti carta berikut:




Kedudukan Kewangan KPT pada 31 Disember 2023

#### 3.1. Aset

Jumlah keseluruhan aset KPT terdiri daripada Tunai dan Kesetaraan Tunai, Penghutang, Perbelanjaan Terdahulu, Aset Kewangan, Aset Hartanah, Loji dan Peralatan (HLP) dan Aset Tak Ketara. Aset HLP merupakan komponen terbesar iaitu RM15.41 billion (96.36%) daripada keseluruhan nilai aset sebanyak RM16 billion.




Perbandingan Kedudukan Aset Hartanah, Loji dan Peralatan Tahun 2023 dengan 2022



Berdasarkan graf di atas, aset tanah merupakan komponen terbesar di bawah Aset Hartanah, Loji dan Peralatan (HLP) 58.47% diikuti aset bangunan 37.60%. Aktiviti migrasi bagi aset hartanah tanah dan bangunan pada bulan September dan November 2023 telah menyumbang kepada peningkatan nilai kedua-dua aset tersebut. Tabung Pinjaman Pelajaran Persekutuan yang berjumlah RM408.64 juta pula merupakan ABT terbesar yang diakaunkan di bawah kategori Penghutang.

### 3.2. Liabiliti

Jumlah keseluruhan Liabiliti Kementerian adalah sebanyak RM12.24 bilion iaitu berlaku penurunan sebanyak 6.42% berbanding akhir tahun 2022. Ini disebabkan penurunan nilai dalam Akaun Amanah di mana perbelanjaan direkodkan adalah lebih tinggi berbanding terimaan. Manakala Pajakan Kewangan Bangunan dan Kenderaan serta Liabiliti Lain juga menunjukkan trend penurunan disebabkan bayaran pajakan yang telah dibuat sepanjang tahun 2023. Liabiliti Lain yang merupakan nilai pajakan kewangan badan berkanun adalah komponen terbesar dalam Liabiliti KPT berjumlah RM10.49 bilion (85.67%). Senarai pajakan kewangan badan berkanun seperti berikut:



### 3.3. Ekuiti

Sehingga 31 Disember 2023, nilai Ekuiti KPT adalah sebanyak RM3.75 bilion meningkat 47.77% berbanding akhir tahun 2022. Sebahagian besar jumlah ini disumbangkan oleh transaksi-transaksi yang melibatkan Dana Amanah Kerajaan iaitu RM3.36 bilion.

### 3.4. Hasil

Jumlah keseluruhan Hasil KPT pada tahun 2023 adalah sebanyak RM69.76 juta meningkat 0.80% daripada tahun 2022. Hasil KPT terdiri daripada Hasil Bukan Cukai sebanyak RM60.03 juta (86.05%) dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM9.73 juta (13.95%). Antara penyumbang terbesar kepada hasil Kementerian setiap tahun adalah Bayaran Ajaran Politeknik iaitu sebanyak RM26.01 juta dan Sewa Asrama sebanyak RM17.65 juta. Trend hasil bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:



Berdasarkan graf di atas, peningkatan hasil yang drastik pada bulan Ogos merupakan Bayaran Ajaran Politeknik Sesi I 2023/2024 yang mewakili 38.32% daripada keseluruhan hasil di Kementerian.

### 3.5. Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan keseluruhan KPT adalah sebanyak RM14.36 bilion di mana tiga (3) komponen perbelanjaan KPT yang tertinggi adalah Perkhidmatan dan Bekalan (3.97%), Gaji, Upahan dan Manfaat Pekerja (8.81%) dan Pemberian dan Kenaan Tetap (83.20%). Perbelanjaan meningkat 5.75% berbanding tahun 2022 sejajar dengan peningkatan peruntukan pada tahun 2023. Perincian perbelanjaan seperti graf berikut:



Perbelanjaan mengikut kategori tahun 2023


Berdasarkan graf di atas, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap yang merupakan perbelanjaan tertinggi di Kementerian sebanyak RM11.95 bilion (83.20%) sebahagian besar adalah geran mengurus dan pembangunan yang diturunkan kepada 20 Universiti Awam (UA) dan 10 Hospital Pengajar Universiti (HPU) sepanjang tahun 2023.

### 3.6. Lebihan/ (Kurangan)

Pada 31 Disember 2023, Kementerian mencatatkan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan selepas pindahan dana dan pindahan aset berjumlah RM725.57 juta.

## 4. Pengurusan Prestasi Bilangan Tahun 2023

Sebanyak 99,454 bil berjumlah RM13.38 bilion telah diproses oleh PTJ KPT. Prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari di KPT adalah 99.99% (99,450 bil) dengan jumlah RM13.37 bilion melibatkan 139 PTJ. Prestasi keseluruhan 99.99% pada 2023 bukan sahaja memenuhi keperluan Arahan Perbendaharaan 103(a) untuk penyelesaian bil dalam tempoh 14 hari tetapi juga Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Setiausaha KPT. Prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari bagi tahun 2023 adalah seperti graf dan carta di bawah:



# 5. Program Outreach Bahagian Akaun Tahun 2023

## 5.1. Latar Belakang

- (i) Penerangan dan khidmat nasihat secara bersemuka kepada PTJ dilihat dapat memberi galakan dan sokongan kepada PTJ untuk lebih memahami dan bersemangat untuk merekod transaksi berkaitan perakaunan aset dan ABT;
- (ii) Menyelesaikan setiap isu perakaunan aset dan ABT yang dihadapi oleh PTJ secara lebih berfokus kepada isu PTJ masing-masing;
- (iii) Memastikan kesemua aset dan ABT yang mematuhi kriteria pengiktirafan aset dan ABT berdasarkan MPSAS direkod dengan tepat dalam Penyata Kewangan Kerajaan; dan
- (iv) Memastikan pemahaman mengenai perakaunan akruan dan perekodan perakaunan aset dan ABT di kalangan pegawai di PTJ KPT adalah di tahap terbaik.

## 5.2. Objektif Program

- (i) Menyampaikan ilmu pengetahuan berkaitan perakaunan akruan khususnya perakaunan aset dan ABT kepada PTJ bagi memastikan pihak PTJ dapat memahami tujuan utama perakaunan aset dan ABT dilaksanakan di peringkat Kerajaan Persekutuan;
- (ii) Membantu PTJ mengaplikasikan prosedur kerja berkaitan perakaunan aset dan ABT dalam urusan harian di PTJ supaya transaksi perakaunan aset dan ABT direkod berpandukan tatacara perakaunan akruan yang sedang berkuat kuasa; dan
- (iii) Mengenal pasti isu berkenaan perakaunan aset dan ABT yang dihadapi oleh setiap PTJ dan memberi khidmat nasihat mengenai kaedah penyelesaian yang boleh dilakukan oleh PTJ.

## 5.3. Jadual Perlaksanaan Program

Siri	Program	Tempat	Tarikh	Peserta
Siri 1 (Zon Tengah)	Program Outreach Bersama PTJ Zon Tengah Bagi Pengurusan Aset dan ABT Bahagian Akaun KPT.	Hotel De Palma, Shah Alam	11 – 13 April 2023	49 orang (PTJ di bawah KPT, Zon Tengah)
Siri 2 (Zon Sabah)	Program Outreach Bersama PTJ Zon Sabah Bagi Pengurusan Aset dan ABT Bahagian Akaun KPT.	The Elopura Hotel, Sandakan, Sabah	23 – 25 Oktober 2023	22 orang (PTJ di bawah KPT, Zon Sabah)
Siri 3 (Zon Sarawak)	Program Outreach Bersama PTJ Zon Sarawak Bagi Pengurusan Aset dan ABT Bahagian Akaun KPT.	The Pullman Miri Waterfront, Sarawak	19 – 21 Jun 2023	18 orang (PTJ di bawah KPT, Zon Sarawak)
Siri 4 (Zon Pantai Timur)	Program Outreach Bersama PTJ Zon Pantai Timur Bagi Pengurusan Aset dan ABT Bahagian Akaun KPT.	Grand Renai Hotel Kota Bharu, Kelantan	24 – 26 Julai 2023	50 orang (PTJ di bawah KPT, Zon Pantai Timur)
Siri 5 (Zon Utara)	Program Outreach Bersama PTJ Zon Utara Bagi Pengurusan Aset dan ABT Bahagian Akaun KPT.	Bayview Hotel Langkawi, Kedah	21 – 23 Ogos 2023	54 orang (PTJ di bawah KPT, Zon Utara)
Siri 6 (Perak dan Negeri Sembilan)	Program Outreach Bersama PTJ Perak & Negeri Sembilan Bagi Pengurusan Aset dan ABT Bahagian Akaun KPT.	Hotel Avillion Cameron Highlands, Pahang	25 – 27 September 2023	46 orang (PTJ di bawah KPT, Zon Perak dan Negeri Sembilan)
Siri 7 (Zon Selatan)	Program Outreach Bersama PTJ Zon Selatan Bagi Pengurusan Aset dan ABT Bahagian Akaun KPT.	Hotel Bayview, Melaka	31 Oktober – 02 November 2023	50 orang (PTJ di bawah KPT, Zon Selatan)

# 6. Program Utama Tahun 2023

## 6.1. Mesyuarat SAGA

Mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) ini telah diadakan pada 30 Mei 2023 (Bilangan 1) dan 14 November 2023 (Bilangan 2) di Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Aras 17, KPT dan secara atas talian (*Microsoft Teams*).

Mesyuarat ini diadakan adalah berdasarkan keperluan yang digariskan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2011. Berdasarkan pekeliling tersebut, Kerajaan telah bersetuju supaya sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang menepati piawaian yang ditetapkan, digunakan oleh agensi kerajaan.



Kementerian bertanggungjawab memastikan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang dibangunkan oleh agensi di bawahnya memenuhi Kriteria Pematuhan SAGA bagi memperoleh pengiktirafan Pematuhan SAGA daripada JANM. Bagi memenuhi tanggungjawab tersebut, Jawatankuasa Pemantau SAGA ditubuhkan di peringkat Kementerian.

KPT mempunyai 21 agensi yang perlu mendapatkan persijilan SAGA. Sebanyak 17 agensi telah mendapat sijil pematuhan SAGA. Empat (4) agensi masih belum menerima persijilan SAGA iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Mesyuarat SAGA Bilangan 1 dan 2 yang diadakan pada tahun 2023 telah membincangkan berkaitan status pembangunan dan pelaksanaan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan bagi empat (4) universiti awam (UA) yang masih belum mendapat persijilan pematuhan SAGA iaitu UUM, UMS, UniMAP dan USIM serta satu UA yang membuat persijilan semula kerana menukar sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang baharu iaitu Universiti Sains Malaysia (USM). Mesyuarat perlu memastikan kesemua agensi di bawah KPT dapat menerima persijilan SAGA mengikut sasaran yang telah ditetapkan. Setiap agensi perlu memberi justifikasi sekiranya sasaran yang dibuat tidak dapat dicapai.



## **6.2. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan (JPPAK), KPT**

Mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT ini telah diadakan pada 14 April 2023 (Bilangan 1) dan 22 November 2023 (Bilangan 2) di Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Aras 17, KPT.

Mesyuarat ini diadakan adalah berdasarkan keperluan yang digariskan di Pekeliling Perbendaharaan PS1.2. Berdasarkan pekeliling tersebut, Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian hendaklah ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan perakaunan akruan yang berkesan dan mampan di peringkat Kementerian.

Skop perbincangan adalah merangkumi:

- (i) Memantau dan memastikan pelaksanaan perakaunan akruan di Kementerian;
- (ii) Melapor status kemajuan pelaksanaan perakaunan akruan setiap suku tahun kepada Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan Jabatan Akauntan Negara Malaysia; dan
- (iii) Memastikan peruntukan kewangan, sumber manusia dan keperluan infrastruktur ICT mencukupi untuk pelaksanaan perakaunan akruan.

Mesyuarat JPPAK Bilangan 1 dan 2 yang telah diadakan pada tahun 2023 membincangkan berkaitan isu data migrasi baki awal aset dan ABT yang melibatkan semua PTJ di Bahagian/ Jabatan/ Agensi di bawah KPT.

# Bahagian Kewangan



# Bahagian Kewangan

## 1. Pengenalan

Bahagian Kewangan, KPT menjalankan dua (2) fungsi utama iaitu pengurusan kewangan dan perolehan. Tanggungjawab Bahagian Kewangan adalah memastikan pengurusan kewangan dan perolehan dilaksanakan dengan efisien dan teratur serta patuh kepada tatacara kewangan, peraturan dan pekeliling semasa yang berkuatkuasa. Bahagian Kewangan juga berperanan dalam merancang, memantau, mengawal dan memperakaunkan perbelanjaan mengurus bagi Jabatan/ Bahagian/ Agensi di bawah Kementerian dengan mewujudkan satu sistem pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan. Kekuatan perjawatan di Bahagian Kewangan adalah seramai 66 perjawatan dengan diketuai oleh Setiausaha Bahagian.

Bahagian Kewangan merangkumi enam (6) Seksyen yang melaksanakan urusan berkaitan kewangan dan perolehan seperti berikut:

- |   |                                    |
|---|------------------------------------|
| 1.1. Seksyen Pentadbiran dan Keurusetiaan;    | 1.4. Seksyen Kewangan dan Hasil;   |
| 1.2. Seksyen Pengurusan Geran Badan Berkanun; | 1.5. Seksyen Pengurusan Akaun; dan |
| 1.3. Seksyen Belanjawan;                      | 1.6. Seksyen Perolehan.            |

## 2. Fungsi

- 2.1. Merancang keperluan perbelanjaan mengurus KPT;
- 2.2. Mengurus dan menyalurkan peruntukan kepada program dan aktiviti;
- 2.3. Mengawal dan menilai prestasi perbelanjaan KPT;
- 2.4. Pengurusan perakaunan bayaran, terimaan, amanah, aset dan pelaporan penyata kewangan Kementerian;
- 2.5. Menyelaras Geran Mengurus Universiti Awam (UA), Hospital Pengajar (HPU) dan Badan Berkanun Persekutuan (BB);
- 2.6. Tadbir Urus dan pemantauan pengurusan kewangan Bahagian dan pakej/ kemudahan/ pembiayaan KPT;
- 2.7. Memastikan tadbir urus berkesan terhadap Akaun Belum Terima (ABT) KPT;
- 2.8. Menguruskan perolehan Kementerian yang terdiri daripada Sebutharga, Tender dan Rundingan Terus; dan
- 2.9. Khidmat nasihat pengurusan kewangan dan perolehan.

### 3. Laporan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus B.64 Tahun 2023 Di Bawah KPT

Pada tahun 2023, peruntukan Belanja Mengurus, B64 bagi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah sebanyak **RM11,700,000,000.00**. Secara keseluruhan, prestasi perbelanjaan KPT adalah berjumlah **RM11,746,460,627.60** atau **100.40%**. Perincian Prestasi Perbelanjaan Mengurus KPT mengikut Objek Am (OA) bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

Objek Am	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
OA10000	1,255,803,800.00	1,279,818,143.17	101.9
OA20000	474,774,576.00	497,244,570.92	104.73
OA30000	26,988,900.00	26,980,576.73	99.97
OA40000	9,940,042,163.00	9,940,027,784.76	100.00
OA50000	2,390,561.00	2,389,552.02	99.96
<b>Jumlah</b>	<b>11,700,000,000.00</b>	<b>11,746,460,627.60</b>	<b>100.40</b>

Prestasi Perbelanjaan Mengurus KPT Mengikut Objek Am Bagi Tahun 2023

Walau bagaimanapun, pada 16 Februari 2024, KPT telah melaksanakan pelarasan belanja berbaki negatif yang melibatkan emolumen (OA10000) dan OA20000 seperti mana yang telah diarahkan oleh Kementerian Kewangan. Perincian Prestasi Perbelanjaan Mengurus Kementerian Pendidikan Tinggi **selepas pelarasan** mengikut Objek Am (OA) bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

Objek Am	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
OA10000	1,255,803,800.00	1,255,803,800.00	100.00%
OA20000	474,774,576.00	474,797,538.00	100.00%
OA30000	26,988,900.00	26,980,576.73	99.97%
OA40000	9,940,042,163.00	9,940,027,784.76	100.00%
OA50000	2,390,561.00	2,389,552.02	99.96%
<b>Jumlah</b>	<b>11,700,000,000.00</b>	<b>11,699,999,251.51</b>	<b>100.00%</b>

Prestasi Perbelanjaan Mengurus KPT Selepas Pelarasan Mengikut Objek Am Bagi Tahun 2023

# 4. Program Utama Tahun 2023

## 4.1. Majlis Libat Urus Belanjawan 2024 KPT

- (i) Majlis Libat Urus Belanjawan 2024 bersama-sama pemegang taruh KPT telah diadakan pada 17 Ogos 2023 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPT. Majlis ini bertujuan untuk mendapatkan input dan pandangan para pemegang taruh KPT yang terdiri daripada wakil Kementerian, Jabatan, Agensi, UA, Politeknik, Kolej Komuniti, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan serta wakil kumpulan inklusif berhubung fokus strategik atau bidang tumpuan sektor pendidikan tinggi dalam Belanjawan 2024 seiring dengan aspirasi Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat.
- (ii) Dalam sesi dialog tersebut, sebanyak 63 cadangan baharu Belanjawan 2024 berkaitan pendidikan tinggi telah diterima daripada pemegang taruh meliputi isu-isu berkaitan kebolehpasaran graduan, pendigitalan pendidikan tinggi, pemerkasaan institusi, penyelenggaraan bangunan dan aset serta kemudahan fasiliti untuk golongan inklusif. Cadangan yang diterima tersebut telah diperhalusi dan dikemukakan untuk pertimbangan Kementerian Kewangan.
- (iii) Rentetan itu, Kementerian Kewangan pada Disember 2023 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM655 juta kepada KPT termasuk secara one-off sebanyak RM55 juta bagi pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2024 seperti berikut:



Sesi Majlis Libat Urus Belanjawan 2024 KPT

Lulus Kementerian Kewangan 2024	Peruntukan Sedia Ada (B/P.64)	Kementerian Kewangan (B.11/P.10)	Jumlah (RM)
Mobile Community Services : Saringan kesihatan bergerak - HPU		10 juta (B.11)	10 juta
Geran padanan untuk UA bekerjasama dengan sektor swasta dalam merancakkan aktiviti penyelidikan dan inovasi yang boleh dikomersialkan	50 juta		50 juta
Penggantian dan peluasan wifi di UA dan Pendigitalan di HPU	245 juta	5 juta	
Penyelenggaraan dan pemberian prasarana di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) serta penggantian peralatan usang	300 juta		300 juta
Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di Kolej Komuniti bagi komuniti rentan	5 juta		5 juta
Pemerkasaan OKU: Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) dan Fasiliti OKU di UA		10 juta	
Program Pengupayaan Komuniti MADANI		10 juta (B.11)	10 juta
Fakulti Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM)		20 juta (B.11)	20 juta
<b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b>	<b>600 juta</b>	<b>55 juta</b>	<b>655 juta</b>

Peruntukan yang diluluskan kepada KPT bagi pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2024

## **4.2. Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) Peringkat UA, HPU Dan Badan Berkanun (BB), KPT**

- (i) Bahagian Kewangan merupakan urus setia bagi Mesyuarat JPKA peringkat UA, HPU dan BB;
- (ii) Mesyuarat ini merupakan satu platform bagi Kementerian untuk memantau dan melihat prestasi belanja mengurus di peringkat UA, HPU dan BB; dan
- (iii) Pelaksanaannya pada setiap suku tahun iaitu sebanyak empat (4) kali setahun telah diadakan di Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, KPT seperti berikut:

Mesyuarat	Tarikh
Mesyuarat JPKA Sukuan Keempat Tahun 2022	14 Februari 2023
Mesyuarat JPKA Sukuan Pertama Tahun 2023	19 April 2023
Mesyuarat JPKA Sukuan Kedua Tahun 2023	9 Ogos 2023
Mesyuarat JPKA Sukuan Ketiga Tahun 2023	31 Oktober 2023

## **4.3. Pelaksanaan Mesyuarat Pemeriksaan Anggaran Perbelanjaan Mengurus (ABM) Tahun 2024 UA, HPU Dan BB**

- (i) Seksyen Pengurusan Geran Badan Berkanun, Bahagian Kewangan merupakan urus setia bagi Mesyuarat Pemeriksaan ABM Tahun 2024 bagi UA, HPU dan BB;
- (ii) Mesyuarat ini diadakan untuk menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus BB di bawah KPT bagi tahun 2024; dan
- (iii) Sebanyak 30 Agensi BB di bawah KPT telah membentangkan keperluan ABM bagi tahun 2024 dan pemeriksaan ABM telah diadakan bersama *Budget Review Officer (BRO)* KPT dari Pejabat Belanjawan Negara (NBO), Kementerian Kewangan, pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), pegawai Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), KPT dan pegawai Bahagian Governan IPTA (BGA), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).

#### 4.4. Formula Pendanaan Baharu (*New Funding Formula - NFF*) UA

- (i) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT), telah menggariskan 10 Ijonjakan bagi mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia. Lonjakan Lima (5) telah memberi penekanan kepada aspek kemampuan kewangan institusi dan sistem pendidikan negara dalam jangka masa yang panjang.
- (ii) Bagi mencapai hasrat tersebut JPT, KPT telah melantik kumpulan penyelidik daripada Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), Universiti Teknologi MARA (UiTM), untuk menyiapkan Kajian Model Pendanaan Model Pendanaan Baharu melalui Analisis Kemampuan dan Prestasi Kewangan UA. Kajian tersebut telah dibentangkan kepada YB Menteri Pendidikan Tinggi pada 11 Julai 2023 oleh JPT. Berdasarkan pembentangan tersebut, pihak JPT mencadangkan satu pasukan petugas khas (*taskforce*) ditubuhkan bagi menentukan hala tuju pelaksanaan agihan peruntukan tahunan kepada IPT Awam menggunakan model Formula Pendanaan Baharu (NFF).
- (iii) Sehubungan itu, Bahagian Kewangan, KPT dan Bahagian Governan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) (BGA), JPT telah bekerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Perakaunan (ARI) UiTM dalam melaksanakan Bengkel Formula Pendanaan Baharu (*New Funding Formula - NFF*) selaras dengan hasrat yang telah digariskan dalam PPPM (PT) seperti berikut:

Bengkel	Tarikh	Lokasi
NFF Fasa 1	9 - 10 November 2023 6 - 7 Disember 2023	Institut Kepimpinan Dan Pembangunan (ILD), UiTM, Bandar Enstek, Negeri Sembilan

- (iv) Bengkel ini secara keseluruhannya telah mencapai objektif seperti berikut:

- (a) Memberi pendedahan kepada semua wakil bendahari tentang cara pengiraan, data-data yang digunakan mengikut kod, simulasi pengiraan pengagihan geran pukal berdasarkan input dan prestasi menggunakan NFF bagi data kewangan tahun 2022 berdasarkan Kerangka Pengagihan Kos (Versi 2.0, KPT 2020);
- (b) Mengenal pasti faktor-faktor yang bersifat ‘*performance based*’ yang berkaitan untuk pengiraan Pendanaan berdasarkan prestasi;
- (c) Memberi latihan kepada semua wakil bendahari mengenai pengiraan jumlah pendanaan yang layak berdasarkan input dan prestasi berdasarkan NFF UA; dan
- (d) Mendapatkan maklum balas daripada wakil bendahari bagi penambahbaikan terhadap NFF.



#### **4.5. Pelaksanaan Mesyuarat Pemantauan Akaun Belum Terima (ABT) KPT**

- (i) Bahagian Kewangan merupakan urus setia bagi Mesyuarat Pemantauan ABT peringkat Kementerian.
- (ii) Mesyuarat ini merupakan satu platform bagi Kementerian untuk memantau dan melihat prestasi kutipan ABT di peringkat Kementerian; dan
- (iii) Pelaksanaannya pada setiap suku tahun iaitu sebanyak empat (4) kali setahun yang diadakan di Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, KPT seperti berikut:

Bilangan Mesyuarat	Tarikh
Mesyuarat Pemantauan ABT Sukuan Keempat Tahun 2022	31 Januari 2023
Mesyuarat Pemantauan ABT Sukuan Pertama Tahun 2023	9 Mei 2023
Mesyuarat Pemantauan ABT Sukuan Kedua Tahun 2023	25 Ogos 2023
Mesyuarat Pemantauan ABT Sukuan Ketiga Tahun 2023	25 Oktober 2023



#### **4.6. Pelaksanaan Bengkel Berkaitan Surat Pekeliling Dalaman Kewangan (SPDK) Bilangan 2 Tahun 2022 : Garis Panduan Pemantapan ABT Dan Langkah-Langkah Bagi Mengatasi ABT Di KPT**

- (i) Bahagian Kewangan telah melaksanakan Bengkel Berkaitan Garis Panduan Pemantapan Pengurusan ABT Dan Langkah-Langkah Bagi Mengatasi ABT Di KPT pada tahun 2023 secara berfokus di enam (6) zon terlibat seperti berikut:

Zon	Lokasi	Tarikh Pelaksanaan
Tengah	Dewan Jamuan Za'ba, KPT	9 Februari 2023
Sabah	Politeknik Kota Kinabalu, Sabah	21 Februari 2023
Selatan	Politeknik Merlimau, Melaka	14 Mac 2023
Utara	Politeknik Seberang Prai, Pulau Pinang	30 Mei 2023
Timur	Politeknik Kota Bharu, Kelantan	11 Julai 2023
Sarawak	Politeknik Kuching, Sarawak	14 Ogos 2023

- (ii) Objektif utama bengkel ini diadakan adalah bagi memastikan pengurusan ABT di setiap PTJ lebih efektif dan mengatasi kelemahan yang ada dalam pengumpulan dan perekodan ABT KPT.
- (iii) Bengkel ini juga bertujuan untuk memupuk sikap proaktif di kalangan pegawai yang mengendalikan ABT di PTJ-PTJ bagi menangani isu ABT dan merangka tindakan pencegahan serta strategi yang berkesan dalam menyasarkan pengurangan jumlah ABT.
- (iv) Bengkel ini merupakan satu platform bagi Bahagian Kewangan untuk menjelaskan mengenai isu-isu ABT dan kaedah bagi meningkatkan mutu pelaporan ABT Bahagian/ Jabatan/ Institusi di mana pelaporan dapat disediakan mengikut masa dan standard yang ditetapkan serta melaporkan sebarang isu ABT secara telus.
- (v) Selain itu, bengkel ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran bahawa isu-isu ABT perlu diberi perhatian serius untuk diselesaikan.
- (vi) Secara keseluruhan, bengkel ini mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta dan diharapkan bengkel seperti ini akan dianjurkan lagi oleh pihak KPT di masa hadapan. Bengkel ini diharap akan menjadi satu medium yang berkesan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran khususnya kepada pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengurusan ABT di PTJ masing-masing.

## 4.7. Program Pemantapan Pengurusan Perolehan KPT Tahun 2023

### 4.7.1. Objektif

- (i) Objektif program ini diadakan adalah untuk:
  - (a) Meningkatkan pengetahuan serta kefahaman peserta berkaitan pengurusan perolehan agar selari dengan pekeliling dan peraturan terkini serta mematuhi ketetapan Kementerian Kewangan;
  - (b) Mengenalpasti isu dan masalah yang dihadapi oleh PTj dalam pengurusan perolehan Kerajaan dan membantu PTj menangani isu/ masalah yang dihadapi; dan
  - (c) Perkongsian langkah-langkah penambahbaikan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan perolehan di PTj.

### 4.7.2. Pelaksanaan Program

- (i) Program Pemantapan Pengurusan Perolehan KPT bagi tahun 2023 telah diadakan di Sky Hotel, Kota Kinabalu, Sabah pada 8 hingga 12 Mac 2023. Program ini telah dihadiri seramai 28 orang peserta dari Politeknik dan Kolej Komuniti di Sabah dan Sarawak.
- (ii) Pengisian program selama 5 hari 4 malam ini melibatkan sesi taklimat yang disampaikan oleh para pegawai daripada Seksyen Perolehan Bahagian Kewangan KPT, Penasihat Undang-undang KPT serta Kementerian Kewangan. Antara tajuk yang disampaikan adalah berkaitan punca kuasa, prinsip dan dasar perolehan, isu perundungan dan pengurusan kontrak, tatacara perolehan sebut harga dan tender, perkongsian berkenaan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPT, pembentangan kajian kes serta sesi soal jawab bersama peserta.
- (iii) Secara keseluruhan, program ini mendapat maklumbalas yang positif daripada para peserta. Program ini telah dapat dijadikan wadah bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran khususnya kepada pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengurusan perolehan di PTj masing-masing.
- (iv) Program ini juga perlu diadakan secara berkala dan wajar diteruskan pada setiap tahun bagi memastikan setiap pegawai di PTj sentiasa peka terhadap sebarang pindaan pekeliling/ peraturan semasa yang berkuatkuasa dan membolehkan pihak kementerian berkongsi isu-isu yang sering berlaku di PTj serta teguran di peringkat Lembaga Perolehan KPT untuk penambahbaikan oleh PTj.



Sekitar Program Pemantapan Pengurusan Perolehan KPT Tahun 2023

# Bahagian Pembangunan



# Bahagian Pembangunan

## 1. Pengenalan

Bahagian Pembangunan merupakan Bahagian yang memberikan perkhidmatan sokongan kepada Jabatan/ Agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), khususnya dalam menyelaras, melaksanakan dan memantau program/ projek pembangunan termasuk projek yang dijalankan secara Kerjasama Awam Swasta (PPP) di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT).

Bahagian ini terbahagi kepada tiga (3) Seksyen utama iaitu:

- 1.1. Seksyen Pembangunan;
- 1.2. Seksyen Teknikal; dan
- 1.3. Seksyen Projek Khas Hab Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP).

## 2. Program Utama Tahun 2023

### 2.1. Majlis Anugerah Pembangunan Negara Tahun 2023

Anugerah Pembangunan Negara Tahun 2023 anjuran Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) adalah untuk mengiktiraf inisiatif dan komitmen Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam memastikan kejayaan polkamania program/ projek pembangunan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Program diadakan pada 14 November 2023 di Putrajaya ini melibatkan semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri. KPT telah meraih tempat pertama bagi Anugerah Prestasi Pembangunan Terbaik (Peruntukan di atas RM1 bilion) manakala tempat ketiga bagi Anugerah Pengurusan IBS Terbaik (di atas RM1 bilion bagi projek Kerajaan). Anugerah telah diterima oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), KPT.

Majlis ini bertujuan membudayakan amalan pengurusan terbaik (*good governance*) dalam kalangan Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam pelaksanaan program/ projek pembangunan yang menepati kehendak pemegang taruh. Kaedah pemantauan dan pelaksanaan sedia ada di KPT telah diiktiraf dan seterusnya menjadi motivasi untuk terus menambah baik pelaksanaan/ pemantauan program/ projek pembangunan sedia ada dan akan datang.



## 2.2. Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan KPT (MTPK)

Mesyuarat berkala yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi selaras dengan Arahan Perdana Menteri No.1 Tahun 2023 bertujuan untuk:

- Menyelaras pelaksanaan dan penilaian program/ projek RLMT termasuk inisiatif ke arah kesejahteraan rakyat serta inisiatif semasa Kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah;
- Memastikan semua keputusan MTPN dan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negara (JTPN) dilaksanakan sepenuhnya di peringkat Kementerian; dan
- Berperanan mencari jalan penyelesaian ke atas isu dan masalah pelaksanaan program/ projek pembangunan di bawah KPT serta isu-isu berkaitan kesejahteraan rakyat.

Mesyuarat MTPK ini telah diadakan pada 22 Ogos 2023 di Langkawi, Kedah melibatkan Pengurusan Tertinggi KPT, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Agensi-agensi pusat iaitu ICU,

JPM, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), JPM, Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan, Naib Canselor dari Universiti Awam (UA) serta Pengarah-pengarah Pembangunan UA untuk membincangkan isu-isu berbangkit bagi Projek Pembangunan di bawah *Rolling Plan 3* (RP3), RMKe-12 serta pembentangan status pelaporan perbelanjaan RP3, RMKe-12 dan juga status kemajuan semasa projek-projek KPT.

Pembentangan status pelaporan perbelanjaan RP3, RMKe-12 dan status kemajuan semasa projek-projek KPT yang memberi impak ke atas pelaksanaan projek-projek di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia turut dilaksanakan dalam mesyuarat ini.

Kaedah pemantauan yang diadakan secara bulanan melalui forum MTPK melalui penglibatan pihak Kementerian, Agensi Pusat, JKR dan JPS serta di peringkat Jabatan/ Bahagian/ Agensi menggunakan pakai peruntukan Pembangunan Kementerian bagi memastikan projek-projek di bawah Kementerian dilaksanakan seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi (PPPT) yang berkuat kuasa serta memberi manfaat kepada para pelajar di IPT negara. Pemantauan yang berkala boleh menyelesaikan isu-isu yang berbangkit melibatkan masalah di pihak kontraktor serta penyediaan fasiliti/ infrastruktur dapat dimanfaatkan bagi kemudahan rakyat Malaysia ke arah Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).

Selain itu, penyelenggaraan fasiliti secara berkala, kerja-kerja baik pulih turut diberi perhatian bagi memastikan fasiliti/ perkhidmatan yang dimanfaatkan adalah selamat digunakan. Dengan itu, peruntukan pembangunan yang disediakan berupaya memastikan fasiliti/ prasarana yang disediakan adalah inklusif, kondusif dan selamat melalui pelaksanaan inisiatif baharu yang ditambah baik dari semasa ke semasa.



Gambar sekitar MTPK

# Bahagian Pengurusan Maklumat



# Bahagian Pengurusan Maklumat

## 1. Pengenalan

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) mengendalikan perkhidmatan teras ICT di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). BPM diketuai oleh Setiausaha Bahagian (SUB) dan terdiri daripada tiga (3) Seksyen iaitu Seksyen Pengurusan Dasar, Pembudayaan dan Latihan ICT, Seksyen Pengurusan Teknikal dan Keselamatan serta Seksyen Pengurusan Aplikasi.

## 2. Fungsi

- 2.1. Memberi khidmat nasihat dari segi perancangan, pembangunan, pelaksanaan dan khidmat perundingan projek ICT;
- 2.2. Menyediakan infrastruktur, infostruktur serta perkhidmatan ICT yang menyokong visi, misi dan objektif KPT;
- 2.3. Membangunkan aplikasi yang memenuhi keperluan pengguna bagi mengukuhkan sistem penyampaian KPT;
- 2.4. Menyediakan perkhidmatan sokongan teknikal bagi memperkuuhkan prasarana ICT KPT;
- 2.5. Memastikan keselamatan dan integriti aset ICT yang terjamin;
- 2.6. Membudayakan personel IT yang mahir dan kompeten; dan
- 2.7. Menyediakan mekanisme yang berkesan bagi memantau pelaksanaan projek ICT.

## 3. Program Utama Tahun 2023

Berikut merupakan antara program utama BPM bagi tahun 2023:

### 3.1. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT KPT (JPICT, KPT)

JPICT KPT ditubuhkan bagi menimbang dan meluluskan permohonan kelulusan teknikal daripada bahagian, jabatan dan agensi di bawahnya berdasarkan pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT agensi masing-masing bagi perolehan ICT mengikut had nilai yang telah ditetapkan. JPICT ialah jawatankuasa di peringkat kementerian yang merancang, menyelaras, menilai, meluluskan dan memantau permohonan perolehan, pembangunan dan pelaksanaan projek ICT bagi kementerian dan agensi di bawahnya termasuk projek ICT yang dilaksanakan secara *in-house*.

Terdapat enam (6) Mesyuarat JPICT yang telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPT sepanjang tahun 2023:

Mesyuarat JPICT	Tarikh	Jumlah Kertas Permohonan Diluluskan
Bil. 1/2023	13 Februari 2023	
Bil. 2/2023	3 April 2023	13
Bil. 3/2023	9 Jun 2023	
Bil. 4/2023	30 Ogos 2023	21
Bil. 5/2023	2 November 2023	15
Bil. 6/2023	21 Disember 2023	8

Antara impak yang diperolehi melalui mesyuarat ini ialah:

- (i) Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan program/ projek ICT Kementerian;
- (ii) Mengesahkan cadangan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju atau strategi ICT Kementerian dan semua agensi di bawahnya;
- (iii) Merancang, menyelaras dan menyeragamkan pembangunan dan pelaksanaan program/ projek ICT Kementerian dan semua agensi di bawahnya supaya selaras dengan pelan strategik organisasi, pelan strategik ICT organisasi, Pelan Strategik ICT Sektor Awam atau pelan yang setara; dan
- (iv) Menilai dan meluluskan semua cadangan perolehan ICT Kementerian dan agensi di bawahnya termasuk kaedah *Public Private Partnership* (PPP) berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan.

Secara keseluruhannya, sejumlah 82 projek ICT telah diluluskan bagi tahun 2023.

### 3.2. Mesyuarat Ketua Pegawai Digital (CDO) KPT

Mesyuarat ini bertujuan untuk menyalurkan maklumat penting dan terkini berkaitan pendigitalan di Kementerian mahupun inisiatif peringkat agensi di bawah KPT serta pelaksanaan dasar-dasar kerajaan.

Objektif mesyuarat ini diadakan adalah:

- (i) **Memperkuuh Rangka Kerja dan Pengurusan Strategik** bagi membantu CDO melaksanakan strategi perancangan teknologi, pengurusan perubahan, pengurusan risiko, dan pentadbiran data yang efektif;
- (ii) **Memupuk Kepimpinan Digital** di kalangan CDO untuk mengembangkan kemahiran kepimpinan, kepintaran emosi, dan kemahiran berkomunikasi yang diperlukan untuk memimpin transformasi digital dan menggalakkan budaya inovasi di institusi masing-masing; dan
- (iii) **Mewujudkan Rangkaian dan Kerjasama** dengan memberi peluang untuk CDO berinteraksi bersama bagi membina rangkaian yang kukuh, berkongsi pengalaman, dan menggalakkan kerjasama dalam menghadapi cabaran dan peluang bersama.

Mesyuarat	Tarikh	Tempat	Kehadiran	Pembentangan
Mesyuarat CDO Bil.1/2023	20 Mac 2023	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)	CDO dan wakil ICT dari 20 Universiti Awam, JPPKK, PTPTN, MQA dan MAPITA	<ol style="list-style-type: none"><li>a. Pelaksanaan Dasar Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam;</li><li>b. Status Pelaksanaan End-To-End (E2E) KPT; dan</li><li>c. Pendigitalan UMP (Kampus Pintar UMP 2022-2025).</li></ol>
Mesyuarat CDO Bil.2/2023	20 Oktober 2023	Universiti Malaysia Sabah (UMS)		<ol style="list-style-type: none"><li>a. Polisi Pengintegrasian Dan Tadbir Urus Data Pendidikan Tinggi;</li><li>b. Perkhidmatan Talian E2E KPT; dan</li><li>c. Cadangan Penggantian Dan Peluasan Capaian Wifi di Universiti Awam (UA).</li></ol>

Mesyuarat yang bersidang sebanyak dua kali setahun di setiap UA ini telah dapat memperkuuhkan rangka kerja dan pengurusan strategik, memupuk kepimpinan digital di kalangan CDO serta mewujudkan rangkaian dan kerjasama dengan memberi peluang untuk CDO berinteraksi bersama bagi membina rangkaian yang kukuh, berkongsi pengalaman dan menggalakkan kerjasama dalam menghadapi cabaran dan peluang bersama.



### 3.3. Bengkel Penyelarasan Perkhidmatan E2E KPT Tahun 2023

Objektif utama Bengkel Penyelarasan Perkhidmatan E2E KPT diadakan untuk:

- (i) Memberi penerangan definisi dan perkhidmatan E2E;
- (ii) Memurnikan perkhidmatan yang dikenal pasti untuk didigitalkan mengikut nilai perkhidmatan utama dan keperluan utama *stakeholder*;
- (iii) Mengenal pasti perkhidmatan sepunya pendidikan tinggi dan perkhidmatan sokongan; dan
- (iv) Merancang strategi pelaksanaan perkhidmatan E2E untuk mencapai KPI yang disasarkan.

Bengkel telah diadakan pada 20 dan 21 Februari 2023 di Hotel Everly Putrajaya. Penyertaan seramai 60 orang terdiri daripada Pegawai KPT, Pegawai MAMPU, Pegawai Penyelaras E2E di Bahagian di KPT, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysians Qualification Agency - MQA*) dan UA. Perasmian bengkel telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) merangkap CDO KPT dan turut diiringi oleh Pengarah Bahagian Kerajaan Digital, MAMPU.

Antara impak kepada bengkel ini adalah:

- (i) Pemahaman yang jelas berkaitan perkhidmatan E2E di kalangan Pegawai Penyelaras;
- (ii) Perkhidmatan sepunya pendidikan tinggi dan perkhidmatan sokongan/ generik disediakan; dan
- (iii) Penyelarasan perkhidmatan E2E KPT dan agensi di bawah KPT bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan digital Kementerian dan Agensi. Perkhidmatan yang dirancang untuk diE2Ekan merupakan suatu keperluan bagi golongan sasar yang merupakan pengguna perkhidmatan.

KPT dan agensi di bawah KPT telah mengenal pasti perkhidmatan yang disasarkan akan E2E bagi tahun 2023 sehingga 2025 dan membuat perancangan dari segi peruntukan, strategi pelaksanaan dan pemantauan perkhidmatan masing-masing.

Senarai perkhidmatan sepunya pendidikan tinggi dan perkhidmatan sokongan telah dikenal pasti. 11 kategori perkhidmatan telah disenaraikan dan akan menjadi asas perkhidmatan KPT dan agensi di bawah KPT.



### **3.4. Pelaksanaan Audit Dalam ISMS KPT Tahun 2023**

Program ini berlangsung pada 17 hingga 18 Ogos 2023 di Bilik Mesyuarat Khazini 1, Aras 6, BPM, KPT. Pelaksanaannya adalah bagi memastikan semua dasar, prosedur, kawalan yang terlibat dalam pelaksanaan ISMS diaudit sebagaimana yang telah dirancang untuk mengesahkan ISMS tersebut berfungsi dengan berkesan serta tindakan pengesanan, pencegahan, penambahbaikan dapat dibuat.

Program ini juga telah mencapai objektif yang disasarkan seterusnya audit Pensijilan ISO/IEC 27001:2013 Sistem pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) peringkat pertama dapat dilaksanakan.



### **3.5. Pelaksanaan Audit Pensijilan ISO/ IEC 27001:2013 ISMS KPT Oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.**

Pelaksanaan audit ini adalah untuk mendapatkan pensijilan ISO/ IEC 27001:2013 ISMS untuk tempoh tiga (3) tahun (2023 hingga 2025). Sesi pengauditan telah berlangsung pada 12 hingga 13 Oktober 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Khazini 1, Aras 6, BPM, KPT. KPT telah berjaya mendapat pensijilan ini pada 3 November 2023.

### **3.6. Pemprosesan Kemasukan Pelajar Utama Dan Rayuan Bagi Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Dan Sijil Persekolahan Tinggi Malaysia (STPM) / Setaraf Sesi Akademik 2023/2024**

Memproses data permohonan utama dan rayuan kemasukan pelajar lepasan SPM dan STPM/ Setaraf ke UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) bagi sesi akademik 2023/2024. Aktiviti ini adalah bagi menyediakan data dan penjanaan laporan berkaitan.

Tujuan aktiviti ini juga adalah untuk:

- (i) Melaksanakan padanan data dengan data dibekalkan dari agensi-agensi seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Bahagian Matrikulasi, Bahagian Seni dan Kokurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 20 UA, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Seksyen Sukan, Bahagian Perancangan Strategik, KPT;

- (ii) Memproses 276,800 data permohonan dan 46,939,452 data layak bagi kemasukan pelajar ke UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA bagi lepasan SPM;
- (iii) Memproses 138,558 data permohonan dan 69,308,246 data layak bagi kemasukan pelajar ke UA bagi lepasan STPM/ Setaraf;
- (iv) Melaksanakan 19 jenis pemprosesan iaitu 9 pemprosesan bagi lepasan SPM dan 10 pemprosesan bagi lepasan STPM/ Setaraf;
- (v) Lebih 1,600 program pengajian telah dikodkan dan diselenggara bagi sistem pemprosesan kemasukan pelajar dan program syarat khas ke UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA;
- (vi) Penyediaan data dan penjanaan laporan bagi kegunaan mesyuarat berkaitan dan semakan pihak terlibat; dan
- (vii) Penglibatan dalam mesyuarat utama/ berkala yang dilaksanakan bersama Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, JPT.

Aktiviti ini membantu dari segi:

- (i) Prosesan data permohonan kemasukan pelajar (warganegara) lepasan SPM ke IPTA dan ILKA bagi mengikuti program pengajian peringkat Sijil, Asasi dan Diploma sesi akademik 2023/2024; dan
- (ii) Prosesan data permohonan kemasukan pelajar (warganegara, penduduk tetap dan pemastautin tetap) lepasan STPM, STAM, Matrikulasi, Asasi dan Diploma ke IPTA bagi mengikuti program pengajian peringkat ijazah pertama sesi akademik 2023/2024.

Prosesan data lebih 415,000 permohonan kemasukan pelajar ke IPTA dan ILKA termasuk rayuan bagi sesi akademik 2023/2024 telah dilaksanakan mengikut jadual.

### **3.7. Pelaksanaan *Electronic Self Auditing System* (eSAS)**

Sistem eSAS dibangunkan untuk membantu Unit Audit Dalam (UAD) memantau dan menilai prestasi serta pematuhan pengurusan kewangan dan ICT di setiap PTJ KPT secara atas talian berdasarkan pengauditan kendiri yang dilaksanakan oleh PTJ melalui sistem ini.

Objektif penubuhan eSAS adalah untuk:

- (i) Membolehkan UAD memantau dan membuat penilaian prestasi serta pematuhan pengurusan kewangan dan ICT secara atas talian;
- (ii) Menyediakan platform pengauditan kendiri kepada PTJ di KPT, pengauditan Juruaudit (UAD) serta maklum balas audit kepada UAD; dan
- (iii) Membolehkan Ketua Jabatan memantau prestasi pematuhan pengurusan kewangan dan ICT di PTJ secara *real time*.

Sistem ini dibangunkan dalam tempoh lapan (8) bulan dengan pengubahsuaian Sistem eZSNAP dan telah mula dilaksanakan pada Februari 2024. eSAS terdiri daripada dua (2) modul iaitu Modul Audit dan Modul UAD. Modul Audit berfungsi untuk PTJ melaksanakan pengauditan kendiri dan pengesahan pelaksanaan pengauditan kendiri oleh pegawai pengesah PTJ. Modul ini terdiri daripada lima (5) sub modul. Modul UAD dibangunkan untuk kegunaan UAD KPT dalam membuat penilaian prestasi serta mengukur pematuhan pengurusan kewangan dan ICT di PTJ. Modul ini mengandungi 18 sub modul.

Kelebihan kepada sistem ini juga adalah:

- (i) Pemantauan dan penilaian prestasi serta pematuhan pengurusan kewangan dan ICT di setiap PTJ di KPT dapat dilaksanakan dengan lebih efisien oleh UAD dengan adanya platform penilaian kendiri oleh PTJ serta fungsi pelaksanaan audit oleh UAD secara atas talian; dan
- (ii) Pemantauan secara *real time* prestasi pematuhan pengurusan kewangan dan ICT di PTJ oleh Ketua Jabatan.

Secara keseluruhannya, sistem eSAS dapat memudahkan UAD dalam melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan dan ICT di setiap PTJ di KPT dengan lebih efisien dan sistematik.

### 3.8. Pelaksanaan Sistem eParlimen

Sistem eParlimen dilaksanakan untuk membantu Unit Parlimen, Seksyen Parlimen dan Inovasi di BPS KPT dalam penyediaan jawapan Parlimen KPT adalah lebih strategik dan sistematik.

Sistem ini bertujuan untuk:

- (i) Membantu penyediaan jawapan Parlimen KPT secara atas talian dengan lebih strategik dan sistematik;
- (ii) Menyediakan platform bagi proses penyediaan jawapan Parlimen yang menyeluruh bermula daripada proses penyediaan sehingga proses kelulusan akhir; dan
- (iii) Memudahkan pemantauan proses penyediaan jawapan Parlimen KPT oleh Urus Setia Parlimen KPT.

Sistem ini dilaksanakan melalui pengubahsuaian Sistem eParlimen Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang diperoleh secara perkongsian pintar dan telah mula dilaksanakan pada September 2023. eParlimen terdiri daripada dua (2) modul utama iaitu Modul Dewan Rakyat/ Negara dan Pelaporan Catatan Harian Petugas Parlimen.

Modul Dewan Rakyat/ Negara mempunyai fungsi pendaftaran sesi Parlimen, soalan, jawapan serta memaparkan senarai soalan dan catatan harian. Modul ini terdiri daripada lima (5) sub modul.

Kelebihan kepada sistem ini juga akan:

- (i) Membolehkan penyediaan jawapan Parlimen dilaksanakan secara lebih strategik dan sistematik secara atas talian;

- (ii) Pemantauan status penyediaan jawapan secara *real time*; dan
- (iii) Maklumat/ Jawapan Parliment dapat direkodkan untuk dijadikan rujukan pada masa hadapan serta dapat memudahkan urusan pencarian sekiranya perlu.

Secara keseluruhannya, Unit Parliment dapat memantau proses penyediaan jawapan Parliment serta laporan harian pegawai bertugas dengan lebih efektif.

# Bahagian Khidmat Pengurusan



# Bahagian Khidmat Pengurusan

## 1. Pengenalan

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dipertanggungjawabkan bagi menguruskan hal ehwal pentadbiran di KPT merangkumi urusan logistik, penggunaan kemudahan gunasama, keselamatan, aset dan penyelenggaraan. Selain itu, BKP turut berperanan untuk menyelaras dan menganjurkan majlis-majlis utama Kementerian serta memberikan khidmat nasihat protokol bagi majlis anjuran KPT yang melibatkan Anggota Pentadbiran, Pengurusan Tertinggi KPT dan tetamu di kalangan orang kenamaan.

Bagi menjalankan fungsi-fungsi teras tersebut, BKP dibahagikan kepada lima (5) Seksyen utama seperti berikut:

- 1.1. Seksyen Pentadbiran dan Kewangan;
- 1.2. Seksyen Pengurusan Protokol dan Majlis;
- 1.3. Seksyen Rekod dan Registri;
- 1.4. Seksyen Pusat Sumber; dan
- 1.5. Seksyen Pengurusan Aset

Perjawatan yang telah diisi di BKP adalah sebanyak 60 pengisian daripada 61 waran perjawatan yang telah diluluskan.

## 2. Program Utama Tahun 2023

### 2.1. Majlis Perutusan Tahun Baharu 2023 YB Menteri Pendidikan Tinggi

Majlis Perutusan Tahun Baharu 2023 bersama Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin telah diadakan di Dewan Za'aba, KPT pada 30 Januari 2023. Majlis telah dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi Kementerian, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Awam (UA) dan Naib-naib Canselor UA, wakil-wakil UA dan Swasta serta seluruh warga KPT yang turut mengikuti secara maya.

Majlis ini merupakan platform untuk YB Menteri menyampaikan hasrat serta hala tuju Kementerian di samping dapat berinteraksi dengan warga Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah KPT.

Dalam sesi ini YB Menteri telah menggagaskan 11 aspirasi yang bakal menjadi tonggak dalam usaha dan panduan melonjakkan sektor pendidikan Malaysia agar lebih berkualiti dan diiktiraf seantero dunia.

11 fokus tersebut adalah:

- (i) Memastikan agenda dan dasar KPT selari dengan aspirasi nasional iaitu membangunkan negara yang MADANI;
- (ii) KPT akan bersikap profesional, adil, objektif dan tidak politikal dalam pengurusan sektor pendidikan tinggi;
- (iii) Menilai semula kedudukan KPT secara keseluruhan dari segi kemampuan, prestasi pencapaian mahupun misi masa depan;
- (iv) Memperkuuh kekuatan sumber intelektual Malaysia;
- (v) Membuat persediaan mengurus pelbagai perubahan dan ledakan teknologi;
- (vi) Memperkuuh peranan Malaysia sebagai ‘titik temu’ yang menarik kedatangan pelajar, penyelidik dan bakat global;
- (vii) Melakukan rombakan besar-besaran terhadap sistem dan ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) nasional;
- (viii) Memastikan kepentingan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dalam sektor pendidikan tinggi dengan membantu IPTS melebarkan pengaruh pendidikan tinggi ke seluruh dunia;
- (ix) Kualiti dan kecemerlangan akademik;
- (x) Memperbaiki akses dan rejim pembiayaan pendidikan; dan
- (xi) Pemerkasaan mahasiswa.



## 2.2. Pelancaran Hari Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang Tahun 2023 Peringkat KPT

Program ini merupakan acara pembukaan bagi Sambutan Bulan Kebangsaan di peringkat Kementerian. Seperti tahun sebelumnya Kementerian akan cuba untuk mengekalkan pencapaian lima (5) bintang pada penilaian Sambutan Bulan Kebangsaan oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen). Majlis dihadiri oleh YB Menteri dan Pengurusan Tertinggi yang lain, dan telah diadakan di sekitar Lobi KPT pada 9 Ogos 2023.

Objektif program diadakan adalah untuk:

- (i) Memupuk semangat perpaduan dan kebersamaan rakyat Malaysia adalah satu daripada inisiatif bagi mendukung aspirasi Malaysia MADANI; dan
- (ii) Memupuk serta menyemai semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan Warga KPT.

Majlis ini telah dilaksanakan pada 9 Ogos 2023 bertempat di Lobi KPT. Ia adalah merupakan majlis peringkat Kementerian yang dianjurkan bagi menyokong kempen induk dari Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD), bertujuan untuk memupuk semangat cintakan negara di samping mengamalkan sikap saling bekerjasama dan toleransi antara semua kaum.

Dalam majlis ini, agihan bendera turut dibuat, selain upacara utama iaitu YB Menteri dan YB Timbalan Menteri menurunkan tandatangan berserta dengan coretan pada papan khas aspirasi kemerdekaan. Majlis turut diserikan dengan persembahan lagu-lagu patriotik oleh pasukan *busking* UPM dan pameran reruai Kemerdekaan oleh pihak Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).

Selain itu, program Sambutan Bulan Kebangsaan di peringkat Kementerian turut diisi dengan pelbagai pengisian acara yang telah dirancang sepanjang bulan tersebut sehingga 16 September 2023 bagi memupuk semangat patriotik di kalangan warga KPT.



## 2.3. Majlis Ukhuwah Ramadan KPT 2023

Program Ukhuwah Ramadan merupakan program tahunan yang menjadi platform bagi YB Menteri untuk hadir berbuka puasa bersama dengan warga Kementerian, Jabatan dan Agensi. Majlis telah diadakan di Dewan Za'ba KPT dan sekitar kawasan lobi, pada Selasa, 11 April 2023.

Objektif program ini adalah:

- (i) Menghayati kelebihan bulan Ramadan di samping memberi ruang kepada warga untuk beramah mesra bersama-sama YB Menteri, Timbalan Menteri dan Pegawai Pengurusan Tertinggi Kementerian dalam sesi iftar; dan
- (ii) Memberi peluang dan ruang untuk memupuk serta menyemarakkan semangat kekeluargaan di kalangan warga KPT khususnya.

Majlis ini telah dilaksanakan pada 11 April 2023, bertempat di Dewan Za'ba dan Lobi KPT bermula jam 5.30 petang hingga 10.00 malam. Ia merupakan medium untuk menghayati kelebihan bulan Ramadan di samping memberi ruang kepada warga untuk beramah mesra bersama-sama YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan Pegawai Pengurusan Tertinggi Kementerian dalam sesi iftar.

Majlis ini dimulakan dengan Sesi Tazkirah berkaitan Bulan Ramadan oleh Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Prof. Madya Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah, majlis berbuka puasa, solat maghrib berjemaah dan juga solat isyak serta tarawih secara berjemaah bertempat di Surau KPT.

Program merupakan acara kerohanian yang sememangnya digalakkan oleh agama Islam, dan selaras dengan ini pelbagai pengisian bercorak keagamaan telah dirancang untuk diadakan antaranya, Tazkirah Ramadan, Pemberian bantuan Ramadan, Solat Sunat Tarawih, dan pelbagai lagi

Majlis sebegini sememangnya memberi impak kepada warga Kementerian, Jabatan dan Agensi dengan mengeratkan lagi silaturahim sesama warga terutama pada bulan yang mulia tersebut.



## 2.4. Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan 2023

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (*Malaysia Office of the Chief Government Security Officer - CGSO*) telah melaksanakan Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (iAKKP) di KPT pada 22 hingga 24 Ogos 2023.

Inspektorat ini dilaksanakan adalah untuk:

- (i) Menilai dan mengukur prestasi bagi memastikan penyampaian sistem pengurusan keselamatan perlindungan di Jabatan/ Agensi Kerajaan berada pada tahap yang cemerlang;
- (ii) Memberi pengiktirafan ke atas tadbir urus keselamatan perlindungan yang terbaik di kalangan Jabatan/ Agensi Kerajaan; dan
- (iii) Menggalakkan pembudayaan persekitaran pengurusan keselamatan perlindungan yang mampan.

Skop Inspektorat ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pematuhan terhadap kehendak Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017), Pekeliling Keselamatan dan Surat Pekeliling Keselamatan yang telah ditetapkan dan berkuatkuasa.





Selain itu, inspektorat ini telah dilaksanakan ke atas:

- (i) Rahsia rasmi;
- (ii) Pengurusan fail terperingkat dan rekod serta menganalisa data yang berkaitan dengan memberi penekanan kepada aspek Dasar Keselamatan Perlindungan;
- (iii) Keselamatan Fizikal;
- (iv) Keselamatan Rahsia Rasmi;
- (v) Keselamatan Rahsia Rasmi dalam Persekutaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT);
- (vi) Keselamatan Peribadi; dan
- (vii) Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP).

Pemeriksaan dan lawatan “On-Site” ke Bahagian/ Seksyen/ Unit juga melibatkan temu bual dengan pegawai dan kakitangan yang lain.

Inspektorat ini dilaksanakan oleh lapan (8) orang Pegawai CGSO yang diketuai oleh Pengarah Bahagian Keselamatan Personel, CGSO, Putrajaya, Encik Ahmad Shaharuddin Muhammad.

Secara keseluruhan, peratus pencapaian Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi Tahun 2023 adalah 90% (4 Bintang) menjadikan tahap keselamatan perlindungan di KPT adalah BAIK.

KPT telah memperbaiki pencapaian yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 iaitu sebanyak 77.11% di tahap memuaskan (3 Bintang).

Sebagai langkah keselamatan jangka panjang, Ketua Jabatan dan Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) KPT hendaklah mengambil beberapa langkah proaktif dan mengamalkan urus tadbir dan amalan terbaik ke arah mencapai keselamatan perlindungan yang menyeluruh (*Total Security*) melalui penyediaan dan pelaksanaan perancangan pengurusan keselamatan perlindungan termasuklah pengurusan risiko, pelan kontigensi, *Standard Operating Procedure (SOP)* dan sebagainya selaras dengan perenggan 4, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).

## **2.5. Audit Ke Atas Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Di Bawah Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994**

Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2023 telah dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP) di KPT pada 15 Jun 2023.

Audit ini dilaksanakan adalah untuk mendapatkan tahap pematuhan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun Persekutuan untuk Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, AKKP 1994 (OSHA 1994).

Tujuan sesi audit ini dilaksanakan adalah untuk:

- (i) Meningkatkan tahap KKP di tempat kerja terutama dari segi keadaan fizikal;
- (ii) Menggalakkan majikan membuat penilaian tempat kerja dan dapat mengenal pasti *hazard* yang ada; dan
- (iii) Pegawai JKKP dapat membantu majikan melakukan penilaian tempat kerja semasa audit dilaksanakan.

Audit ini juga dilaksanakan merangkumi dua (2) kategori iaitu:

- |                        |                              |
|------------------------|------------------------------|
| (i) Dokumentasi:       | (ii) Fizikal:                |
| (a) Dasar;             | (a) Bahan Kimia Berbahaya;   |
| (b) Pengelolaan KKP;   | (b) Pengurusan Bunyi Bising; |
| (c) Latihan; dan       | (c) Ergonomik; dan           |
| (d) Penyimpanan Rekod. | (d) Penilaian Tempat Kerja.  |



Pemeriksaan dan lawatan “On-Site” ke Bahagian/ Seksyen/ Unit juga melibatkan temu bual dengan pegawai dan kakitangan yang lain. Audit ini dilaksanakan oleh tiga (3) orang Pegawai JKPP yang diketuai oleh Puan Noria Mohamad Ali.

Secara keseluruhannya, pemahaman dan pematuhan keselamatan pekerjaan di KPT berada dalam keadaan baik dan hasil audit tersebut KPT telah mendapat markah sebanyak 85.12% di tahap ‘Tinggi’ (Gred B). KPT telah memperbaiki pencapaian yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 iaitu sebanyak 67.92% di tahap ‘Sederhana’ (Gred C).

Sistem audit keselamatan dan kesihatan yang berkesan boleh mempertingkatkan tahap pengurusan keselamatan dan kesihatan sesuatu tempat kerja. Ini adalah kerana melalui sistem ini kekurangan/ kelemahan dalam aspek keselamatan dan kesihatan dapat dikenal pasti dan tindakan susulan boleh dibuat secara teratur. Organisasi yang mempunyai pengurusan keselamatan dan kesihatan yang baik boleh menjamin keselamatan dan kesihatan para pekerjaan serta juga orang-orang lain yang berkaitan.

Sistem audit ini juga akan dapat memastikan tahap pelaksanaan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan selaras dengan peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.



## 2.6. Latihan Pengungsian Bangunan Sewaktu Kecemasan Kebakaran

Latihan Kebakaran – Pengungsian Bangunan dan Penggunaan Alat Pemadam Api di KPT oleh Pasukan Tindakan Kecemasan (*Emergency Response Team – ERT*) KPT bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya.

Latihan Kebakaran - Pengungsian Bangunan dan Penggunaan Alat Pemadam Api di KPT telah dilaksanakan pada 15 Disember 2023 dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya serta pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan bangunan KPT.

Latihan ini dilaksanakan bagi memenuhi sejumlah syarat-syarat permohonan Sijil Perakuan Bomba (FC) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan juga merupakan salah satu kriteria yang dinilai bagi penganugerahan Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (IAKKP).



Objektif latihan pengungsian bangunan dan latihan kebakaran (*fire drill*):

- (i) Memastikan setiap warga Kementerian mengetahui tindakan yang perlu diambil apabila berlaku kejadian kebakaran di tempat kerja masing-masing;
- (ii) Melatih dan membiasakan warga KPT bertindak dalam masa yang pantas untuk meninggalkan dan keluar dari bangunan apabila berlaku insiden kebakaran;
- (iii) Memperkasakan Pasukan ERT KPT supaya sentiasa terlatih dan bersiap sedia dalam menghadapi situasi kecemasan/ insiden kebakaran; dan
- (iv) Memastikan/ memeriksa/ menilai sistem keselamatan pencegahan kebakaran di bangunan Kementerian berfungsi dengan baik.

Tahap keberkesanan latihan yang dijalankan adalah dinilai menerusi komponen-komponen seperti berikut:

- (i) Sistem Pencegah Kebakaran:
  - (a) Alat Pengesan/ Pemadam; dan
  - (b) Kemudahan Keselamatan.
- (ii) Maklumat Latihan Pengungsian:
  - (a) Keadaan alat siaraya di setiap tingkat/ zon;
  - (b) Keadaan loceng/ siren di setiap tingkat;
  - (c) Tindakan Ketua Insiden;
  - (d) Tindakan Ketua Tingkat/ Zon;
  - (e) Tindakan Kakitangan/ ERT; dan
  - (f) Masa Pengungsian diambil.

Pasukan ERT KPT yang bertugas adalah seramai 60 orang.

Secara keseluruhannya, latihan ini telah dijalankan dengan baik. Semua ahli Pasukan ERT dan warga Kementerian telah melaksanakan tindakan pengungsian dengan teratur dan selamat berdasarkan pemantauan dan laporan yang diterima daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya.

Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya merumuskan bahawa semua warga KPT yang terlibat telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang latihan pengungsian bangunan dijalankan. Wakil JBPM Putrajaya yang bertindak menilai juga memaklumkan bahawa latihan oleh KPT adalah yang terbaik setakat ini pada tahun 2023. Namun begitu, BKP juga mengambil maklum akan beberapa perkara yang perlu dititikberatkan dan tindakan penambahbaikan perlu dilaksanakan menerusi latihan secara berkala.



# Unit Undang Undang



# Unit Undang Undang

## 1. Pengenalan

Unit Undang-Undang (UUU) bertindak bagi pihak Peguam Negara Malaysia untuk memberi nasihat perundangan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sepetimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan bagi memastikan kepentingan KPT terjaga dan dilindungi dalam urusan yang melibatkan undang-undang.

## 2. Visi

Organisasi perundangan awam yang elit dan bertaraf dunia.

## 5. Fungsi

- 5.1. Memberi nasihat perundangan berkenaan perkara yang dirujuk oleh mana-mana Bahagian atau Agensi di bawah Kementerian;
- 5.2. Menyemak dan meneliti dokumen undang-undang seperti perjanjian, memorandum persefahaman dan dokumen undang-undang yang lain yang mana Kementerian merupakan salah satu pihak bagi memastikan kepentingan Kementerian dilindungi;
- 5.3. Meneliti, mengkaji dan meminitkan arahan Kertas Siasatan untuk tindakan penguatkuasaan atau pendakwaan;
- 5.4. Menggubal dan menyemak Rang Undang-Undang atau perundangan subsidiari selaras dengan keputusan dasar yang dibuat oleh Kementerian;
- 5.5. Mengendalikan kes tuntutan sivil/ timbang tara/ adjudikasi termasuk membantu AGC dalam mendapatkan dokumen dan maklumat berkenaan dengan kes tuntutan sivil/ timbang tara/ adjudikasi;
- 5.6. Menyediakan input dan pandangan undang-undang awal bagi Memorandum Jemaah Menteri untuk pertimbangan Bahagian Penasihat AGC dalam tempoh yang ditetapkan;
- 5.7. Menjalankan penyelidikan atau kajian mengenai perkara undang-undang apabila dikehendaki oleh Kementerian;
- 5.8. Menghadiri mesyuarat atas jemputan mana-mana Bahagian atau Agensi di bawah Kementerian dan memberi nasihat undang-undang mengenai perkara yang dibincangkan bagi memastikan apa-apa keputusan dasar yang dibuat oleh Kementerian adalah selaras dengan undang-undang; dan
- 5.9. Melaksanakan tugas-tugas lain sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh YB Menteri, YB Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha dan Jabatan Peguam Negara.

## 3. Misi

Mendukung Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang berkaitan bagi melindungi kepentingan negara melalui perkhidmatan perundangan yang berkualiti tinggi, cekap, adil dan saksama.

## 4. Objektif

Memberi perkhidmatan perundangan yang berkualiti tinggi, cekap, adil dan saksama berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkaitan.

# 6. Pencapaian Utama Tahun 2023

## 6.1. Pandangan Undang-Undang

Memberi nasihat perundangan kepada Kementerian/ Jabatan di bawahnya selaras dengan Perlembagaan dan undang-undang lain yang berkaitan terutamanya melibatkan Akta dan perundangan subsidiari di bawah kawal selia Kementerian dalam memastikan tindakan dan keputusan semasa melaksanakan dasar Kementerian selaras dengan kehendak perundangan.

Sebanyak 369 pandangan undang-undang secara bertulis/ lisan telah dikeluarkan.

## 6.2. Semakan Dokumen Perjanjian/ Memorandum

Memberi nasihat dan menyemak dokumen undang-undang yang diterima daripada Kementerian/ Jabatan di bawahnya termasuk perjanjian antarabangsa dengan matlamat untuk menjaga kepentingan Kerajaan dalam setiap perolehan, perhubungan antarabangsa, kerjasama dan tindakan yang dilaksanakan Kerajaan.

Sebanyak:

- (i) 479 semakan draf perjanjian dan memorandum persefahaman telah disemak dan diteliti; dan
- (ii) Tujuh (7) semakan draf Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding – MoU*) antarabangsa telah disemak dan diteliti.

## 6.3. Pendakwaan, Pengendalian Kes Tuntutan dan Kes Guaman Mahkamah

Mengendalikan apa-apa tuntutan daripada/ kepada Kerajaan yang melibatkan kes guaman di mahkamah. Menyemak dan memberi arahan bagi kertas siasatan yang dirujuk oleh Jabatan/ Agensi di bawah Kementerian.

Sebanyak 127 pengendalian kes tuntutan/ sivil/ guaman mahkamah telah selesai.

## 6.4. Menggubal, Menyemak dan Meminda Perundangan Utama dan Perundangan Subsidiari Serta Pewartaan

Unit ini telah dan sedang mengendalikan tindakan penggubalan, penyemakan dan pindaan utama dan perundangan subsidiari sebanyak 30 di bawah Kementerian/ Jabatan dan Agensi selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkaitan serta menepati kehendak dasar dan polisi Kerajaan.

## 6.5. Bengkel Pemantapan Penyediaan MoU Domestik dan Antarabangsa

Dalam usaha mengekalkan imej baik Kementerian dalam penghasilan MoU yang berkualiti tinggi, Unit ini telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Penyediaan MoU Domestik dan Antarabangsa pada 16 Jun 2023 hingga 18 Jun 2023 di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Bengkel ini bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti dalam penyediaan MoU domestik dan antarabangsa juga memastikan kandungan MoU adalah mematuhi undang-undang terkini yang sedang berkuatkuasa dan yang telah ditetapkan oleh Jabatan PEGUAM NEGARA (AGC).

Seramai 32 pegawai daripada KPT, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang terlibat dalam perangkaan MoU KPT diberi pendedahan dan pemahaman mengenai penyediaan dan pelaksanaan MoU domestik dan antarabangsa mengikut jenis dan tujuannya yang telah diselaraskan oleh AGC.

Bagi mengekalkan penghasilan MoU berkualiti tinggi, Unit ini telah mengadakan Bengkel Pemantapan Penyediaan MoU Domestik dan Antarabangsa pada 16 hingga 18 Jun 2023 di Port Dickson, Negeri Sembilan.



Peserta bersama penceramah bengkel

## 6.6. Bengkel Pemantapan dan Penyeragaman Prosedur Pengurusan Akaun Belum Terima (ABT)

Selain itu, Unit ini juga telah mengambil inisiatif untuk mengoptimumkan pengurusan kutipan balik ABT di dalam Kementerian dengan menganjurkan Bengkel Pemantapan Pengurusan ABT pada 29 September 2023 hingga 1 Oktober 2023 di Melaka.

Sasaran bengkel ini adalah bagi menyelaraskan dan menambahbaik kandungan dalam templat dokumen ABT mengikut kesesuaian perkara ABT di bawah seliaan Kementerian. Di samping itu, bengkel ini juga merupakan satu platform bagi membincangkan isu-isu dan perkongsian pengalaman dan pandangan berdasarkan amalan terbaik dalam mematuhi prosedur pengurusan ABT.

Seramai 33 pegawai yang terlibat dengan pengurusan ABT di KPT, dan Agensi telah diberi pendedahan dan latihan dalam prosedur ABT.

Unit ini telah mengambil inisiatif untuk mengoptimumkan pengurusan kutipan balik ABT di Kementerian dengan menganjurkan Bengkel Pemantapan Pengurusan ABT pada 29 September hingga 1 Oktober 2023 di Melaka. Bengkel ini bertujuan menyelaraskan dan menambahbaik kandungan templat dokumen ABT mengikut kesesuaian perkara di bawah seliaan Kementerian serta menjadi platform bagi membincangkan isu-isu dan perkongsian pengalaman berdasarkan amalan terbaik dalam mematuhi prosedur pengurusan ABT. Seramai 33 pegawai yang terlibat dengan pengurusan ABT di KPT dan Agensi telah diberi pendedahan dan latihan dalam prosedur ABT.



Peserta bersama penceramah dan fasilitator bengkel ABT

# Unit Audit Dalam



# Unit Audit Dalam

## 1. Pengenalan

Unit Audit Dalam (UAD), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah diwujudkan pada 1 Ogos 2004 selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004. UAD KPT merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Kementerian dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha KPT.

Unit ini menjalankan Auditan Kewangan, Auditan Prestasi dan Auditan ICT dengan dibantu oleh Seksyen Penyelaras dan anggota Pentadbiran. Maklumat yang diperolehi oleh Juruaudit beserta dengan penilaian dan perakuannya boleh membantu pihak pengurusan untuk membuat keputusan mengenai pencegahan “fraud”, ketirisan hasil, pembaziran dan penyalahgunaan kuasa (sekiranya berlaku).

Bidang tugas UAD sebagai *Third Line Of Defense* meliputi semua Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah KPT merangkumi 145 Pusat Tanggungjawab (PTJ) seperti berikut:

- 1.1. Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT);
- 1.2. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK);
- 1.3. Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT); dan
- 1.4. Bahagian di bawah kawal selia KPT.

## 2. Fungsi

Fungsi UAD mengikut Seksyen adalah seperti berikut:

### 2.1. Seksyen Audit Kewangan

- (i) Bertanggungjawab terhadap pengauditan Pengurusan Kewangan, Pemeriksaan Mengejut, Pematuhan dan Susulan di Kementerian serta Jabatan dan Agensi di bawahnya; dan
- (ii) Menjalankan siasatan/ pengauditan Khas yang tertakluk kepada arahan KSU.

### 2.2. Seksyen Audit Prestasi

- (i) Bertanggungjawab terhadap pengauditan prestasi di Kementerian serta Jabatan dan Agensi di bawahnya; dan
- (ii) Merancang dan menjalankan pengauditan prestasi terhadap program, aktiviti serta projek.

## 2.3. Seksyen Penyelarasan

- (i) Bertanggungjawab terhadap menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Mesyuarat Pengurusan dan lain-lain Mesyuarat berkaitan Laporan Audit Negara;
- (ii) Menyelaras penyediaan Laporan Tahunan;
- (iii) Menyelaras Penyediaan Rancangan Audit Tahunan;
- (iv) Menyelaras Laporan Kemajuan Kerja; dan
- (v) Pemantauan Auditor Generals Dashboard di Kementerian serta Jabatan dan Agensi di bawahnya.

## 2.4. Seksyen Pentadbiran

- (i) Bertanggungjawab dalam menguruskan segala aktiviti berkaitan sumber manusia; dan
- (ii) Menguruskan semua hal kewangan, pentadbiran, stor dan aset.

## 3. Program Utama Tahun 2023

### 3.1. Penilaian Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Audit Dalam Di Kementerian/ Jabatan Persekutuan Tahun 2023

Perbendaharaan Malaysia melaksanakan Penilaian Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Unit Audit Dalam secara penggiliran setiap dua (2) tahun sekali selaras dengan Pekelingiling Perbendaharaan PS 3.1.

Perbendaharaan Malaysia telah melaksanakan Penilaian Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Audit Dalam Di Kementerian Pendidikan Tinggi bagi tahun 2023 melalui soal selidik secara atas talian dan lawatan naziran yang telah diadakan pada 18 Mei 2023.



Lawatan Naziran Perbendaharaan Malaysia

Hasil kajian telah dilaporkan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 17 Oktober 2023. Kajian penilaian ini meliputi dua (2) aspek utama iaitu impak pengauditan dan pematuhan Audit Dalam terhadap peraturan/ standard pengauditan.

Penyampaian Sijil Penarafan Keberkesanan Pelaksanaan Audit Dalam Kementerian/ Jabatan Persekutuan Tahun 2023 kepada UAD KPT telah diadakan semasa Persidangan Juruaudit Dalam Sektor Awam Tahun 2023 (PADSA 2023) pada 23 hingga 25 Oktober 2023.

Pencapaian dalam Penarafan Keberkesanan Pelaksanaan Audit Dalam Kementerian/ Jabatan Persekutuan Tahun 2023 bagi UAD KPT turut dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit UAD KPT Bil. 4 Tahun 2023 pada 28 Disember 2023 dan e-mel pemakluman melalui “Hebahan Kepada Warga” mengenainya turut diadakan.

Berdasarkan Laporan Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Audit Dalam Tahun 2023 di KPT, UAD KPT telah mendapat tahap CEMERLANG iaitu lima (5) bintang.



Penyampaian Sijil Penarafan Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Audit Dalam Kementerian/ Jabatan Persekutuan Tahun 2023 kepada Ketua UAD KPT oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, Kementerian Kewangan, Encik Mohd Sakeri Abdul Kadir

Unit Audit Dalam telah dinilai sebagai CEMERLANG dalam Keberkesanan Pelaksanaan Audit Dalam Tahun 2023 di KPT oleh Perbendaharaan Malaysia.

### 3.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan Di Pusat Tanggungjawab (PTJ) Bagi Tahun 2023

Pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan di lokasi-lokasi berikut:

- (i) Politeknik Tawau, Sabah (PTS);
- (ii) Kolej Komuniti Besut, Terengganu (KKBT);
- (iii) Kolej Komuniti Muar, Johor (KKMJ);
- (iv) Kolej Komuniti Langkawi, Kedah (LTA);
- (v) Kolej Komuniti Bayan Baru, Pulau Pinang (KKBU); dan
- (vi) Kolej Komuniti Shah Alam, Selangor (KKSA).

Objektif pengauditan pengurusan kewangan adalah untuk memastikan:

- (i) Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- (ii) Semua kawalan Pengurusan Kewangan dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan;
- (iii) Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap kawalan Pengurusan Kewangan; dan
- (iv) Rekod yang berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Pengauditan dilaksanakan berdasarkan lapan (8) Kawalan iaitu Pengurusan, Pengurusan Bajet Pengurusan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/ Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan berdasarkan semakan dokumen dan lawatan fizikal berkaitan pengurusan kewangan antara Januari hingga Disember tahun 2022.

Pengauditan terhadap Pengurusan Kewangan Politeknik di PTJ telah diadakan secara semakan dokumen dan lawatan fizikal seperti jadual berikut:

<b>PTJ</b>	<b>Tarikh Pengauditan</b>
PTS	13-17 Februari 2023
KKBT	18-22 Jun 2023
KKMJ	6-10 Ogos 2023
LTA	11-15 September 2023
KKBU	18-22 September 2023
KKSA	2-6 Oktober 2023

Bilangan penemuan Audit yang dibangkitkan mengikut PTJ dan Kawalan yang diaudit adalah seperti berikut:

<b>Kawalan</b>	<b>Bilangan Penemuan Audit Mengikut PTJ</b>					
	<b>PTS</b>	<b>KKBT</b>	<b>KKMJ</b>	<b>LTA</b>	<b>KKBU</b>	<b>KKSA</b>
Pengurusan	1	1	1	-	-	4
Pengurusan Bajet	-	-	-	-	-	-
Pengurusan Terimaan	1	-	1	-	2	1
Pengurusan Perolehan	2	2	5	5	6	3
Pengurusan Perbelanjaan	-	1	3	6	1	2
Akaun Amanah dan Deposit	-	-	-	-	-	2
Pengurusan Aset dan Stor	22	7	7	6	4	5
Pengurusan Kenderaan Kerajaan	2	2	3	4	4	8

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan KKMJ serta KKSA adalah memuaskan dan pengurusan kewangan di semua PTJ yang diaudit (PTS, KKBT, LTA dan KKBU) boleh dipertingkatkan lagi dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pengauditan dijalankan berdasarkan skop dan sampel yang dipilih sahaja. Oleh itu, semua PTJ perlu menjalankan pemeriksaan menyeluruh bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan.

### **3.3. Pengauditan Pematuhan Peraturan Pengurusan Kewangan dan Verifikasi Pengauditan Kendiri Pengurusan Kewangan (PKPK/ eSAS) Di Kolej Komuniti Selayang, Selangor (KKSY)**

Objektif pengauditan adalah untuk memastikan:

- (i) Laporan Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan (PKPK) yang telah dikemukakan kepada Unit Audit Dalam (UAD) melalui sistem eSAS pada 2 Oktober 2022 adalah betul dan tepat.
- (ii) Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- (iii) Rekod-rekod yang berkaitan pengurusan kewangan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Pengauditan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan dan verifikasi pengauditan kendiri pengurusan kewangan (PKPK/ eSAS) di KKSY telah diadakan pada 17 hingga 18 Julai 2023 secara semakan dokumen dan lawatan fizikal di KKSY.

Pengauditan dilaksanakan berdasarkan lapan (8) Kawalan iaitu Pengurusan, Pengurusan Bajet Pengurusan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/ Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi pengurusan kewangan tahun 2022.

Bilangan penemuan audit mengikut elemen yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

<b>Jumlah Pengurusan</b>	<b>Jumlah Isu</b>
Pengurusan Terimaan	3
Pengurusan Perolehan	7
Pengurusan Perbelanjaan	1
Pengurusan Aset dan Stor	3
Pengurusan Kenderaan Kerajaan	13

Pada keseluruhannya, pematuhan peraturan kewangan di KKSY adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan lagi dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pengauditan dijalankan berdasarkan skop dan sampel yang dipilih sahaja. Oleh itu, KKSY perlu menjalankan pemeriksaan menyeluruh bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan.

### **3.4. Verifikasi Pengauditan Kendiri Pengurusan Kewangan (PKPK/ eSAS) Di Kolej Komuniti Mas Gading, Sarawak (KKMG)**

Objektif Pengauditan adalah untuk memastikan:

- (i) Laporan PKPK yang telah dikemukakan kepada Unit Audit Dalam (UAD) melalui sistem eSAS pada 2 Oktober 2022 adalah betul dan tepat.
- (ii) Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- (iii) Rekod-rekod yang berkaitan pengurusan kewangan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Pengauditan terhadap Verifikasi Pengauditan Kendiri Pengurusan Kewangan (PKPK/eSAS) di KKMKG telah diadakan pada 21 hingga 22 Jun 2023 secara fizikal di KKBT.

Pengauditan dilaksanakan berdasarkan lapan (8) Kawalan iaitu Pengurusan, Pengurusan Bajet Pengurusan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/ Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi pengurusan kewangan tahun 2022.

Bilangan penemuan audit mengikut elemen yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

<b>Jenis Pengurusan</b>	<b>Jumlah Isu</b>
Pengurusan	2
Pengurusan Terimaan	1
Pengurusan Perbelanjaan	1
Pengurusan Aset dan Stor	6
Pengurusan Kenderaan Kerajaan	5

Pada keseluruhannya, pematuhan peraturan kewangan di KKMKG adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan lagi dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pengauditan dijalankan berdasarkan skop dan sampel yang dipilih sahaja. Oleh itu, KKMKG perlu menjalankan pemeriksaan menyeluruh bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan.

### **3.5. Pengauditan Pematuhan Perolehan Tender Bekalan Di Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK)**

Objektif pengauditan pematuhan terhadap pengurusan perolehan tender bekalan di JPPKK adalah untuk menentukan perkara berikut:

- (i) wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- (ii) (Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap elemen pengurusan perolehan;
- (iii) Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- (iv) Rekod-rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Pengauditan pematuhan terhadap Perolehan Tender Bekalan di JPPKK telah diadakan pada bulan Jun hingga Julai tahun 2023 secara semakan dokumen dan lawatan fizikal di lokasi berikut:

- (i) JPPKK;
- (ii) Kolej Komuniti Segamat;
- (iii) Kolej Komuniti Segamat 2;
- (iv) Kolej Komuniti Sungai Siput Cawangan Lenggong;
- (v) Kolej Komuniti Pasir Salak;
- (vi) Kolej Komuniti Kuching;
- (vii) Kolej Komuniti Mas Gading;
- (viii) Kolej Komuniti Kuala Langat;
- (ix) Kolej Komuniti Kuala Terengganu; dan
- (x) Kolej Komuniti Cawangan Kuala Nerus.

Pengauditan dilaksanakan berdasarkan aspek pematuhan peraturan kewangan terhadap elemen Perancangan Perolehan, Pelaksanaan Tender, Pemantauan Perolehan, dan Pengurusan Penerimaan serta Pendaftaran Aset dan Stok bagi tahun 2022.

Bilangan penemuan audit mengikut elemen yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

<b>Jumlah Pengurusan</b>	<b>Jumlah Isu</b>
Pengurusan Perolehan	3
Pengurusan Tender	1
Pemantauan Perolehan	2
Pengurusan Penerimaan	2
Pendaftaran Aset dan Stor	2

Pada keseluruhannya, pematuhan Perolehan Tender Bekalan di JPPKK boleh dipertingkatkan lagi dengan memastikan pemeriksaan menyeluruh terhadap pematuhan peraturan yang ditetapkan.

### **3.6. Pengauditan Prestasi - Pengurusan Program Pembangunan Sukan**

Objektif Pengauditan adalah untuk menilai sama ada Pengurusan Program Pembangunan Sukan telah diuruskan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu:

- (i) Melahirkan lebih ramai “*The Thinking Athletes*” menerusi kemasukan khas atlet pelajar di dalam Institusi Pendidikan Tinggi; dan
- (ii) Menyediakan sebanyak 30% atlet IPT di kalangan atlet kebangsaan di dalam penyertaan kejohanan utama dunia (Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik).

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKPS) Siri 13 Bil. 1/2009 pada 8 September 2009 bersetuju untuk mewujudkan dan merealisasikan Dasar Pembangunan Sukan Institut Pengajian Tinggi (DPSIPT).

Pengauditan terhadap Program Pembangunan Sukan telah diadakan pada bulan Mei 2023 hingga bulan Ogos 2023 secara semakan dokumen dan lawatan fizikal di lokasi berikut:

- (i) Seksyen Sukan, KPT;
- (ii) Majlis Sukan IPTS Malaysia (MASISWA);
- (iii) Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM);
- (iv) Universiti Sains Malaysia (USM); dan
- (v) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Pengauditan terhadap Program Pembangunan Sukan telah dilaksanakan berdasarkan dua (2) bidang utama audit iaitu Prestasi dan Pengurusan.

Antara penemuan Audit yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- (i) Pencapaian output berdasarkan sasaran program;
- (ii) Pencapaian keberhasilan program;
- (iii) Pengurusan perancangan dan kelulusan program sukan;
- (iv) Pengurusan agihan peruntukan;
- (v) Pengurusan perbelanjaan dan perolehan; dan
- (vi) Pengurusan pemantauan.

Pengurusan Program Pembangunan Sukan yang diuruskan oleh Seksyen Sukan KPT adalah kurang cekap dan berkesan disebabkan faktor berikut:

- (i) Objektif Program Pembangunan Sukan tidak dapat dinilai; dan
- (ii) Program Pembangunan Sukan tidak diuruskan dengan cekap sehingga menyebabkan berlakunya kelemahan dalam pengurusan.

### **3.7. Pengauditan Prestasi - Pengurusan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Kolej Komuniti**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada sasaran Program PSH telah diuruskan dengan cekap bagi mencapai objektif program iaitu memperkuuh Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk melahirkan komuniti berkemahiran, dan menilai keberhasilan (*outcome*) program sama ada ia telah diuruskan dengan berkesan untuk meningkatkan kemahiran dan sosioekonomi komuniti.

Pada tahun 2021 dan 2022, Program Latihan Kemahiran kepada Pelajar di Institusi Tahfiz dan Sekolah Pondok (PKTP) telah dilaksanakan di bawah peruntukan Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19).

Pengauditan terhadap Program Latihan Kemahiran kepada Pelajar di Institusi Tahfiz dan Sekolah Pondok (PKTP) telah diadakan pada bulan Jun 2023 hingga September 2023 secara semakan dokumen dan lawatan fizikal di lokasi berikut:

- (i) Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK);
- (ii) Kolej Komuniti Rembau (KK Rembau);
- (iii) Kolej Komuniti Jelebu (KK Jelebu);
- (iv) Kolej Komuniti Kuala Langat (KK Kuala Langat);
- (v) Kolej Komuniti Hulu Langat (KK Hulu Langat);
- (vi) Kolej Komuniti Tawau (KK Tawau); dan
- (vii) Kolej Komuniti Kuala Terengganu (KK Kuala Terengganu).

Pengauditan terhadap Program Latihan Kemahiran kepada Pelajar di Institusi Tahfiz dan Sekolah Pondok (PKTP) telah dilaksanakan berdasarkan dua (2) bidang utama audit iaitu Prestasi dan Pengurusan.

Antara penemuan Audit yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- (i) Pencapaian *Output*;
- (ii) Pencapaian *Outcome*;
- (iii) Pengurusan Perolehan;
- (iv) Pengurusan Pembayaran;
- (v) Pengurusan Aset dan Stor; dan
- (vi) Pengurusan Pemantauan.

Pengurusan Program Latihan Kemahiran kepada Pelajar di Institusi Tahfiz dan Sekolah Pondok (PKTP) adalah kurang cekap dan berkesan disebabkan faktor berikut:

- (i) Objektif Program PSH PKTP tidak dapat dinilai keberkesanannya; dan
- (ii) Program PSH PKTP tidak diuruskan dengan cekap sehingga menyebabkan berlakunya kelemahan dalam pengurusan.

### **3.8. Pengauditan Prestasi - Pengurusan Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) KPT-Career Advancement Programme (CAP) Universiti Awam (UA)**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Program PENJANA KPT - CAP UA telah diuruskan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu meningkatkan kemahiran graduan dan mendapat penempatan pekerjaan atau pembiayaan kewangan perniagaan setelah tamat program.

Program PENJANA KPT-CAP UA merupakan inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara yang dibiayai menggunakan peruntukan KWC-19 bertujuan memulihkan ekonomi Malaysia dalam jangka masa pendek dan sederhana

Pengauditan terhadap Program PENJANA KPT - CAP UA telah diadakan pada bulan November 2023 hingga bulan Januari 2024 secara semakan dokumen dan lawatan fizikal di lokasi berikut:

- (i) Universiti Utara Malaysia (UUM);
- (ii) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA);
- (iii) Universiti Malaysia Terengganu (UMT);
- (iv) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP);
- (v) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); dan
- (vi) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan dua (2) bidang utama audit iaitu Prestasi dan Pengurusan. Antara penemuan Audit yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- (i) Pencapaian *output* berdasarkan tempoh dan peruntukan;
- (ii) Pencapaian *output* berdasarkan kerangka aplikasi;
- (iii) Pelaksanaan program;
- (iv) Pengurusan kewangan peruntukan program; dan
- (v) Pemantauan program.

Pengurusan Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) KPT – Career Advancement Programme (CAP) UA adalah kurang berkesan disebabkan faktor berikut:

- (i) Objektif program tidak dapat dinilai kerana kajian penilaian terhadap impak dan keberkesaan Program PENJANA KPT-CAP UA masih belum selesai dilaksanakan;
- (ii) Penilaian objektif bagi setiap program yang disemak tidak dapat dinilai kerana tiada penilaian mengenainya dilaksanakan di peringkat universiti;
- (iii) Pengurusan pelaksanaan program didapati kurang cekap; dan
- (iv) Pengurusan kewangan didapati kurang berhemat.

# Unit Komunikasi Korporat



# Unit Komunikasi Korporat

## 1. Pengenalan

Unit Komunikasi Korporat (UKK) ditubuhkan dengan objektif untuk meningkatkan imej Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan mempromosi dasar dan program kementerian melalui strategi perhubungan awam yang teratur dan berkesan.

UKK berperanan sebagai *focal point* Kementerian dalam menyalur dan menyampaikan maklumat Kementerian, Jabatan, dan Agensi kepada umum khususnya kepada kumpulan sasaran Kementerian. Usaha penyebaran maklumat turut digandakan bagi meningkatkan dan melestarikan imej korporat Kementerian.

## 2. Objektif

- 2.1. Memastikan keberkesanannya penyampaian dasar utama dan program KPT melalui perancangan dan pelaksanaan pelan media yang strategik;
- 2.2. Memastikan penyebaran maklumat dan informasi terkini KPT secara efektif melalui laman web, media sosial dan media cetak serta elektronik; dan
- 2.3. Menyelaras aduan dan maklum balas yang diterima dalam tempoh masa yang ditetapkan.

## 3. Fungsi

- 3.1. Merancang dan melaksanakan pelan media berhubung publisiti, kempen, promosi bagi setiap dasar, peranan, program dan aktiviti utama KPT melalui stesen TV dan radio, bahan promosi, artikel, teks ucapan dan penyampaian maklumat secara terus kepada kementerian, jabatan dan agensi;
- 3.2. Menguruskan aktiviti perhubungan awam dan media dengan merancang strategi media dalam penyebaran maklumat menerusi liputan media, sidang media, kenyataan akhbar, siaran media dan temubual khas melalui media cetak dan media elektronik;
- 3.3. Memantau dan mengurus maklum balas bagi aduan, cadangan yang terima melalui akhbar, laman web, SISSPA serta aduan daripada Biro Pengaduan Awam (BPA); dan
- 3.4. Merancang, mengurus dan mendokumentasi bahan maklumat bagi setiap program dan aktiviti rasmi Kementerian melalui penerbitan bahan cetakan, rakaman foto dan video bagi tujuan edaran dan rujukan pihak awam dan media.

# 4. Program Utama Tahun 2023

## 4.1. Pengurusan Media

UKK telah mengeluarkan sebanyak 63 Siaran dan Kenyataan Media sepanjang tahun 2023 yang merangkumi pelbagai topik, isu dan program berkaitan dengan Kementerian dan pendidikan tinggi negara.

Perkara	Bilangan
Siaran Media	15
Kenyataan Media	47

## 4.2. Libat Urus Media

### (i) Majlis Tautan Kasih KPT Bersama Media 2023

Keterlibatan para pengamal media secara langsung maupun tidak langsung dalam memberi liputan berita yang tepat, terkini dan menarik telah banyak membantu Kementerian bagi menyebarluaskan inisiatif, program, pencapaian sekaligus memastikan impaknya dapat dilihat dan dirasai oleh masyarakat.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Khaled Nordin pada 18 April 2023 bertempat di Royale Chulan Damansara. YB Menteri meluangkan masa beramah mesra bersama para pengamal media yang hadir.

Dalam majlis ini juga, KPT melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah memberi sumbangan dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime yang bernilai RM1,000 kepada 10 orang anak-anak pengamal media yang cemerlang dalam pendidikan dan kurang berkemampuan.

Pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pula telah mengadakan perkongsian ilmu mengenai inisiatif Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), pendidikan fleksibel dan kursus jangka pendek melalui program APEL.A, APEL.C, APEL.Q dan *micro-credentials* yang ditawarkan oleh Institut Pendidikan Tinggi (IPT) bagi membolehkan pihak pengamal media meningkatkan ilmu bagi memenuhi keperluan industri.

Peranan pengamal media dihargai dan kerjasama dengan media dapat dieratkan lagi khususnya dari aspek liputan berita dan pengurusan isu Kementerian yang positif, seterusnya hubungan erat kedua-dua pihak kekal terjalin.



Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin meluangkan masa beramah mesra bersama semua pengamal media yang hadir di Majlis Tautan Kasih KPT Bersama Media 2023

## (ii) Majlis Libat Urus KPT Bersama Media Zon Selatan

Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin dan para Pengurusan Tertinggi Kementerian telah meraikan pihak media zon selatan di majlis libat urus bersama media pada 21 Oktober 2023 bertempat di Renaissance Johor Bahru.

Majlis ini dianjurkan bagi menghargai jalinan kerjasama yang disumbangkan oleh para pengamal media yang telah banyak membantu dalam menyebarluaskan inisiatif KPT secara berterusan kepada masyarakat serta warga IPT.

Majlis ini juga turut menjadi platform terbaik merapatkan para pengamal media zon selatan dengan pihak pengurusan KPT khususnya pegawai perhubungan awam di bawah KPT untuk sama-sama meluaskan lagi jaringan manfaat ke pelusuk komuniti.

Pada majlis yang sama, YB Menteri turut menyampaikan sumbangan Simpan SSPN Prime oleh PTPTN kepada anak-anak pengamal media yang terpilih sebagai akaun simpanan pendidikan.



Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin merakam kenangan bersama anak-anak pengamal media yang terpilih sebagai penerima Simpan SSPN Prime sumbangan PTPTN

## 4.3. Libat Urus Pegawai Perhubungan Awam

UKK telah mengadakan mesyuarat bersama Pegawai Perhubungan Awam (PPA) Jabatan, Agensi dan Universiti Awam (UA) di bawah Kementerian sebanyak tiga (3) kali sepanjang tahun 2023 secara atas talian dan bersemuka.

Lebih daripada 50 orang pegawai dari Pusat Komunikasi Korporat masing-masing telah menyertai mesyuarat ini bagi mendengar taklimat berkenaan program serta perancangan UKK dan Kementerian selain bertukar pendapat dalam pengurusan komunikasi strategik dan media sosial untuk memastikan pengurusan penyampaian maklumat dan krisis dapat dimantapkan.

Mewujudkan impak positif dan menjadikan semua PRO yang hadir dapat berkongsi pengetahuan selaku *focal point* dalam agensi masing-masing selain Penyelarasannya di antara pihak UKK KPT dengan Jabatan, Agensi dan Universiti di bawah KPT.



Sesi bergambar bersama semua PPA Jabatan, Agensi dan UA di bawah KPT di Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2023 di Bilik Mesyuarat Ibnu Qayyim 1, KPT

#### **4.4. Bengkel Pemantapan Komunikasi, Promosi Dan Publisiti Jabatan, Agensi Dan Universiti di Bawah KPT 2023**

Dalam memperkasa jalinan kerjasama PPA antara KPT, Jabatan, Agensi dan Universiti di bawah KPT, Bengkel Pemantapan PPA telah diadakan pada 8-10 November 2023 bertempat di Hotel Corus, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Bengkel ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri Yusoff. Seramai 51 orang PRO yang telah menghadiri bengkel ini dari setiap Jabatan, Agensi dan Universiti di bawah KPT.

Bengkel ini dapat memberikan pendedahan kepada PPA berkenaan dengan ilmu komunikasi profesional ketika berurusan serta dapat memantapkan kemahiran dan keyakinan PPA ketika berhadapan dan berurusan dengan awam/ pelanggan.

Selain itu, ianya dapat memantapkan pengurusan promosi dan publisiti bagi meningkatkan keterlihatan Kementerian serta dapat meningkatkan keberkesanan dari segi pengurusan komunikasi, promosi dan publisiti Jabatan, Agensi dan universiti di bawah Kementerian.



Sesi bergambar bagi Majlis Perasmian Penutup Bengkel Pemantapan Komunikasi, Promosi dan Publisiti Jabatan, Agensi dan UA di bawah KPT 2023 bersama Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), KPT, YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri Yusoff

#### **4.5. Libat Urus Aduan**

##### **(i) Pencapaian Pengurusan Aduan Awam**

Biro Pengaduan Awam (BPA, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah melaksanakan Raqib MADANI di KPT pada 12 April 2023.

Raqib MADANI ini merupakan inisiatif naziran yang dilaksanakan oleh BPA untuk mengawasi dan memantau pengendalian aduan di semua agensi awam. Ianya bertujuan untuk memastikan semua agensi awam dapat melaksanakan pengurusan yang cekap dan berkesan di samping meningkatkan keupayaan, kecekapan dan keberkesanan pengurusan aduan berdasarkan kepada akta dan pekeliling yang berkuatkuasa.

Berdasarkan penemuan dan analisis yang telah dilaksanakan oleh BPA, KPT telah memperoleh prestasi pengurusan aduan awam pada tahap "CEMERLANG".

KPT tersenarai dari sembilan (9) penerima Kementerian yang memperoleh pencapaian "CEMERLANG" pengurusan aduan awam dan menerima markah penilaian tertinggi diperolehi dan dijadikan sebagai penanda aras BPA untuk Kementerian-kementerian lain.

Majlis Anugerah BPA Tahun 2023 telah diadakan di The Everly Hotel, Putrajaya pada 10 Oktober 2023. KPT telah diwakili oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian bagi menerima anugerah di atas pencapaian yang cemerlang dalam pengurusan aduan Kementerian tersebut.

Trend pencapaian aduan berdasarkan bilangan aduan yang diterima sepanjang tiga (3) tahun adalah seperti yang berikut:

Tahun	Peratus (%)	Pencapaian (%)
2021	80	89.54
2022	85	90.22
2023	87	92.64



Majlis Anugerah Biro Pengaduan Awam Tahun 2023 yang diadakan di The Everly Hotel, Putrajaya pada 10 Oktober 2023. KPT telah diwakili oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian bagi menerima anugerah di atas pencapaian yang 'Cemerlang' dalam pengurusan aduan KPT

## **(ii) Bengkel Latihan Penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) KPT Tahun 2023**

Bengkel Latihan Penggunaan SiSPAA ini diadakan di Bilik Kuliah Aras 16, KPT selama dua (2) hari iaitu pada 22 dan 23 Ogos 2023. Seramai 36 orang peserta yang terlibat dalam bengkel tersebut terdiri daripada Pegawai Penyelaras Aduan yang telah dilantik dari Bahagian/ Jabatan/ Agensi di bawah KPT.

Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah memberi kefahaman dan pendedahan kepada pengguna SiSPAA mengenai ciri-ciri yang ada dalam aplikasi sistem tersebut dan tatacara pengendalian yang digunakan oleh Kementerian mengikut Garis Panduan Pengurusan Aduan Awam KPT yang telah disediakan.

Bengkel ini dikendalikan oleh seorang penceramah iaitu Puan Nurhafizah Burhanuddin dan dua (2) orang fasilitator dari BPA, JPM yang merupakan peneraju utama kepada sistem aduan awam.

Bengkel dimulai dengan slot pengenalan SISPA, proses penerimaan aduan, perekodan, pengagihan, penyiasatan, penyelesaian dan juga pelaporan serta analisis berkaitan aduan.

Secara keseluruhannya, bengkel ini dapat:

- (a) Memberi kefahaman kepada Pegawai Penyelaras Aduan mengenai fungsi dan ciri-ciri aplikasi SiSPAA KPT;
- (b) Memberi pendedahan kepada Pegawai Penyelaras Aduan di Bahagian/ Jabatan/ Agensi mengenai tatacara pengendalian SiSPAA yang digunakan oleh Kementerian;
- (c) Memberi kefahaman kepada Pegawai Penyelaras Aduan mengenai prosedur pengurusan aduan KPT dalam pengurusan aduan awam meliputi penerimaan, pemantauan dan pelaporan aduan supaya pelaksanaan yang lebih teratur, cekap dan berkesan; dan
- (d) Meningkatkan keupayaan, kecekapan dan keberkesan pengurusan aduan melalui penggunaan SISPA di peringkat Bahagian/ Jabatan/ Agensi sekaligus menambahbaik keberkesan penyampaian perkhidmatan kepada orang awam.



Bengkel Latihan Penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam KPT Tahun 2023 pada 22-23 Ogos 2023, bertempat di Bilik Kuliah, KPT

### **(iii) Bengkel Pemantapan Pengurusan Aduan bagi Pegawai Penyelaras Aduan KPT Tahun 2023**

Bengkel Pemantapan Pengurusan Aduan ini diadakan di Heritage Hotel, Melaka selama tiga (3) hari iaitu bermula pada 19 hingga 21 September 2023. Seramai 44 orang peserta yang terlibat dalam bengkel tersebut terdiri daripada Pegawai Penyelaras Aduan yang telah dilantik dari Bahagian/ Jabatan/ Agensi di bawah KPT dan dua (2) orang penceramah.

Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah memberi pendedahan kepada Pegawai Penyelaras Aduan mengenai kemahiran dalam mengurus emosi sendiri dan pelanggan yang berurusan dengan Bahagian/ Jabatan/ Agensi di bawah KPT.

Selain itu, teknik-teknik menangani emosi dan stres diberikan kepada peserta bagi meningkatkan ketahanan diri dan daya kemampuan pegawai dalam menangani ketidakstabilan emosi pelanggan ketika berurusan tidak kira melalui pelbagai medium antara panggilan telefon, hadir sendiri dan sebagainya.

Selain itu, peserta juga akan melakukan aktiviti secara berkumpulan dan perkongsian kajian kes-kes aduan yang diterima oleh Pegawai Penyelaras Aduan dari Bahagian/ Jabatan/ Agensi bagi meningkatkan daya keyakinan diri dalam menangani situasi sebenar.

Umumnya bengkel berobjektifkan untuk:

- (a) Memberi pendedahan kepada Pegawai Penyelaras Aduan berkaitan ciri-ciri kecemerlangan petugas barisan hadapan dalam menguruskan aduan pelanggan;
- (b) Memberi kefahaman terhadap situasi stres di tempat kerja dengan mewujudkan persekitaran yang positif dan meningkatkan kebolehan untuk mengurus dan mengawal emosi; dan
- (c) Meningkatkan kemahiran dan teknik pengurusan emosi terhadap Pegawai Penyelaras Aduan dalam menguruskan aduan pelanggan secara positif dalam apa sahaja keadaan

Di akhir bengkel, para peserta dapat meningkatkan keyakinan diri dan menangani emosi terutama berhadapan dengan pelanggan dan melalui bengkel ini juga dapat melahirkan Pegawai Penyelaras Aduan yang mempunyai ciri-ciri kecemerlangan petugas barisan hadapan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

### **(iv) Sesi Libat Urus Aduan**

Sesi Libat Urus (SLU) diadakan kepada Bahagian/ Jabatan/ Agensi yang mempunyai kes-kes aduan tertunggak yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan isu-isu berkaitan pengurusan aduan.

Pada tahun 2023, UKK telah menetapkan sebanyak dua (2) kali setahun SLU dijalankan ke atas Bahagian/Jabatan/Agensi yang mempunyai kes-kes tertunggak dan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan mengikut pekeliling dan Garis Panduan Pengurusan Aduan Awam KPT.

SLU merupakan satu tindakan proaktif yang dijalankan oleh Urusetia Aduan KPT bagi memantau dan mendapatkan maklumat secara terus daripada Bahagian/ Jabatan/ Agensi yang terlibat.

#### **(iv) Sesi Libat Urus Aduan**

UKK telah mengadakan tiga (3) SLU iaitu di Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK) pada 15 Februari 2023, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) 7 Ogos 2023 dan Bahagian Biasiswa, KPT pada 28 November 2023 bagi membincangkan kes tertunggak dan isu-isu lain berhubung pengurusan aduan tersebut.

Secara keseluruhannya, maklum balas yang dikemukakan semasa sesi SLU telah diambil tindakan serta merta dengan menutup kes-kes tertunggak dan diselesaika serta-merta.

Sehubungan itu, melalui SLU ini iaanya dapat membantu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan aduan.



Sesi Libat Urus bagi menyelesaikan aduan bersama Pegawai Penyelaras Aduan Bahagian Education Malaysia, JPT pada 24 Mei 2023 di Bilik Perbincangan UKK, Aras 3

#### **(v) Sesi Libat Urus Aduan**

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Aduan KPT diadakan secara berkala iaitu dua (2) kali setahun bagi membentangkan kes-kes aduan yang diterima dan masih belum mendapat maklum balas dan diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi penambahbaikan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan pengurusan aduan dalam KPT.

Aduan yang masih dalam tindakan dan tertunggak akan dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Teknikal sebelum dibawa ke peringkat pengurusan tertinggi yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, KPT.

#### **(vi) Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Aduan KPT**

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Aduan (MJTPA) KPT diadakan secara berkala iaitu dua (2) kali setahun iaitu bagi membentangkan laporan pencapaian semasa aduan awam KPT dan pemantauan secara berkala terhadap aduan yang masih dalam tindakan.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, KPT di peringkat Kementerian yang berperanan mendengar, menilai dan memperakarkan keputusan dasar berhubung isu-isu aduan yang dikemukakan.


Selain itu, MJTPA ini ditubuhkan bagi menyelesai dan memantau isu-isu yang masih belum diselesaikan dan memerlukan keputusan Jawatankuasa.

Secara umumnya, melalui mesyuarat ini, mekanisme kepada kawalan dalaman dan pemantauan secara berkala di peringkat pengurusan tertinggi dapat diadakan dan akhirnya dapat meningkatkan kecekapan pengurusan aduan dengan penambahbaikan yang dilaksanakan terhadap tindakan dan keputusan mesyuarat.


## 4.6. Prestasi Media Sosial KPT Tahun 2023

### (i) Prestasi Media Sosial

Sehingga 31 Disember 2023, jumlah pengikut media sosial KPT adalah seperti di Jadual dan Carta berikut:



Jumlah Pengikut Media Sosial KPT Tahun 2023



### (ii) Penerbitan Bahan Kreatif dan Visual

Sepanjang tahun 2023 juga, UKK KPT turut menerbitkan bahan kreatif dan visual berbentuk infografik, poster, video dan sebagainya mengenai dasar-dasar KPT dan Kerajaan yang lain dan juga berkaitan aktiviti Pengurusan Tertinggi serta acara-acara rasmi KPT. Berikut merupakan pecahan jumlah penerbitan bahan kreatif dan visual yang telah dilaksanakan.

Bahan Terbitan	Jumlah Terbitan
Rekaan kreatif	1,7610
Terbitan video	481

Jumlah penerbitan rekaan kreatif dan visual

# Unit Integriti



# Unit Integriti

## 1. Pengenalan

Unit Komunikasi Korporat (UKK) ditubuhkan dengan objektif untuk memelihara dan meningkatkan imej Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan mempromosi dasar dan program kementerian melalui strategi perhubungan awam yang teratur dan berkesan.

UKK berperanan sebagai *focal point* Kementerian dalam menyalur dan menyampaikan maklumat Kementerian, Jabatan, dan Agensi kepada umum khususnya kepada kumpulan sasaran Kementerian. Usaha penyebaran maklumat turut digandakan bagi meningkatkan dan melestarikan imej korporat Kementerian.

## 2. Fungsi

Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti Agensi Awam yang diterbitkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 2019 menggariskan enam (6) fungsi Unit Integriti Agensi Awam seperti berikut:

- 2.1. Pengurusan Aduan;
- 2.2. Pengesanan Dan Pengesahan;
- 2.3. Tatatertib;
- 2.4. Pengukuhan Integriti;
- 2.5. Pematuhan; dan
- 2.6. Tadbir Urus.

## 3. Program Utama Tahun 2023

### 3.1. Program Wacana Integriti : Jelajah Cakna Syariah 2023

KPT melalui Unit Integriti dengan kolaborasi bersama Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengadakan Program Wacana Integriti : Jelajah Cakna Syariah 2023 yang bertajuk "Orang Ketiga Dalam Undang-Undang Jenayah Syariah" pada 25 Mei 2023 bertempat di Dewan Za'ba KPT.

Program ini telah dihadiri oleh 350 orang peserta yang terdiri daripada warga KPT/ Jabatan/ Agensi, pegawai-pegawai JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan peserta-peserta daripada Kementerian lain.

Program ini bertujuan untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat umum khususnya penjawat awam mengenai kesalahan-kesalahan "orang ketiga" di bawah Akta/ Enakmen/ Undang-Undang Syariah dan hukuman kepada pelaku yang melakukan pelanggaran tatakelakuan tersebut.

Program Wacana Integriti: Jelajah Cakna Syariah 2023 telah dilaksanakan dengan tiga (3) slot ceramah seperti berikut:

Melalui sesi ceramah ini, maka peserta dapat:

- (i) Menambah pengetahuan warga KPT berkaitan Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia iaitu kesalahan jenayah yang melibatkan “orang ketiga” serta jenis-jenis hukuman sekiranya disabitkan kesalahan;
- (ii) Memberi kesedaran kepada warga KPT berkaitan tindakan tatatertib yang boleh diambil terhadap “orang ketiga”; dan
- (iii) Memberi iktibar dan pengajaran kepada warga KPT melalui perkongsian bermanfaat dalam slot ceramah.

Penjawat awam yang telah disabitkan kesalahan jenayah syariah oleh Mahkamah Syariah turut boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia ada memperuntukkan mengenai kesalahan jenayah yang melibatkan “orang ketiga” iaitu di bawah Seksyen 36, Seksyen 37 atau Seksyen 38 di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559). Sekiranya sabit kesalahan, pelaku boleh dikenakan hukuman denda ribuan ringgit atau hukuman penjara atau kedua-duanya sekali.

Sehubungan itu, penjawat awam yang telah berkeluarga khususnya warga KPT adalah dinasihatkan untuk menjaga keharmonian institusi kekeluargaan masing-masing. Isu-isu peribadi berkaitan masalah rumah tangga ini boleh memberikan impak negatif kepada prestasi kerja dan seterusnya menjelaskan imej dan kualiti penyampaian perkhidmatan

Tajuk Ceramah	Penceramah
Suamiku Milik Orang	YBrs. Sahibus Samahah Tuan Haji Jamali bin Mohd Adnan Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan.
Dilema Orang Ketiga dan Solusi Melalui Undang-undang Syariah	YBrs. Tuan Shafezan bin Rusli Pegawai Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang.
Ketahanan Mental Menghadapi Orang Ketiga	YBrs. Tuan Haji Norazman bin Amat Ketua Penolong Pengarah/Ketua Kaunselor, Bahagian Kaunseling dan Pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.



Program Wacana Integriti: Jelajah Cakna Syariah 2023



Perasmian oleh Ketua Unit Integriti KPT,  
Encik Norhushaffiz Hussin



Sesi ceramah bertajuk "Suamiku Milik Orang" disampaikan oleh Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan, Sahibus Samahah Tuan Haji Jamali Mohd Adnan



Sesi ceramah bertajuk "Dilema Orang Ketiga dan Solusi Melalui Undang-Undang Syariah" oleh Pegawai Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, Tuan Shafezan Rusli



Sesi ceramah bertajuk "Ketahanan Mental Menghadapi Orang Ketiga" disampaikan oleh Ketua Penolong Pengarah/ Ketua Kaunselor, Bahagian Kaunseling dan Pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Tuan Haji Norazman Amat

### 3.2. Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat KPT Tahun 2023

Majlis Sambutan Hari Integriti KPT Tahun 2023 yang bertemakan 'Integriti Citra Malaysia MADANI' telah diadakan pada 16 November 2023 (Khamis), bertempat di Dewan Za' ba KPT. Majlis ini bertujuan untuk memastikan pembudayaan integriti dalam kalangan warga KPT. Perkara ini juga selaras dengan hala tuju baharu pihak Pengurusan Tertinggi KPT yang komited dalam meningkatkan pembudayaan integriti serta mengurangkan taraf risiko rasuah di peringkat Kementerian, Jabatan, Agensi serta Institusi Pendidikan Tinggi di bawah KPT.

Objektif pelaksanaan Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional Tahun 2023 Peringkat KPT adalah seperti berikut:

- (i) Menzahirkan komitmen Kementerian dalam menjayakan program pengukuhan integriti selaras dengan dasar Kerajaan;
- (ii) Meningkatkan kesedaran, kefahaman serta penghayatan integriti dalam kalangan warga KPT; dan
- (iii) Menginstitusikan dan membudayakan integriti dalam organisasi.

Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat KPT Tahun 2023 telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT, YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian.

Pada sesi majlis ini, turut dilancarkan Kod Etika dan Tatakelakuan KPT, Garis Panduan Pengurusan dan Pelaporan Kes-Kes Tatatertib KPT serta Pelan Antirasuah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) oleh YBhg. Ketua Setiausaha KPT. Warga KPT yang hadir turut mengangkat lafadz Ikrar Integriti

Malaysia yang diketuai oleh Timbalan Pengarah, Unit Tadbir Urus dan Institusi, Bahagian Governan dan Kecemerlangan, JPPKK, Encik M. Azmi Haji Ruzali.

Pada majlis ini, turut diadakan sesi Wacana Integriti Bilangan 3 Tahun 2023 bersama Mantan Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Sidek Hassan dengan tajuk “Integriti: Perlukah Anda Diperhati?”

Reruai pameran oleh Jabatan serta Agensi berkaitan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Penjara, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Universiti Awam (UA) dan lain-lain lagi turut dibuka di lobi bangunan KPT yang memaparkan pengisian serta kesedaran berintegriti.

Menerapkan budaya integriti dalam kalangan warga KPT melalui lafaz Ikrar Integriti Malaysia.

Memberi iktibar dan peringatan kepada warga KPT melalui perkongsian bermanfaat dalam slot ceramah.

Memaklumkan kepada warga KPT/ Jabatan/ Agensi berkaitan Kod Etika dan Tatakelakuan KPT dan Garis Panduan Pengurusan dan Pelaporan Kes-Kes Tatatertib KPT.

Hari Integriti Nasional disambut setiap tahun pada 5 November sejak diisytiharkan pada tahun 2005. Hari Integriti Nasional diraikan setiap tahun dalam usaha membudayakan integriti dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat.

Sehubungan itu, diharapkan penganjuran Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat KPT Tahun 2023 dapat meneruskan pembudayaan integriti dalam kalangan warga KPT. Perkara ini juga selaras dengan hala tuju pihak Pengurusan Tertinggi KPT yang komited dalam meningkatkan pembudayaan integriti serta mengurangkan taraf risiko rasuah di peringkat Kementerian, Jabatan, Agensi serta Institusi Pendidikan Tinggi di bawah KPT.



Perasmian oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT,  
YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian



Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat KPT Tahun 2023



Sesi Pelancaran Buku Garis Panduan Pengurusan dan Pelaporan Kes-Kes Tatatertib KPT dan Kod Etika dan Tatakelakuan KPT



Sesi Pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi JPPKK 2023 - 2027



### 3.3. Pembangunan Manual Pengurusan *Anti Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001:2016 KPT*

Pembangunan Manual ABMS KPT telah dilaksanakan bermula pada 16 Ogos 2023 hingga 24 Oktober 2023.

ABMS merupakan sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi secara sukarela bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguat kuasa, menilai serta menambah baik langkah pengurusan anti-rasuah secara berkesan. Ia juga merupakan satu instrumen yang fleksibel dan dapat disesuaikan dengan risiko rasuah yang mungkin dihadapi oleh mana-mana organisasi.



Sesi Latihan Pemahaman dan Pelaksanaan MS ISO37001:2016 KPT pada 16 - 17 Ogos 2023



Sesi Bengkel Kerja Pengurusan Penilaian Risiko Rasuah (CRM) MS ISO 37001:2016 pada 29 - 30 Ogos 2023



Sesi Bengkel Kerja Mengenai Dokumentasi dan Pembangunan Dokumen ABMS MS ISO 37001:2016 KPT (Sesi 1) pada 11 - 13 September 2023

Keperluan pensijilan ABMS di semua agensi Kerajaan telah dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 melalui Strategi 2: Memperkuuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam.

Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Kebangsaan pada 27 Jun 2022 telah bersetuju supaya agensi yang telah siap membangunkan Pelan Antirasuah Kementerian/ Agensi boleh mula mengambil tindakan mendapatkan pensijilan ABMS.

Mesyuarat JAR KPT Bilangan 1 Tahun 2022 juga telah mengarahkan Unit Integriti untuk mendapatkan pensijilan *Anti Bribery Management Systems (ABMS) MS ISO 37001:2016* bagi Kementerian Pendidikan Tinggi.



Sesi Bengkel Kerja Mengenai Dokumentasi dan Pembangunan Dokumen ABMS MS ISO 37001:2016 KPT (Sesi 2) pada 2 - 3 Oktober 2023



Sesi Latihan Audit Dalaman ABMS pada 18 - 19 Oktober 2023

Unit Integriti telah memulakan gerak kerja ke arah pensijilan ABMS sejak Jun 2022. Sebanyak tiga (3) siri bengkel dan dua (2) sesi latihan Pembangunan ABMS telah dilaksanakan bermula pada 16 Ogos 2023 hingga 24 Oktober 2023. Semakan dokumen manual ABMS sedang dilaksanakan bersama Setiausaha Bahagian/ Ketua Unit sebelum diangkat kepada Ketua Setiausaha KPT untuk kelulusan.

Penyataan Skop pelaksanaan ABMS adalah “Manual Pengurusan ABMS MS ISO 37001:2016 bagi Perkhidmatan Pendidikan Tinggi KPT” berdasarkan bidang keutamaan yang dilaksanakan oleh Bahagian/ Unit di KPT seperti berikut:

- (i) Biasiswa, Dasar dan Penyelidikan;
- (ii) Integriti dan Tadbir Urus Organisasi; dan
- (iii) Proses Perolehan dan Pengurusan Kewangan.

Sesi Audit Dalaman akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit Dalaman KPT bagi memastikan dokumen lengkap dan terkini di Bahagian/ Unit.

Seterusnya, Manual Pengurusan ABMS ini seterusnya akan diaudit oleh Badan Pensijilan (*Accreditation Body - ACB*). Pengiktirafan MS ISO 37001:2016 ini turut diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Memberi pemahaman dan kesedaran kepada warga KPT mengenai pembangunan Manual ABMS KPT dan polisi-polisi yang dibangunkan di dalam manual tersebut.

Manual Pengurusan ABMS KPT ini merupakan panduan pengendalian pengurusan antirasuah bagi memperkuuhkan integriti, akauntabiliti dan tatakelola warga KPT.

Dengan adanya Manual Pengurusan ABMS ini, Kementerian dapat bersama-sama merealisasikan hasrat negara untuk berada di kedudukan 25 teratas dunia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) seperti mana yang dinyatakan dalam Penanda aras keenam Kerangka Ekonomi Malaysia MADANI.



Peserta Sesi Latihan Audit Dalaman ABMS pada 18 - 19 Oktober 2023



Sesi Pra-Audit Pelaksanaan (Pra Pematuhan Audit) ABMS MS ISO 37001:2016 KPT pada 24 Oktober 2023

### **3.4. Pelaksanaan Inisiatif Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023**

Di awal pelaksanaan NACP pada tahun 2019, sebanyak 115 inisiatif telah ditetapkan kepada 24 Ketua Agensi Peneraju (KAP) di mana terdapat enam (6) bidang keutamaan yang menjadi tunjang utama NACP iaitu Tadbir Urus Politik, Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam, Perundangan dan Kehakiman, Penguatkuasaan Undang-Undang dan Tadbir Urus Korporat. KPT bertanggungjawab ke atas tiga (3) inisiatif yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dari Januari 2021-Disember 2023 seperti berikut:

- (i) Inisiatif 2.4.2: Memberi penekanan terhadap elemen integriti dan nilai insan (tadbir urus insan) dalam program induksi pensyarah di institut pengajian tinggi yang diterajui oleh JPT, JPPKK dan AKEPT;
- (ii) Inisiatif 2.4.4: Memperkuatkannya program kepemimpinan bagi warga pendidik dan pentadbir di semua pusat pengajian tinggi dengan memasukkan elemen tadbir urus insan yang diterajui oleh AKEPT; dan
- (iii) Inisiatif 2.4.7: Memperkenalkan kursus matapelajaran wajib di Institusi Pendidikan Tinggi pada peringkat Sijil, Diploma dan Sarjana Muda yang menekankan kepada aspek kenegaraan, etika, peradaban, nilai, integriti dan falsafah yang diterajui oleh JPT dan JPPKK.

Secara keseluruhannya, inisiatif ini dapat:

- (i) Memperkenalkan mengenai konsep Human Governance dalam program kepimpinan bagi warga pendidik dan pentadbir di KPM dan semua Pusat Pengajian Tinggi;
- (ii) Menerapkan elemen Human Governance dalam program webinar Humanising Leadership kepada semua pemimpin pendidikan tinggi;
- (iii) Menerapkan elemen Integriti dan Tadbir Urus Insan dalam Program Induksi Pensyarah Baru melalui Modul dalam Program Transformasi Minda (PTM) di Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti;
- (iv) Pendedahan mengenai Integriti dan Tadbir Urus Insan dalam program MyLeader Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS);
- (v) Memperkenalkan Kursus Baharu iaitu Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dan Kursus Falsafah dan Isu Semasa di semua Institusi Pendidikan Tinggi; dan
- (vi) Melaksanakan Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) mengikut modul SPRM dilaksanakan sebagai kursus elektif di semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

NACP 2019-2023 merupakan agenda Kerajaan untuk menyediakan satu pelan khusus dalam usaha memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah agar Malaysia dikenali sebagai negara yang berintegriti di persada antarabangsa. NACP merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan berintegriti tinggi.

Sehingga Disember 2023, KPT telah berjaya melaksanakan ketiga-tiga inisiatif NACP yang diterajui oleh KPT.

# Unit Pengurusan Prestasi Dan Penyampaian Pendidikan Tinggi



# Unit Pengurusan Prestasi Dan Penyampaian Pendidikan Tinggi

## 1. Pengenalan

Unit Pengurusan Prestasi Dan Penyampaian Pendidikan Tinggi (*Higher Education Performance And Delivery Management Unit - HEAD*) telah ditubuhkan secara rasmi pada 12 Mei 2023.

Penubuhannya adalah aspirasi YB Menteri Pendidikan Tinggi semasa Perutusan Tahun Baharu 2023 pada 30 Januari 2023. Beliau menyarankan supaya sektor pendidikan tinggi mempunyai unit seperti "PEMANDU" atau "LAKSANA" bagi memastikan semua perancangan strategik dilaksanakan dan menepati sasaran.

Dalam melaksanakan amanah tersebut, Unit ini telah merangka skop dan fungsinya perlu mencakupi KPI YB Menteri *Ministerial Performance Indicators*, KPI PPTPA (Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam), KPI Belanjawan KPT *Outcome Based Budgeting* (OBB), Inisiatif *National Review Committee* (NRC), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 Pendidikan Tinggi PPPM (PT) dan Inisiatif Hala Tuju KPT/ Perutusan dan ucapan YB Menteri KPT.

Hasil pemantauan dan pelaporan pelaksanaan perancangan strategik oleh Unit ini adalah penting untuk menganalisis dan mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh Kementerian/ Jabatan dan Agensi masing-masing dalam mencapai visi dan misi KPT, seterusnya cadangan inisiatif/ intervensi untuk menyelesaikan isu dan cabaran tersebut dapat diformulasi dengan cekap dan berkesan.

## 2. Misi

- 2.1. Memastikan semua perancangan strategik dilaksanakan dan menepati sasaran yang telah ditetapkan; dan
- 2.2. Mengukur dan menilai semua perancangan pelan dan rencana strategik.

## 3. Fungsi

- 3.1. **MEMANTAU**; melaksanakan pemantauan bagi memastikan setiap Bahagian/ Jabatan/ Agensi di bawah KPT memainkan peranan masing-masing dalam pencapaian keseluruhan ekosistem pendidikan tinggi;
- 3.2. **MENILAI**; mengenal pasti cabaran dalam pelaksanaan strategi-strategi yang telah ditetapkan untuk mencapai visi dan misi KPT serta mencadangkan inisiatif penyelesaian bersesuaian; dan
- 3.3. **MELAPORKAN**; mengemukakan kepada pihak berkepentingan secara berkala.

# 4. Program Utama Tahun 2023

## 4.1. Hari Terbuka Pendidikan Tinggi Negara

Program Hari Terbuka Pendidikan Tinggi Negara dianjurkan buat julung kalinya pada 23 Oktober 2023 bertujuan menjadi platform untuk mendapatkan saranan dan maklum balas daripada orang awam dan rakyat berkaitan agenda pembaharuan Pendidikan Tinggi Negara kearah pendekatan yang lebih bermakna dan praktikal.

Proses awal agenda pembaharuan Pendidikan Tinggi Negara telah dimulai oleh Jawatankuasa Menyemak & Mengkaji Semula Dasar Pendidikan Tinggi Nasional, *National Review Committee* (NRC). NRC ini diterajui oleh Datuk Idris Jala & disertai pakar-pakar berkaitan yang berperanan menjawab keperluan masyarakat dan negara dalam menyusun semua strategi Pendidikan Tinggi Malaysia supaya seiring dengan cabaran masa kini. Kajian NRC tersebut meliputi aspek akta dan perundangan, kertas dasar, pelan strategik, garis panduan yang berkaitan dan proses kerja semasa jabatan & agensi KPT.

Antara faktor kritikal keperluan pembaharuan Pendidikan Tinggi:

- (i) Perkembangan teknologi yang bersifat disruptif;
- (ii) Gelombang *megatrends* di peringkat global yang merumitkan lagi cabaran kehidupan Baharu Masyarakat tempatan;
- (iii) Statistik data menunjukkan sejak tahun 2020, terdapat penurunan minat terhadap Pendidikan tinggi di kalangan anak muda;
- (iv) Meskipun peratusan pencapaian kebolehpasaran adalah tinggi, ia nya masih belum membanggakan apabila diukur dengan keupayaan mendapat gaji premium RM4,000 ke atas.

Justeru itu, Program Hari Terbuka Pendidikan Tinggi Negara mengharapkan komunikasi yang lebih berkesan antara pembuat dasar dan penerima manfaat dalam mewujudkan ekosistem Pendidikan Tinggi Negara yang lebih holistik dan berdaya saing di arena global.



Penyerahan Laporan Akhir National Review Committee daripada YB Menteri Pendidikan Tinggi kepada YAB Timbalan Perdana Menteri



Ucapan Aluan YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi sempena Hari Terbuka Pendidikan Tinggi Negara



Ucapan Perasmian Penutup Hari Terbuka Pendidikan Tinggi Negara oleh YAB Timbalan Perdana Menteri



Gallery Walk YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi sempena Hari Terbuka Pendidikan Tinggi Negara



Sesi bergambar Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pendidikan Tinggi dan Timbalan Menteri bersama Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPK)



Naib Canselor memberi penerangan berkenaan produk penyelidikan UMPSA kepada Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan Tinggi

# Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)



# Jabatan Pendidikan Tinggi

## 1. Pengenalan

Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) merupakan salah satu Jabatan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh 12 Bahagian yang terlibat dalam tadbir urus Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), termasuk 12 Pejabat *Education Malaysia* Luar Negara. Bahagian-bahagian ini bersama-sama dalam menyokong JPT sebagai peneraju ke arah kecemerlangan ekosistem pendidikan tinggi negara.

JPT juga berperanan dalam menentukan hala tuju pendidikan tinggi negara melalui pelaksanaan dasar-dasar yang berkaitan dengan tadbir urus universiti, pembangunan akademik, kerjasama industri, pengurusan penyelidikan dan pembangunan pelajar serta pengantarabangsaan pendidikan tinggi. Peranan ini digembleng bersama universiti bagi mengangkat kedudukan pendidikan tinggi negara di peringkat antarabangsa.

## 2. Fungsi

### 2.1. Bahagian

#### 2.1.1. Bahagian Governan IPTA (BGA)

- (i) Pengurusan Bakat Universiti Awam (UA)
- (ii) Kemampunan Pendanaan UA
- (iii) Pemerksaan Autonomi UA
- (iv) Penyeliaan Akta-akta Melibatkan UA

#### 2.1.2. Bahagian Governan IPTS (BGS)

- (i) Penggubalan Dasar, Polisi dan Peraturan Yang Menyokong Pematuhan Akta 555
- (ii) Kemampunan Tadbir Urus IPTS
- (iii) Jaminan Kualiti IPTS

#### 2.1.3. Bahagian Standard Swasta (BSS)

- (i) Tadbir Urus IPTS
- (ii) Pengukuhan Industri Pendidikan Tinggi
- (iii) Program Pengajian Berkualiti

#### 2.1.4. Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat (BPI)

- (i) Kawal Selia IPTS
- (ii) Pematuhan Akta 555

#### 2.1.5. Bahagian Hubungan Industri (BHI)

- (i) Penggalakan Kerjasama Antara Ahli Akademia, Industri, Kerajaan dan Masyarakat
- (ii) Meningkatkan Kadar Kebolehpasaran Graduan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)

#### 2.1.6. Bahagian Hal-Ehwal Pelajar (BHEP)

- (i) Perancangan, Koordinasi dan Pemerksaan Program serta Inisiatif Pembangunan Sahsiah, Patriotisme, Perpaduan Nasional dan Kesukarelawan

### **2.1.7. Bahagian Kecemerlangan Akademik (BKA)**

- (i) Penggubalan, Penyelarasan dan Pemantauan Perlaksanaan Dasar
- (ii) Penyediaan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik
- (iii) Inovasi Dalam Pembelajaran dan Pengajaran Di UA

### **2.1.8. Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT (BKPI)**

- (i) Perancangan, Pemantauan dan Penyelaras Geran serta Aktiviti R,D,C dan I di IPT dan Institusi Penyelidikan

### **2.1.9. Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA)**

- (i) Perancangan, Pengurusan, Penggubalan dan Pelaksanaan Dasar, Prosedur dan Syarat Kemasukan Pelajar
- (ii) Perluasan Akses Pendidikan Tinggi ke IPT

### **2.1.10. Bahagian Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi (BPPT)**

- (i) Perancangan, Pengurusan dan Pengawalan Seliaan Program serta Inisiatif Berkaitan Pengantarabangsaan Industri Pendidikan Tinggi Malaysia

### **2.1.11. Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)**

- (i) Pengurusan Kewangan dan Akaun
- (ii) Pengurusan dan Penyelaras Pembangunan Sumber Manusia
- (iii) Pengurusan Strategik, Kualiti dan Inovasi
- (iv) Pengurusan Pentadbiran

### **2.1.12. Pusat Sitasi dan Infometrik (PSI)**

- (i) Pemerkasaan Keterlilitan Penerbitan Ilmiah Malaysia Ke Peringkat Antarabangsa
- (ii) Penyelaras Pengurusan Pengintegrasian Data Pintar JPT

## **2.2. Pejabat *Education Malaysia (EM)* Luar Negara**

### **2.2.1. EM London (1954)**

### **2.2.2. EM Australia (1962)**

### **2.2.3. EM Indonesia (1970)**

### **2.2.4. EM Washington DC (1972)**

### **2.2.5. EM Mesir (1980)**

### **2.2.6. EM Chicago (1982)**

### **2.2.7. EM Los Angeles (1982)**

### **2.2.8. EM New Zealand (1982)**

### **2.2.9. EM Jordan (1996)**

### **2.2.10. EM Dubai (2003)**

### **2.2.11. EM Ho Chi Minh City (2003)**

### **2.2.12. EM Beijing (2008)**

### 3. Program Utama Tahun 2023

#### 3.1. Pameran Pendidikan Tinggi Sempena Hari Terbuka Pendidikan Tinggi Negara

KPT telah mengadakan Pameran Pendidikan Tinggi bersempena Hari Terbuka Pendidikan Tinggi Negara pada 23 Oktober 2023, bertempat di KPT. Pameran yang bertemakan "IPT Pemangkin Pembangunan Negara MADANI" mengetengahkan produk inovasi IPT di bawah kluster Kesihatan Awam, Keterjaminan Makanan, Teknologi Termaju dan Warisan Bangsa.

Antara hasil kajian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang menjadi sorotan utama adalah Brakiterapi Kanser Lidah, Vaksin dan Sel Sengkinit, Dialisis Mudah Alih, Padi Putra, Gelatin Halal, Sumber Makanan Alternatif Akuakultur, Satelit Nano, Model Autonomous Vehicle, Teknologi Elektrik dan Elektronik dan Manuskrip Negara. Di bawah Inisiatif Bajet iaitu yang akan dilaksanakan oleh KPT melalui IPT adalah inisiatif Kecerdasan Buatan (AI) dan Robotik Termaju, Pusat Tenaga Nasional (NEC), Teknopolis Kesihatan dan *National Digital Library*.

Produk yang diketengahkan melibatkan hasil kajian R&D oleh IPT tempatan sedia untuk diperluaskan penggunaannya ke seluruh negara dan terdapat juga produk dalam proses pengkomersialan.

Pengunjung juga berpeluang melihat pameran Dron dan Robotik dari semua universiti di bawah Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Ini termasuk dron terbesar di Malaysia turut dipamerkan pada hari terbuka ini. Aktiviti interaktif Makerspace dan Teknologi AR/ VR melibatkan kerjasama universiti awam, swasta dan industri turut memberi peluang kepada pengunjung untuk merasa sendiri pengalaman mengendalikan teknologi itu.



Klinik Bergerak di bawah KPT menawarkan perkhidmatan secara percuma kepada pengunjung pada Hari Terbuka dibawa ke pekarangan. Perkhidmatan yang ditawarkan meliputi pergigian, mata dan kesihatan am mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Selain itu, *Innovation Talk* turut menjadi sebahagian aktiviti kepada mahasiswa yang hadir ke Hari Terbuka tersebut.

Pameran yang diselaras oleh JPT selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengisian Program melibatkan institusi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan IPTA dan IPTS seluruh negara.



Program ini telah dapat mengetengahkan hasil R&D dari IPT yang sedia untuk dikomersialkan dan sedia untuk bekerjasama. Ia juga menjadi platform untuk menyatakan komitmen perencanaan tahun hadapan susulan ucapan pengumuman Bajet 2024.

Pameran Pendidikan Tinggi ini telah hadiri oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Hari Terbuka Pendidikan Tinggi Negara. Hari Terbuka ini dianjurkan bertujuan untuk berkongsi dan mendapatkan maklum balas hasil Laporan Akhir Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Semula Dasar Pendidikan Tinggi Nasional.

Turut mengiringi YAB Timbalan Perdana Menteri ke pameran adalah Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin; Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri Yusoff; Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof. Dr. Azlinda Azman; Pengurus Lembaga, Jabatan, Agensi serta Pengurusan Tertinggi IPT termasuk Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor.

### 3.2. Pameran Pendidikan Tinggi Sempena Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI

KPT telah menyertai Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI melalui Pameran Pendidikan Tinggi pada 8 hingga 10 Disember 2023, bertempat di Pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Pameran pada kali ini masih mengekalkan tema “IPT Pemangkin Pembangunan Negara MADANI”. Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI ini disertai oleh semua Kementerian utama dan beberapa Jabatan dan Agensi persekutuan.

KPT telah terlibat dalam komponen di reruai, perkhidmatan Pendidikan Tinggi melalui klinik bergerak, sesi *pocket talk* di pentas kecil selain sesi bacaan ikrar pada Majlis Pembukaan oleh mahasiswa dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Pameran Pendidikan Tinggi dibahagikan kepada empat (4) tema iaitu Pameran Keterjaminan Makanan, Teknologi Termaju, Pemindahan Ilmu dan Perkhidmatan Interaktif KPT. Semua projek yang dipamerkan melibatkan hasil kajian R&D oleh IPT tempatan sedia untuk komersial, sedia untuk komuniti dan sedia untuk kolaborasi. Jumlah keseluruhan pameran hasil R&D dan perkhidmatan yang ditawarkan berjumlah sebanyak 21. Selain hasil R&D, sebanyak lebih 21,000 tempat untuk melanjutkan pengajian di IPT terpilih telah dibuka khas semasa program Setahun Bersama Kerajaan MADANI tersebut.

Antara hasil kajian R&D yang menjadi *highlight* adalah Brakiterapi Kanser Lidah, Vaksin dan Sel Sengkinit, Vaksin Ayam dan Dialisis Mudah Alih. Projek komuniti bon bon Kampung Merakau dan *Vertical Aquaphonic* turut dipamerkan sepanjang program berlangsung.

Klinik Bergerak di bawah KPT menawarkan perkhidmatan secara percuma kepada pengunjung pada Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI ini. Perkhidmatan yang ditawarkan meliputi pergigian dan kesihatan am yang mendapat sambutan sangat menggalakkan. Pelbagai perkhidmatan termasuk *scaling* gigi dapat dibuat secara *in situ* dan *walk in* tanpa perlu membuat temujanji awal.

KPT telah berjaya menarik penyertaan penuh di sesi pentas kecil dengan topik “Genggam Ijazah Tanpa Pergi Universiti?”. Slot berbentuk forum ini menerangkan mengenai peluang untuk melanjutkan pengajian melalui program APEL. Pada masa ini, telah ada banyak laluan alternatif yang disediakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan Kemahiran dan pengetahuan ke tahap lebih tinggi.

Pameran yang diselaras oleh JPT selaku Pengurus Jawatankuasa Pengisian Program melibatkan institusi JPPKK, MQA, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) dan IPTA dan IPTS seluruh negara.



Hasil penyelidikan yang dipamerkan ini telah dapat menarik banyak peluang kerjasama baharu dan pengkomersialan. Antara pameran yang mendapat sambutan yang amat menggalakkan adalah *vertical aquaphonic* yang boleh diaplikasi untuk *urban farming*. Terdapat juga hasil yang sedia untuk direplikasi ke komuniti lain yang turut menjadi tumpuan pengunjung.

Pameran Pendidikan Tinggi oleh KPT juga berjaya mengetengahkan hasil penyelidikan dan kerjasama komuniti yang telah dilaksanakan. Pameran ini turut dapat menyampaikan perkhidmatan dan hebatan terus kepada rakyat. Ia juga dapat mempersiapkan perencanaan bagi tahun 2024 untuk lebih cekap dan pantas dilaksanakan.



### 3.3. Libat Urus Industri Berimpak Tinggi

Kerjasama dengan pihak industri dijalin dan diperkuuh bertujuan untuk memberi manfaat yang saling menguntungkan bagi kedua-dua pihak. Ia membuka ruang dan peluang kepada mahasiswa menjalani latihan industri, kursus dan memperluas peluang kerjaya selepas tamat pengajian. Ia juga memberikan hubungan simbiosis kepada kedua-dua pihak dari aspek kepakaran modal insan, penerokaan sumber pembiayaan, projek penyelidikan, rangkaian profesional, kemudahan dan infrastruktur antara para penyelidikan, ahli akademia dan pakar industri.

Sebanyak enam (6) Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding - MoU*) dengan pihak industri dalam dan luar negara telah ditandatangani. MoU tersebut adalah seperti tersebut:

- (i) 7 Mac 2023 - MoU UTM Bersama Mastercard Asia/ Pacific Pte Ltd dalam bidang keselamatan siber;
- (ii) 7 April 2023 - MoU Konsortium Universiti Malaysia bersama Might, Tusas Malaysia Sdn. Bhd. dan Tusas Academy dalam bidang aeroangkasa;
- (iii) 15 Jun 2023 - MoU KPT bersama TATA Consultancy Services Malaysia Sdn Bhd dalam bidang pembangunan bakat teknologi dan digital;
- (iv) 29 Ogos 2023 - MoU KPT bersama Technology Depository Agency (TDA) dalam bidang *Industry Collaboration Program (ICP)*;
- (v) 7 September 2023 : MoU KPT bersama Microsoft Malaysia dalam bidang pembangunan bakat teknologi dan digital;
- (vi) 26 Oktober 2023 - MoU antara KPT bersama YTL Cement Berhad dalam bidang kelestarian landskap kars tropika.

**Impak:****(i) Penyesuaian Kurikulum dengan Keperluan Industri:**

Membantu dalam memastikan kurikulum di IPTA selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa industri. Ini menjadikan graduan lebih bersedia dan relevan dengan keperluan pasaran kerja, mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan.

**(ii) Pengembangan Kemahiran Praktikal:**

Membolehkan pelajar IPTA memperoleh pengalaman praktikal melalui latihan industri, projek bersama dan pendedahan kepada teknologi serta proses terkini yang digunakan dalam industri. Ini menyediakan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam kerjaya mereka.

**(iii) Peningkatan Peluang Kerjaya:**

Membuka peluang kepada pelajar mendapatkan pekerjaan dengan lebih mudah selepas tamat pengajian. Industri yang terlibat dalam pendidikan tinggi sering kali menawarkan peluang pekerjaan kepada graduan yang telah menjalani latihan atau projek bersama mereka.

**(iv) Penggalakan R&D:**

Memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan berimpak tinggi yang boleh membawa kepada inovasi dan penemuan baharu. Ini bukan sahaja memperkaya ilmu pengetahuan, tetapi juga membantu industri dalam mengatasi cabaran dan meningkatkan daya saing mereka.

**(v) Peningkatan Kualiti Pendidikan:**

Memberikan input secara terus dari industri untuk penambahbaikan berterusan kurikulum dan kaedah pengajaran di IPTA. Ini memastikan bahawa pendidikan yang diberikan adalah terkini dan relevan dengan keperluan sebenar dunia kerja.

**(vi) Pembinaan Jaringan dan Kerjasama:**

Membina jaringan dan kerjasama yang kukuh antara IPTA dan industri. Ini boleh membawa kepada pelbagai bentuk sokongan seperti pembiayaan penyelidikan, sumbangan teknologi dan pembinaan kapasiti yang lebih baik untuk IPTA.

**(vii) Penyelesaian Masalah Sosial dan Ekonomi:**

Menyumbang kepada penyelesaian masalah sosial dan ekonomi melalui penyelidikan yang berfokus pada isu-isu semasa seperti kemampanan, teknologi hijau, dan pembangunan sosial.

Dengan memperkuatkan jalinan kerjasama, kedua-dua pihak dapat melangkah dan meneroka inisiatif yang menjurus ke hadapan terutamanya dalam bidang pendidikan fleksibel serta pembelajaran sepanjang hayat. Usahasama antara pihak KPT dan industri menyediakan *talent pool* yang berkualiti kepada industri yang mampu menjadi pemangkin kepada kemajuan bidang kepakaran industri ini di dalam negara melalui pemindahan ilmu, kepakaran dan teknologi dari luar negara. Di samping itu, kerjasama dalam bidang penyelidikan dan latihan industri memberi impak positif kepada pembangunan kepakaran dan kebolehpasaran graduan.



Program libat urus industri berimpak tinggi ini dapat menyumbang dalam melahirkan graduan yang menepati keperluan dan kehendak sektor industri global termasuk dari aspek pengetahuan dan kemahiran serta sikap yang relevan. Ini dapat meningkatkan peluang pekerjaan dan kebolehan mereka untuk berjaya dalam pelbagai industri.

### **3.4. JPT-KPT-Industry Roundtable Talk Series**

*JPT-KPT-Industry Roundtable Talk Series* merupakan satu daripada platform untuk mendapatkan input daripada industri bagi memastikan penawaran program serta sistem pengajaran dan pembelajaran di IPT yang ditawarkan mampu mengisi bidang kepakaran yang diperlukan industri. Selain itu, penglibatan industri dalam siri perbincangan ini juga bertujuan menggalakkan penyelesaian masalah secara kreatif dan inovatif. Kerjasama antara IPT dan industri adalah penting untuk memastikan kelestarian institusi pendidikan tinggi serta memastikan ia terus relevan dan selari dengan keperluan industri dan negara.

*JPT-KPT-Industry Roundtable Talk Series* telah dianjurkan oleh lima (5) buah UA iaitu di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 9 November 2023, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) pada 16 Disember 2023, Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 10 November 2023, Universiti Malaya (UM) pada 14 November 2023 dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) pada 27 November 2023.

Melalui siri perbincangan yang diadakan, pihak industri telah digalakkan untuk melabur dalam pembangunan bakat dan teknologi di IPT. Pelaburan ini bukan sahaja dapat memastikan generasi akan datang bersedia mendepani cabaran masa hadapan, malah ia juga membantu dalam meningkatkan produktiviti serta memacu pertumbuhan ekonomi negara.

#### **Impak:**

Inisiatif ini dapat menggalakkan industri untuk melabur dalam pembangunan bakat dan teknologi di IPT bagi memastikan generasi akan datang bersedia untuk mendepani cabaran dalam meningkatkan produktiviti dan memacu pertumbuhan ekonomi negara dan meningkatkan penglibatan industri dalam penyelesaian masalah secara kreatif dan inovatif bagi memastikan kelestarian IPT dan selari dengan keperluan industri dan negara.

Penganjuran *JPT-KPT-Industry Roundtable Talk Series* telah dapat mewujudkan sinergi yang kuat antara IPT dan industri, sekaligus memastikan ekosistem pendidikan tinggi negara terus berkembang maju dan berdaya saing di peringkat global.

### **3.5. Program *Outreach* dan Jom Masuk U 2023**

Program *Outreach* dan Jom Masuk U (JMU) anjuran KPT melalui JPT bersama rakan strategik di UA merupakan inisiatif untuk membantu pelajar melanjutkan pengajian ke IPT, khususnya ke UA, Politeknik, Kolej Komuniti atau Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Program ini juga merupakan platform untuk mempromosi mengenai program pengajian sedia ada serta baharu yang ditawarkan oleh IPTA. Sasaran penyertaan program terdiri daripada pelajar, guru, ibubapa, dan masyarakat setempat. Pengajuran Jom Masuk U 2023 turut memfokus kepada penyampaian maklumat pelaksanaan dasar meritokrasi dalam pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA dan ILKA Sesi Akademik 2023/ 2024. Dasar tersebut antara lainnya menggunakan pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum.

Jom Masuk U 2023 dilaksanakan bersama enam (6) rakan strategik UA di enam (6) Zon iaitu:

- (i) Zon Tengah (4 dan 5 Mei 2023);
- (ii) Zon Selatan dan Sarawak (20 dan 21 Mei 2023);
- (iii) Zon Sabah dan Utara (27 dan 28 Mei 2023); dan
- (iv) Zon Timur (3 dan 4 Jun 2023).

Pelbagai aktiviti meliputi seminar, pameran kerjaya, semakan khas kelayakan ke IPTA dan ILKA melalui e-Panduan dan UPUPocket, sesi konsultansi, bimbingan untuk melengkapkan permohonan serta interaksi bersama pasukan UPUOnline® dan IPT telah dilaksanakan dengan jayanya.

Pada tahun 2023, sebanyak 371 program *outreach* yang melibatkan aktiviti berkaitan menyebarluas maklumat peluang pendidikan tinggi melalui UPUOnline®. Menerusi program-program tersebut, 400,493 bilangan penerimaan dan pemprosesan permohonan UPUOnline® 2023 telah berjaya didaftar.

#### **Impak:**

Usaha ini adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025 [PPPM PT] untuk meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi berkualiti dan seterusnya disasarkan dapat membantu generasi akan datang untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup.

Pelaksanaan program JMU2023 tersebut telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dari para pengunjung dan akan diteruskan pada masa akan datang.

### **3.6. Sejahtera Mahasiswa IPT**

Kemajuan dan kemakmuran masa depan tergantung kepada generasi muda pada masa kini, terutamanya mahasiswa IPT yang bakal meneraju pucuk pimpinan negara. Acuan hari ini menentukan pembentukan negara bangsa di hari muka. Untuk itu, pelbagai usaha dari segenap aspek diadun, diatur dan dianjur bagi melahirkan generasi muda yang dinamik, berbudi bahasa, beretika dan berintegriti.

Antara program yang telah dilaksanakan adalah Sesi *Townhall* untuk mendapatkan maklum balas pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU). Pindaan ini antaranya melibatkan pemberian autonomi di bawah Agenda Pemerkasaan Mahasiswa.

Kesejahteraan insan juga bermula dari fizikal yang sihat termasuk pemakanan yang seimbang. Menu Siswa Rahmah diperkenal di IPT seluruh negara pada harga RM3.50 bermula Disember 2022 hingga Mac 2023 manakala RM5.00 bermula April 2023. Kerajaan telah memberikan moratorium sewaan kafeteria berjumlah melebihi RM4 juta untuk pengusaha menyediakan hidangan ini dan memberi manfaat kepada lebih 364,912 mahasiswa di semua UA. Inisiatif ini juga dilaksanakan di Politeknik dan Kolej Komuniti.

Ketangkasan dan kecerdasan minda terhasil antaranya juga melalui pendedahan, simulasi dan latih amal. Program Semarak Siswa MADANI telah diadakan bertujuan mempromosi nilai-nilai teras Malaysia MADANI di samping meningkatkan kesedaran sosial, kepimpinan serta kreativiti dalam kalangan pelajar IPT. Terdapat empat (4) program utama di bawahnya iaitu KPT Prihatin MADANI, *Students for Society, Knowledge Transfer Programme (KTP)* dan Program TVET @ Komuniti MADANI. Pada tahun 2023, semua program yang direncana telah dilaksanakan dan memberi manfaat melalui inovasi dan idea-idea baharu yang tercetus di IPT yang di bawakan oleh mahasiswa terus kepada komuniti.

Selain itu, Perkampungan Budaya: Bahtera MADANI 2023 menghimpunkan seramai 500 orang pelajar daripada UA, IPTS, Kolej Komuniti dan Institut Pendidikan Guru (IPG) selama lima (5) hari di Universiti Sains Malaysia (USM). Program ini boleh dijadikan sebagai contoh di mana aktiviti kebudayaan dan kesenian dijadikan instrument bagi mengeratkan perpaduan dalam kalangan belia dan seterusnya masyarakat Malaysia.

#### **Impak:**

Inisiatif Sejahtera Mahasiswa IPT ini memberi impak menyeluruh dalam pembentukan dan pengembangan iaitu fizikal, mental, rohani dan jasmani. Usaha ini melibatkan mahasiswa di IPT di bawah KPT termasuk awam dan swasta, politeknik dan kolej komuniti serta merentas kementerian dan masyarakat.

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kesejahteraan mahasiswa terpelihara termasuk menyokong agenda pemerkasaan yang diusul.

### **3.7. Program Sulung 2.0**

Program Pembangunan Siswa Sulung 2.0 (SULUNG 2.0) diperkenalkan mulai Semester 1 2023/2024 untuk memberi peluang kepada individu pertama dalam keluarga B40 melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama di universiti awam. Program ini melibatkan pelajar sedia ada dan pelajar baharu lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan setaraf dengan PNGK sekurang-kurangnya 3.0 atau pangkat Jayyid Jiddan bagi Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Manfaat yang diberikan kepada Siswa SULUNG 2.0 adalah laluan kemasukan khas SULUNG, pengecualian yuran pengajian universiti dan pembangunan insaniah serta sokongan akademik dan kaunseling. Inisiatif ini dianggarkan melibatkan penyertaan 10,000 orang di 20 UA dengan implikasi kewangan sebanyak RM30.9 juta setahun melalui pengecualian yuran.

Sehingga Disember 2023, seramai 3,049 pelajar baharu dan 4,762 pelajar sedia ada telah menerima manfaat Program Sulung 2.0, menjadikan jumlah keseluruhan melibatkan 7,811 pelajar iaitu 78%.

**Impak:**

Inisiatif ini disasar menyumbang kepada pembangunan modal insan yang inklusif dan menyokong transformasi sosial bagi membantu meningkatkan taraf sosioekonomi keluarga B40 ke satu tahap yang lebih baik dan menuktahkan kemiskinan.

Pelaksanaan program ini diteruskan pada tahun 2024 untuk membolehkan lebih ramai anak-anak Kumpulan B40 untuk menyambung pengajian ke peringkat tertiari.

### **3.8. Capital Market Graduate Programme @ investED**

JPT sentiasa komited menyokong usaha KPT bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dan keberhasilan modal insan demi pembangunan ekonomi negara.

Antara langkah yang dilaksanakan bagi menyokong usaha tersebut adalah penganjuran Program Graduan Pasaran Modal atau *Capital Market Graduate Programme* (CMGP) yang dijenama sebagai invested yang merupakan pakej latihan lengkap dan bernilai tinggi disediakan kepada para pelajar UA dan IPTS dalam industri pasaran modal dan sekuriti negara. Program ini adalah kerjasama antara KPT dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Program ini dibiayai melalui Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDF) dengan peruntukan sebanyak RM30 juta. investED disasar dapat memberi manfaat kepada 12,000 pelajar dengan jaminan pekerjaan dengan gaji progresif kepada 600 graduan dalam tempoh tiga (3) tahun.

Program kerjasama investED meliputi tiga (3) komponen utama iaitu:

- (i) Penganjuran 20 sesi *Career Talk/ Fairs* di IPT terpilih dengan sasaran 3,000 pelajar setahun;
- (ii) Program Persijilan Profesional yang akan memanfaatkan 800 pelajar setahun; dan
- (iii) Program kepimpinan dan penempatan kerja bagi 200 pelajar dan graduan setahun.

Pemeteraian MoU antara KPT dan SC telah diadakan pada 10 April 2023. MoU tersebut ditandatangani oleh Pengerusi SC, YBhg. Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin dan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi yang turut menjalankan tugas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi iaitu Encik Ahmad Rizal Adnan serta disaksikan oleh Pengurusan Tertinggi KPT iaitu Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin bersama Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal serta YBhg. Dato' Dr. Megat Sany Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT.

Majlis Perasmian investED seterusnya telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim melalui pelancaran inisiatif terbaharu pasaran modal, 'investED' pada 19 Jun 2023 di Kuala Lumpur.

Majlis perasmian Program Kepimpinan investED yang melibatkan 200 graduan kohort pertama pula telah diadakan pada 7 Ogos 2023, bertempat di Asia School of Business (ASB), Kuala Lumpur. Majlis perasmian tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT, YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian. Peserta program ini mengikuti modul pembelajaran komprehensif dan interaktif selama sebulan di ASB, KL diikuti dengan latihan sambil bekerja selama enam (6) bulan dengan rakan kongsi investED daripada industri pasaran modal.

#### **Impak:**

Pelaksanaan program ini adalah selari dengan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 – 2025 (PSKG) yang dibangunkan bagi menyokong lonjakan pertama dan keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) untuk melahirkan graduan holistik yang seimbang bercirikan keusahawanan. Ia juga menyumbang untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 80% kebolehpasaran graduan setiap tahun sehingga tahun 2025.

Selain itu, program ini turut membantu para pelajar daripada keluarga B40 supaya mereka tidak ketinggalan mendapat manfaat peluang pekerjaan yang lebih baik dan usaha ini selaras dengan hasrat Kerajaan MADANI.

Secara rumusannya, Program investED ini membantu para graduan untuk memperoleh pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan serta mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan. Di samping itu, inisiatif ini yang menggembungkan kolaborasi antara institusi pasaran modal dan universiti akan membantu melahirkan graduan yang lebih bersedia dan berkemahiran tinggi untuk terus diserap ke dalam dalam bidang pasaran modal di Malaysia. Ini akan mengurangkan defisit tenaga mahir di pasaran modal, pada masa yang sama, mempertingkatkan kebolehpasaran graduan dalam subsektor perkhidmatan ketiga terbesar di Malaysia.

### **3.9. Parlimen Mahasiswa Kebangsaan 2023**

KPT mengalu-alukan penglibatan golongan mahasiswa secara aktif dalam bersama-sama memberi saranan serta idea bagi membangunkan pendidikan tinggi yang lebih berkualiti. KPT komited untuk menimbang pandangan, saranan dan pengamatan yang dikongsikan oleh golongan tersebut demi penambahbaikan sektor pendidikan tinggi negara. Komitmen ini diterjemah antaranya melalui penganjuran Parlimen Mahasiswa Kebangsaan 2023 (PMK 23).

PMK 23 yang julung kali diadakan dianjurkan oleh KPT telah dijayakan dengan kerjasama Parlimen Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah bersidang selama dua (2) hari pada 23 hingga 24 Ogos 2023. Seramai 187 orang perwakilan mewakili Mesyuarat Perundingan Pelajar (MPPK), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Kesatuan Mahasiswa merangkumi pelbagai IPTA dan IPTS dari seluruh negara telah membahaskan empat (4) teras perbahasan iaitu ekonomi, kebajikan, pemerksaan mahasiswa serta pengantarabangsaan. Sesi Penggulungan Parlimen Mahasiswa Kebangsaan 2023 telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

Kemuncak majlis turut menyaksikan YB Menteri menyampaikan Anugerah Pembahas Terbaik bagi setiap empat (4) teras iaitu Kebajikan kepada Agha Khilfi Suarno (UMPSA), Pemerksaan Mahasiswa kepada Kavines Nair Nathan (UUM), Pengantarabangsaan kepada Emina Kulasic Bing Ei Min (UUM) serta Ekonomi kepada Mohamad Luqman Hafiz (UNITEN) yang turut dinobatkan sebagai Pembahas Terbaik Keseluruhan PMK 23.

Kesemua usul terbaik yang telah dibahaskan melalui PMK 23 diangkat sebagai agenda perbincangan MPPK yang diadakan dalam pertemuan dengan YAB Perdana Menteri.

PMK 23 yang dianjurkan ini telah dapat memberi pendedahan sebenar kepada perwakilan mengenai sistem Parlimen di Malaysia. Selain itu, ia juga dapat mengasah bakat kepimpinan dalam kemahiran berbahas dan pengucapan awam serta mahasiswa boleh menyuarakan terus isu dan pandangan berkaitan keperluan dan kebajikan mahasiswa.

Program ini berlangsung dengan jayanya sebagai platform untuk mahasiswa IPT menyuarakan dan mengupas secara intelektual serta berhemah isu-isu berkaitan kesemua teras perbahasan.

### **3.10. International Conference Of Academia-Community Engagement (InACE) 2023**

*International Conference of Academia-Community Engagement (InACE) 2023* dianjurkan bertujuan untuk menyediakan platform bagi membolehkan perkongsian pengalaman projek komuniti dilaksanakan secara terancang. Persidangan ini juga menyokong projek penyelidikan komuniti melalui pertukaran idea dan pendapat serta perkongsian amalan terbaik dan berkesan yang memberi impak kepada negara.

InACE 2023 yang dilaksanakan secara hibrid iaitu fizikal dan maya memberi peluang kepada para peserta untuk berinteraksi khususnya dalam bidang pendidikan, kesihatan, keusahawanan, ICT dan teknologi, sukan dan rekreasi, pembangunan alam sekitar, kebajikan sosial, pembangunan luar bandar dan pemuliharaan warisan negara dan budaya serta pengukuran dan pemantauan pelaksanaan program di sesuatu lokaliti. Platform ini turut membuka gerbang kepada para peserta mengikuti perkembangan inovasi terkini dan isu dalam libat urus komuniti serta meluaskan rangkaian dengan pelbagai organisasi.

InACE 2023 diadakan bermula 28 hingga 30 Ogos 2023, bertempat di Hotel Pullman Kuala Lumpur. Tema persidangan pada kali ini adalah *Synergizing MADANI: Collaborative Approach to Global Academic Community and Partnership Success*. InACE 2023 telah dihadiri oleh 235 orang peserta dari enam (6) buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Jepun, Bangladesh dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Pengisian program sepanjang tiga (3) hari persidangan meliputi dua (2) sesi ucaptama, dua (2) sesi ucapan plenary, dua (2) sesi forum, dua (2) sesi perkongsian dan “Perpustakaan Manusia”, 10 sesi simposium serta pameran poster ilmiah. Senarai ahli panel forum utama adalah:

- (i) YBhg. Datuk Suhaimi Sulaiman - Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia;
- (ii) YBhg. Dato' Prof. Dr. Aileen Tan Shau Hwai – Pengarah Eksekutif, Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN); dan
- (iii) Encik John-Son Oei – Pengasas dan CEO, Epic Collective.

InACE 2023 telah berjaya menghimpunkan sebanyak 130 program komuniti berimpak tinggi dengan perkongsian sebanyak 79 projek melalui simposium manakala 51 projek disampaikan secara pembentangan poster.

**Impak:**

Penglibatan aktif pelbagai pihak antaranya dari universiti, industri dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam dan luar negara telah dapat memberikan pendedahan kepada para peserta pengalaman dan maklumat yang meluas agar program-program menyantuni komuniti pada masa hadapan dapat dilaksanakan dengan lebih berimpak. Program ini juga membuka ruang dan peluang jaringan kerjasama dalam kalangan negara anggota yang menyertai InACE 2023.

Secara rumusannya, Persidangan InACE 2023 secara keseluruhannya berlangsung dengan jayanya dan menerima maklum balas positif dari peserta. Cadangan penambahbaikan yang diterima melalui penilaian peserta akan diambil kira untuk penganjuran pada masa akan datang.

# Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK)



# Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti

## 1. Pengenalan

Pendidikan Politeknik mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1969 dengan penubuhan Politeknik pertama iaitu Politeknik Ungku Omar (PUO) bawah Rancangan Malaysia Pertama (RMKe-1) bermula 1966 hingga 1970.

Sejak itu, evolusi Politeknik telah melalui beberapa fasa perkembangan bermula politeknik jenis konvensional iaitu politeknik yang menjalankan program merentasi pelbagai bidang seperti kejuruteraan, teknologi, perdagangan dan perkhidmatan. Sehingga kini, terdapat 36 Politeknik di seluruh negara iaitu tiga (3) Politeknik Premier, 28 Politeknik Konvensional dan lima (5) Politeknik METro.

Pada 5 Julai 2000, Jemaah Menteri telah mempertimbangkan konsep penubuhan dan pelaksanaan Kolej Komuniti di setiap kawasan Parlimen. Sebanyak 10 buah Kolej Komuniti rintis mula beroperasi pada pertengahan Jun 2001 dan dua (2) buah lagi pada bulan Disember 2001. Kini, bilangan Kolej Komuniti telah menjangkau 106 buah

di seluruh Malaysia. Sepanjang tempoh ini, pelbagai kejayaan telah dicapai oleh Politeknik Malaysia.

Secara keseluruhan, enam (6) fokus utama pencapaian politeknik yang boleh dibanggakan iaitu dalam aspek:

- 1.1. Governan;
- 1.2. Pelajar dan graduan;
- 1.3. Warga Politeknik;
- 1.4. Program pegajian;
- 1.5. Sinergi Politeknik dan Industri; dan
- 1.6. Penyelidikan dan inovasi.

Kesemua fokus ini memberi kesan yang signifikan kepada perkembangan Politeknik dan seterusnya mengorak langkah sebagai peneraju Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berdaya saing.

## 2. Visi

Menjadi Peneraju Institusi TVET Yang Unggul.

## 3. Misi

- 3.1. Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf;
- 3.2. Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat;
- 3.3. Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang; dan
- 3.4. Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.

# 4. Program Utama Tahun 2023

## 4.1. Majlis Peluncuran Transformasi Politeknik 2023-2035

Majlis Peluncuran Transformasi Politeknik 2023-2035 telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 4 Disember 2023 dan disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri (TPM), YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Kehadiran beliau turut diiringi oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

YAB TPM dalam ucapannya menyatakan bahawa peluncuran Transformasi Politeknik adalah merupakan satu manifestasi yang jelas, bahawa usaha mentransformasikan Politeknik adalah satu usaha yang serius dan berterusan. Pengajian di Politeknik bukan sahaja setara dan setanding dengan pengajian di universiti atau apa-apa IPT lain, sebaliknya Politeknik adalah institusi yang menawarkan pelbagai kelebihan dan kekuatan yang tersendiri yang perlu ditonjolkan secara besar-besaran dan meluas.

Dalam majlis sama turut diadakan penyerahan watikah kerjasama Badan Koordinasi Kerajaan-Industri (GITC) yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Haji Mohd Zahari Ismail adalah sebagai platform khusus yang akan merancakkan hubungan serta kerjasama kerajaan, industri dan institusi TVET.

Selain itu, YAB TPM turut menyaksikan pengumuman penubuhan *Reskilling and Upskilling Centre* (RUC) yang merupakan satu program latihan yang bakal dilaksanakan di 16 buah Politeknik kepada pihak industri bagi meningkatkan kemahiran serta kompetensi lebih 3,000 orang pekerja industri secara berperingkat agar kekal seiring dengan anjakan teknologi semasa.

Hadir sama pada majlis ini ialah Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT, YBhg. Dato' Dr. Megat Sany Megat Ahmad Supian; Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof. Dr. Azlinda Azman; serta Ketua-ketua Jabatan Kerajaan.

Transformasi Politeknik 2023-2030 yang bertemakan “Politeknik Unggul Pemacu Masyarakat Madani” dibangunkan untuk memperkuuh peranan Politeknik Malaysia. Politeknik Malaysia bakal menjadi sebuah institusi TVET yang bercirikan *TVET For All*, menawarkan program pengajian fleksibel berteraskan teknologi terkini serta relevan industri dan berupaya menyumbang kepada guna tenaga berkemahiran tinggi. Aspirasi daripada transformasi ini adalah untuk menyediakan modal insan yang holistik bagi menyokong agenda pembangunan ekonomi negara. Modal insan yang disediakan melalui:

- (i) Program-program pengajian TVET kepada pelajar lulusan SPM atau setaraf serta melepassi syarat kemasukan;
- (ii) Program Akreditasi Pengalaman Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) kepada pelajar tidak melepassi syarat kemasukan; dan
- (iii) Program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula melalui RUC kepada pekerja-pekerja industri yang menjadi sebahagian kepada agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).

Konsep *TVET For All* yang ditawarkan melalui program transformasi Politeknik ini bermatlamat untuk memberi peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan pendidikan dan latihan yang mampu meningkatkan pendapatan mereka seiring resolusi perindustrian. Guna tenaga sedia ada perlu sentiasa dilatih semula dan diberi peningkatan kemahiran dari semasa ke semasa agar mampu mendepani anjakan teknologi dan norma baharu dalam persekitaran industri yang dinamik.



Peluncuran disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi



Pelancaran Buku Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030

## 4.2. Majlis Pelancaran Asasi TVET

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah memperkenalkan program baharu yang dikenali sebagai Asasi TVET. Majlis pelancaran program Asasi TVET telah disempurnakan pada 4 Jun 2023 oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin di Majlis Penutup Jom Masuk U 2023 di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya (UM).

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPT, YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri Yusoff; Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof. Dr. Azlinda binti Azman; Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Haji Mohd Zahari Ismail; Penggerusi Lembaga Pengarah UM; YBhg. Tan Sri Zarina Anwar; Naib Canselor UM, YBhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor; serta pegawai-pegawai Kementerian yang lain.



Pelancaran Program Asasi TVET

Asasi TVET merupakan persediaan khusus bagi pelajar lepasan SPM untuk menyambung pengajian selama setahun di mana-mana lima (5) buah Politeknik rintis sebelum mereka menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

Lima (5) buah Politeknik yang menawarkan Asasi TVET ini adalah Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS), Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN), Politeknik Merlimau Melaka (PMM), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) dan Politeknik Ungku Omar (PUO). Manakala bagi universiti di bawah MTUN pula adalah terdiri daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).



Pendaftaran Kemasukan Pertama Program Asasi TVET

### 4.3. Majlis Persidangan Meja Bulat Bersama Majlis Penasihat Industri Politeknik (PIAC) 2023

Persidangan Meja Bulat bersama Majlis Penasihat Industri Politeknik 2023 yang bertemakan ‘Memperkasa Pembangunan Bakat TVET Masa Hadapan ke Arah Pekerjaan Bermakna dan Pendapatan Progresif’ telah diadakan pada 29 November 2023 di Hotel Sama-Sama, Sepang. Persidangan ini turut dihadiri oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato’ Seri Mohamed Khaled Nordin.

Acara tahunan yang mengumpulkan seramai 20 orang ketua industri ini bertujuan untuk memberi input dan cadangan berkaitan usaha memperkasakan bakat Politeknik Malaysia, seiring dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12).

KPT mensasarkan 95% graduan politeknik mendapat pekerjaan selepas enam (6) bulan tamat pengajian dan peningkatan peratusan graduan memperoleh pendapatan progresif. Bagi mencapai sasaran tersebut, terdapat lapan (8) inisiatif yang telah digariskan.



Persidangan Meja Bulat YB Menteri Pendidikan Tinggi Bersama PIAC

Antaranya objektif diadakan persidangan ini ialah memastikan Politeknik berperanan sebagai hab bakat pengetahuan dan kemahiran yang unggul menjelang tahun 2030, graduan mempunyai set kompetensi terkini yang dikehendaki industri dan memperluas *Structured Internship Program* (SIP).

Selain itu, ia juga merangkumi usaha memperkasa pelaksanaan *Work Based Learning* (WBL), ekosistem TVET dipacu oleh pihak industri melalui RUC, melakukan penanda aras dengan institusi TVET di luar negara serta memposisi Politeknik berpaksikan industri-industri utama dan berkapasiti besar.

Pelancaran Rancangan Hala Tuju Politeknik 2023-2030 bakal mengubah ekosistem TVET Malaysia sekali gus menjadikan evolusi Politeknik Malaysia membangunkan sumber negara yang kompeten dan berwibawa.

#### 4.4. Program Khas Perkasa PSH Komuniti MADANI

Kolej Komuniti adalah pusat kemahiran yang meningkat dan menjana pendapatan komuniti setempat melalui penyertaan di dalam kursus pendek di samping dapat memenuhi keperluan institusi untuk bersama-sama dalam menyantuni masyarakat setempat secara lebih dekat. Antara program yang dianjurkan adalah Program Khas Perkasa PSH Komuniti MADANI.

Program Khas Perkasa PSH Komuniti MADANI mampu meningkatkan kemahiran dan menjana pendapatan komuniti setempat melalui penyertaan di dalam kursus pendek disamping dapat memenuhi keperluan institusi untuk bersama-sama dalam menyantuni masyarakat setempat secara lebih dekat.



Program Khas Perkasa Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Komuniti Madani

Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin menyifatkan Kolej Komuniti harus menjadi saluran utama pengajian sepanjang hayat kepada semua. Hadir sama pada Majlis Penutup yang telah diadakan pada 22 Oktober 2023 di Dewan Muafakat Johor, Taman Pasak Indah, Kota Tinggi ini ialah Pengurus Jawatankuasa Penasihat KKKT, Puan Hajah Asiah Md Ariff; Timbalan Ketua Pengarah (Governan), JPPKK, Tuan Haji Kamaludin Daud mewakili Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti; Pengarah Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) merangkap Pengurus POLYCC Zon Johor, Tuan Haji Ulaimi Yahya; serta Pengarah KKKT, Encik Muhammad Shazwan Sazali.

Seramai 160 orang peserta yang terdiri daripada komuniti sekitar Kota Tinggi telah menyertai 11 kursus pendek yang bermula 9 September 2023 anjuran Kolej Komuniti Kota Tinggi (KKKT) dengan kerjasama JPPKK.

JPPKK turut menerima pengiktirafan daripada *The Malaysian Book of Records (MBOR)* pada 14 Oktober 2023 melalui *The Largest Participation Life-Long Learning Program Simultaneously* dengan penyertaan seramai 14,545 orang berjaya dicatatkan menerusi 542 kursus pendek yang ditawarkan oleh 92 Kolej Komuniti seluruh negara pada Karnival PSH Komuniti MADANI Tahun 2023 di Kuala Kangsar, Perak.

## 4.5. Majlis Ramah Mesra DYTM Tuanku Raja Muda Perlis Bersama Warga Politeknik Dan Kolej Komuniti

Program Ramah Mesra Bersama Warga Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Perbadanan Putrajaya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) serta Education Malaysia Global Services (EMGS).

Turut serta pada majlis ini ialah mantan Pengerusi DRB-HICOM, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Mohamad Kamil Jamill; mantan Timbalan Ketua Setiausaha KPT, YBhg. Dato' Kamel Mohamad; Mantan Ketua Pengarah JPPKK, YBhg. Dato' Amir Md Noor; mantan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, YBhg. Datuk Abang Sallehuddin Abang Shokeran; Pengerusi Pusat Dagangan Dunia (WTC), YBhg. Dato' Sri Dr. Irmohizam Ibrahim; Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Malaysia Berhad, YBhg. Dato' Muazam Mohamed; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MQA, YBrs. Prof. Ir. Dr. Khairul Salleh Mohamed Sahari; serta Pengarah-pengarah POLYCC.

Objektif utama penganjuran majlis ini adalah untuk merapatkan hubungan antara DYTM Tuanku bersama rakyat jelata menerusi pengisian program ramah mesra di setiap hentian terpilih melalui aktiviti kayuhan basikal bersama warga POLYCC dengan mengelilingi sekitar Putrajaya sejauh 15 kilometer.

DYTM Tuanku juga telah berkenan menyaksikan sesi penyampaian sumbangan 10 bakul makanan yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid kepada para Pengawal Keselamatan Masjid Putra, Putrajaya.

Seterusnya, DYTM Tuanku bersama-sama 111 warga POLYCC meneruskan kayuhan ke Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK), Presint 8 bagi sesi beramah mesra dan melihat aktiviti Kursus Pendek di bawah kelolaan Kolej Komuniti Hulu Langat (KKHL) dan Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) yang dijalankan dan disertai oleh Persatuan Warga Emas Putrajaya dan Persatuan Orang Kurang Upaya Putrajaya.

Turut diadakan adalah penyerahan buku hasil sumbangan warga POLYCC kepada pihak PPK yang disampaikan oleh, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti sambil disaksikan oleh DYTM Tuanku.

DYTM Tuanku mengakhiri sesi kayuhan di Galeria PjH dan seterusnya berkenan mendengar sesi sembah taklimat pengurusan JPPKK yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, selain beramah mesra bersama warga POLYCC yang hadir.



Majlis Ramah Mesra DYTM Tuanku Raja Muda Perlis Bersama Warga POLYCC

## 4.6. Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri Dan Anugerah Tokoh Mahir 2023

Pasukan POLYCC atas kejayaan meraih satu (1) pingat emas, empat (4) pingat perak dan satu (1) pingat gangsa di *WorldSkills Malaysia Pengajar* (WSMP) dan *WorldSkills Malaysia Belia* (WSMB) 2023.

Penyampaian pingat telah disampaikan oleh Menteri Sumber Manusia, YB Tuan V. Sivakumar dan turut diserikan lagi dengan kehadiran Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menyempurnakan Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri dan Anugerah Tokoh Mahir 2023 pada 23 November 2023 di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC).

YAB Perdana Menteri ketika berucap berkata kejayaan lulusan TVET bukan sahaja diukur dari segi kebolehpasaran sahaja, malah ia turut diukur melalui penyertaan dan pencapaian mereka dalam pertandingan kemahiran, sama ada diperingkat kebangsaan, serantau dan dunia.

Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri merupakan manifestasi Kerajaan bagi mengiktiraf individu yang cemerlang dalam Pertandingan Kemahiran *WorldSkills* Malaysia tahun 2023.

Anugerah Tokoh Mahir pula merupakan satu pengiktirafan kepada individu dan organisasi yang diwakilinya berperanan dalam memartabatkan latihan kemahiran dan sesuai dijadikan lima (5) ikon serta sumber inspirasi kepada mereka yang berkecimpung dalam latihan kemahiran.

Kejayaan dan pengiktifaran diperolehi adalah seperti berikut:

### (i) WSMP

- (a) Pingat Perak - *Drone Operating* (Demo)  
Wong Wei Ming  
Politeknik Port Dickson
- (b) Pingat Perak - *Mobile Application Development* (Demo)  
Nurhidayah Mokhtar  
Politeknik Sebarang Perai

### (ii) WSMB

- (a) Pingat Emas - *Patisserie and Confectionery*  
Che Safara Che Harun  
Kolej Komuniti Baling
- (b) Pingat Perak - *Floristry*  
Nur Adiba Husna Mohd Rozaimi  
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
- (c) Pingat Perak - *Restaurant Service*  
Fan Yee Wei  
Langkawi Tourism Academy @ Kolej Komuniti Langkawi
- (d) Pingat Gangsa - *Patisserie and Confectionery*  
Mohammad Farhan Hakim Mohammad Farok  
Kolej Komuniti Baling

**(iii) International Abilympics Skills Competition 2023**

- (a) Pingat Perak - *Painting and Waste Reuse*  
Nur Amiratul Farahin Ab. Rahman  
Politeknik Ibrahim Sultan
- (b) Pingat Gangsa dan Medallion For Excellence - *Restaurant Service*  
Muhammad Hanif Naufal Mohd Mazni  
Kolej Komuniti Selayang
- (c) Pingat Gangsa - *Cake Decoration*  
Wan Muhammad Hafizunif Wan Roslan  
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

**(iv) Medallion For Excellence, WorldSkills ASEAN Singapore 2023**

Ameer Shah Abdul Halim Shah  
Politeknik Muadzam Shah



Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri dan Anugerah Tokoh Mahir 2023

## 4.7. Penganjuran 16th FIRA Malaysia Cup 2023

16th FIRA Malaysia Cup 2023 telah berlangsung mulai 8 hingga 12 Mei 2023 di Politeknik Seberang Prai (PSP) dengan lapan (8) kategori dipertandingkan iaitu *Simurosot, Air Drone, AndroSot, Robosot, MyBot, Hurocup, Ai Bot dan Business and Innovation*.

Perasmian Pembukaan disempurnakan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Hadir bersama ialah Pengurus Jawatankuasa Induk 16th FIRA Malaysia Cup 2023, Encik Mohd Noor Shahudin dan Pengarah PSP, Sr. Harith Fadzilah Abd Khalid merangkup tuan rumah kejohanan. Turut hadir Pengarah-Pengarah Bahagian JPPKK dan Pengarah-pengarah POLYCC.

Matlamat utama FIRA atau *Federation of International Robot - Sport Association* diadakan adalah bagi mengembangkan minat terhadap sains dan teknologi robot dalam kalangan generasi muda dan masyarakat umum melalui pertandingan *robot soccer* selain merupakan satu inisiatif antarabangsa untuk memperkenalkan bidang *Autonomous Robot* dan menyumbang kepada kemajuan teknologi terkini.

Kejohanan ini berjaya melibatkan penyertaan seramai 320 orang pelajar bersama 133 orang Pensyarah pengiring daripada 21 Politeknik dan dua (2) Kolej Komuniti. Lapan (8) kategori utama dan 23 sub kategori telah dipertandingkan bermula 9 Mei 2023.



16th FIRA Malaysia Cup 2023

## 4.8. Anugerah Akademia POLYCC 2023 (AA POLYCC 2023)

Bersempena dengan Sambutan Hari Akademia yang disambut pada setiap 5 Oktober dan Bulan Akademia sepanjang bulan Oktober pada setiap tahun, JPPKK telah menganjurkan AA POLYCC 2023 pada 24 Oktober 2023 dan telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC).

AA POLYCC 2023 disambut bagi menghargai sumbangan, pencapaian, jasa keilmuan serta pemikiran terkehadapan para pendidik dari politeknik dan kolej komuniti dalam usaha melonjakkan pendidikan tinggi negara ke tahap global selari dengan tema "Akademi Pemacu Malaysia Madani" yang dilancarkan di peringkat kebangsaan.

Senarai 11 kategori AA POLYCC 2023 adalah seperti berikut:

- (i) Anugerah Ikon Sukarelawan;
- (ii) Anugerah Ikon Kokurikulum;
- (iii) Anugerah Mentor Keusahawanan;
- (iv) Anugerah Pembelajaran dan Pengajaran (PdP);
- (v) Anugerah Penyelidikan dan Inovasi;
- (vi) Anugerah Penerbitan;
- (vii) Anugerah PSH;
- (viii) Anugerah Ikon Kolaborasi;
- (ix) Anugerah Pensyarah Harapan;
- (x) Anugerah Pensyarah Cemerlang; dan
- (xi) Anugerah Tokoh Akademia TVET.



Anugerah Akademia POLYCC

## 4.9. Thailand Ultimate Chef Challenge @TUCC 2023

Kejayaan gemilang Kolej Komuniti Chenderoh Perak dengan kemenangan KKCP Culinary Team di pertandingan terbesar Asia, *Thailand Ultimate Chef Challenge @TUCC 2023* yang telah berlangsung pada 23-27 Mei 2023. Pertandingan berprestij ini disertai lebih 700 peserta dari 10 negara dan telah diadili oleh juri-juri yang telah diiktiraf oleh *World Association Of Chef*.

Pasukan yang diketuai oleh Pensyarah utama Program Kulinari, Puan Khairul Ashikhin Abdullah Suhami bersama empat (4) orang pelajar *Diploma in Culinary Arts* telah membawa pulang lima (5) pingat perak, lima (5) pingat gangsa, empat (4) Diploma dan satu (1) Sijil dari 15 kategori yang telah disertai.

Selain itu, Puan Khairul Ashikhin juga telah dinobatkan sebagai *Best Ultimate Chef Award Professional Chef* dan beliau membawa pulang bersama sebuah trofi dan wang tunai 10,000 bht. Beliau juga merupakan Duta *Malaysia Lambassador 2023* lantikan dan pemilihan oleh Meat & Livestock Australia (MLA) sempena *Australian Lambassador Induction Program to Melbourne, Victoria, Australia*.

Pertandingan berprestij di peringkat antarabangsa ini dapat membangunkan jati diri warga POLYCC yang holistik dan seimbang serta menyumbang kepada masyarakat dan negara. Kejayaan ini telah mempersadakan POLYCC di peringkat antarabangsa dan membuktikan pendidikan TVET POLYCC bertaraf global.



Pensyarah utama Program Kulinari, Puan Khairul Ashikhin Abdullah Suhami sebagai Duta *Malaysia Lambassador 2023*



*Thailand Ultimate Chef Challenge*

#### **4.10. Simposium TVET Sempena 8th Global Higher Education Forum 2023 (GHEF2023)**

JPPKK dengan kerjasama Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) Universiti Sains Malaysia (USM) telah menganjurkan Simposium TVET bertemakan *Pandemic Aftermath: Disability Inclusion and Equitable Quality Education in TVET Ecosystem* pada 17 November 2023 di Movenpick Hotel and Convention Centre, KLIA dan disempurnakan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Simposium TVET yang diadakan bersempena dengan penganjuran GHEF2023 oleh KPT ini bertujuan untuk menyediakan platform bagi pihak yang berkepentingan untuk berkongsi pengetahuan, kemajuan, dan berbincang tentang pemikiran dan idea inovatif serta akses kepada pendidikan TVET kepada Orang Kurang Upaya (OKU), orang yang kurang berkemampuan, orang asli dan masyarakat pedalaman.

Selain itu, GHEF2023 juga bertujuan menggalakkan kerjasama dan peluang kolaborasi di kalangan pihak yang berkepentingan dalam pendidikan TVET dalam menyediakan prasarana pendidikan dan peluang pekerjaan kepada OKU di Malaysia.

Simposium TVET kali ini juga telah menampilkan pakar-pakar tempatan dan antarabangsa bagi membincangkan isu dengan lebih spesifik berkaitan TVET, dalam kalangan OKU yang sangat terkesan selepas pandemik COVID-19.

Pelaksanaan GHEF2023 juga akhirnya telah berjaya membina jaringan kerjasama akademik dan kolaborasi strategik berkongsi pengetahuan, kemajuan, dan berbincang tentang pemikiran dan idea inovatif serta akses kepada pendidikan TVET kepada golongan rentan.



Simposium TVET Sempena 8th Global Higher Education Forum 2023

#### **4.11. ASEAN Summit On Education And Skills (ASES) 2023 Kerjasama Dengan Presidency University, India**

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti telah bertemu dengan Naib Canselor Presidency University, Dr. D. Subhakar pada 19 Oktober 2023 ketika menghadiri ASEAN Summit on Education and Skills (ASES) 2023 yang diadakan di Bengaluru, India.

Melalui pertemuan ini, JPPKK berusaha untuk memperluaskan kerjasama antarabangsa bersama *Presidency University*, India khususnya bagi memperkasa TVET.

Kedua-dua pihak telah bersetuju untuk bekerjasama dalam aspek pertukaran pelajar, penyelidikan, bahasa dan budaya serta kerjasama industri. Sebelum itu, *Presidency University* juga telah pun mempunyai hubungan erat dengan beberapa buah universiti awam dan swasta di Malaysia dan berbesar hati memperluaskan lagi kerjasama dengan pihak Politeknik dan Kolej Komuniti terutamanya dalam bidang teknologi digital.

Melalui ASES 2023 yang merupakan persidangan yang menghimpunkan Menteri dan pegawai kanan sektor pendidikan dan kemahiran dari seluruh dunia telah berjaya membawa pelbagai isu untuk dibincangkan termasuklah keciran pelajar, kos pengajian, kebolehpasaran dan gaji.

Delegasi Malaysia turut disertai Pengarah Bahagian Kordinasi TVET JPPKK, YBrs. Dr. Norhayati Ibrahim dan Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Hubungan Antarabangsa, KPT, Puan Noorfazlina Mohd Shahid.



ASES 2023

# Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)



# Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi

## 1. Pengenalan

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), ditubuhkan pada tahun 2008 sebagai satu “usaha untuk menyediakan dan menonjol potensi pemimpin masa hadapan yang bakal menerajui IPT awam dan swasta Malaysia” (Perkara 8, MJM 1 November 2006). Selaras dengan slogan *Shaping Minds, Building Leaders*, AKEPT berfungsi menyediakan inisiatif pembangunan kepimpinan untuk pemimpin institusi pengajian tinggi melalui pelbagai kaedah dan pendekatan.

Sehingga kini, AKEPT terus berusaha dalam peranan aktifnya membentuk landskap pendidikan tinggi di Malaysia terutamanya dalam dua bidang utama iaitu kepimpinan akademik dan kepimpinan institusi. Kemuncaknya adalah untuk memperkuatkan dan menyokong strategi holistik untuk transformasi pendidikan tinggi di Malaysia bagi merealisasikan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), yang jelas menggariskan keperluan untuk membangunkan bakat kepimpinan pendidikan tinggi semasa dan masa depan.

## 2. Visi

Menjadi akademi rujukan utama dalam kepimpinan pendidikan tinggi.

## 3. Misi

Membangunkan pemimpin melalui inisiatif kepimpinan yang holistik ke arah kecemerlangan pendidikan tinggi.

## 4. Fungsi

- 4.1. Menginstitusikan pengurusan bakat kepimpinan berdasarkan kompetensi yang komprehensif;
- 4.2. Merancang dan melaksanakan program pembangunan berdasarkan AKEPT *Leadership Framework*; dan
- 4.3. Mewujudkan platform perkongsian pengetahuan dan menjadi landasan bagi pemikir dalam kepimpinan pendidikan tinggi.

# 5. Program Utama Tahun 2023

## 5.1. *The Royal Address: Shaping University Leadership for the 21st Century Higher Education | 8 Februari 2023 | Kuala Lumpur*

Penceramah terhormat utama bagi Program *The Royal Address* ini ialah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah. Program ini ialah salah satu wadah bagi titah baginda dizahirkan berkaitan kepentingan mengukuhkan kepimpinan bagi menghadapi cabaran semasa dengan melihat semula aspek kepimpinan dari segi tadbir urus, fungsi teras termasuk strategi, kewangan, prestasi dan sebagainya.

Sultan Perak yang juga Canselor Universiti Malaya, DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah telah berkenan untuk mencemar duli bagi menyampaikan Titah Diraja bertajuk "Shaping University Leadership for The 21st Century Higher Education" dalam program ini yang telah dianjurkan oleh AKEPT dan Universiti Malaya (UM).

Mengiringi keberangkatan baginda ialah Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Mohammad Yusof Haji Apdal; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT, YBhg. Dato' Dr. Megat Ahmad Sany Megat Supian; Naib Canselor UM, YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor; serta Pengarah AKEPT, YBhg. Dato' Prof. Dr. Nasrudin Mohammed.



Titah Perasmian oleh DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah



Sesi bergambar bersama DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah



Ramah mesra bersama DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah



Tetamu kehormat yang hadir

Dalam titahnya, Sultan Nazrin telah mencadangkan empat (4) kunci kejayaan bagi Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) mengharungi cabaran abad ke-21. Pertama, kejayaan IPT bukan sahaja merekrut pelajar cemerlang tapi juga mengekalkan dan melengkapi mereka untuk bersaing di pasaran global; kedua, fakulti-fakulti di IPT perlu tingkatkan kualiti untuk hasilkan kajian bermutu tinggi dan komited dalam menyampaikan ilmu; ketiga, kewangan IPT mestilah kukuh dengan persekitaran kampus yang mampan; dan keempat, IPT perlu mempunyai visi yang terbaik bagi membina kesetiaan dan kesediaan para alumni untuk kembali berbakti dan berbudi.

Baginda turut menyeru IPT untuk memperkasakan minda para siswazah dengan subjek kemanusiaan yang pada pandangannya bukan sahaja mampu melahirkan graduan berkepakaran tinggi malah turut mempunyai kearifan untuk menghalakan kepakaran mereka kepada sesuatu yang produktif dan bermanfaat untuk umat manusia sejagat.

## 5.2. Program Suai Tugas Strategik Ahli Lembaga Pengarah Universiti Awam (SOfBoD)

KPT melalui AKEPT dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menganjurkan Program SOfBoD pada 9 Mei 2023 di Dewan Za'ba, KPT, Putrajaya. Program SOfBoD bertujuan untuk memperkasakan kepemimpinan Universiti Awam dan juga sebagai usaha untuk mengharmonikan peranan Lembaga Pengarah Universiti Awam (LPUA) dan Pengurusan Universiti.

Program ini telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin dan turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal serta pengurusan tertinggi KPT. Turut hadir juga adalah Pengerusi dan Ahli LPUA.

Melalui program ini, Menteri Pendidikan Tinggi telah berkongsi hasrat dan harapan mengenai pendidikan tinggi dan mewujudkan komunikasi dua hala antara Menteri Pendidikan Tinggi bersama Pengerusi dan Ahli LPUA yang hadir.

Selain itu, pendedahan berkaitan peranan, fungsi dan tanggungjawab LPUA melalui sesi perkongsian dan forum oleh penceramah serta ahli panel tersohor dalam ekosistem pendidikan tinggi turut diadakan.



Dalam program ini juga, Modul “Vice Chancellor Executive Coaching (VCEC)” turut dilancarkan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi. Modul ini akan digunakan oleh para pembimbing (coach) dalam mengendalikan sesi coaching kepada Naib Canselor yang dipilih.



Sekitar Program SOfBoD


### 5.3. Persidangan: *Empowering Diversity In Leadership: Navigating Complexities, Embracing Differences* | 6-7 September 2023 | UMS

Pada 6 dan 7 September 2023, AKEPT dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Invest Sabah Berhad telah menganjurkan persidangan bertajuk “*Empowering Diversity in Leadership: Navigating Complexities, Embracing Differences*”. Bertempat di Sabah International Conference Centre (SICC), Kota Kinabalu Sabah, program ini telah menyaksikan penyertaan daripada pemimpin akademik, ahli fakulti dan pentadbir, serta pihak pemegang taruh yang berminat untuk mempromosikan kepelbagaian dan keterangkuman dalam konteks akademia. Program ini telah mengetengahkan perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik dalam kalangan institusi berkaitan pelaksanaan inisiatif kepelbagaian terkemuka.

Persidangan ini juga menjadi platform untuk memberi pemahaman yang jelas kepada para peserta berkaitan kepelbagaian dan keterangkuman dalam organisasi dari perspektif yang lebih luas.

Ucapan aluan persidangan telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Hj. Mohammad Yusof Apdal. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Negeri Sabah, YB Tuan Phoong Jin Zhe.





Sekitar Perasmian Pesidangan *Empowering Diversity In Leadership : Navigating Complexities, Embracing Differences*

Panel pembentang program



Peserta dan panel jemputan program

## 5.4. Program Kelestarian Pendapatan Universiti Melalui Integrasi Zakat, Wakaf dan Endowmen (IZaWEn)

AKEPT dengan kerjasama JPT, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah berpadu tenaga sebagai pengajar bersama bagi Program IzaWEn. Program ini bertujuan untuk memberi tumpuan kepada peningkatan kompetensi Pengarah dan Timbalan Pengarah IPT kepada pengurusan zakat, wakaf dan endowmen. Program ini telah disempurnakan oleh Tunku Besar Seri Menanti, YAM Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz, pada 7 November 2023 (Selasa) di USIM, Negeri Sembilan.

Objektif utama program ini adalah untuk:

- (i) meningkatkan kecekapan dalam pengurusan zakat, wakaf dan endowmen di universiti;
- (ii) mengaplikasikan pengetahuan tentang strategi pendanaan zakat, wakaf, dan endowmen;
- (iii) meningkatkan kemahiran pengurus zakat, wakaf, dan endowmen di universiti; dan
- (iv) meningkatkan pemahaman mengenai zakat, wakaf, dan endowmen serta potongan cukai berkaitan dalam kalangan universiti.



Titah perasmian YAM Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz



Penerangan kepada YAM Tunku berkenna pengisian program

Program ini juga telah merealisasikan aspirasi Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, yang digariskan dalam Perutusan Tahun Baharu 2023 pada 30 Januari 2023. Aspirasi ini selaras dengan hala tuju strategik KPT di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), yang bertujuan untuk memberi lebih autonomi kepada Universiti Awam (UA) yang secara tidak langsung akan membantu mengurangkan kebergantungan kewangan institusi tersebut kepada Kerajaan.

Dalam konteks inovasi kewangan, UA di Malaysia dikehendaki meningkatkan sumber pendapatan tambahan sebagai alternatif sebagai usaha menjadikan UA lebih fleksibel, kukuh, dan mampan. Sementara itu, peluang yang luas turut diberikan kepada IPT untuk menjalinkan kerjasama dengan industri demi kebaikan bersama.

Dalam program yang sama, Modul IZaWEEn dan Modul Majlis Wakaf, Endowmen, dan Zakat Universiti Awam (MAWEZ) telah dirasmikan. Turut hadir sama dalam Majlis Perasmian ialah, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal. Program ini telah disertai oleh 176 peserta daripada UA, universiti swasta, Jabatan dan Agensi di bawah KPT.



Pelancaran modul IZaWEEn oleh YAM Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz



Sesi bergambar YAM Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz bersama tetamu kehormat yang hadir

## 5.5. AKEPT Global Series: Skills for the Workforce of the Future

AKEPT dengan kerjasama Universiti Malaya (UM) dan Talent Corporation Malaysia Berhad (Talent Corp) telah menjayakan program AKEPT *Global Series: Skills for the Workforce of the Future* pada 9 dan 10 Ogos 2023 yang lalu. Program ini telah dihadiri oleh 300 peserta terdiri daripada pemimpin dan pentadbir universiti, industri dan majikan dari pelbagai sektor, penggubal dasar serta penyedia pendidikan dan pelajar.

Objektif program ini ialah untuk memupuk kesedaran dan membuka minda dan pandangan peserta tentang perubahan terhadap permintaan tenaga kerja masa hadapan serta tindakan yang boleh diambil untuk memenuhi keperluan dalam mengurangkan jurang kompetensi agar sesuai dengan pasaran kerja.



Ucapan perasmian oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi



## 5.6. Top Executive Programme (TEP)

AKEPT dengan kerjasama UM telah berjaya menganjurkan *Top Executive Programme (TEP)* Kohot 3 mulai 10 hingga 14 Julai 2023 di University of Cambridge, United Kingdom (UK). 40 orang peserta dalam kalangan Pendaftar, Bendahari, Pengurus Sumber Manusia dan Pengurus Kewangan dari Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), UA dan universiti swasta telah mengikuti program ini. Turut serta dalam program ini adalah wakil daripada KPT, JPT dan Education Malaysia London.

Melalui program ini, peserta didedahkan dengan strategi dan kaedah untuk menjamin kemampunan kewangan melalui kepelbagaian sumber hasil dan tadbir urus yang berkesan. Peserta juga didedahkan dengan contoh tadbir urus terbaik yang disampaikan oleh Prof. David Cardwell, FREng, Pro Naib Canselor (Strategi dan Perancangan), University of Cambridge. Di samping tu, peserta juga dapat membina jaringan kerjasama strategik antara peserta dan wakil yang hadir pelbagai universiti dan jabatan.

Majlis Penutupan program telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan, AKEPT, Prof. Madya Dr. Azila Ahmad Sarkawi pada 14 Julai 2023.



Peserta bersama sijil penyertaan program

Majlis Penutupan oleh Timbalan Pengarah AKEPT



Antara peserta yang terpilih untuk menyertai program

## 5.7. Siri Kecemerlangan Pengurusan Bakat *Talent Management for Excellence (TaME) Series*

Siri Kecemerlangan Pengurusan Bakat atau lebih dikenali sebagai *TaME* adalah sebuah program bitara AKEPT di bawah inisiatif Pusat Pengurusan Bakat dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMPSA) & UMP Advanced yang telah dilaksanakan sejak tahun 2018.


Program ini khusus dibangunkan bagi membantu pengurusan bakat dan latihan UA berdasarkan set kompetensi tertentu dalam mendokong usaha Kementerian memperkasakan kepimpinan dan bakat UA. Inisiatif seperti ini adalah sangat bertepatan dalam membantu KPT merealisasikan perancangan untuk Kecemerlangan Bakat di bawah Lonjakan 2, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Program ini merupakan suatu inisiatif *upskilling* dan *reskilling* pegawai universiti dalam mendepani cabaran baharu dalam pengurusan bakat. Adalah menjadi satu keperluan kepada semua rakan kolaborasi AKEPT untuk mempelajari konsep dan metodologi pengurusan bakat berdasarkan kompetensi dalam menyokong pembangunan kakitangan dan pegawai (staf) secara berstruktur seterusnya membentuk budaya kerja yang lebih berdaya saing di organisasi masing-masing.

Sebagai nilai tambah kepada penyertaan program *TaME* ini, peserta yang telah menepati syarat-syarat dan jam kredit/ jam pertemuan yang ditetapkan akan menerima pentaulahan oleh UMP Advanced di bawah inisiatif pembelajaran sepanjang hayat dengan *Professional Diploma in Competency Based Talent Management*. Antara pelaksanaan program pada 2023 adalah seperti berikut:

### 5.7.1. Pengurusan Bakat Untuk Kecemerlangan (*TaME*) Siri 2022-2023

AKEPT dan UMPSA telah berjaya menganjurkan Modul 8 *TaME* siri 2022-2023, bertajuk ‘Membina Satu Ekosistem Perancangan Penggantian Berasaskan Kompetensi’. Modul dua hari ini telah disampaikan secara atas talian oleh Encik Azizi Ismail (UPM) dan Encik Muhammad Tasyrif Ghazali (UMPSA) pada 6 dan 7 Mac 2023, melalui aplikasi Zoom.



Sesi *TaME* yang dilaksanakan dalam talian

### **5.7.2. TaME Series 2023-2024 : Cohort 5**

Modul 1: Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi dalam Pengurusan Sumber Manusia Strategik oleh Prof. Madya Dr. Yazrina Yahya (Universiti Kebangsaan Malaysia - UKM) dan Dr. Zurina Abdul Ghani (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia - UIAM).



Ceramah yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Yazrina Yahya dari UKM

Modul 5: Penilaian Kendiri Tingkah Laku oleh Encik Mujab Sungip (Matiin Consultancy Sdn. Bhd.), Puan Siti Sakinah Mohtar dan Encik Mohd Izzat Shafie @ Mohd Alias (Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah - UMPSA).



Peserta TaME yang hadir pada 18 dan 19 November 2023

## 5.8. Seoul International Invention Fair 2023 (SIIF 2023)

Di bawah inisiatif AKEPT Competency Excellence (ACE), AKEPT terus mencipta kejayaan apabila telah meraih dua (2) pingat di Pameran Ciptaan Antarabangsa, Seoul 2023 yang telah diadakan pada 1 hingga 4 November 2024 di COEX Korea Exhibition Center, Seoul, Korea:

- (i) *Silver Prize* (SIIF 2023); dan
- (ii) *Special Prize* dari negara Vietnam melalui *Vietnam Fund for Supporting Technological Creations* (VIFOTEC).

Pameran Reka Cipta Antarabangsa Seoul (SIIF) ini dianjurkan oleh Korea Invention Promotion Association (KIPA) dan diselia oleh Pejabat Harta Intelek Korea (KIPO) bagi menjaga kepentingan dan kredibiliti program ini. Berfungsi sebagai platform utama untuk pertukaran, promosi dan perlindungan harta intelek, pameran yang diadakan pada setiap tahun ini merupakan acara penting dalam dunia inovasi dan paten di bawah penganjuran pameran antarabangsa. Tahun ini menyaksikan 500 pencipta dari 26 buah negara bertanding untuk mendapat pengiktirafan.

AKEPT telah mempertaruhkan inovasi sistem UniLeaD 2.0 yang dibangunkan untuk menyediakan AKEPT dengan pelbagai pilihan dalam mengurus data bakat kepimpinan institusi pendidikan tinggi termasuk perkara-perkara yang melibatkan penilaian, latihan dan pembangunan bakat menggunakan PHP dan MySQL sebagai pangkalan data. Sistem ini juga menggunakan jQuery dan Bootstrap yang dapat membantu pengguna (AKEPT) menyesuaikan penggunaan peranti semasa untuk memaparkan dan mengurus kandungan. Pada masa ini UniLeaD dihoskan secara lokal di AKEPT, dengan dua (2) pelayan bertindak sebagai pelayan utama dan pelayan sandaran (sistem dan pangkalan data).



Poster SIIF 2023



Sesi penerangan kepada juri pertandingan



Penyerahan pingat *Special Prize* dari negara Vietnam melalui *Vietnam Fund for Supporting Technological Creations* (VIFOTEC) dan *Silver Prize* (SIIF 2023)

# Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)



# Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

## 1. Pengenalan

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merupakan salah sebuah agensi yang bernaung di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. PTPTN telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 1997 dan memulakan operasinya pada 1 November 1997.

## 2. Fungsi

Sebagai sebuah agensi tabung pendidikan tinggi negara, PTPTN memainkan peranan penting dalam mendukung hasrat Kerajaan untuk memastikan kelestarian pendidikan tinggi. Fungsi dan peranan PTPTN ialah:

- 2.1. Menguruskan pinjaman untuk tujuan pendidikan tinggi dan seterusnya memungut bayaran balik pinjaman;
- 2.2. Menyediakan skim simpanan dan mengurus deposit untuk tujuan pendidikan tinggi; dan
- 2.3. Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberikan kepada PTPTN oleh mana-mana undang-undang bertulis.

## 3. Visi

Menjadi peneraju tabung pendidikan tinggi negara.

## 4. Misi

Menguruskan dana simpanan dan pinjaman secara efektif berlandaskan tadbir urus yang cemerlang, berintegriti dan strategik.

## 5. Objektif

Membuka peluang masa depan yang lebih cemerlang menerusi manfaat dan nilai tambah yang diperoleh daripada pendidikan tinggi.

## 6. Moto

Peluang Kejayaan Anda.

## 7. Pencapaian Utama Tahun 2023

Bagi tahun 2023, sebanyak 168,509 pinjaman telah diluluskan dengan jumlah kelulusan pinjaman (peruntukan) sehingga peminjam tamat pengajian sebanyak RM3.98 bilion. Ini menjadikan keseluruhan pinjaman yang diluluskan oleh PTPTN bagi tempoh 1997 sehingga 2023 sebanyak 3,951,404 pinjaman dengan jumlah kelulusan pinjaman (peruntukan) sehingga peminjam tamat pengajian sebanyak RM93.40 bilion.

Daripada segi kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan, sebanyak RM2.91 bilion telah dikutip, iaitu pencapaian 83.25% daripada sasaran KPI tahun 2023 sebanyak RM3.5 bilion. Manakala bagi jumlah deposit Simpan SSPN bagi tahun 2023 pula, sebanyak RM3.15 bilion telah diterima, iaitu pencapaian 98.34% berbanding sasaran sebanyak RM3.2 bilion. Jumlah keseluruhan deposit ini merangkumi deposit Simpan SSPN Prime berjumlah RM2,818.60 juta dan Simpan SSPN Plus berjumlah RM328.26 juta.

Dalam usaha meningkatkan bayaran balik pinjaman, PTPTN turut melaksanakan pelbagai kempen dengan menawarkan pelbagai hadiah yang menarik dan lumayan bagi menarik minat peminjam membuat bayaran balik pinjaman. Pada tahun 2023, PTPTN telah melaksanakan kempen yang memberi fokus bagi menggalakkan bayaran balik pinjaman secara dalam talian, selari agenda pendigitalan PTPTN. Antara kempen yang telah dilaksanakan ialah:

- (i) *Fantastic Duo: Pay & Win*;
- (ii) MyPTPTN, Pay2Win!; dan
- (iii) JomPAY & Win 2023.

Selain itu, pelbagai inisiatif serta kempen turut dilaksanakan dalam merancakkan misi penabungan seterusnya mendorong prestasi cemerlang deposit Simpan SSPN. Antara kempen promosi penabungan yang dilanjurkan sepanjang tahun 2023 ialah:

Pelancaran Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023:

- (i) Kempen Cabutan Siri WOW! Gong Xi Ang Pow 2023;
- (ii) Kempen Cabutan Siri WOW! Syoknya Raya 2023;
- (iii) Kempen Cabutan Siri WOW! Merdeka 2023;
- (iv) Kempen Cabutan Siri WOW! Superheroes;
- (v) Kempen Cabutan Siri WOW! Y.E.S 2023; dan
- (vi) Program Bulan Menabung Simpan SSPN 2023.

# 8. Program Utama Tahun 2023

## 8.1. Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023

Program Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) telah dianjurkan oleh PTPTN semenjak tahun 2018 lagi. Program ini merupakan program *signature* PTPTN bagi memupuk amalan penabungan dan mempromosikan Simpan SSPN sebagai produk penabungan pilihan utama untuk masyarakat Malaysia.

Program ini diadakan sempena sambutan Hari Tabungan Sedunia (*World Savings Day*) yang disambut pada 31 Oktober setiap tahun.

Program BMS 2023 diadakan selama sebulan iaitu mulai 1 Oktober 2023 hingga 31 Oktober 2023 di peringkat nasional dan negeri. Siri jelajah turut dilaksanakan di seluruh negara dan dimeriahkan dengan penganjuran pelbagai aktiviti yang menarik dan berinformatif kepada para pelanggan PTPTN.

Majlis perasmian peringkat nasional diadakan di Sunway Velocity Mall, Selangor. Siri jelajah peringkat zon turut diadakan melibatkan Zon Borneo, Zon Timur, Zon Selatan dan Zon Utara. Majlis penutup BMS 2023 turut diadakan di Kuala Lumpur pada 29 Oktober 2023.

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai. BMS 2023 mencatat kejayaan dengan terimaan deposit Simpan SSPN berjumlah RM228.8 juta atau 104% berbanding sasaran awal sebanyak RM220 juta.

Program ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang sebagai program tahunan PTPTN dalam membudayakan amalan penabungan secara lebih meluas.



Sekitar aktiviti BMS 2023



Jelajah BMS Zon Selatan



Jelajah BMS Zon Timur



Jelajah BMS Zon Utara

## 8.2. Larian Jubli Perak PTPTN

Larian Jubli Perak PTPTN merupakan program yang julung - julung kali diadakan oleh PTPTN sebagai acara penutup sempena Sambutan Jubli Perak 25 Tahun PTPTN.

Penganjuran program ini bertujuan untuk meraikan 25 tahun penubuhan PTPTN bersama segenap lapisan masyarakat, mempromosikan gaya hidup sihat, menyemarakkan semangat kesukaran yang tinggi sekali gus meningkatkan imej positif PTPTN sebagai sebuah agensi di bawah KPT.

Larian Jubli Perak ini diadakan pada 19 Februari 2023 di Anjung Floria, Putrajaya dan bermula seawal pukul 7.30 pagi. Program berkonsepkan 'fun run' ini membabitkan jarak larian sejauh lima (5) kilometer dengan tema Cergas, Cerdas dan Ceria sebagai menyokong konsep kesihatan secara menyeluruh merangkumi kesempurnaan dari aspek fizikal, mental dan sosial. Upacara pelepasan larian telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohammad Yusof Apdal.

Program ini turut mendapat kerjasama KPT, Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Perbadanan Putrajaya dan Federal Territory Kuala Lumpur Athletic Association (FTKLAA). Program ini juga mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran seramai 2,500 orang merangkumi orang ramai, kanak-kanak dan golongan veteran. Turut hadir, Pengurusan KPT, Pengurusan PTPTN, rakan-rakan strategik, pelajar IPT dan rakan-rakan media.

Selain acara larian, PTPTN turut mengadakan pelbagai aktiviti termasuk acara cabutan hadiah, pembukaan gerai oleh PTPTN, kendera saji, pemeriksaan kesihatan serta aktiviti permainan karnival. Larian Jubli Perak PTPTN berjaya dilaksanakan dengan lancar dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan.





### 8.3. Majlis Pelancaran Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023

Majlis ini diadakan bagi memperkenal dan mempromosikan Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN bagi tahun 2023. Ianya telah diadakan pada 16 Januari 2023 bertempat di Hotel Impiana, Kuala Lumpur. Majlis telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha KPT, YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Jaafar. Turut hadir pada majlis ini ialah Pengurusan KPT, Pengurusan PTPTN, rakan-rakan strategik dan pihak media.

Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023 menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan bernilai hampir RM500,000 untuk seorang pemenang. Hadiah yang ditawarkan sangat lumayan bagi menarik minat orang ramai untuk memulakan penabungan dengan Simpan SSPN.

Majlis ini telah mendapat liputan meluas oleh pihak media sekali gus meningkatkan imej PTPTN sebagai institusi penabungan yang unggul.



## 8.4. Majlis Pengumuman Dividen Simpan SSPN 2022 dan Pelancaran Kempen Ganjaran Kesetiaan Simpan SSPN Prime 2023

Majlis ini diadakan bagi menghebahkan kadar agihan dividen bagi tahun 2022 dan melancarkan Kempen Ganjaran Kesetiaan Simpan SSPN Prime 2023.

Pengumuman dividen telah dibuat oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin di Lobi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 5 April 2023. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha KPT, YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Jaafar; Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid; Pengurusan Tertinggi KPT; Lembaga Pengurusan PTPTN; serta Pengurusan PTPTN.

Dalam majlis yang sama, PTPTN turut melancarkan Kempen Ganjaran Kesetiaan Simpan SSPN Prime 2023 pada kadar 1 peratus. Ganjaran Kesetiaan adalah sebagai hadiah istimewa kepada para pendeposit Simpan SSPN Prime yang membuat penabungan dalam jangka masa panjang dan sebagai ganjaran tambahan selain dividen tahunan. Tahun ini merupakan tahun ke lima (5) kempen ini dilaksanakan semenjak diperkenalkan pada tahun 2019.

Kadar dividen Simpan SSPN yang telah diumumkan adalah sebanyak 3.05 peratus akan memberi manfaat kepada 5.73 juta pendeposit akaun Simpan SSPN melibatkan anggaran peruntukan berjumlah RM266.17 juta. Ini menjadikan jumlah keseluruhan agihan dividen adalah RM1.33 billion sejak Simpan SSPN diperkenalkan pada tahun 2004.

Majlis ini memberikan impak yang tinggi dalam meningkatkan keyakinan masyarakat untuk menabung dalam Simpan SSPN.



## 8.5. Majlis Mesra Bersama Pelanggan 2023

Majlis Mesra Bersama Pelanggan 2023 diadakan sebagai tanda penghargaan PTPTN atas sokongan dan kerjasama padu rakan-rakan berkepentingan dan para pelanggan PTPTN dalam memastikan kualiti perkhidmatan PTPTN sentiasa di tahap yang terbaik.

Majlis ini diadakan di Hotel Royal Chulan Kuala Lumpur pada 8 Mei 2023 dan turut dihadiri Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal. Majlis ini berlangsung meriah dengan kehadiran hampir 1,400 tetamu yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian, Agensi Kerajaan, Agensi Swasta, SAHABAT PTPTN, rakan strategik dan rakan-rakan media.



Pada majlis yang sama, PTPTN telah memberikan sumbangan CSR berjumlah RM10,000 dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime kepada 20 orang pelajar istimewa iaitu 10 orang pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan 10 orang pelajar Universiti Malaya (UM). UIAM dan UM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding - MoU*) dengan PTPTN dan sumbangan ini merupakan salah satu bentuk kerjasama strategik, tanda keprihatinan PTPTN dalam aspek pendidikan.

Majlis ini dilihat sangat signifikan dalam mengukuhkan hubungan antara PTPTN dan pelbagai pihak berkepentingan selain mampu menjadi landasan bagi meneroka peluang-peluang kerjasama baharu bagi manfaat bersama.



## 8.6. Program Setulus Kasih PTPTN Tahun 2023 Negeri Pulau Pinang dan Kedah

Program ini telah diadakan di negeri terpilih iaitu Pulau Pinang pada 16 Jun 2023 dan Kedah pada 23 Jun 2023. Ia melibatkan penyampaian sumbangan dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime dan kotak makanan berupa barang keperluan harian kepada penerima di kalangan golongan yang memerlukan.

Program ini dilaksanakan bagi membantu meringankan beban golongan yang memerlukan dan memperkasakan hebahan produk simpanan pendidikan dan galakan menabung melalui Simpan SSPN. Ia melibatkan penerima asnaf seramai 200 orang daripada Negeri Pulau Pinang dan Kedah.

Program ini telah membantu meringankan beban hidup golongan yang memerlukan, meningkatkan motivasi anak-anak untuk terus mencipta kejayaan dalam akademik dan sahsiah, sekali gus menjadi modal insan berguna kepada agama, bangsa dan negara.



Program seumpama ini akan diteruskan untuk masa akan datang khususnya dalam menyebarluas manfaat Simpan SSPN sekali gus dapat meningkatkan imej positif PTPTN melalui program yang diadakan bersama golongan yang memerlukan.

## 8.7. Program Bantuan Pengajian KPT – PTPTN Prihatin

Majlis ini diadakan bagi menyampaikan bantuan sara hidup kepada pelajar yang kurang berkemampuan di IPT. Ianya telah diadakan di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) terpilih iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 16 Julai 2023 melibatkan penerima seramai 163 orang pelajar dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam pada 18 Julai 2023 dengan bilangan penerima seramai 291 orang pelajar.

Pelajar yang terpilih telah menerima bantuan sara hidup sebanyak RM500 secara one-off yang disalurkan ke dalam akaun bank pelajar bagi meringankan beban kewangan dalam tempoh pengajian di IPT. Program ini juga telah memberikan impak dalam meningkatkan hubungan baik di antara PTPTN dengan pelajar dalam membantu mengurangkan beban kewangan kepada pelajar yang kurang berkemampuan.



## **8.8. Majlis Penyerahan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) PTPTN Kawasan Bukit Gelugor, Pulau Pinang, Kota Tinggi dan Pasir Gudang, Johor**

Majlis ini diadakan bagi penyerahan WPP PTPTN kepada pelajar yang berjaya mengikuti pengajian ke peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA dan Politeknik. Ia telah diadakan pada 17 Julai hingga 22 Julai bagi kemasukan sesi Julai 2023. Manakala bagi sesi Oktober, majlis ini telah diadakan pada 22 hingga 25 September 2023.

WPP sebanyak RM1,500 ini disediakan kepada pelajar yang telah membuat persetujuan menerima WPP di mana ibu bapa/ pelajar mestilah merupakan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) serta memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh PTPTN. Bagi kemasukan Julai 2023, PTPTN telah memperuntukkan sebanyak RM64.42 juta kepada seramai 42,946 pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat Diploma di IPTA. Manakala, bagi kemasukan pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda ke IPTA sesi Oktober 2023, seramai 30,893 pelajar ditawarkan WPP membabitkan peruntukan sebanyak RM46.34 juta.

Kemudahan WPP ini diagihkan kepada pelajar bertujuan meringankan beban kewangan dan membantu pelajar membuat persediaan awal bagi pendaftaran di IPTA dan Politeknik. Kemudahan WPP ini juga telah membantu meringankan beban ibu bapa dan pelajar sekali gus memastikan tiada pelajar yang tercincir ke IPT kerana masalah kewangan.



# Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)



Agensi Kelayakan Malaysia  
Malaysian Qualifications Agency



# Agensi Kelayakan Malaysia

## 1. Pengenalan

Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency - MQA) telah ditubuhkan pada 1 November 2007 selaras penguatkuasaan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679). Peranan utama MQA adalah untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework - MQF*) sebagai landasan sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi dan titik rujukan kriteria dan standard kelayakan kebangsaan. Justeru, MQA berperanan sebagai badan tunggal yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara.

MQA terdiri daripada sektor seperti berikut:

- 1.1. Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif;
- 1.2. Sektor Jaminan Kualiti:
  - (a) Subsektor Akreditasi; dan
  - (b) Subsektor Pembangunan Dasar dan Kepakaran.
- 1.3. Sektor Pengurusan.

## 2. Visi

Menjadi agensi berautoriti global dalam kelayakan dan jaminan kualiti pendidikan tinggi.

## 3. Misi

Memperkasa sistem kelayakan kebangsaan dan jaminan kualiti yang diiktiraf serta menjadi rujukan utama di peringkat antarabangsa.

## 4. Fungsi

- 4.1. Melaksanakan MQF sebagai titik rujukan kelayakan Malaysia;
- 4.2. Membangunkan kriteria dan standard sebagai rujukan kebangsaan bagi penganugerahan kelayakan dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan;
- 4.3. Menjamin kualiti institusi-institusi dan program-program pendidikan tinggi;
- 4.4. Memberikan perakuan akreditasi kepada program-program yang memenuhi kriteria dan standard yang ditetapkan;
- 4.5. Memudah cara pengiktirafan dan penyetaraan kelayakan; dan
- 4.6. Mengendalikan Daftar Kelayakan Malaysia (MQR).

# 5. Program/ Pencapaian Utama Tahun 2023

## 5.1. Proses Penilaian Akreditasi Sembilan (9) Minggu

Kelancaran proses jaminan kualiti yang dilaksanakan oleh MQA adalah berpaksikan kepada sistem penyampaian yang efisien dan optimum melalui penambahbaikan proses penilaian dan pentafsiran semula piagam pelanggan sembilan minggu yang diperkenalkan bermula Januari 2023.

Bagi pencapaian penilaian di bawah piagam sembilan minggu, MQA telah berjaya menyelesaikan 100% proses penilaian program dalam tempoh piagam iaitu 369 program Akreditasi Sementara dan 301 program Akreditasi Penuh bagi tahun 2023. Secara keseluruhan, MQA telah melaksanakan penilaian akreditasi sementara bagi 455 program dan penilaian akreditasi penuh bagi 628 program termasuk penilaian program piagam sembilan minggu, program TVET, program penilaian badan profesional, permohonan program secara berkelompok, program bidang baharu/ kritikal dan lain-lain kategori program.

## 5.2. Pematuhan Akreditasi

Program yang mendapat perakuan akreditasi perlu melalui audit pematuhan sekurang – sekurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun. Audit pematuhan ini dilaksanakan terhadap program yang telah mendapat akreditasi penuh secara berterusan (*perpetual*) bermula tahun 2007. Pada tahun 2023, MQA telah berjaya memproses sebanyak 802 program bagi tujuan pematuhan akreditasi ini.

## 5.3. Audit Pematuhan Status Swaakreditasi

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berstatus swaakreditasi adalah tertakluk kepada syarat penilaian semula institusi bagi maksud pengekalan status swaakreditasi sekurang-kurangnya sekali dalam setiap lima tahun bermula dari tahun penganugerahan oleh MQA. Tujuan utama audit ini dijalankan adalah untuk memantau pelaksanaan dan pematuhan syarat penilaian terdahulu serta melihat perkembangan semasa dengan tumpuan utama kepada aspek penambahbaikan kualiti berterusan dan kelestarian institusi. Hasil penilaian dari tahun 2022 hingga 2023, 16 PPT berstatus swaakreditasi selesai menjalani audit pematuhan.

## 5.4. Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register, MQR*)

MQR merupakan satu daftar kelayakan nasional yang menyenaraikan semua kelayakan yang telah mendapat perakuan akreditasi daripada MQA dan ia diwujudkan bagi menyokong usaha pihak UNESCO dalam menyediakan Pusat Rujukan Pendidikan Tinggi kepada pihak berkepentingan. Sehingga tahun 2023, program pengajian dan kelayakan yang didaftarkan dalam MQR berjumlah 18,445 program.

Pemberi Pendidikan Tinggi	Jumlah Program / Kelayakan
<b>Awam</b>	
Universiti	3,346
Politeknik	866
Kolej / Lain-lain	2,102
<b>Jumlah</b>	<b>6,314</b>
<b>Swasta</b>	
Universiti	4,385
Politeknik	1,449
Kolej / Lain-lain	3,774
<b>Jumlah</b>	<b>9,608</b>
<b>PPT Berstatus Swaakreditasi</b>	

Pemberi Pendidikan Tinggi	Jumlah Program / Kelayakan
Universiti Awam	2,156
Universiti Swasta	367
<b>Jumlah</b>	<b>2,523</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>18,445</b>

## 5.5. Penyenaraian dan Pendaftaran Program-Program Kendalian IPT Swaakreditasi

IPT berstatus Swaakreditasi diberi kepercayaan dan tanggungjawab untuk melaksanakan penilaian Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Pematuhan Akreditasi Penuh secara kendiri. Namun begitu, IPT terbabit masih perlu melalui proses untuk mendaftarkan program masing-masing di Portal Swaakreditasi dan MQR yang merupakan sumber rujukan utama pihak awam dalam dan luar negara yang akan memudahkan proses berkaitan mobiliti pelajar serta pengiktirafan graduan. Sehubungan itu, adalah amat penting bagi IPT berstatus Swaakreditasi memastikan kesemua program yang ditawarkan tersenarai di platform tersebut. Pada tahun 2023, jumlah penyenaraian program IPT berstatus swaakreditasi adalah seperti berikut:



## 5.6. Pelaksanaan Dasar

MQA telah mengeluarkan pekeliling, surat pekeliling dan surat makluman berkaitan isu semasa seperti pelaksanaan program secara pembelajaran dalam talian, pelaksanaan penilaian APEL, proses penilaian akreditasi bagi program di bawah Badan Profesional dan dasar jaminan kualiti pendidikan tinggi sebagai rujukan kepada pihak berkepentingan. Kesemua dokumen tersebut boleh diakses melalui Portal MQA. Pada tahun 2023, MQA telah mengeluarkan pekeliling, surat pekeliling dan surat makluman seperti berikut:



## 5.7. Dokumen Rujukan Jaminan Kualiti

Dokumen jaminan kualiti MQA merangkumi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), Kod Amalan, Standard, Standard Program dan Garis Panduan Amalan Baik. Seiring perkembangan nasional dan global dalam bidang pendidikan tinggi, dokumen jaminan kualiti MQA akan dikemas kini melalui proses kajian semula dalam tempoh lima tahun selepas dikuatkuasakan atau mengikut keperluan pihak berkepentingan. Pada tahun 2023, MQA selesai melaksanakan empat (4) proses kajian semula dan dua (2) proses pembangunan dokumen jaminan kualiti seperti berikut:

- (i) Kajian Semula Dokumen:
  - (a) Standard Program: Komputeran Edisi Ketiga;
  - (b) Standard Program: Perakaunan;
  - (c) Garis Panduan Amalan Baik: Pembangunan dan Penyampaian Program; dan
  - (d) Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pembelajaran Pelajar.
  
- (ii) Pembangunan Dokumen:
  - (a) *Guidelines for Industrial Verification of Curriculum*; dan
  - (b) Garis Panduan Amalan Baik: Verifikasi Kualiti *Stand-alone Micro-credentials*.

## **5.8. Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)**

MQA telah memperkenalkan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu atau lebih dikenali sebagai *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) sebagai salah satu inisiatif menyokong agenda kerajaan untuk membudayakan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan rakyat.

APEL bagi tujuan akses (APEL.A) telah diperkenalkan pada tahun 2011, APEL bagi tujuan penganugerahan kredit (APEL.C) pada tahun 2016, APEL bagi tujuan penganugerahan kelayakan (APEL.Q) pada tahun 2020 dan APEL untuk *micro-credentials* (APEL.M) diperkenalkan kepada umum bermula tahun 2023. APEL.M memberi laluan kepada pelajar yang telah mengumpul kredit kursus melalui *micro-credentials* namun tidak mempunyai kelayakan formal yang ditetapkan oleh program untuk tujuan bergraduat. Untuk tahun 2023, satu PPT telah menerima pelawaan dan berminat untuk menjadi PPT terawal bagi pelaksanaan APEL.M.

Sehingga tahun 2023, MQA telah meluluskan permohonan APEL seperti berikut:

Jenis	Kelulusan
APEL.A	13 buah Pusat Penilaian APEL (PPA) dan 9,386 permohonan APEL.A
APEL.C	58 IPT telah mendapat kelulusan untuk melaksanakan APEL.C
APEL.Q	Lapan (8) IPT dengan 21 program telah mendapat kelulusan pelaksanaan APEL.Q

## 5.9. MQA International Conference (MQAIC)

MQAIC telah diadakan pada 7 hingga 8 November 2024 di Hotel Hilton Kota Kinabalu, Sabah. Persidangan ini disertai oleh hampir 200 orang peserta yang terdiri daripada wakil KPT, pegawai MQA, wakil PPT, serta wakil agensi dan organisasi jaminan kualiti antarabangsa dari 10 buah negara.

Objektif utama persidangan ini diadakan adalah untuk:

- (i) Menghimpunkan pakar jaminan kualiti daripada badan jaminan kualiti antarabangsa;
- (ii) Menyediakan platform perkongsian idea dan pengalaman berkaitan hala tuju dan masa depan landskap pendidikan tinggi negara dan peranan yang boleh dimainkan oleh pengamal jaminan kualiti (*QA practitioner*); dan
- (iii) Membuka ruang libat urus dalam kalangan peserta persidangan terutamanya dengan delegasi luar negara.

Persidangan ini bertemakan *Curating Future Quality for Higher Education* yang mana pengisian program termasuklah penampilan tetamu kehormat serta tenaga-tenaga pakar akademik yang menyampaikan dua (2) ucaptama, menyertai empat (4) sesi perbincangan panel, membentangkan enam (6) kertas kerja, dan menyertai lima (5) sesi perkongsian.

Sesi perbincangan panel secara khusus telah membincangkan sub-tema berikut dengan lebih terperinci:

- (i) *Flexible Learning Pathways*;
- (ii) *Quality Assurance of Higher Education*;
- (iii) *Acceleration of Digital Learning*; dan
- (iv) *Reinforcing Values of Higher Education for Society*.

Persidangan ini telah dapat mengukuhkan:

- (i) imej dan jenama MQA sebagai badan jaminan kualiti unggul pendidikan tinggi di Malaysia;
- (ii) peranan MQA sebagai rujukan berkaitan jaminan kualiti pendidikan tinggi;
- (iii) hubungan kerjasama dalam kalangan pengamal dan pakar jaminan; dan
- (iv) kualiti pendidikan tinggi dari dalam dan luar negara.



## 5.10. Lawatan Penandaarasan Oleh *South African Qualifications Authority (SAQA)*

MQA telah menerima kunjungan delegasi SAQA dalam rangka lawatan mereka ke agensi jaminan kualiti terpilih seperti England, Hong Kong, Ireland, dan Malaysia untuk meluaskan pemahaman mereka berkaitan nilai dan kesesuaian peranan dan penglibatan badan profesional atau persatuan yang diiktiraf dalam sistem pendidikan.

Pertemuan yang telah diadakan pada 20 hingga 21 Julai 2023 di Mercu MQA, Cyberjaya ini juga merupakan platform untuk perkongsian amalan terbaik dan pengalaman dalam kalangan rakan jaminan kualiti di agensi/ badan jaminan kualiti pendidikan tinggi di seluruh dunia.

MQA telah berkongsi pelbagai maklumat dan modul merangkumi latihan, pembangunan standard dan inisiatif pendidikan fleksibel seperti *Micro-Credentials*.

Melalui pertemuan ini telah dapat mengukuhkan:

- (i) imej sistem jaminan kualiti yang diterajui oleh MQA dilihat setanding atau lebih baik di peringkat antarabangsa;
- (ii) keterlihatan pakar jaminan kualiti MQA di peringkat antarabangsa; dan
- (iii) MQA sebagai rujukan badan jaminan kualiti yang dirujuk oleh badan jaminan kualiti lain di peringkat antarabangsa.



## 5.11. MQA Internship Programme 2023

Program MQA *Internship Programme* 2023 telah dilaksanakan pada 11 hingga 15 September 2023 di Mercu MQA, Cyberjaya dan telah disertai oleh seramai empat (4) delegasi dari negara Brunei dan Hong Kong.

Delegasi Brunei diwakili oleh *Secretariat of Brunei Darussalam National Accreditation Council*, Encik Mohamad Ruzaini Mohamad Saifullah; dan *Higher Education Department, Brunei Darussalam Ministry of Education*, Encik Faizal Kamblji. Delegasi Hong Kong pula diwakili oleh pegawai jaminan kualiti daripada *Hong Kong Council for Accreditation of Academic and Vocational Qualifications* (HKCAAVQ) iaitu Cik Liu Tsz Wai dan Cik Cheung Hiu Tung.

Program ini bertujuan untuk:

- (i) Memberi pendedahan kepada peserta berkaitan proses jaminan kualiti pendidikan tinggi yang dilaksanakan oleh MQA;
- (ii) Memberi perkongsian kepada peserta berkaitan inisiatif pembelajaran fleksibel melalui *Micro-Credentials*; dan
- (iii) Menyediakan platform untuk perkongsian amalan terbaik dan pengalaman berkaitan proses jaminan kualiti pendidikan tinggi negara masing-masing.

Pengisian program merangkumi:

- (i) Sesi penerangan berkenaan sistem, kerangka dan proses jaminan kualiti pendidikan tinggi Malaysia yang disampaikan oleh pegawai MQA;
- (ii) Sesi *Networking Dinner* peserta bersama Pengurusan MQA;
- (iii) Sesi perkongsian ilmu bersama pakar, Dr. Hazman Shah Abdullah melalui pendedahan berkaitan inisiatif pembelajaran fleksibel melalui *Micro-Credentials*;
- (iv) Sesi lawatan ke Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bagi penerangan berkaitan fungsi dan peranan yang dimainkan oleh dalam pelaksanaan program TVET;
- (v) Sesi lawatan ke Universiti Teknologi MARA Shah Alam bagi perkongsian pengalaman menguruskan sistem dan proses jaminan kualiti dalaman bagi universiti berstatus swaakreditasi; dan
- (vi) Sesi lawatan pemerhatian akreditasi bagi penilaian program *Master of Information Technology* melalui sesi lawatan pemerhatian ke *Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology* (TAR UMT).

Sesi penutupan program telah diadakan pada 15 September 2023 dan diakhiri dengan sesi refleksi oleh peserta membentangkan perbandingan sistem jaminan kualiti dan proses yang dilaksanakan di negara masing-masing dengan amalan di Malaysia.

Melalui program ini telah dapat mengukuhkan:

- (i) peranan MQA di peringkat antarabangsa sebagai pusat sebagai rujukan berkaitan jaminan kualiti pendidikan tinggi;
- (ii) keterlihatan pakar jaminan kualiti MQA di peringkat antarabangsa; dan
- (iii) jalinan kerjasama melalui sesi perkongsian berkaitan proses jaminan kualiti pendidikan tinggi yang dilaksanakan oleh MQA.



## 5.12. Pemeteraihan Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding - MoU*) MQA Dengan Badan Jaminan Kualiti Antarabangsa

Pertemuan MQA bersama Badan Jaminan Kualiti Antarabangsa ini bertujuan untuk:

- (i) Menandatangani Memorandum Persefahaman antara MQA dan badan jaminan kualiti antarabangsa;
- (ii) Meneroka dan memperkasa kerjasama untuk aktiviti antarabangsa dalam bidang jaminan kualiti pendidikan tinggi; dan
- (iii) Menyokong hasrat negara untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan global.

MQA berjaya memmeterai lima (5) MoU dengan agensi dan badan jaminan kualiti antarabangsa daripada United Kingdom, Jepun, Kazakhstan, dan Taiwan seperti berikut:

- (i) *ECCTIS LTD (ECCTIS), UK National Information Centre (UK ENIC)* pada 6 Januari 2023;
- (ii) *Japan University Accreditation Association (JUAA)* pada 17 Januari 2023;
- (iii) *ABEST21 International* pada 3 Ogos 2023 di Hotel Le Meridien Putrajaya;
- (iv) *Independent Agency for Accreditation and Rating (IAAR)*, Kazakhstan pada 7 November 2023 di Hotel Hilton, Kota Kinabalu, Sabah; dan
- (v) *Higher Education Evaluation & Accreditation Council of Taiwan (HEEACT)* pada 7 November 2023 di Hotel Hilton, Kota Kinabalu, Sabah.

Melalui sesi MoU ini, ianya telah dapat:

- (i) Mengukuhkan peranan MQA sebagai rujukan berkaitan jaminan kualiti pendidikan tinggi;
- (ii) Meningkatkan mobiliti pelajar antara institusi pendidikan tinggi di Malaysia dengan IPT luar negara; dan
- (iii) Mengukuhkan jalinan kerjasama antara agensi/ badan jaminan kualiti antarabangsa.



Pemeteraihan MoU antara MQA dan UK-ENIC secara dalam talian pada 6 Januari 2023



Pemeteraihan MoU antara MQA & ABEST21 International di Putrajaya pada 3 Ogos 2023



Pemeteraihan MoU antara MQA & IAAR, Kazakhstan di Sabah pada 7 November 2023

Pemeteraihan MoU antara MQA & HEEACT, Taiwan di Sabah pada 7 November 2023

## 5.13. Majlis Menandatangani *Notes Of Understanding* (NoU) Antara MQA Dan Suruhanjaya Perkhidmatan Malaysia (SPA)

Majlis ini telah diadakan pada 14 Disember 2023 di Mercu Mqa, Cyberjaya dan merupakan satu komitmen kepada jalinan kerjasama strategik antara Mqa dan SPA dalam perkongsian maklumat pengiktirafan program pengajian bagi calon yang memohon pekerjaan melalui Sistem Pendaftaran Pekerjaan SPA (SPA9).

Ianya bertujuan untuk:

- (i) Melaksanakan integrasi data antara Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) dan SPA9 yang diperkenalkan dalam SPA9 untuk menjadikan proses semakan kelayakan ke atas permohonan calon menjadi lebih tepat serta mesra pengguna; dan
- (ii) Mewujudkan persefahaman dalam perkongsian maklumat sama ada dengan membuat semakan terus dalam Daftar Kelayakan Malaysia / Malaysia Qualifications Register (MQR) atau berhubung dengan pegawai Mqa.

Kesimpulannya, melalui NoU ini, perolehan maklumat berkaitan pengiktirafan program pengajian bagi calon yang memohon pekerjaan di SPA adalah lebih mudah, efisien dan sistematik.



Majlis Menandatangani NoU Mqa-SPA di Mercu Mqa pada 14 Disember 2023 oleh Pengarah Kanan Pembangunan Dasar dan Kepakaran Mqa, Encik Mohamad Dzafir Mustafa dan Setiausaha SPA, YBhg. Datuk Ikhbal Hanam Mukras yang mewakili SPA

## 5.14. Majlis Graduasi *Certified Officer In Quality Assurance Of Higher Education* (CQA)

Bagi memperkuuhkan sistem pemantauan kualiti dalaman dan meningkatkan tahap keyakinan pihak berkepentingan, Mqa telah menawarkan program CQA yang telah mendapat persijilan ISO 29993:2017 *Learning Services Outside Formal Education - Service Requirements* daripada SIRIM bagi memastikan skop penjaminan kualiti dilaksanakan Mqa selaku badan akreditasi tunggal di negara ini.

Seramai 23 pegawai IPT tempatan yang menjadi graduan kohort kedua CQA telah diraikan dalam Majlis Graduasi CQA Mqa, pada 4 November 2023 di Hotel Zenith, Putrajaya. Majlis Perasmian ini telah disempurnakan oleh Pengurus Majlis Mqa, YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman.

Hasil daripada pelaksanaan CQA ini, maka ianya dapat:

- (i) Meningkatkan kapasiti dan kompetensi pegawai IQA PPT sebagai pakar rujuk (*subject matter expert*) dalam jaminan kualiti pendidikan tinggi;
- (ii) Mengukuhkan sistem jaminan kualiti dalaman PPT; dan
- (iii) Pembudayaan jaminan kualiti dalam ekosistem pendidikan tinggi negara.



# Education Malaysia Global Services (EMGS)



# Education Malaysia Global Services

## 1. Latar Belakang

Education Malaysia Global Services (EMGS) adalah sebuah Syarikat Berhad Mengikut Jaminan (SBMJ - "Guaranteed Limited Company") di bawah kawalselia Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menjalankan fungsi pemasaran dan promosi pendidikan tinggi Malaysia serta sebagai pusat sehenti bagi urusan kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia.

Penubuhan EMGS telah dipersetujui melalui Memorandum Jemaah Menteri (MJM) pada 11 Januari 2012 dan mula beroperasi secara rasmi pada Februari 2013. Bagi melaksanakan fungsi tersebut, EMGS telah diberi mandat untuk membantu pihak kerajaan dalam melaksanakan polisi yang berkaitan dengan kemasukan pelajar antarabangsa.

## 2. Visi

Menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi global.

## 3. Misi

Meletakkan Malaysia sebagai destinasi pendidikan tinggi 10 teratas di peringkat antarabangsa serta mempromosikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi serantau dengan memberikan pengalaman terbaik kepada pelajar antarabangsa.

## 4. Objektif

- 4.1. Mempromosikan *Education Malaysia* dan melakukan strategi pemasaran yang agresif secara pemasaran bersasar kepada negara yang berpotensi;
- 4.2. Menyediakan perkhidmatan pusat sehenti melalui pengintegrasian sistem yang efektif dalam pengurusan visa dan servis kepada pelajar antarabangsa; dan
- 4.3. Menjalankan sesi libat urus bersama pemegang taruh dan rakan strategik penting dalam memastikan kemasukan pelajar antarabangsa yang berkualiti.

# 5. Program Utama Tahun 2023

## 5.1. Seminar Dan Pameran Pascasarjana Malaysia Di Indonesia

Pada 27 Februari 2023, MDPS dan EMGS telah bekerjasama dalam membincangkan program pascasiswazah di Indonesia. Program ini telah diadakan di Jakarta, Padang, dan Batam, dianjurkan oleh EMGS, MDPS, dan *Education Malaysia* Indonesia pada 14 hingga 15 Mei 2023. Program ini turut dihadiri oleh TYT Dato' Syed Mohamad Hasrin Tengku Hussin (Duta Besar Malaysia ke Republik Indonesia), Ketua Pengarah, Bahagian Pendidikan, Kementerian Agama Indonesia dan juga 50 Rektor Indonesia.

Program "Ayo Kuliah di Malaysia" di Padang dan Batam bertujuan menembusi bandar baharu, dengan permohonan dari Pulau Sumatera meningkat pada tahun 2021 dan 2022. Seminar dan Pameran Lepasan Ijazah mensasarkan pelajar universiti dan profesional yang ingin melanjutkan pengajian di luar negara.



Foto sekitar program



Delegasi dari Malaysia (kiri) dan delegasi dari Indonesia (kanan)

## 5.2. Study In Malaysia Education Fair Bangladesh 2023

Program ini telah dirasmikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Bangladesh, Puan Yang Terutama Haznah Md Hashim. Ianya telah disertai oleh dua (2) IPTA dan 15 IPTS dan keseluruhan pengunjung adalah berjumlah 800 orang dan menerima sebanyak 83 permohonan daripada pelajar Bangladesh.

Sepanjang lawatan kerja berlangsung, pihak EMGS telah bertemu dengan *University Grant Commissions (UGC)* Bangladesh dan pihak UGC Bangladesh telah bersetuju berkenaan biasiswa dalam membantu isu-isu pelajar antarabangsa dengan kerjasama dia antara UGC dan kerajaan Malaysia. Selain daripada itu, program jaringan Alumni Pelajar Bangladesh yang telah belajar di Malaysia juga telah dapat ditingkatkan melalui pertemuan bersama Ketua Pegawai Eksekutif EMGS, Encik Novie Tajuddin.

Program ini juga telah dilaksanakan di dua (2) lokasi iaitu pada 24 Mei 2023 di Chittagong dan 26 hingga 27 Mei 2023 di Dhaka.



Sesi penyampaian cenderahati oleh Encik Novie Tajuddin kepada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Bangladesh, Puan Yang Terutama Haznah Md Hashim



Delegasi Malaysia bersama tetamu kehormat dan wakil daripada 17 Institut Pendidikan Tinggi (IPT) dari Malaysia telah menyertai Pameran Pendidikan



Sesi perkongsian Landskap Pendidikan Tinggi Malaysia oleh Ketua Pegawai Eksekutif EMGS



Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Bangladesh melawat ke reruai pameran Universiti Malaysia Kelantan (UMK)



Ucapan perasmian program oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Bangladesh



Majlis Pembukaan Study in Malaysia Education Fair Bangladesh 2023

### 5.3. Study In Malaysia Education Fair Uzbekistan 2023

Program ini telah diadakan pada 15 September hingga 20 September 2023. Ianya diadakan di tiga (3) lokasi iaitu di Tashkent pada 16 September 2023, di Samarkand pada 18 September 2023 dan di Andijan pada 20 September 2023.

Program ini telah disertai oleh tujuh (7) IPT Malaysia yang mana dua (2) daripadanya adalah daripada Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA). Keseluruhan pengunjung pameran pendidikan ini berjumlah hampir 2,000 orang dan sebanyak 22 surat tawaran bersyarat (*conditional offer letter*) telah berjaya dikeluarkan oleh beberapa IPT Malaysia sepanjang pameran tersebut berlangsung.

EMGS juga berbesar hati program ini telah dirasmikan oleh Duta Besar Malaysia ke Uzbekistan, Tuan Yang Terutama Ilham Tuah Ilias. Pengajuran program *Study in Malaysia Networking Dinner - Uzbekistan* telah mengumpulkan 30 alumni dan wakil daripada pelbagai institusi pengajian tinggi Uzbekistan dan agensi Kerajaan Uzbekistan. Program ini telah mengukuhkan lagi kerjasama rapat antara universiti-universiti Malaysia dan Uzbekistan.



Pelancaran pameran *Study in Malaysia Education Fair*, Tashkent oleh Duta Besar Malaysia ke Uzbekistan



Pengunjung dari golongan pelajar sekolah menengah di Uzbekistan di Pameran *Study in Malaysia Education Fair*, Samarkand



Pameran *Study in Malaysia Education Fair*, Andijan



*Study in Malaysia Networking Dinner* bersama alumni di Tashkent, Uzbekistan



Libat urus bersama Samarkand State University



Libat urus bersama Andijan State University

## 5.4. Lawatan Kerja Rasmi Menteri Pendidikan Tinggi Ke Republik Islam Iran

Sebanyak 16 Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding - MoU*) dan tiga (3) memorandum kerjasama (*MoC*) telah berjaya ditandatangani sempena lawatan kerja rasmi Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin ke Republik Islam Iran mulai 7 hingga 8 Oktober 2023. Wakil EMGS telah diketuai oleh Pengurus EMGS, Dr. Razak Ahmad bagi menandatangani beberapa memorandum berkenaan termasuk;

- (i) Lima (5) MoU dan dua (2) MoC bersama University of Isfahan;
- (ii) Lima (5) MoU dan satu (1) MoC bersama Islamic Azad University;
- (iii) Lima (5) MoU bersama D-8 International University; dan

(iv) Satu (1) MoU bersama Art University of Isfahan.

Bidang kerjasama antara Malaysia dan Iran meliputi bidang pertanian, sains dan teknologi, penyelidikan kejuruteraan, program pertukaran pelajar, bengkel bersama, program latihan, dan pengembangan kursus ijazah dual.

Hasil daripada lawatan kerja berkenaan, EMGS juga telah merancang penganjuran Kem Musim Sejuk Timur Tengah pada Februari 2024 yang akan memberi peluang kepada 20 pelajar dari beberapa universiti di Malaysia, termasuk pelajar tempatan dan antarabangsa, melalui kerjasama dengan University of Isfahan dan Islamic Azad University. EMGS menjangkakan lawatan balas dari Iran pada November 2024, yang akan meningkatkan bilangan pelajar mobiliti ke Malaysia.



Majis pemerintian MoU antara EMGS dan University of Isfahan pada 7 Oktober 2023 di University of Isfahan, Isfahan



Ucaptama oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin semasa Majlis Pemerintian MoU antara Universiti-universiti Malaysia dan Islamic Azad University pada 7 Oktober 2023 di Islamic Azad University, Isfahan



Makan malam anjuran Kementerian Luar Negeri Iran bagi meraikan delegasi Malaysia pada 7 Oktober 2023 di Abbasi Hotel, Isfahan



Majis pemerintian MoU antara EMGS dan University of Isfahan pada 7 Oktober 2023 di University of Isfahan, Isfahan



Majis pemerintian MoU antara EMGS dan Islamic Azad University pada 7 Oktober 2023 di Islamic Azad University, Isfahan



Majis pemerintian MoU dan MoC antara Universiti-universiti Malaysia dan University of Isfahan pada 9 Oktober 2023 di D-8 International University, Hamedan

## 5.5. Siri Jelajah Taklimat Kepada Universiti Awam, Universiti Swasta, Pusat Bahasa, Pusat Kemahiran Dan Pusat Bertauliah Anjuran EMGS

Sesi taklimat kepada Institusi Pendidikan Tinggi anjuran EMGS adalah bertujuan untuk memastikan IPT mematuhi prosedur dan garis panduan agensi kawal selia, mengurangkan kesalahan teknikal dalam proses pas pelajar, dan mempercepatkan kelulusan pas pelajar.

Sesi taklimat ini telah diadakan mulai Julai sehingga September 2023 diadakan di empat (4) zon iaitu:

- (i) Zon Tengah di Kuala Lumpur;
- (ii) Zon Utara di Pulau Pinang;
- (iii) Zon Selatan di Johor Bahru; dan
- (iv) Zon Pantai Timur di Terengganu.

Penambahbaikan prosedur kemasukan pelajar antarabangsa perlu disampaikan kepada semua pihak untuk pemahaman yang seragam. Usaha berterusan EMGS ini memberi manfaat kepada industri pendidikan negara untuk memastikan urusan permohonan pas pelajar berjalan lancar, bersistematis, dan berintegriti.

Majlis ini turut dihadiri oleh Pengarah, Bahagian Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi, JPT (BPPT) dan Pengarah, Bahagian Visa, Pas dan Permit, Jabatan Imigresen, Putrajaya.



Siri Jelajah Zon Tengah – Kuala Lumpur



Siri Jelajah Zon Utara – Pulau Pinang



Siri Jelajah Zon Selatan – Johor Bahru



Siri Jelajah Zon Pantai Timur – Terengganu

## 5.6. Majlis Iftar Ramadan EMGS Bersama Duta Dan Perwakilan Asing Dari Negara Asia Tengah

EMGS telah menganjurkan Majlis Iftar Ramadan bersama Duta dan Perwakilan Asing dari Asia Tengah pada 4 April 2024 di EQ Kuala Lumpur dan dihadiri oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, wakil KPT, agensi di bawah KPT, dan EMGS. Majlis ini menghargai kerjasama Duta dan Perwakilan Asing dalam memartabatkan sektor pendidikan tinggi Malaysia.

Majlis ini juga bertujuan meningkatkan kerjasama strategik dengan negara-negara Asia Tengah, memperbaiki kualiti pengurusan kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia, dan memastikan hala tuju seiring dengan misi KPT mencapai 250,000 pelajar antarabangsa menjelang 2030.



Menteri Pendidikan Tinggi bersama Duta dan Perwakilan Asing dari Negara Asia Tengah



Menteri Pendidikan Tinggi beramah mesra bersama Duta dan Perwakilan Asing dari Negara Asia Tengah semasa Majlis Iftar Ramadan



Majlis turut diserikan dengan kehadiran wakil-wakil pegawai kanan dari KPT serta agensi`



Majlis juga dihadiri oleh Ketua Setiausaha, KPT, YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Jaafar dan Pengurus EMGS, Dr Abdul Razak Ahmad

## 5.7. Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Di Tiga (3) Buah Negara Asia Tengah

Memperkuuh dan memperluas kerjasama pendidikan tinggi antara Uzbekistan, Tajikistan, dan Kazakhstan, serta meningkatkan hubungan strategik global, EMGS telah laksanakan beberapa inisiatif bersama tiga (3) buah negara Asia Tengah seperti berikut:

- (i) MoU antara El Yurt Umidi Foundation, Republik Uzbekistan dan EMGS;
- (ii) MoU antara State Institution “Centre of International Programs”, Republik Tajikistan dan EMGS; dan
- (iii) MoU antara Centre for International Programmes (Bolashak), Republik Kazakhstan dan EMGS.

Ketiga-tiga memorandum ini telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif EMGS, disaksikan oleh YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Morshidi Sirat bersama dengan pengarah-pengarah dari setiap *Centre of International Programmes* dari ketiga-tiga buah negara.

Melalui memorandum ini, EMGS bersama ketiga-tiga badan tersebut telah bersetuju untuk berkolaborasi melalui beberapa aspek seperti mempromosikan program pendidikan tinggi daripada IPT di kedua-dua buah negara, mempromosikan kualiti pendidikan tinggi yang bertaraf antarabangsa di kedua-dua buah negara dan memberikan kemudahan kewangan melalui kemasukan palajar antarabangsa yang berkualiti daripada ketiga-tiga buah negara ke Malaysia.

Semasa lawatan ini, delegasi KPT dan EMGS bertemu dengan wakil Kementerian, Agensi, dan institusi dari tiga (3) negara untuk membincangkan jaminan kualiti, akreditasi pendidikan tinggi, kemudahan kewangan pelajar antarabangsa, visa, dan program berstruktur. Berikut adalah senarai Kementerian, Agensi, dan IPT yang terlibat semasa lawatan ke Asia Tengah:

- (i) Republik Uzbekistan
  - (a) *Center for Higher Education Development Research* (CHEDR), Kementerian Pendidikan Tinggi, Sains dan Inovasi, Republik Uzbekistan; dan
  - (b) Yayasan El - Yurt Umidi.
- (ii) Republik Tajikistan
  - (a) Kementerian Pendidikan dan Sains, Republik Tajikistan;
  - (b) *Center of International Programmes*, Kementerian Pendidikan dan Sains, Republik Tajikistan; dan
  - (c) International University of Tourism and Entrepreneurship.
- (iii) Republik Kazakhstan
  - (a) *Centre for International Programmes* (Bolashak), Republik Kazakhstan; Kementerian Inovasi, Sains dan Pendidikan Tinggi, Republik Kazakhstan;
  - (b) Nazarbayev University; dan
  - (c) Maqsut Narikbayev University (KAZGUU).

## **5.8. Seminar Pendidikan Tinggi Malaysia - Uzbekistan Dengan Tema “Towards A Shared Higher Education Space”**

Dalam menyahut kepada aspirasi Menteri Pendidikan Tinggi menerusi amanatnya tahun 2023 iaitu dalam memperkuuhkan peranan Malaysia sebagai “*Lynchpin for Talents and Knowledge*”, EMGS bersama pihak Kedutaan Malaysia di Uzbekistan telah melaksanakan Seminar Pendidikan Tinggi Malaysia – Uzbekistan pada 14 September 2023 di Tashkent, Uzbekistan dengan bertemakan ‘*Towards a Shared Higher Education Space*’. Program ini telah mengumpulkan pakar dan ahli akademik dari Malaysia dan Uzbekistan. Melalui sesi ini, empat (4) sub-tema telah diketengahkan iaitu:

- (i) *Malaysia – Uzbekistan: Characteristics of Higher Education System Vital for ‘Sharing is Caring’;*
- (ii) *Mutual Recognition and Accreditation;*
- (iii) *Shaping Minds, Building Leaders; dan*
- (iv) *Developing, Nurturing and Advancing Higher Education Collaboration Initiatives.*

Seminar dan lawatan kerja ini mengandungi tiga (3) segmen yang diberi perhatian iaitu:

- (i) Sesi forum/ dialog/ perkongsian ilmu meliputi aspek pendidikan tinggi negara;
- (ii) Mesyuarat Government – to – Government (G2G) dan Agency – to – Agency; dan
- (iii) Penerokaan peluang Kerjasama di dalam pelbagai bidang di antara IPT Malaysia dan Uzbekistan.

Sesi seminar ini telah dilaksanakan melalui kaedah sesi dialog/ forum dan pembentangan yang telah dilakukan oleh pakar akademik serta wakil-wakil kementerian dari kedua-dua buah negara dalam mengupas isu dan memberikan perkongsian ilmu seperti berikut:

### **(i) *Malaysia – Uzbekistan: Characteristics of Higher Education System Vital for “Sharing is Caring”***

Moderator:

YBhg. Emeritus Professor Dato' Dr. Morshidi Sirat – Penasihat Pendidikan Tinggi kepada YB Menteri Pendidikan Tinggi

Panel:

- (a) Dilshod Muydinov - *Chief Specialist*, Kementerian Pendidikan Tinggi Uzbekistan; dan
- (b) Encik Azrul Izham Hamzah – Timbalan Pengarah, Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi.

### **(ii) *Mutual Recognition and Accreditation***

Penceramah:

YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohammad Shatar Sabran – Ketua Pegawai Eksekutif, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

**(iii)Shaping Minds, Building Leaders**

Penceramah:

Encik Azrul Izham Hamzah – Timbalan Pengarah, Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi

**(iv)Developing, Nurturing and Advancing Higher Education Collaboration Initiatives**

Moderator:

YBhg. Emeritus Professor Dato' Dr. Morshidi Sirat

Panel:

- (a) YBrs. Professor Dr. Shahimi Mohtar – Timbalan Naib Canselor, Universiti Utara Malaysia (UUM); dan
- (b) Elmurod Hoshimov – Rektor, *Banking & Finance Academy*, Republik Uzbekistan.

Seminar ini telah dihadiri oleh wakil daripada KPT Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Sains and Inovasi Uzbekistan, agensi-agensi di bawah kementerian, badan-badan biasiswa dan pakar serta ahli akademik daripada IPT dari kedua-dua buah negara.

Program seterusnya disusuli dengan Majlis Menandatangani MoU beberapa buah universiti di kedua-dua buah negara seperti:

- (i) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bersama *Tashkent Pharmaceutical Institute*;
- (ii) UniSZA bersama *Bukhara State Medical University*; dan
- (iii) Universiti Utara Malaysia (UUM) bersama *Banking & Finance Academy*, Uzbekistan.

## **5.9. Kursus Pembangunan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) EMGS Dan Taklimat Kesedaran Anti-Rasauh Dan Tatakelola**

Jabatan Audit Dalaman & Integriti EMGS telah menganjurkan bengkel pada 30 Oktober – 1 November 2023 di Doubletree By Hilton, Kuala Lumpur untuk menubuhkan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) EMGS dan memperkuatkannya pemahaman tatakelola yang baik. Acara ini, dibimbing oleh GIC Pro Network Sdn. Bhd. dan YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, melibatkan kakitangan dan Ketua Bahagian EMGS.

Bengkel Penilaian Risiko Rasuah (CRA) diadakan pada 20-22 Jun 2023 untuk memperkuatkannya budaya anti-rasuah dalam operasi EMGS. Hasilnya, OACP EMGS 2024-2027 diluluskan oleh Lembaga Pengarah, membimbing EMGS dalam mengatasi dan mengurangkan risiko rasuah serta mengukuhkan komitmen terhadap ketelusan dan integriti.

# Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)



# Prestasi semasa

Kementerian telah menunjukkan peningkatan prestasi yang ketara untuk memenuhi aspirasi teras dalam pendidikan tinggi, terutamanya dalam memperluaskan akses, mengembangkan sistem dan kualiti institusi.

## Akses kepada pendidikan tinggi meningkat dengan ketara

Malaysia telah mencapai kadar enrolmen pendidikan tinggi<sup>1</sup> 48% pada 2012. Ini merupakan peningkatan 70% enrolmen dalam tempoh satu dekad, mencecah 1.2 juta pelajar IPT awam dan swasta yang terdiri daripada universiti awam, politeknik, kolej komuniti, universiti swasta, kolej universiti swasta dan kolej swasta. Dalam tempoh 1990 hingga 2010, enrolmen sarjana muda meningkat enam kali ganda dan sepuluh kali ganda enrolmen sarjana dan PhD. Peningkatan ini meletakkan Malaysia pada kedudukan ketiga dalam kalangan negara ASEAN dari segi enrolmen sarjana dan PhD selepas Singapura dan Thailand.

**10**  
TAHUN

Peningkatan yang  
ketara bagi  
**AKSES**



**70 %**

Peningkatan enrolmen pendidikan tinggi  
(2004 hingga 2014) kepada 1.2 juta pelajar



**6 x**

Peningkatan enrolmen ijazah sarjana muda  
(1990 hingga 2010)



**10 x**

Peningkatan enrolmen sarjana dan PhD  
(1990 hingga 2010) – kini pada kedudukan  
ke-3 di ASEAN, selepas Singapura dan  
Thailand

## Keberhasilan dan kualiti penyelidikan menyerlah

Bilangan artikel penyelidikan yang dihasilkan di Malaysia telah meningkat lebih tiga kali ganda antara 2007 hingga 2012. Ini merupakan kadar peningkatan paling tinggi di dunia, sementara bilangan sitasi pula bertambah empat kali ganda antara 2005 hingga 2012. Kesemua lima Universiti Penyelidikan Malaysia (MRU) menyumbang 70% daripada jumlah penerbitan ini. Selain itu, antara 2007 hingga 2012, bilangan paten yang difaiklkan oleh universiti tempatan meningkat 11% setiap tahun, meletakkan Malaysia pada tangga ke-28 di dunia. Peranan universiti awam Malaysia telah dikembangkan sebagai penyedia penyelesaian masalah komuniti dan industri, sekaligus menjana pendapatan RM1.25 bilion antara tahun 2007 hingga 2012 menerusi perkhidmatan penyelidikan dan perundingan.

**5**  
TAHUN

Peningkatan pesat dalam  
**PENYELIDIKAN**



**3.1 x**

Peningkatan hasil penerbitan dari 2007-2012,  
tertinggi di dunia



**4 x**

Peningkatan bilangan sitasi dari tahun  
2005 hingga 2012



**70 %**

Penerbitan dari 2003-2012 disumbangkan  
oleh 5 MRU



**11 %**

Peningkatan bilangan paten setiap tahun dari  
2007 hingga 2011 – Malaysia pada kedudukan  
ke-28 di dunia pada tahun 2011




**RM  
1.25  
bilion**

hasil pendapatan dijana daripada MRU sahaja  
sebagai penyedia penyelesaian kepada  
industri, agensi, NGO (2007-2012)

<sup>1</sup> Pendidikan tertiar bermakna program tahap kelayakan Diploma dan ke atas, atau menurut *International Standard Classification of Education (ISCED)* Tahap 5-Diploma, Diploma Lanjutan, Diploma Lepas Ijazah, Sijil Profesional, Sarjana Muda, Sarjana dan PhD. Pendidikan Tinggi merangkumi ISCED Tahap 3 dan ke atas, termasuk program tahap tertiar serta STPM, Matrikulasi, Asasi, Pra Diploma, Pra Universiti dan program Lepas Menengah Bukan Tertiari.

PAPARAN 1  
Ranking keseluruhan universiti di Malaysia




**Prestasi ranking universiti mengukuh di Asia, cemerlang dalam bidang tujahan peringkat global**

Pada masa ini, lima (5) buah universiti tempatan berada pada ranking 100 teratas di Asia. Universiti Malaya berada pada ranking 200 teratas di dunia (Paparan 1). Universiti Malaya juga merupakan universiti yang paling menonjol dalam kalangan negara-negara anggota OIC. Dari segi bidang pengkhususan, Universiti Sains Malaysia mencapai ranking ke-28 dalam *QS World University Rankings* dalam bidang sains alam sekitar. Empat (4) IPT lain mempunyai sekurang-kurangnya satu bidang khusus yang berada dalam ranking 100 teratas dunia (Paparan 2).

## PAPARAN 2

### Universiti di Malaysia antara 200 yang terbaik dalam beberapa bidang




- 50 terbaik bagi 1 bidang
- 51-100 terbaik bagi 10 bidang
- 101-150 terbaik bagi 5 bidang
- 151-200 terbaik bagi 3 bidang

SUMBER : QS World University Rankings by Subjects 2014

## Kerajaan komited terhadap pendidikan tinggi menerusi peruntukan dana yang tinggi berbanding negara lain

Sebagaimana sektor pendidikan asas, Kerajaan komited terhadap pendidikan tinggi. Ini dibuktikan menerusi jumlah peruntukan tahunan kepada pendidikan tinggi iaitu 7.7% daripada bajet tahunan Kerajaan (peruntukan kepada Kementerian Pendidikan bagi sektor pendidikan tinggi sahaja berjumlah 5.5%). Berdasarkan penanda aras UNESCO, peruntukan tertinggi adalah dalam kalangan negara maju di Asia (Hong Kong, Singapura, Korea Selatan, Jepun), negara jiran ASEAN (Indonesia, Thailand, Singapura), dan negara-negara lain yang setara dari segi KDNK per kapita (Chile, Mexico).

### PAPARAN 3 Ranking Malaysia dalam Laporan U21



SUMBER: Laporan Tahunan oleh Universitas 21, sebuah jaringan universiti penyelidikan pada abad ke-21 dengan 26 ahli yang mendaftarkan lebih 1.3 juta pelajar dan menggajikan lebih 220,000 staf. Indeks U21 membandingkan sistem pendidikan tinggi di 50 buah negara.

## Prestasi Malaysia setara dengan tahap pendapatan negara

Pada 2014, Universitas 21 Report telah meletakkan sistem pendidikan tinggi Malaysia pada ranking ke-28 daripada 50 buah negara. Universitas 21 Report melibatkan 50 buah negara yang dinilai berdasarkan empat (4) kategori: sumber, persekitaran, kesalinghubungan (*connectivity*) dan keberhasilan. Walau bagaimanapun, kedudukan Malaysia masih boleh terus dipertingkatkan disebabkan adanya peruntukan dana yang tinggi daripada Kerajaan (Malaysia berada pada tangga ke-12 dari segi sumber, tetapi ke-44 dari segi keberhasilan) (rujuk Paparan 3).

## Cabar dan harapan

Pihak majikan melaporkan bahawa sebahagian graduan tidak menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan berkomunikasi, serta kemahiran menguasai bahasa (terutamanya bahasa Inggeris). Di samping itu, kolaborasi yang lebih produktif boleh dijayakan antara akademia dan industri, terutamanya dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan. Kekangan belanjawan serta kenaikan kos pendidikan tinggi juga perlu ditangani menerusi peningkatan produktiviti dan keberkesanannya sistem pendidikan tinggi serta IPT supaya selari dengan kemampuan kewangan seluruh sistem.

### Kotak E-1

#### Ranking Universiti

Terdapat pelbagai jenis ranking universiti di dunia. Ranking yang paling biasa digunakan ialah *QS World University Rankings*, *Times Higher Education World University Rankings*, dan *Shanghai Academic Rankings of World Universities*. Ranking ini umumnya lebih menjurus kepada keberhasilan penyelidikan (contohnya, petikan bagi setiap fakulti, bilangan artikel dalam jurnal ternama). PPPM (PT) menggunakan ranking QS sebagai rujukan kerana memberikan perspektif yang lebih luas, dengan itu memberi Kementerian pemahaman yang lebih baik tentang trajektori sistem ini.

Ranking boleh digunakan sebagai kayu ukur dan penanda aras yang berguna untuk menentukan kekuatan sistem pendidikan dan cara untuk menambah baik sistem tersebut. Walau bagaimanapun, ranking tidak sepatahnya dilihat sebagai ukuran kualiti yang muktamad. Sebagaimana yang disebut terdahulu, ranking antarabangsa pada masa ini sangat menjurus kepada hasil penyelidikan. Hal ini bermakna bahawa faktor-faktor penting seperti kualiti pengajaran dan pembelajaran di institusi, atau keupayaannya untuk membantu pelajar yang kurang berasas baik tidak diambil kira. Oleh itu, ranking universiti dunia hanyalah salah satu daripada pengukur yang dipantau oleh Kementerian dalam usahanya bersama-sama IPT untuk meningkatkan pencapaian pelajar dan kebersihan institusi.

# Aspirasi Sistem

## PENDIDIKAN TINGGI

AKSES	KUALITI	EKUITI	PERPADUAN	KECEKAPAN
<b>70%</b> Kadar enrolmen pendidikan tinggi.	<b>25</b> teratas daripada 50 negara dalam ranking U21 dalam output penyelidikan.	Memastikan semua warga Malaysia mempunyai peluang pendidikan tinggi untuk memenuhi potensi mereka tanpa mengira latar belakang kaum atau sosioekonomi.	Kepelbagaian etnik di IPT menggambarkan kepelbagaian penduduk. Suatu metodologi baharu akan direka untuk mengukur kejayaan penyemaian perpaduan.	<b>25</b> teratas dalam ranking output U21.
<b>8%</b> Kadar enrolmen Sarjana dan PhD.	<b>250K</b> Pelajar antarabangsa di IPT dan sekolah.	<b>1</b> Universiti dalam ranking 25 teratas di Asia. <b>2</b> Universiti dalam ranking 100 teratas peringkat global. <b>4</b> Universiti dalam ranking 200 teratas peringkat global.		
<b>1.1M</b> Tempat baharu menjelang 2025 (terutamanya TVET, IPT swasta, dan pembelajaran dalam talian).				
<b>53%</b> Enrolmen pendidikan tertiari	<b>&gt;80%</b> Kebolehpasaran graduan	<b>Tiada</b> kekurangan perwakilan penduduk	<b>Perwakilan penuh</b> dari kumpulan etnik berbeza	<b>Kekalkan</b> perbelanjaan kerajaan setiap pelajar di institusi awam (Bertambah dengan inflasi)

## PENDIDIKAN PRASEKOLAH HINGGA LEPAS MENENGAH

100% ENROLMENT	NEGARA DALAM KELOMPOK SEPERTIGA TERATAS	50% PENGURANGAN	PERKONGSIAN PENGALAMAN DAN NILAI	MEMAKSIMUMKAN KEBERHASILAN MURID
Merentas semua peringkat pendidikan daripada prasekolah hingga menengah atas menjelang tahun 2020	Dalam pentaksiran antarabangsa seperti <b>TIMSS</b> dan <b>PISA</b> dalam tempoh 15 tahun	Dalam jurang pencapaian (bandar-luar bandar, sosioekonomi, gender) menjelang tahun 2020	Sistem pendidikan yang menawarkan <b>perkongsian pengalaman</b> dan <b>nilai</b> kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian	Sistem yang <b>memaksimumkan keberhasilan murid</b> mengikut peruntukan sedia ada

# Aspirasi Pelajar

Kementerian akan terus menjadikan Falsafah Pendidikan Negara sebagai asas kepada pendidikan seimbang untuk membangunkan aspirasi pelajar. Sistem pendidikan daripada peringkat prasekolah hingga pendidikan tinggi mempunyai misi yang sama dari segi hasil dan kepentingannya kepada setiap pelajar.

Kementerian memberi penekanan untuk mengimbangi antara ilmu dan akhlak. Aspirasi pelajar dalam PPPM mempunyai enam (6) atribut: etika dan kerohanian, kepemimpinan, jatidiri kebangsaan, penguasaan bahasa, kemahiran berfikir dan ilmu pengetahuan. Inilah juga enam (6) atribut bagi pelajar pada pendidikan tinggi.



**Etika &  
Kerohanian**



**Kemahiran  
Memimpin**



**Identiti  
Nasional**



**Kemahiran  
Bahasa**



**Kemahiran  
Berfikir**



**Pengetahuan**

## PENDIDIKAN TINGGI

Beretika dan bermoral, mempunyai kerohanian mautap, penyayang dan prihatin; menghayati pembangunan mampan dan gaya hidup sihat


Komunikator yang berkesan, cerdas emosi dan mampu berinteraksi merentas budaya; bertanggungjawab, berdaya saing, cekal dan yakin

Mempunyai jatidiri kebangsaan dan memahami aspirasi negara

Mahir dalam bahasa Melayu dan Inggeris, dan teruja untuk mempelajari satu (1) bahasa global tambahan

Menghayati pendapat yang pelbagai, berfikir secara kritisik dan inovatif, dan berkemahiran menyelesaikan masalah serta berciri keusahawanan

Menguasai bidang pilihan, mampu memanfaat, menghubungkan dan mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari, dan mampu menghargai kesenian, kebudayaan, serta sains, teknologi kejuruteraan dan matematik (STEM)



## PENDIDIKAN PRASEKOLAH HINGGA LEPAS MENENGAH

Mempunyai asas moral yang kukuh dan keberanian membuat keputusan yang betul

Mempunyai kemahiran berkomunikasi, berciri keusahawanan, cekal dan boleh memimpin serta bekerja secara berpasukan

Mempunyai jatidiri kebangsaan dan menghargai kepelbagaiannya

Menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan, dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa komunikasi antarabangsa

Bersikap ingin tahu dan inovatif, boleh mengaplikasi dan menjana pengetahuan bagi penyelesaian masalah

Menguasai mata pelajaran teras dan pengetahuan umum tentang dunia.

**AKHLAK**  
(Etika dan Moral)




**ILMU**  
(Pengetahuan dan Kemahiran)

# Sistem baharu pendidikan tinggi

Aspirasi Kementerian adalah untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang terbaik yang membolehkan Malaysia bersaing dalam ekonomi dunia. PPPM (PT) dirangka berdasarkan pencapaian semasa yang memerlukan perubahan besar dari segi sistem yang turut melibatkan peranan Kementerian untuk mencapai matlamat yang disasarkan. Secara khususnya, Kementerian bertujuan untuk:

- Menanam minda keusahawanan dalam seluruh sistem pendidikan tinggi, dan mewujudkan sistem pendidikan yang melahirkan graduan berciri keusahawanan, bukan hanya mencari kerja;
- Membangunkan sistem yang tidak hanya menumpu kepada laluan akademik biasa, tetapi turut memberi penekanan kepada laluan TVET;

- Memberikan tumpuan kepada keberhasilan, melebihi input, di samping menggunakan teknologi dan inovasi bagi memenuhi keperluan serta meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar;
- Mengharmonikan kawalselia antara IPT awam dan swasta, dan beralih daripada sistem tadbir urus berpusat ketika ini kepada model IPT yang mempunyai lebih autonomi dalam rangka kerja perundangan yang ditetapkan;
- Memastikan kemampunan kewangan bagi sistem pendidikan tinggi dengan mengurangkan kebergantungan pada sumber kerajaan, dan memastikan semua pihak berkepentingan turut memberi sumbangan.



# Apakah yang diperlukan untuk meningkatkan pendidikan tinggi ke tahap enrolmen antara tertinggi di ASEAN?

Kementerian meletakkan sasaran untuk meluaskan enrolmen pendidikan tinggi. Bentuk sebenar peluasan dari segi bilangan tempat pengajian dan profil program akan ditentukan secara kerjasama yang erat dengan industri untuk memastikan penawaran adalah sepadan dengan permintaan.

**2012**  
Tahap semasa 36%  
enrolmen tertiarai  
(1.4 juta pelajar<sup>3</sup>  
48% pendidikan tinggi)

PERTUMBUHAN  
TAHUNAN

IPT  
Swasta

455K

Universiti  
Awam

545K

Institusi  
TVET

KPM

114K

Selain KPM

134K

Institusi  
Kementerian  
lain<sup>4</sup>

172K

**2025**  
Tahap jangkaan 53%  
enrolmen tertiarai  
(2.5 juta pelajar<sup>3</sup>  
70% pendidikan tinggi)

5.1%

2.6%

7.8%

1.4%

867K

764K

301K

205K

867K

764K

# Impak transformasi

Transformasi sistem pendidikan tinggi akan memberi manfaat dan hak secara kolektif, serta memberi peranan yang bersesuaian kepada setiap pihak berkepentingan. Hal ini juga dilakukan dalam transformasi peringkat prasekolah hingga lepas menengah dalam PPPM.

## Pelajar akan...

...berpeluang mengikuti program yang lebih berkualiti yang berteraskan model pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) dan pembelajaran berasaskan teknologi (*technology enabled learning*) supaya lebih menarik dan mencabar;

...menjadi graduan berakh�ak dan berilmu yang siap siaga untuk menceburi pasaran kerja dan menghadapi kepelbagai dan cabaran abad ke-21;

...mempunyai banyak pilihan yang lebih baik – berasaskan model baharu pembelajaran seperti MOOC, persaingan sesama IPT, dan panduan tentang laluan pendidikan dan pilihan kerjaya;

...mendapat dana bagi membolehkan mereka mengikuti pengajian yang bersesuaian. Tambahan pula, para pelajar yang menerima pinjaman PTPTN hanya perlu membayar balik selepas mereka mendapat gaji yang bersesuaian; dan

...dapat menyambung semula pengajian pada masa yang sesuai sepanjang hayat menerusi pendidikan formal, bukan formal dan tidak formal, untuk memenuhi minat dan tuntutan kemajuan kerjaya.

Justeru, para pelajar perlu menghargai pelaburan terhadap masa depan mereka dengan merebut peluang yang ditawarkan sebaik mungkin untuk kemajuan diri secara holistik, seimbang dan berciri keusahawanan. Mereka juga diharap dapat mematuhi komitmen pembiayaan kewangan seperti membayar balik pinjaman, dan sedia berkhidmat setulusnya kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

# Komuniti akademik akan...

...mempunyai peluang dari segi laluan kerjaya yang berbezakan berdasarkan prestasi dalam bidang pengajaran, penyelidikan, dan kepimpinan institusi. Para pengamal profesional juga diberi ruang memberi sumbangan dan berkongsi kepakaran dalam pendidikan tinggi;

...mendapat kemudahan yang diperlukan untuk melaksanakan peranan baharu ini menerusi program pembangunan profesional yang khusus – termasuk program mobiliti industri dan rentas institusi serta pembangunan kepemimpinan;

...mendapat hak membuat keputusan yang lebih luas dalam bidang kurikulum, pentadbiran kewangan dan pengurusan bakat, supaya IPT lebih berautonomi menghadapi persekitaran sejagat; dan

...mendapat manfaat kolaborasi dengan industri serta komuniti tempatan dan antarabangsa, melalui model kerjasama inovatif untuk pembiayaan, pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan.

Justeru, komuniti akademik perlu bersedia menghadapi perubahan dari segi kaedah bekerja, dan berkolaborasi dengan pelbagai pihak menjayakan proses transformasi. Mereka juga perlu menjadi model kepada pelajar tentang ciri-ciri holistik, keusahawanan dan pemikiran seimbang, nilai murni dan perilaku mulia seperti yang diharapkan.

## Pemimpin IPT akan...

...diberi hak membuat keputusan yang lebih besar di IPT awam selepas proses pemberian autonomi untuk mempertingkat kelancaran dalam menghadapi cabaran persekitaran sejagat;

...mendapat perkhidmatan dengan proses yang dipermudahkan untuk mematuhi peraturan dan kawal selia menerusi penghapusan prosedur yang tidak sesuai, pengharmonian standard dan keperluan, dan penetapan sasaran yang jelas kepada IPT awam dan swasta;

...mendapat manfaat menerusi pendekatan khusus, serta pengiktirafan dan insentif terhadap pencapaian sesebuah institusi, dan garis panduan tentang perkara penting seperti tadbir urus dan pembangunan bakat menerusi buku panduan (*playbooks*) dan perkongsian amalan terbaik; dan

...dapat memberikan tumpuan kepada perkara utama melalui sistem pengurusan prestasi dan jaminan kualiti yang memberi tumpuan kepada keberhasilan (*outcome*), berbanding input dan proses.

Justeru, pemimpin IPT perlu menjalankan tanggungjawab sebagai peneraju transformasi. Mereka adalah pemimpin institusi yang menggerakkan semua pihak menjadikan visi suatu realiti, di samping menjadi teladan dari segi pemikiran, nilai dan tingkah laku seperti yang diharapkan oleh komuniti IPT.

# Industri akan...

**...mendapat bakat yang berilmu, dipacu nilai yang lebih bersedia** dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran, perilaku, sikap dan pemikiran yang bersesuaian dengan keperluan industri;

**...bekerjasama dengan Kementerian dan IPT** untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi serta bersama-sama membangunkan penyelesaian termaju dan terkini selari dengan keperluan industri atau pasaran;

**...mendapat lebih faedah daripada IPT** menerusi pembelajaran sepanjang hayat untuk kakitangan industri, dan mendapat lebih peluang serta pilihan dalam meningkatkan kemahiran dan keupayaan warga kerja sedia ada; dan

**...mendapat manfaat menerusi perkhidmatan yang cekap dan berkualiti** daripada Kementerian dan IPT, terutamanya tentang akses kepada graduan yang berkelayakan.

Justeru, industri perlu bekerjasama dengan lebih erat dengan warga pendidikan tinggi dalam transformasi ini. Pihak industri juga boleh menyumbang dalam seluruh rantai nilai pendidikan dan inovasi, daripada penyediaan dan penyampaian kurikulum, pendanaan dan penempatan graduan serta penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan.

# Pegawai Kementerian akan...

**...dapat memberi tumpuan kepada peranan baharu Kementerian sebagai pembuat dasar dan pengawal selia dalam pendidikan tinggi, dengan menentukan aktiviti utama seterusnya mengurangkan birokrasi dan pengurusan mikro terhadap IPT;**

**...mempunyai autonomi lebih besar dan hak membuat keputusan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesan fungsi Kementerian, terutamanya perkhidmatan urusan berkaitan kemasukan pelajar dan kewangan;**

**...mendapat sokongan khusus menerusi pembangunan profesional dan sumber yang diperlukan bagi mempelajari kemahiran baharu untuk menjayakan peranan dan tanggungjawab baharu;**

**...bekerja dalam persekitaran yang kolaboratif dan telus.** Silo antara bahagian akan dihapuskan. Peranan dan tanggungjawab baharu akan diperjelas serta dikemaskan untuk menghapuskan fungsi dan aktiviti yang bertindan.

Justeru, pegawai Kementerian perlu responsif menerima maklum balas daripada IPT, industri dan pihak awam. Mereka juga perlu memberi tumpuan kepada hasil dan bukan terikat kepada proses birokrasi dan input semata-mata, dan menjadi teladan kepada perubahan sistem.

# Nota

# Nota



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JOM IKUTI

MEDIA SOSIAL RASMI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



Imbas Kod QR



No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5  
62200 Wilayah Persekutuan Putrajaya